

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 38**

**Isnin**

**30 Oktober 2017**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman 29)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 28)
Anggaran Pembangunan 2018	(Halaman 29)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA  
Isnin, 30 Oktober 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah hasil lawatan kerja Perdana Menteri ke Amerika Syarikat pada September lalu dan apakah kejayaan yang telah dicapai melalui lawatan tersebut.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Simpang Renggam pada 30 Oktober; Yang Berhormat Ketereh pada 8 November; Yang Berhormat Tenom pada 13 November; Yang Berhormat Ipoh Timur pada 14 November; Yang Berhormat Kota Tinggi pada 16 November; Yang Berhormat Dungun pada 20 November; Yang Berhormat Kerian pada 21 November; dan Yang Berhormat Paya Besar pada 29 November yang bertanyakan soalan berkaitan perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat telah terjalin sejak tahun 1957. Malaysia dan Amerika Syarikat mempunyai hubungan dua hala yang mesra serta telah menjalinkan kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang. Hubungan yang baik ini telah dipertingkatkan ke tahap perkongsian komprehensif atau *comprehensive partnership* sejak tahun 2014 dalam pelbagai bidang kerjasama utama seperti politik, ekonomi, keselamatan, pertahanan dan sebagainya. Selain itu untuk makluman Ahli Dewan juga, Amerika Syarikat merupakan rakan dagang ketiga terbesar bagi Malaysia bagi tahun 2016 dengan jumlah dagangan sebanyak RM135.9 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan kerja saya ke Amerika Syarikat adalah di atas jemputan Presiden Donald Trump dan telah berjalan dengan jayanya. Lawatan ini telah meningkat dan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala Malaysia-Amerika Syarikat baik daripada segi politik, ekonomi serta kerjasama dengan Amerika Syarikat di peringkat antarabangsa. Pelbagai bidang kerjasama dua hala telah dibincangkan terutama dalam

bidang perdagangan dan pelaburan, keselamatan serta tindakan-tindakan bagi membanteras keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, aspek hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala merupakan salah satu komponen utama lawatan saya ke Amerika Syarikat. Aspek ini dititikberatkan memandangkan pentadbiran Amerika Syarikat yang diketuai oleh Presiden Donald Trump dilihat mempunyai pandangan berbeza berhubung dasar ekonomi perdagangan dan pelaburan yang diamalkan oleh pentadbiran Amerika Syarikat sebelum ini.

Antara pendirian-pendirian utama Presiden Trump yang dilihat boleh beri impak kepada Malaysia adalah seperti berikut: kepercayaan bahawa defisit perdagangan yang dihadapi oleh Amerika Syarikat semakin bertambah sejak tahun 1975, dan keinginan Amerika Syarikat untuk memastikan *level playing field* atau kesamarataan dalam urusan perdagangan dan pelaburan.

Dengan ketidaktentuan dan peralihan dasar perdagangan dan pelaburan Amerika Syarikat ini, Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan *value proposition* kepada Amerika Syarikat melalui peningkatan pelaburan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Berhad dan kerjasama antara Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan *The Boeing Company*.

Malaysia merupakan negara yang kompetitif dan mampu untuk melabur di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat. Kelebihan Malaysia ini telah saya jelaskan sewaktu pertemuan saya dengan Presiden Trump. Untuk makluman Dewan ini, pelaburan oleh KWSP di Amerika Syarikat pada ketika ini sebanyak USD6 bilion, dan KWSP telah bercadang untuk menambah pelaburan di antara USD3 bilion hingga USD4 bilion. Jumlah ini hanya 17 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan KWSP di luar negara.

Untuk makluman Ahli Dewan juga, pelaburan KWSP di luar negara bermula sejak tahun 2008 lagi. Setakat Jun 2017, pelaburan luar negara KWSP iaitu 29 daripada jumlah keseluruhan pelaburan kumpulan tersebut telah menyumbang kepada 32.5 peratus pada keseluruhan pendapatan KWSP pada suku kedua 2017. Ini jelas menunjukkan walaupun portfolio pelaburan tersebut kurang dari 30 peratus yang merupakan satu keputusan pelaburan yang telah memberi keuntungan yang signifikan kepada KWSP.

Rakyat Malaysia yang mencarum dengan KWSP sudah tentunya akan menikmati keuntungan daripada pelaburan KWSP tersebut dalam bentuk dividen yang lebih tinggi berbanding dengan sekiranya KWSP hanya melabur di dalam negara yang pasarannya terhad.

Selain dari itu, Khazanah pula memiliki pelaburan bernilai USD400 juta dalam syarikat berteknologi tinggi di *Silicon Valley* yang sedang meneliti beberapa pelaburan baru dalam usaha meningkatkan dana pelaburan di negara tersebut.

**■1010**

Tuan Yang di-Pertua, perlu ditegaskan bahawa keputusan untuk membeli pesawat *Boeing* telah dibuat oleh pihak pengurusan MAB, *Boeing* serta Lembaga Pengarah tanpa campur tangan politik sama sekali. Perkara ini telah dijelaskan oleh mantan Ketua Pegawai Eksekutif MAB, Encik Peter Bellew baru-baru ini. Pemeteraian MoU di antara MAB dan *Boeing* dengan pembelian pesawat-pesawat baru dan penyelenggaraan pesawat merupakan pelaburan jangka panjang MAB, dan ia adalah sejajar dengan Pelan Transformasi MAB. Saya percaya dengan pelaburan ini, MAB akan dapat memperkukuhkan kedudukan syarikat penerbangan nasional yang secara tidak langsung akan menyumbang ke arah mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan berkaitan industri penerbangan, pembuatan dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah amat penting supaya Malaysia dipandang secara adil atau *fair* oleh Amerika Syarikat dalam usaha pentadbiran Presiden Trump untuk merencanakan polisi ataupun dasar ekonomi perdagangan dan pelaburan Amerika Syarikat. Ini adalah kerana Amerika Syarikat merupakan kuasa ekonomi terbesar dunia. Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan perdagangan terbuka, tidak dapat tidak, akan terkesan sekiranya Amerika Syarikat mengamalkan sikap *trade protectionists* yang akan menyukarkan akses pasaran ke negara tersebut. Selain daripada itu, sejajar dengan sentimen Amerika Syarikat seperti yang telah saya nyatakan tadi, Malaysia perlu mengambil peluang untuk memperkukuhkan hubungan yang lebih holistik dengan Amerika Syarikat melalui peningkatan pelaburan sedia ada.

Pelaburan jangka panjang ini bukan satu perkara yang baru. Malah peningkatan jumlah pelaburan Malaysia di Amerika Syarikat dijangka akan memberi pulangan yang memberangsangkan kepada negara Malaysia. Justeru, tindakan sesetengah pihak yang sengaja menyalahertikan *strengthening the US economy* dengan niat untuk memperlekeh usaha kerajaan amatlah mendukacitakan. Hakikatnya, sebarang keputusan dibuat oleh kerajaan adalah untuk kebaikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan TPPA iaitu *Trans Pacific Partnership Agreement*, saya dan rombongan Malaysia telah mengadakan sesi dialog bersama-sama Ahli Kongres Amerika Syarikat, telah menyarankan agar negara tersebut kekal bersama ahli TPPA yang lain untuk menjayakan perjanjian ini. Sekiranya perkara ini tidak berhasil, saya telah mencadangkan agar modul TPPA ini digunakan sebagai rangka kepada perjanjian perdagangan dua hala seperti FTA atau Perjanjian Perdagangan Bebas- *Free Trade Agreement*, antara Malaysia dan Amerika Syarikat yang telah tertunda sejak 2008.

Untuk makluman Dewan, walaupun Amerika Syarikat telah menarik diri daripada TPPA, Malaysia dan Amerika Syarikat telah memberikan komitmen untuk meneruskan dialog dua hala bagi membincangkan isu-isu perdagangan dan pelaburan menerusi Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan atau *Trade and Investment Framework Agreement* atau TIFA.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada membincangkan kerjasama dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat, beberapa isu antarabangsa telah turut dibincangkan dengan Presiden Trump. Antaranya adalah situasi di Semenanjung Korea, penindasan terhadap etnik Rohingya di Myanmar, dan isu-isu berkenaan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keadaan di Semenanjung Korea, kedua-dua negara telah menyuarakan kebimbangan di atas keselamatan dan keamanan di Rantau Asia Pasifik yang diancam oleh tindakan Korea Utara yang menjalankan program ujian nuklear dan ujian peluru berpandu balistik. Saya telah menyatakan bahawa Malaysia telah mengambil langkah untuk mematuhi kesemua resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan dengan ancaman Korea Utara. Antaranya untuk mengurangkan bilangan pegawai diplomatik Korea Utara. Malaysia juga sedang mempertimbangkan hubungan dengan Korea Utara daripada aspek termasuk hubungan diplomatik, politik dan ekonomi. Malaysia sedang mempertimbangkan untuk menutup Kedutaan Besar Malaysia di Pyongyang dan memindahkan akreditasi dari Beijing. Malaysia juga kini telah memperkenalkan visa untuk kemasukan warganegara Korea Utara ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat tidak dapat dipisahkan dengan keselamatan pelaburan dan ekonomi, memandangkan kedua-dua negara sudah menjadi rakan strategik sejak berpuluh tahun yang lalu. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita akan berusaha sedaya upaya untuk menarik seramai boleh pelabur asing ke negara ini dan pada masa yang sama, meluaskan lagi pelaburan di luar negara untuk manfaat negara dan Malaysia. Hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat tidak boleh dinilai daripada segi *trade figure* sahaja. Hubungan ini perlu dilihat daripada pelbagai aspek yang melangkaui batas ekonomi dan pelaburan. Hubungan diplomasi yang baik haruslah bersifat lebih holistik serta mencakupi aspek keselamatan serantau, *people's people* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menjelaskan di dalam Dewan ini bahawa isu orang pelarian Rohingya, penindasan terhadap mereka, saya telah ketengahkan secara spesifik dan jelas... [Tepuk] Dan perkara ini telah disambut baik oleh Presiden Trump. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini dalam *communique* asal, tidak disebut isu Rohingya tetapi bila saya minta, Presiden Trump bersetuju dan *communique* daripada *White House* itu... [Tepuk] Telah memasukkan isu penindasan *ethnic cleansing* terhadap orang Rohingya dan ini salah satu kejayaan Malaysia. Maknanya, Malaysia ada pengaruh di pentas persada antarabangsa, hatta dengan kuasa-kuasa besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, layanan istimewa yang diterima oleh saya dan rombongan Malaysia oleh Presiden Trump dan Ahli-ahli Kabinet merupakan satu manifestasi keakraban persahabatan yang terjalin antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Kesungguhan Amerika Syarikat untuk memahami situasi dan tindakan telah diambil oleh Malaysia dalam pelbagai isu antarabangsa menunjukkan bahawa kita mempunyai

keupayaan untuk mengetengahkan isu-isu berkepentingan bersama dengan kuasa-kuasa besar dunia.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang komprehensif dan jelas menunjukkan kejayaan lawatan kerja ke Amerika Syarikat baru-baru ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri... [Tepuk] Atas kejayaan menjalinkan hubungan luar yang baik dengan semua negara, terutamanya Amerika Syarikat, China dan Arab Saudi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat ada menjawab mengenai Rohingya. Saya nak bertanya, semasa pertemuan bersama Presiden Trump, apakah yang telah dibincangkan tentang isu Rakhine dan bantuan pelarian Rohingya? Jawapan tadi juga pun jelas, ada jawapan tetapi media sosial ataupun pembangkang huru-hara kata, ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri wayang sahaja. Saya mahu bertanya, adakah *middleman* atur perjumpaan dengan Presiden Donald Trump ini?

Soalan ketiga, adakah dan apakah antara persefahaman dan hasil pelaburan dan perdagangan dua hala yang dicapai, terutamanya oleh sektor swasta Amerika Syarikat dalam lawatan kerja tersebut? Pada masa yang sama, adakah pencapaian pelaburan dan perdagangan dua hala tersebut dapat membantu dalam mengukuhkan nilai mata wang Ringgit Malaysia? Sekian.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin jelaskan bahawa sejak isu ini diperjelaskan oleh Malaysia dalam pertemuan tersebut, selain daripada kenyataan dalam *communiqué* yang disebut tentang isu *ethnic cleansing* dan bantahan Amerika terhadap *ethnic cleansing* tersebut, Amerika telah pun mengumumkan bantuan kemanusiaan sebanyak USD32 *million* dan yang terbaru, mereka telah memutuskan hubungan bantuan ketenteraan kepada tentera Myanmar. Kejayaan-kejayaan ini adalah bertitik tolak daripada usaha yang dilakukan oleh Malaysia dan juga pihak-pihak yang lain.

#### ■1020

Saya menjangkakan bahawa dengan langkah-langkah ini bahawa dalam masa jangka sederhana dan jangka panjang, kita akan melihat kepada peningkatan hubungan ekonomi, penambahan pelaburan dan sebagainya. Jadi inilah antara kejayaan-kejayaan yang kita akan kecapai apabila kita ada hubungan yang baik dengan negara-negara dan kuasa-kuasa besar tidak terkecuali- maknanya bukan sahaja Amerika Syarikat tetapi semua kuasa-kuasa besar, kita memang mempunyai hubungan yang baik.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menjawab. Saya ingin bertanya soalan tambahan saya.

Memandangkan di rantau ini, Malaysia, China dan US dalam erti kata dasar luar negara kita, apakah Malaysia ini telah menukar daripada neutral, dengan izin, kepada

*hedging* kepada Amerika? Kalau kita lihat di Laut China Selatan- dan juga saya nak tanya, kenapa dengan ada liputan yang tidak begitu baik dalam media antarabangsa di UK dan US, dan bagaimana kita nak melihat kalau dibandingkan dengan Perdana Menteri jiran kita yang juga pergi membeli *Boeing*, ia ditempatkan di *Blair House* sebagai tetamu negara, tetapi kenapakah rombongan Yang Amat Berhormat terpaksa duduk di *Trump International Hotel*? Apakah kita- rakyat juga membiayai penginapan tersebut? Terima kasih... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita bukan menukar dasar luar negara kita. Dasar luar negara kita memang berasas kepada soal prinsip, *fundamental principal* dan kita tidak ubah ikut pada keadaan dan kepada situasi... [Tepuk]

Kita tidak buat *U-turn*, Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk] Ada pihak lain suka buat *U-turn*, *U-turn*, dan *U-turn*. Dulu tidak setuju, sekarang setuju. Dulu setuju, sekarang tidak setuju. Jadi ini biasanya dibuat oleh pihak pembangkang tetapi kita konsisten, Tuan Yang di-Pertua. Boleh semak dasar luar negara kita, dasar nasional kita, istiqamah, konsisten sepanjang masa... [Tepuk] Walaupun apa jua keadaan, kita tetap mempertahankan prinsip kedaulatan negara kita dan kepentingan nasional kita.

Tentang soalan-soalan itu, terlalu remeh sebenarnya. Walaupun saya tidak duduk di *Blair House* tapi saya ada jemputan main golf dengan Presiden Trump. Presiden Trump hantar saya sampai ke kereta. Jadi, kita tidak payahlah sebut-sebut benda ini. Ini bukan soal dasar. Kita nak pentingkan soal dasar. Soal dasar ini kita tetap mendapat penghormatan yang tinggi daripada pentadbiran Amerika Syarikat... [Tepuk]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang. Sebenarnya jemputan daripada seorang pemimpin kuasa besar adalah satu penghormatan dan pengiktirafan kepada negara kita dan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Amerika adalah sebenarnya rakan dagang kita yang cukup-terpenting sekali, dan kita telah mencatat satu lebih dagang yang cukup ketara sekali.

Pada tahun 2015 dan tahun 2016, kita telah eksport kepada Amerika sebanyak-ataupun *trade surplus* kita sebanyak USD21.7 bilion, dan juga USD24.8 bilion pada tahun 2015 dan 2016. Pada tujuh bulan pertama tahun 2017, kita telah mencatatkan *trade surplus* kita, makna kita telah menjual kepada Amerika berlebihan sebanyak, kita beli pada dia USD7.8 bilion, selepas itu kita eksport kepada mereka sebanyak USD21 bilion. Makna *trade surplus* kita sebanyak USD13.2 bilion.

Malaysia telah dikenal pasti sebagai salah sebuah negara daripada 16 buah negara yang telah mencatatkan *trade surplus* dan dikenal pasti sebagai *possible trade cheats* oleh Amerika, dan pejabat Presiden telah menandatangani satu notis kepada

negara-negara tersebut, dan akan mengenakan *anti-dumping policy* dan juga *penalties* kepada negara-negara tersebut.

Jadi atas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu, adakah perkara ini dibincangkan supaya tidak dikenakan penalti tersebut yang mungkin membebaskan pengeksport-pengeksport kita dan menyebabkan barangan kita akan lebih mahal memandangkan Malaysia masih lagi belum menandatangani FTA? Saya menyambut baik apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membincangkan tentang *the possibilities of TPPA*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan, saya nak jelaskan bahawa jemputan Presiden Trump ini dibuat atas urusan kerajaan dan saya tidak perlu membayar apa-apa untuk jemputan tersebut. Pendahulu saya telah melakukan perkara tersebut untuk mendapatkan jemputan daripada Presiden Bush. Jadi kita tidak mengamalkan kaedah itu dan pendahulu saya diterima oleh pembangkang sekarang ini. Baguslah itu.

Saya nak beritahu bahawa dari segi hubungan *trade* atau perdagangan dengan Amerika Syarikat, kita telah jelaskan bahawa angka Malaysia, surplus kita ini dalam lingkungan USD5 bilion. Amerika punya *figure* USD25 bilion. Bezanya, Amerika Syarikat ambil kira segala-gala *intermediate item* yang kita eksport kepada negara yang ketiga dan dikira sebagai eksport daripada Malaysia. Ini kita kira tidak berapa adil. Misalnya, kalau *Intel* eksport ke Vietnam dan daripada Vietnam, *Intel Vietnam* eksport ke negara Amerika Syarikat, itu dikira sebagai eksport Malaysia. Jadi, sebab itulah angka Amerika Syarikat itu tinggi berbanding dengan Malaysia. Jadi kita sudah jelaskan bahawa ini sepatutnya tidak diambil kira dan mudah-mudahan usaha ini dapat meyakinkan Amerika bahawa kita mengamalkan sistem perdagangan yang bebas dan juga adil.

**2. Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, berapakah jumlah pelajar sekolah yang ditangkap kerana terlibat dalam aktiviti gangsterisme dari tahun 2010 hingga September 2017 dan apakah tindakan kerajaan menanganinya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Sahsiah Diri Murid, jumlah murid yang direkodkan terlibat dengan salah laku gengsterisme dari tahun 2012 masih lagi terkawal. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

Tahun	Peratus (%)
2014	0.002
2015	0.001
2016	0.002
2017 (Sehingga 13 Oktober)	0.002

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam membendung gengsterisme melibatkan murid-murid di sekolah. Kes-kes yang terlibat telah diambil tindakan sewajarnya sama ada peringkat sekolah mahupun pihak mahkamah melalui Polis Diraja Malaysia.

Sejak dahulu, Kementerian Pendidikan Malaysia serius menangani gengsterisme dan buli termasuk buli siber melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan kerjasama padu dengan semua pihak yang berkepentingan serta bersedia membantu agensi berkaitan memantapkan perundangan berkaitan kes juvenil di luar sekolah. Pihak sekolah telah diberi peringatan melalui surat-surat pekeliling dan garis panduan mencegah serta menangani disiplin dalam kalangan murid. Pelbagai program kesedaran gejala gengsterisme dan buli dilaksanakan secara bersepadu dalam kurikulum, ko-kurikulum dan pembinaan sahsiah.

#### ■1030

Murid turut dilibatkan menjadi Pembimbing Rakan Sebaya melalui Kelab Pakaian Beruniform dan Kelab Pencegahan Jenayah Sekolah. Sebagai langkah pengukuhan, buku panduan pengurusan menangani buli di sekolah telah diulang cetak pada tahun 2014 untuk edaran dan panduan pihak sekolah. Pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah melibatkan Pejabat Pendidikan Daerah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini ada kaitan dengan gejala yang sedang kita hadapi hari ini di mana kita telah mendengar isu-isu yang berkaitan dengan bagaimana gengsterisme ini bukan sahaja bergerak di peringkat teratas seperti isu yang kita dengar 9 Dragon dan sebagainya termasuklah *group-group* ataupun gengster yang bergerak dalam kelompok 04, 08 dan sebagainya. Apa yang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah gengsterisme boleh berlaku di sekolah adalah kerana pihak pelajar membayar satu amaun *fees* kepada abang-abang long di luar ini dan apabila mereka melakukan apa sahaja di sekolah, maka mereka akan *discover* oleh kelompok-kelompok yang di luar ini.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, saya tahu Kementerian Pendidikan hanya jadi mangsa kepada satu suasana di luar yang lebih *complicated*. Jadi saya ingin bertanya apakah penyelarasan yang dibuat dengan pihak polis, dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain kerana saya kira gengsterisme di sekolah termasuk buli tidak akan berlaku melainkan faktor-faktor pelbagai seperti kemiskinan, keluarga yang berpecah belah dan seperti gengsterisme yang menyusup masuk melalui abang long-abang long yang minta mereka bayar *fees*, kemudian dia akan *protect* atau *cover up* dan sebagainya.

Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan di Dewan ini satu usaha yang lebih holistik dan lebih penting pada itu ialah kadar *success rate* dengan program yang telah diadakan. Ini kerana saya kluatir kalau mereka bermula di sekolah gengsterisme ini, maka tidak hairan 9 Dragon dan lain-lain boleh kuasai negara ini. Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Terima kasih juga kerana bersimpati dengan warga Kementerian Pendidikan Malaysia. Memang benar, ada kalanya kita menjadi mangsa, kebanyakan masa kita menjadi mangsa dengan keadaan yang berlaku di luar kawasan sekolah. Seperti mana saya maklumkan sebentar tadi, Kementerian Pendidikan Malaysia memang konsisten dalam melaksanakan tanggungjawab kita untuk memastikan gejala-gejala gengsterisme ini yang mana ada penglibatan orang luar. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia mengikut konsep NBOS telah mewujudkan persefahaman dengan Polis Diraja Malaysia.

Pihak PDRM memberi kerjasama sepenuhnya. Sekarang kita ada Pegawai Penasihat Sekolah (PPS) yang ditempatkan di semua sekolah di seluruh Malaysia, 10 ribu sekolah. Pegawai-pegawai polis ini selain daripada memberi nasihat dan kaunseling, akan turun ke sekolah dari semasa ke semasa untuk memantau keadaan. Pada masa yang sama Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga yang mempengerusikan Majlis Sosial Negara yang mana Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga bersama-sama untuk melihat apa lagi kaedah-kaedah yang kita dapat laksanakan.

Yang Berhormat, masalah ini bukan saja masalah Kementerian Pendidikan Malaysia, masalah ini masalah rakyat. Kita bersedia bekerjasama dengan siapa sahaja untuk mengatasi masalah ini. Maklumat yang saya bagi sebentar tadi 0.002 peratus ini, kita hendak kosong, sifar, tidak mahu isu gengsterisme sama sekali dalam kawasan sekolah. Akan tetapi kebanyakan isu-isu gengsterisme ini berlaku di luar kawasan sekolah dan apabila rakyat melihat keadaan itu, mereka pun tidak apa, bukan anak saya, peduli apa. Tidak boleh macam itu. Laporan harus dibuat, harus di maklum kepada pihak-pihak berkenaan dan bersama-sama kita boleh mengatasi masalah seperti mana yang saya kata tadi. Dia mula daripada isu buli.

Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun mencetak buku ini... *[Menunjukkan sebuah buku]* Dan diedarkan kepada semua sekolah di seluruh Malaysia dan mereka mengamalkan segala pemantauan. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat kerana sudi membangkitkan isu ini dan kita di Kementerian Pendidikan Malaysia terbuka, kita sedia mendengar cadangan-cadangan yang mana kita boleh mengurangkan lagi sampai kosong peratus isu gengsterisme di sekolah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pendapat saya pelajar yang terlibat dalam kes buli perlu dikenakan hukuman keras supaya kejadian tersebut tidak berulang. Hukuman yang dikenakan sekarang tidak dapat membendung kejadian buli di sekolah daripada terus berlaku. Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang tegas yang diambil oleh kementerian untuk mencegah kes buli di sekolah? Dan adakah hukuman setakat buang sekolah cukup untuk kes buli? Adakah terdapat kes-kes berkaitan gengsterisme yang disembunyikan oleh pihak sekolah bagi reputasi. Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sik. Bab sekolah menyembunyikan fakta ini tidak boleh berlaku dan Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengambil tindakan terhadap pengurusan sekolah sekiranya didapati pihak pengurusan sekolah menyembunyikan kes-kes gengsterisme ini. Kalau ada lagi dengan kenyataan ini saya harap pengurusan sekolah akan dapat membuat laporan sekiranya ada isu-isu gengsterisme kerana apabila kita mendapat tahu sekiranya sekolah menyembunyikan perkara ini, maka tindakan akan diambil terhadap pengurusan sekolah.

Sebab apa yang kita buat terhadap mereka yang terlibat dalam isu-isu gengsterisme dan buli. Tuan Yang di-Pertua, kita ada *standard operating procedure* yang mana akan memberi amaran bertulis, kita akan beri pelajar itu kaunseling dan sebagainya. Akan tetapi sekiranya sampai tahap yang terakhir, yang mana kita tidak mahu melakukannya lah, ialah pembuangan sekolah. Ya, kita ada buang sekolah pelajar-pelajar ini yang bermasalah. Pada tahun ini saja, 442 pelajar dibuang sekolah tetapi itu bukan hasrat kita sebenarnya. Kita hendak memberi pendidikan kepada semua rakyat Malaysia, *education for all*.

Dalam masa kita membuang anak itu daripada sekolah, kita juga masih mewujudkan peluang kerana dalam surat pembuangan sekolah itu kita nyatakan rayuan masih boleh diberi kepada kita dalam masa tempoh 30 hari, kerana kita hendak beri pengajaran kepada anak murid ini supaya jangan terlibat diri dalam isu-isu gengsterisme ataupun buli. Bukan kita hendak menghancurkan masa depan anak itu, bukan hasrat Kementerian Pendidikan untuk menghancurkan masa depan anak, sesiapa pun, tetapi kita hendak beri dia peluang kedua.

Malah, pelajar-pelajar yang bermasalah, walaupun dibuang sekolah dalam masa tempoh 30 hari boleh membuat rayuan kepada PPD ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mencari kaedah yang lain bagaimana anak ini boleh sambung belajar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sik.

**3. Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan akan mengkaji semula program membanteras jenayah buang daerah yang nampaknya tidak berkesan sama sekali memberi pengajaran kepada para penjenayah yang terlibat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang berbentuk pencegahan seperti Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 telah digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang yang digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk menafikan hak asasi manusia yang telah diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 5 berkenaan dengan kebebasan diri, Perkara 9 berkenaan dengan larangan buang negeri dan kebebasan bergerak. Perkara 10 berkenaan dengan kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan atau Perkara 13 yang berkenaan dengan hak terhadap harta Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, elemen buang daerah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Lubok Antu bukanlah sesuatu perkara yang asing bagi undang-undang yang berbentuk pencegahan. Tuan Yang di-Pertua, individu-individu yang dibuang daerah ini atau dalam istilah sebenarnya pengawasan polis bagi Akta Pencegahan Jenayah 1959, maka bagi Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 pula, namanya orang sekatan bukanlah diabaikan oleh pihak kerajaan. Sebenarnya orang-orang yang diletakkan di bawah pengawasan polis ini akan dipantau oleh Ketua Polis Balai iaitu OCS dan dibantu untuk mendapatkan pekerjaan mengikut kesesuaian kemahiran yang dimiliki oleh mereka.

■1040

Malah, orang-orang yang dikenakan pengawasan polis dan sekatan ini juga turut diberikan peluang untuk mendapatkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi membantu keluarga mereka sekiranya berkelayakan.

Antara bantuan yang boleh dimohon oleh mereka adalah bantuan seperti bantuan untuk anak-anak yang masih bersekolah, bantuan anak-anak yang kurang upaya, bantuan bagi orang tua, warga emas yang kehilangan mata pencarian akibat penahanan anaknya serta lain-lain bantuan yang bersesuaian. Pihak JKM akan menilai kelayakan pemohon terlebih dahulu dan akan memproses permohonan mengikut kelayakan mereka.

Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri juga mengadakan program perjumpaan bagi orang-orang yang dikenakan pengawasan polis dan sekatan ini melalui program temu seru- *outreach*, orang sekatan. Program yang dijalankan mengikut negeri ini turut melibatkan Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Antidadah Kebangsaan dan juga Pejabat Kesihatan Daerah.

Menerusi program ini, semua orang pengawasan polis dan sekatan akan diberikan kaunseling secara berkumpulan, taklimat berhubung dengan peluang kerja yang boleh didapati di kawasan mereka yang disekat, penerangan berhubung perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh orang sekatan, pemeriksaan kesihatan serta program motivasi oleh mereka yang pernah terlibat dalam kes jenayah yang kini telah pulih sepenuhnya dan berjaya dalam hidup. Kesemua program ini bertujuan untuk memulihkan dan mempersiapkan mereka agar dapat kembali kepada masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penerangan saya sebentar tadi, pendekatan buang daerah ini masih relevan untuk dikekalkan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus mengkaji untuk menambah baik pengisian program ke atas orang-orang yang dibuang daerah ini agar terus relevan dengan perkembangan semasa.

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri. Dulu tidak pernah didengar kes-kes penagih dadah di kawasan pekan kecil seperti di Lubok Antu. Sejak kes pembuangan jenayah atau buang daerah jenayah ini di kawasan tersebut, sekarang ada berlaku kes pengedar dadah di Lubok Antu. Baru-baru ini penjenayah tersebut telah ditangkap oleh polis kerana mengedar dadah. Begitu juga kes judi haram. Sejak mereka dibuang daerah di kawasan-kawasan kecil, pekan-pekan kecil seperti Engkilili dan Lubok Antu, mereka mulakan kegiatan jenayah seperti judi haram semakin menjadi-jadi di kawasan tersebut. Saya tidak nampak langsung program buang daerah ini telah menjadi pengajaran kepada penjenayah-penjenayah lampau ini.

Soalan saya, adakah kerajaan boleh memilih menyediakan pusat-pusat latihan untuk mereka mendapatkan cara mencari rezeki lebih halal.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan ini adalah soalan unik yang jarang ditanya oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya tidak adil kalau kita menyalahkan orang yang disekat kerana masalah jenayah yang berlaku di kawasan yang mereka disekat. Saya faham di Lubok Antu ini kawasan terpencil, tidak pernah ada insiden dadah yang serius ataupun *online gambling* tetapi sekarang ini dia berada. Akan tetapi saya hendak menafikan bahawa ia disebabkan oleh orang sekatan yang dibuang ke Daerah Lubok Antu.

Saya telah menyebut tadi dalam jawapan saya, segala usaha dibuat untuk memulihkan mereka dan juga menyediakan mereka untuk pulang semula ke masyarakat.

Mereka duduk di Lubok Antu pun untuk tempoh masa yang tertentu sahaja. Kalau dibuang daerah selalunya dua tahun tempohnya. Kalau dia dah pulih, dia akan dibenarkan pulang balik ke tempat mereka sendiri. Jadi soalnya orang sekatan ini diberikan pemulihan yang sesuai.

Soal kenaikan penagihan dadah itu, kementerian akan minta AADK dan juga pihak polis untuk menumpukan aktiviti kepada membanteras gejala penyalahgunaan dadah di Lubok Antu dan juga pihak polis sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat, sedang membuat operasi besar-besaran untuk menyekat penularan *online gambling* di seluruh Malaysia tetapi mungkin belum sampai ke Lubok Antu lagi. Akan tetapi kerana soalan Yang Berhormat pada hari ini spesifik dan saya rasa untuk adil kepada Yang Berhormat, kementerian akan mengarahkan pihak polis untuk menumpukan aktiviti pencegahan kepada kawasan Lubok Antu selepas ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap soalan tambahan saya pun unik juga.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Akta Kediaman Terhad, *Restricted Residence Act* telah dibuat oleh kerajaan kita ini tahun 1933 lagi, satu akta yang sudah berumur 84 tahun tetapi masih lagi digunakan di dalam negara kita ini. Kita tahu tujuan asalnya untuk pencegahan jenayah. Akan tetapi uniknya setelah saya kira berapa lama digunakan untuk pencegahan jenayah yang mungkin sesuai pada zaman dulu, zaman selepas merdeka kerana pada masa itu perhubungan komunikasinya tidak ada lagi menyebabkan penjenayah ini tidak boleh berhubung dengan dunia luar tetapi sekarang ini kita rasa sudah tidak berkesan lagi.

Lebih kita rasa agak pelik apabila Akta Kediaman Terhad ini juga, buang daerah ini digunakan kepada ahli politik terutamanya pembangkang selepas dikenakan ISA misalnya dua tahun, keluar itu buang daerah pula. Ini juga saya kira satu penyalahgunaan akta ini. Apa yang lebih unik lagi saya hendak sebut kepada Yang Berhormat Menteri pada hari ini, ini perkara yang betul-betul berlaku. Tahun 1994 atau tahun 1995, seramai 27 orang pemain bola sepak di seluruh negara Malaysia ini yang dikatakan terlibat di dalam rasuah bola sepak, juga telah dibuang daerah. Selepas dibuang daerah itu, mereka pula digantung oleh persatuan-persatuan bola sepak ini.

Jadi saya hendak tanyalah kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan memang bercadang untuk tidak lagi mengguna pakai Akta Kediaman Terhad 1933 ini. Begitu juga saya hendak tanya sekarang ini berapa orang yang masih dibuang daerah berdasarkan kepada undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat itu banyak berkisar kepada sejarah. Tadi contoh yang diberikan pada tahun 1994 ya, itu dah lama Yang Berhormat. Sebenarnya akta *Restricted Residence Act* ini telah *supersit* oleh akta-akta baru ini seperti akta POCA dan akta POTA yang ada dia punya peruntukan untuk buang daerah ini. Jadi yang pentingnya Yang Berhormat, semua

tahanan atau sekatan yang dibuat oleh kerajaan adalah berkisar kepada akta yang sedia ada. Dadah (LPK), POCA ia untuk kesalahan jenayah, POTA untuk kesalahan keganasan. Ini sahaja Yang Berhormat, tidak ada tindakan buang daerah yang dibuat di luar daripada bidang kuasa ketiga-tiga undang-undang ini.

Jadi saya tidak pasti di mana data yang diperolehi oleh Yang Berhormat yang terkini ya, bukan berdasar kepada sejarah tetapi kerajaan sentiasa membuat penambahbaikan kepada prosedur dan juga kepada matlamat orang yang dibuang daerah ini, disekat ini kerana ia penting untuk satu, mengamankan masyarakat di mana mereka telah menjalankan aktiviti jenayah mereka sebagai contoh. Kedua, untuk meletakkan mereka di luar kawasan di mana mereka berada sebelum ini dan memulihkan mereka sebelum mereka dipulangkan kembali ke dalam masyarakat. Jadi saya hendak nafikan sama sekali bahawa ahli politik sekarang inilah ditahan atau dibuang daerah. Kalau Yang Berhormat ada maklumat tersebut, sila maklumkan kepada saya. Terima kasih.

**4. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, berapakah jumlah peniaga serta jumlah transaksi perniagaan bagi MARA Digital Mall sejak ianya ditubuhkan pada penghujung 2015. Nyatakan bagaimana para usahawan ICT bumiputera telah bermanfaat secara kuantitatif.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat yang bertanya, MARA Digital telah mula ditubuhkan pada Disember tahun 2015. Sehingga kini terdapat empat buah MARA Digital iaitu pertama; MARA Digital, Menara MARA di Kuala Lumpur telah beroperasi pada 8 Disember 2015. Menawarkan 40 ruang niaga dan telah diisi sepenuhnya. Jumlah jualan sejak ditubuhkan adalah sebanyak RM26 juta.

■1050

Kedua, MARA Digital Anggerik Mall Shah Alam, Selangor telah mula beroperasi pada 21 Julai 2016 menawarkan 32 unit ruang niaga. 30 ruang niaga telah diisi oleh 30 usahawan manakala dua lagi unit sedang dalam peringkat pengisian. Jumlah jualan sejak ditubuhkan adalah sebanyak RM2.3 juta.

Ketiga, MARA Digital Ipoh, Perak. Telah mula beroperasi pada 12 Oktober 2017 menawarkan 19 unit ruang niaga dan telah diisi sepenuhnya. Jumlah jualan belum diperolehi kerana baru sahaja beroperasi.

Keempat, MARA Digital Kuantan, Pahang. Akan mula beroperasi pada 29 Oktober 2017 ini. Menawarkan 18 unit ruang niaga dan telah diisi sepenuhnya. Jumlah jualan masih belum diperolehi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, usahawan-usahawan ICT Bumiputera telah mendapat manfaat di bawah Program MARA Digital. Antaranya ialah seperti berikut:

- (i) penyediaan ruang niaga yang komprehensif dan strategik;

- (ii) kadar sewa yang berpatutan termasuk diberi tempoh bernafas selama enam bulan;
- (iii) para usahawan diberi latihan keusahawanan daripada pelbagai aspek. Antaranya ialah *window dressing*, khidmat pelanggan, *negotiation skill* dan banyak lagi;
- (iv) promosi berkala telah dilaksanakan dengan kerjasama antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, *anchor tenant* dan usahawan. Antara aktiviti yang dijalankan bagi membantu peniaga adalah seperti penganjuran program-program jualan atau program promosi jualan, edaran *flyers*, *bus wrapping*, bunting, tayangan di *LED billboard* dan hebahan melalui media cetak dan elektronik;
- (v) penawaran produk *original* dengan harga yang berpatutan; dan
- (vi) kemudahan pembiayaan perniagaan MARA kepada usahawan yang memenuhi syarat-syarat.

Kementerian juga bercadang untuk mewujudkan MARA Digital di setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Pada masa kini, MARA telah mengenal pasti empat lokasi di negeri yang akan dijadikan pusat jualan *gadget* dan peralatan teknologi maklumat milik bumiputera. Lokasi tersebut terletak di Johor, Melaka, Terengganu dan Kelantan dan MARA sedang mengadakan rundingan bersama peniaga di negeri berkaitan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan itu saya rasa dapat sedikit sebanyak menangkis laporan negatif di *The Malaysian Reserve* bulan lalu yang semacam melafazkan bacaan talkin untuk MARA Digital Mall. Saya berharap juga supaya MARA Digital Mall itu dapat ditubuhkan seperti mana yang disarankan di setiap negeri termasuklah di kawasan luar bandar seperti kawasan Parlimen Bera.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, memandangkan konsep MARA Digital Mall itu lebih mirip kepada sektor edaran barangan komoditi IT dan bukannya di lapangan menyiapkan harta intelek yang tulen. Jadi ada satu gejala yang telah muncul di mana kerajaan kita pun sedang mengkhusus kepada untuk membangunkan infrastruktur bagi mempelopori hab *e-commerce* dan juga *economy digital*. Jadi sudah tentu kewujudan gergasi *e-commerce* seperti Alibaba, Taobao dan Lazada itu merupakan satu cabaran besar yang boleh menggugat kemantapan model niaga MARA Digital Mall.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah strategi kementerian untuk mengatasi hakikat pasaran sebegini? Kita dapat MARA Digital Mall lawan *e-commerce* ala Jack Ma Alibaba. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Yang di-Pertua, usaha melalui MARA Digital ini bolehlah dianggap buat masa sekarang sebagai langkah-langkah awal bagi membantu Bumiputera dalam bidang industri ICT di negara kita dan juga di bidang *digital economy* oleh kerajaan seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi. Dengan kejayaan usaha ini nanti, besarlah harapan ataupun supaya ramai usahawan Bumiputera akan terlibat dalam bidang *digital economy*. Bukan sekadar dari segi bilangan orangnya atau *population* akan tetapi juga dari segi kualiti, kepandaian dan kapasiti mereka sebagai pemain utama dalam industri ICT dan *digital economy* di semua tahap hinggalah ke atas sekali.

Mereka diharapkan dapat menjadi *inventors*, inovator dalam bidang *digital economy* dan mereka boleh sampai ke sana sama tahap dengan sepertimana yang telah disebut tadi Jack Ma, Steve Jobs dan Mark Zuckerberg dan lain-lain yang sudah memang berjaya dalam bidang *digital economy*.

Untuk maklumat tambahan juga kepada Yang Berhormat, hasrat kerajaan ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui MARA dalam memperkasakan MARA Digital bukan setakat mewujudkan MARA Digital di setiap ibu negeri iaitu 14 buah negara digital tetapi lebih dari itu, memperluaskan MARA Digital di daerah-daerah. Tumpuan perwujudan dalam skala yang sederhana adalah di arked dan di bazar MARA di seluruh negara. Ini juga memperbanyakkan MARA Digital secara tidak langsung akan memberi peluang kepada usahawan Bumiputera terlibat dalam bidang ICT. Selain itu, MARA juga telah melancarkan sebuah portal perdagangan atas talian (*online*) sebagai platform pemasaran digital yang dikenali sebagai *www.daganghub.com* pada Mac 2017. DagangHub ini memfokuskan kesemua kluster. Antaranya *food and beverages, lifestyles, wellness* dan keutamaan dalam klausa ICT iaitu kreatif.

Melalui DagangHub ini, ia mengandungi sub modul dalam satu portal seperti *mall platform, reload system, bill payment system, affiliate system, multi-vendor system, payment gateway, aps mobile developing*. Melalui pelancaran MARA Digital at Kuantan, DagangHub secara rasminya beroperasi dalam memberi kemudahan kepada peniaga dan pengguna ICT untuk berinteraksi secara *online* dan *offline* dalam mendapatkan segala urusan berkaitan dengan produk-produk MARA Digital.

MARA juga melalui institusi pendidikan MARA yang ada telah dan sedang memperkasa modal insan dalam bidang ICT melalui penawaran bidang yang berkaitan di Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), Kolej Kemahiran MARA (IKM) dan GIATMARA. Antara kursus yang ditawarkan di UniKL adalah *Bachelor of Multimedia Technology (Hons.) in Computer Animations*. Ada juga *Bachelor of Information Technology (Hons.) in Software Engineering* dan *Bachelor Information Technology (Hons.) in Computer System Security and Bachelor of Technology (Hons.) in Computer Networking System*.

Kolej Kemahiran Tinggi MARA ada menawarkan Diploma Reka Bentuk Media Digital dan juga Diploma Filem dan Animasi Digital dan Sijil Teknologi Kejuruteraan Komputer (Rangkaian) dan GIATMARA juga menawarkan kursus membaiki telefon dan sebagainya.

■1100

Dengan penawaran kursus-kursus tersebut memperlihatkan kementerian dan MARA serius dan bersungguh-sungguh untuk melahirkan modal insan yang berilmu dalam bidang ICT yang secara tidak langsung modal insan yang dilahirkan tersebut di masa hadapan akan menceburi bidang keusahawanan. Itu adalah strategi dan fokus dan juga dasar-dasar yang ada pada kita untuk kita menyediakan golongan belia dan juga usahawan di kalangan bumiputera dan yang lain juga yang terlibat secara tidak langsung untuk masa depan kita supaya kita sebagai negara yang benar-benar menceburi dalam digital ekonomi ataupun *economy digital* sedemikian. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan berkembangnya MARA Digital ini terutamanya ke negeri-negeri, saya lihat ia dapat membantu lebih ramai lagi golongan bumiputera terutamanya mereka yang berminat untuk berniaga dalam bidang ICT.

Cuma, berdasarkan jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin bertanya, adakah usahawan IT ini yang menjalankan perniagaan di *MARA Digital Mall* ini ada diberikan peluang untuk mendapatkan dana-dana ataupun bantuan untuk mereka mengembangkan lagi perniagaan mereka di bawah bidang IT ini? Adakah pihak kementerian mengadakan NBOS mungkin dengan MITI untuk menghubungkan mereka ini dengan pasaran-pasaran luar terutamanya mungkin dari China dan juga negara-negara yang kita tahu memang terlibat dalam bidang IT ini?

Bagaimanakah pihak kementerian juga memantau ketulenan produk-produk yang kita jual di *MARA Digital Mall* ini? Ini kerana kita khuatir ada produk-produk yang dijual nanti mungkin dikhuatiri tidak tulen dan juga kualiti produk itu dipertikaikan oleh orang ramai. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, ada tiga soalan ya. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dana, sesungguhnya MARA ini membantu usahawan bumiputera di apa jua bidang termasuk dalam bidang ICT ataupun yang terlibat dalam mengambil ruang niaga di *Digital Mall* ini. Sememangnya boleh ditawarkan kepada mereka. Juga, oleh sebab projek ini ataupun usaha ini adalah satu usaha yang KKLW atau MARA ambil serius terhadapnya, senantiasa mencari jalan ataupun memikirkan bagaimana kita hendak menjayakan usahawan-usahawan bumiputera yang terlibat dalam bidang ini yang juga berniaga di ruang *Digital Mall* yang disediakan. Jadi bagi Yang Berhormat, mungkin saya boleh buat jaminan lah kerana tidak ada masalah sekiranya dana diperlukan oleh mereka yang berniaga ini.

Adakah tidak kita membuat NBOS dengan kementerian lain seperti MITI untuk kita memperluaskan industri kita ini ataupun perkhidmatan yang ada pada kita, kita boleh tawarkan kepada negara lain? Itu sememangnya sepatutnya satu hala tuju yang kita pergi kerana digital ekonomi ini adalah sesuatu yang memang tidak terhad dalam satu negeri ataupun satu kawasan sahaja. Memang *it's a borderless world*. Jadi sesungguhnya dalam ekonomi digital ini memang sudah terbuka kepada global, jadi semestinya ada strategi ataupun pendekatan yang kita harus fikirkan di masa depan untuk kita membantu peniaga-peniaga kita dalam bidang digital ekonomi ataupun ICT ini.

Dan menjamin ketulenan, memang dari awal ini adalah satu yang kita dengan serius tetapkan supaya ada ketulenan daripada semua *gadget* ataupun *parts* dalam bidang ICT ini kerana kita tahu pengguna memang mereka ini hendakkan *parts* yang ada ketulenan ataupun *genuine*. Akan tetapi, ada juga di pasaran mereka membeli yang bukan tulen. Akan tetapi, kita di peringkat digital, kita buat masa sekarang kita tetapkan supaya semua yang dijual di *Digital Mall* kita ini adalah barang-barang tulen ya. Jadi memang ketulenan ini memang penting bagi kita menjamin nama *Digital Mall* kita ini diterima oleh *consumer* lah ataupun pengguna. Sekian, terima kasih.

**5. Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, apakah perancangan terkini kementerian dalam benar-benar menjadikan kampus utama/induk UiTM Kuala Pilah dilengkapi dan disempurnakan dengan kursus-kursus utama sekali gus menjadikan ia berfungsi sepenuhnya sebagai sebuah kampus utama dan bukan hanya tersergam sebagai sebuah bangunan atas syarat sahaja.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah atas soalan berkaitan dengan Kampus UiTM Kuala Pilah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Kampus UiTM Kuala Pilah adalah projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan ia menjadikan UiTM tersebut sebagai kampus terawal di Negeri Sembilan iaitu sejak 2003 di Melang, Kuala Pilah. Pada tahun 2009, kampus tersebut dipindahkan ke kampus tetap di Parit Tinggi, Kuala Pilah dan menjadikannya sebagai kampus utama yang menjadi pusat pentadbiran bagi kesemua kampus UiTM seluruh Negeri Sembilan. Ia dibina di tapak seluas 600 ekar bagi menampung kapasiti 2,000 orang pelajar merangkumi kompleks akademik, kolej kediaman, perpustakaan, kemudahan sukan dan sebagainya.

Pada ketika ini, terdapat seramai 1,692 orang pelajar yang telah mendaftar dalam enam program pengajian peringkat pra diploma, diploma dan ijazah sarjana muda yang berteraskan sains gunaan. Bilangan tersebut dijangka akan meningkat kepada 3,152 orang pelajar menjelang tahun 2020 dan perancangan ini turut melibatkan persediaan untuk menawarkan empat lagi program baharu yang berdaya saing dan memenuhi kehendak industri iaitu Diploma Pengurusan Halal, Ijazah Sarjana Muda Teknologi

Makanan, Ijazah Sarjana Muda Sains Bahan dan Teknologi Tenaga dan Ijazah Sarjana Muda Biodiversiti.

UiTM Kuala Pilah, seperti mana semua kampus UiTM yang lain, telah mengambil kira semua komponen pembangunan secara holistik yang meliputi komponen pembangunan akademik, kemanusiaan, tempat dan nasional sejajar dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk Pendidikan Tinggi yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 dan terus pada tahun 2025. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapannya yang begitu penuh bermaklumat yang mana sebahagian daripada kita khususnya masyarakat Kuala Pilah tidak tahu perkembangan-perkembangan dan juga perancangan pada masa yang akan datang.

Saya sebutkan ini oleh sebab harapan mereka tinggi waktu mula-mula ditubuhkan UiTM ini di Kuala Pilah hendak menampung ribuan pelajar. Mengikut rekod saya yang telah saya semak, pada sesi 20114 pada tahun 2011, lebih kurang 4,126 pelajar yang belajar.

■1110

Pada tahun ini, sesi 20154 iaitu pada tahun 2017, pelajar menurun kepada 1,785 ataupun 1,692 sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Ada penurunan sebanyak 56 peratus pelajar-pelajar. Jadi kita hendak tahu perancangan dan pelaksanaannya sungguh jauh berbeza. Apa yang hasrat kita ada sampingan faedah-faedah sampingan yang berlaku. Misalnya waktu ditubuhkan kampus dulu banyak rumah-rumah sewa didirikan. Bila pelajar tidak ada, rumah sewa ditinggal. Orang kampung mengamuk tidak ada *income* dan sebagainya.

Oleh kerana itu walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian khususnya UiTM yang mempunyai perancangan yang sangat baik dan diharapkan perancangan ini akan benar-benar dapat dilaksanakan. Kalau ada masalah yang boleh kita selesaikan bersama, kita selesaikan.

Satu lagi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah terdapat beberapa contoh *success story* yang boleh dibanggakan khususnya daripada pelajar-pelajar UiTM Kuala Pilah yang disebut Yang Berhormat Menteri tadi, dia punya bilangan dan sebagainya. *Success story* sebagai bukti institusi pendidikan ini dipilih sebagai Kampus Induk di Negeri Sembilan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah di atas soalan tambahan. Dalam jawapan saya tadi saya sudah memberitahu atau memaklumkan bahawa empat kursus atau program pengajian akan ditambah dan ini akan menambah bilangan pelajar.

Berkaitan dengan *success story* adalah banyak *success story* yang berkaitan khas dengan Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi khasnya dari segi melaksanakan lonjakan yang pertama di mana Kementerian Pendidikan Tinggi hendak

melahirkan graduan yang seimbang, holistik dan mengadakan ciri *entrepreneurship*. Jadi saya boleh memberi beberapa contoh yang berkaitan dengan *success story* yang boleh dibanggakan dari segi aktiviti kokurikulum dan di sini kita boleh melihat bahawa pelajar-pelajar melibatkan dalam Program Bimbingan dan Kerjaya di rancangan-rancangan FELDA di seluruh Negeri Sembilan. Dalam pasukan petugas bantuan dalam program kesukarelawan iaitu PROSIS iaitu Program Mahasiswa Sihat yang mempromosikan kepentingan kesihatan dan gaya hidup sihat di kalangan penduduk tempatan.

Selain daripada itu, pencapaian pelajar di UiTM Kuala Pilah juga berjaya dicatat antaranya memenangi *survival challenge*, cabaran lasak yang melibatkan acara-acara seperti merentas hutan dan kejayaan yang dicapai oleh anak-anak tempatan termasuk anak-anak Orang Asli melalui program khas yang memberi peluang pendidikan tinggi kepada mereka atau program ini dinamakan Program Mengubah Destinasi Anak Bangsa.

Selain daripada itu, para pelajar berjaya menggunakan ilmu dan kemahiran keusahawanan melalui program-program Agropreneur melibatkan agensi berkenaan seperti FAMA seperti membuka ruang untuk membentuk sektor perniagaan setempat. Di sini memang ini ada berkaitan aktiviti-aktiviti, ada berkaitan dengan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi di mana pihak Kementerian Pendidikan Tinggi sekarang bukan hanya nilai pelajar dari segi kecemerlangan akademik tetapi dari domain-domain yang lain di mana kita panggil inisiatif sebagai ICGPA atau *Integrated Cumulative Grade Point Average*, dengan izin. Dari sini aktiviti-aktiviti yang tersebut tadi memang ada berkaitan dengan penilaian dari segi kemahiran praktikal, kemahiran sosial dan tanggungjawab etnik atau nilai, dari segi kemahiran komunikasi juga dari segi kemahiran untuk mengatasi masalah, kemahiran dari pengurusan informasi dan ada kemahiran dalam *entrepreneurship*. Sekian, terima kasih.

**6. Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah fungsi Majlis Penasihat Harga dan berapa kali Majlis ini mengadakan mesyuarat sepanjang tahun 2017 untuk membincangkan kemelut kenaikan harga barang yang menyebabkan kenaikan kos sara hidup yang amat dirasakan oleh rakyat berpendapatan rendah.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang Dipertua, Majlis Penasihat Harga atau MPH boleh ditubuhkan oleh Menteri seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 41, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Fungsinya ialah untuk menasihati Menteri mengenai isu-isu yang berhubungan dengan pencatutan dan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan harga barangan dan caj perkhidmatan. Pada tahun 2017, isu berhubung fungsi dan peranannya telah dibincangkan secara bersepadu di dalam Jawatankuasa Khas menangani kos sara hidup yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Di samping itu,

tindakan turut diambil di dalam beberapa mesyuarat Jawatankuasa peringkat kementerian yang dipengerusikan oleh Menteri KPDNKK sendiri. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Jumaat lepas kita telah pun mendengar pembentangan bajet daripada Yang Amat Berhormat Pekan untuk tahun 2018. Rakyat di luar sana sedang menunggu langkah-langkah yang konstruktif yang dibuat oleh pihak kerajaan terutama pihak kementerian untuk meringankan kos sara hidup terutamanya bebanan perbelanjaan harian dari kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Kita bayangkan hari ini kos untuk membeli ikan kembung pun sudah meningkat sampai sekilo RM18, kerang pun sudah meningkat sampai RM12.

Jadi persoalan saya ialah Tuan Yang di-Pertua iaitu berkenaan dengan, adakah Majlis MPPM ini dapat memainkan peranan mengikut matlamat penubuhannya. Sejauh mana keberkesanan mereka untuk menasihati Menteri dalam isu-isu kepenggunaan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamaanya soalan Yang Berhormat Bukit Gantang ini merangkumi masalah kos sara hidup. Apa yang kita lakukan di kementerian ini bukan hanya menerima nasihat daripada majlis yang kita tubuhkan ini tetapi ia adalah merupakan satu Jawatankuasa peringkat lebih tinggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri seperti jawapan saya tadi.

Jadi sebab itu dalam bajet yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, banyak isu-isu untuk menangani kos sara hidup ini telah pun diperbincangkan dan telah pun diluluskan atau telah pun dibawa dalam bajet pada hari Jumaat baru-baru ini. Contohnya tentang KRIM 2.0 yang telah pun diumumkan. Kedua tentang masalah ikan, sayur, ayam juga telah pun dipertingkatkan dengan memberi sedikit bajet kepada MOA untuk melihat bagaimana dapat kita menangani isu *supply and demand* untuk barang-barang tersebut.

Ketiganya melalui BRIM. Ini semua adalah merupakan satu mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk kita memberikan nasihat kepada satu lagi Jawatankuasa Dasar Fiskal yang telah pun akhirnya menerima segala nasihat tersebut. Manakala Majlis Nasihat Harga ini semata-mata ditubuhkan untuk memberi pandangan, untuk memberikan nasihat jika sekira mereka mahu turut terus memberi nasihat kepada Menteri tidak perlulah melalui mesyuarat tersebut. Akan tetapi mereka juga boleh menghantar pandangan dan juga apa sahaja cadangan untuk kita bawa dalam mesyuarat yang lebih tinggi untuk kita terus dapat mengambil tindakan dengan sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah majlis

penasihat ini telah memberikan beberapa pandangan, contoh pandangan yang telah dilaksanakan oleh kementerian dalam usaha untuk menurunkan harga barang di negara kita ini?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah ada, sebab itu dalam bajet yang telah pun diumumkan baru-baru ini, salah seorang daripada anggota majlis telah pun mengemukakan satu pandangan untuk kita membantu dari segi jualan harga ikan dan sayur. Mereka telah pun membuat lawatan ke seluruh negara dan memberikan nasihat kepada kita dan saya telah pun bawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kos Sara Hidup, pertama.

Keduanya, bajet juga telah mengumumkan bahawa satu lagi tindakan, di mana kita hendak memberikan peluang kepada mereka yang terutamanya di bandar untuk menurunkan kos sara hidup mereka dan memberikan pendapatan yang lebih. Kita hendak membenarkan mereka membuat pinjaman dalam konsep satu lagi program inisiatif kerajaan melalui *food truck* dan memberikan *interest* yang lebih bawah daripada apa yang mereka peroleh melalui bank-bank atau institusi kewangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik terkini pemerjaraan wanita yang terlibat dengan dadah, bagaimanakah keperluan unik wanita ini ditangani dengan lebih sensitif supaya memudahkan kehidupan mereka nanti untuk bekerja dan menjadi ibu kepada generasi akan datang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 9 Oktober 2017 menunjukkan jumlah banduan wanita yang dipenjarakan di atas kesalahan dadah sahaja adalah seramai 1,703 orang dan 931 adalah berkenaan dengan sabitan, maknanya *convicted*, dan 772 orang masih lagi dalam reman. Maknanya, belum lagi dijatuhkan hukuman. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia juga melaksanakan pelbagai program latihan kemahiran dan pemulihan untuk semua banduan wanita seperti berikut:

- (i) perlu mengikuti program pemulihan khas iaitu program pembangunan insan yang melibatkan pembentukan disiplin, pengukuhan sahsiah, kemahiran dan pempasyarakatatan. Pengisian dalam program tersebut antara lainnya turut melibatkan aspek kaunseling, motivasi dan keagamaan;
- (ii) peluang untuk mengikuti pelbagai latihan kemahiran seperti jahitan, pembuatan makanan dan kuih, kraf tangan, andaman dan kecantikan yang diberikan sijil melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN);

- (iii) boleh dipertimbangkan bantuan modal dari TEKUN bagi banduan wanita yang berkemahiran untuk memulakan perniagaan sendiri setelah dibebaskan;
- (iv) boleh dilepaskan secara perintah parol bagi memastikan asimilasi dan adaptasi yang lebih sempurna berlaku bersama keluarga dan masyarakat;
- (v) boleh dipertimbangkan untuk dibebaskan secara sementara dalam tempoh tertentu melalui pembebasan berlesen. Pembebasan tersebut membolehkan banduan membuat persiapan sebelum tiba tarikh pembebasan sebenar;
- (vi) pelaksanaan program yang melibatkan penyertaan keluarga turut diadakan untuk banduan wanita berasaskan penilaian jabatan penjara mendapati hubungan kekeluargaan yang kukuh merupakan sokongan yang penting kepada usaha pemulihan dan pembangunan diri banduan wanita yang berkenaan;
- (vii) tidak ketinggalan banduan wanita yang berminat turut diberikan kemudahan melanjutkan pelajaran atau meningkatkan kelayakan akademik sehingga ke peringkat pengajian tinggi;
- (viii) seterusnya majikan yang ingin menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang tertentu adalah digalakkan hadir untuk menemu duga banduan wanita yang berminat; dan
- (ix) di samping itu, keperluan khusus untuk wanita dari segi penjagaan kebersihan diri, kesihatan dan pemakanan semasa dan selepas mengandung serta penjagaan anak-anak yang diberikan keutamaan.

Saya juga ingin maklumkan di sini bahawa statistik penghuni penjara lelaki dan wanita di seluruh institusi penjara setakat 9 Oktober 2017 adalah jumlah banduan lelaki sebanyak 55,741 orang dan banduan wanita sebanyak 4,027 orang. Jumlah keseluruhan penghuni penjara pada 9 Oktober adalah 59,768 orang dan jumlah banduan penjara lelaki dan wanita dalam kes dadah pada tarikh 9 Oktober 2017 adalah banduan lelaki sebanyak 30,719 orang dan banduan wanita sebanyak 1,703 orang. Jadi, jelas jumlah banduan dalam penjara, yang ditahan dalam penjara, yang terlibat dalam kes dadah lebih kurang separuh daripada keseluruhan penghuni penjara.

Ada 20 institusi penjara yang menempatkan wanita iaitu Penjara Wanita Kajang, Penjara Pokok Sena, Penjara Alor Setar, Penjara Seberang Prai, Penjara Tapah, Penjara Sungai Udang, Penjara Simpang Renggam, Penjara Kluang, Penjara Pengkalan Chepa, Penjara Bentong, Penjara Sandakan, Penjara Tawau, Penjara Kota Kinabalu, Penjara Sibu, Penjara Miri, Penjara Puncak Borneo, Penjara Limbang, Pusat Pemulihan Akhlak

Batu Gajah, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas dan akhirnya, Sekolah Henry Gurney, Keningau. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri kerana- satu jawapan yang begitu detil, terima kasih banyak. Memandangkan pemenjaraan ini sendiri boleh menyebabkan trauma kepada seseorang, kepada keluarga dia, kepada kampung dia dan seluruh yang berkaitan dengan dia. Satu kampung tahu. Kita juga tahu bahawa kesihatan mental merupakan komponen penting dalam proses untuk integrasi semula ke dalam masyarakat. Saya ingin bertanya, adakah pihak penjara menyediakan khidmat pakar psikologi secara lebih kerap, secara lebih konsisten untuk menyelesaikan masalah ini? Berapa peratus kah wanita-wanita yang dibebaskan dari pemenjaraan betul-betul berjaya diterima balik dalam kelompok masyarakat? Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara Malaysia mempunyai 54 orang Pegawai Psikologi yang berkhidmat di seluruh penjara iaitu Pegawai Psikologi Gred S44 seramai tujuh orang, Pegawai Psikologi Gred S41 seramai 41 orang, Penolong Pegawai Psikologi Gred S32 seramai tiga orang, Penolong Pegawai Psikologi Gred S29 seramai tiga orang. Jadi, ramai jumlah pegawai psikologi yang ditugaskan di penjara. Kedua, tugas pegawai psikologi ini saya hendak huraikan sedikit, jadi biar kita maklum ya.

Tugas mereka ialah sewaktu penghuni masuk ke dalam penjara, mereka akan menjalankan ujian psikologi seperti ujian *Depression, Anxiety, Stress Scales, Beck Depression Inventory, Aggressive Questionnaire, Drug Abuse Screening Test* serta *University of Broad Island Change, EUREKA test* bagi melihat dan menyaring setiap tahap psikologi dari segi kognitif, emosi dan tingkah laku mereka. Saya rasa Yang Berhormat sebagai doktor lebih faham daripada kita dalam Dewan ini ya. Maknanya, semua langkah yang diambil sewaktu penghuni masuk dalam penjara adalah dibuat secara empirikal dan secara *evidence phase*.

So, untuk soalan yang seterusnya sekarang ini kadar residivisme, maknanya orang, penghuni yang telah masuk penjara dan telah pulih dan kembali kepada masyarakat, kadar mereka kembali semula dalam penjara kerana kesalahan yang lain adalah di bawah 0.19 peratus. Jadi maknanya, boleh dikatakan semua wanita yang telah melalui program pemulihan di penjara akan kembali kepada masyarakat dan tidak membuat kesalahan lagi dari segi dadah dan kembali dalam penjara. Sekian, terima kasih.

8. **Dr. Ko Chung Sen [Kampar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan hospital kerajaan baru yang sepatutnya telah siap dibina dalam tempoh 10 tahun yang lalu; dan
- (b) bilangan hospital yang sebenarnya dapat disiapkan dalam tempoh tersebut dan bilangan katil yang telah dapat diwujudkan di hospital baru siap ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah bertanya soalan tadi daripada Kampar, Dr. Ko Chung Sen.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2006 sehingga 2017 kerajaan telah meluluskan sebanyak 62 projek pembangunan yang berkaitan dengan tambahan bilangan katil di hospital-hospital kerajaan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10.89 bilion Tuan Yang di-Pertua.

■1130

Daripada angka tersebut, yang ditanya adalah yang sudah siap. Saya akan bagi senarai yang sudah siap, yang lain panjang lagi Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang sudah siap saya akan sebut satu persatu, iaitu:-

- Hospital Shah Alam, ini yang baru di Selangor, 300 katil sudah siap.
- Institut Kanser Negara (IKN) yang baru, 392 katil sudah siap.
- Pembelian *Sabah Medical Centre*,
- naik taraf Hospital Queen Elizabeth 2, ini yang baru pun sudah ambil alih, sudah siap, dalam operasi, 504 katil.
- Hospital Rompin, Pahang, ini yang baru, 60 katil.
- Hospital Tuaran, Sabah 76 katil.
- Hospital Tampin, ini gantian, 108 katil.
- Hospital Alor Gajah, ini gantian juga, 76 katil.
- Ubahsuai asrama jururawat kepada Wad Obstetrik dan Neonatologi Hospital Seberang Jaya sudah siap, 57 katil.
- Membina bangunan wad wanita dan kanak-kanak dan *multistory car park* Hospital Seremban, 320 katil.
- Membina bangunan tambahan dewan bedah klinik pakar, wad kelas satu dan wad kelas dua Hospital Mersing 30 katil.
- Membina bangunan wad lelaki dan wad kanak-kanak Hospital Machang, 56 katil.
- Blok tambahan Hospital Jeli, 56 katil.
- Kompleks Pakar Materniti Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu, 310 katil.

- Bangunan tambahan jabatan kecemasan dan wad Hospital Bentong, 56 katil.
- Naik taraf Wad Kardiologi Kuantan, 34 katil.
- Blok menara Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, di Sabah 661 katil.
- Membina bangunan pesakit penyakit berjangkit serta menaik taraf Jabatan Patologi Hospital Sibul ke Makmal Perubatan Zon Tengah Negeri Sarawak, enam katil.
- Membina wad penyakit berjangkit Hospital Miri, enam katil.
- Membina bangunan wad psikiatri Hospital Sibul, enam katil dan
- pembinaan *burn ward* di Hospital Bintulu, 10 katil.

Jumlah semua sekali, 2,384 katil Tuan Yang di-Pertua, ini yang sudah siap.

**Dr. Ko Chung Sen [Kampar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2012, sebuah hospital baru telah diluluskan dibina di Kampar. Akan tetapi walaupun kerajaan sudah luluskan peruntukan sebanyak RM150 juta untuk projek tersebut, tetapi sekarang pembinaan hospital tersebut telah dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri mengesahkan mengapa hospital tersebut dibatalkan dan menjelaskan alasan-alasan untuk kerajaan membatalkan sebuah hospital baru yang sudah diluluskan selepas lima tahun. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Soalan yang *very specific*. Saya minta notis untuk jawab secara bertulis.

**9. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, langkah kementerian untuk memantapkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia atau TVET Malaysia khususnya bagi meningkatkan bilangan pekerja mahir bertaraf global di negara ini termasuk memenuhi keperluan Industri 4.0.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Sungai Besar pada 6 November 2017, Yang Berhormat Paya Besar pada 8 November kerana ia berkaitan isu yang sama iaitu pelaksanaan TVET di negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, jika diimbangi dahulu pandangan dan persepsi sebahagian besar mungkin ibu bapa dan masyarakat kita menganggap bahawa pendidikan teknikal dan vokasional ini adalah pendidikan yang terkemudian. Dalam pencapaian anak-anak kita dalam peperiksaan, dalam bidang teknikal dan vokasional dianggap kategori kedua berbanding dengan pencapaian mereka dalam akademik terutamanya peperiksaan-peperiksaan yang terkenal di negara kita seperti UPSR, PMR atau PT3 sekarang, SPM dan STPM. Namun demikian, hari ini perubahan itu telah berubah di mana persepsi negara dalam masyarakat telah banyak berubah di mana pendidikan teknikal dan vokasional telah menjadi suatu yang cukup penting di negara kita. Inilah sebenarnya yang membawa negara maju ke arah kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan TVET Malaysia pada 27 September 2017 yang telah dihadiri hampir keseluruhan institut TVET awam dan swasta di Malaysia dan telah menjenamakan semula TVET dengan nama TVET Malaysia. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah mengatur strategi jangka pendek dan jangka panjang yang bersepadu dalam mengerakkan pelaksanaan TVET di Malaysia. Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan [Akta 652] adalah komponen utama yang mengerakkan TVET di Malaysia yang mana di bawah akta ini, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) telah ditubuhkan. Majlis ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha kementerian yang berperanan mengawal selia program TVET di mana di Malaysia supaya kekal relevan dan selaras dengan perkembangan ekonomi Malaysia semasa. Majlis ini diketuai oleh sembilan wakil agensi awam dan 10 wakil dari sektor swasta yang terpilih.

Di antara program yang di- strategi yang diatur oleh kerajaan, oleh kementerian umpamanya ialah:

- (i) memperkukuhkan tadbir urus TVET di mana membangunkan sistem akreditasi tunggal bagi menyatupadukan dan memperkukuhkan sektor TVET yang mana akan diguna pakai oleh agensi Kerajaan Malaysia dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan yang lebih baik dan dinamik;
- (ii) memperkasa kualiti dan penyampaian program TVET melalui model kerjasama awam, swasta, pemain industri akan dilibatkan secara aktif dalam setiap rangkaian, nilai latihan, kemahiran terutama dalam pembangunan kurikulum bagi memastikan ia lebih praktikal, terkini dan memenuhi keperluan industri.
- (iii) meningkatkan penjenamaan utama untuk menarik minat terhadap TVET. Kerajaan akan mempromosikan TVET sebagai kerjaya pilihan dengan mempergiatkan kempen melalui pelbagai media. Program SL1M Malaysia akan menyelaras kempen bagi

meningkatkan pemahaman dan pengetahuan masyarakat mengenai peluang kerjaya dalam keusahawanan yang ditawarkan oleh TVET.

Terkini Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan telah mengarahkan supaya tujuh kementerian disatukan bersama secara kolaborasi dan dikolaborasikan yang diketuai oleh Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan pelaksanaan TVET pada masa akan datang akan berjalan dengan lebih baik dan berkesan untuk negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Baiklah Yang Berhormat. Selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.38 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 31 Oktober 2017.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

***[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]***

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2018**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2018 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[27 Oktober 2017]**

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan *Point of Order* 45 dalam Dewan yang mulia ini. Saya minta kebenaran untuk baca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ia mengenai apa?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Malaysia bagi tahun akan datang hendaklah dibentangkan di meja mesyuarat sebelum dibawa Rang Undang-undang Perbekalan Tahunan ke dalam Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, pada Jumaat lalu setelah Belanjawan 2018 dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, setelah memberikan ucapan beliau, terpapar dalam skrin di Dewan Rakyat ini dalam masa persidangan lambang Barisan Nasional.

**■1140**

Tuan Yang di-Pertua, adakah tindakan ini wajar dan dibenarkan dalam Dewan yang mulia ini? Saya mohon budi bicara Tuan Yang di-Pertua untuk mengadakan satu siasatan untuk mengenal pasti macam mana logo atau lambang sebuah parti politik

terpapar dalam skrin televisyen semasa dalam persidangan? Saya faham kalau Dewan ini digunakan pada masa yang lain, kalau ada *you know*, pemaparan bendera atau lambang parti politik tetapi ini dalam masa Parlimen sedang bersidang. Adakan ini konvensyen baru, Tuan Yang di-Pertua? Saya mohon satu siasatan diadakan sebab di semua negara di dunia ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, faham ya, Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...Kerajaan adalah *accountable* kepada Parlimen, bukan Parlimen *accountable* kepada kerajaan. Jadi saya hendak tahu sama ada pembentangan belanjawan adalah pembentangan belanjawan negara atau pembentangan belanjawan Barisan Nasional? Saya minta budi bicara daripada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan... [*Tepuk*] Baiklah, Setiausaha akan menyiasat, menyelidik perkara ini dan kita akan maklumkan semula kepada Yang Berhormat, ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Sebelum Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya jemput- Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, bermulanya perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Ketua Pembangkang diperuntukkan selama 90 minit untuk perbahasan diikuti ahli daripada Barisan Nasional, juga 90 minit diperuntukkan, dan seterusnya 30 minit bagi pembahas-pembahas lain. Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh.

**11.42 pg.**

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah rabbil alamin wabihi nastain.* Allah Yang Maha Berkuasa atas segala sesuatu, pemilik kerajaan langit dan bumi dan segala yang wujud di antaranya.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Baginda Nabi Muhammad SAW, pembawa rahmat seluruh alam serta teladan untuk disanjung.

Saya memulakan perbahasan ini dengan kembali kepada perintah Allah SWT di dalam Surah Al-Hajj ayat ketujuh. Mafhumnya, supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Ini adalah daripada al-Quran. Ayat ini merupakan penegasan dan tuntutan dalam membangunkan matlamat ekonomi bijak dan baik bagi membela golongan yang tertindas demi menjamin keadilan sosial dan keadilan pembangunan serta pengagihan ekonomi yang adil dengan mengecilkan jurang antara yang kaya dan yang miskin dan memartabatkan kebajikan rakyat terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, sindiran, cercaan, fitnah, tohmahan dan cacian sudah saya dan keluarga lalui hampir 20 tahun. Bak kata orang utara, '*dah malingli dah*' tetapi itu juga yang memperkuat semangat saya... *[Tepuk]* Dan rakan-rakan dalam Pakatan Harapan untuk terus berjuang membela nasib rakyat yang ditipu, ditindas dan dizalimi oleh penguasa yang angkuh dan sombong. Angkuh dan sombong dengan kuasa yang ada seolah-olah mereka akan menongkat langit dengan kuasa dan wang berbilion-bilion yang mereka ada. *Nauzubillah*.

Terima kasih Yang Amat Berhormat Pekan atas cerita Kak Wan kelmarin dan bersusah-payah menjemput Kak Wan Azizah binti Wan Salleh ke Dewan yang mulia ini. Tahniah saya ucapkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia di atas kejayaan membimbing seorang usahawan wanita hingga berjaya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ceritanya, Kak Wan Azizah Wan Salleh diberikan pertolongan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia. Saya ingin ingatkan Dewan yang mulia ini, asal usul usaha ini bermula hasil penyelidikan dan kertas cadangan dari *team* Universiti Sains Malaysia yang telah diangkat pada 1987- oleh siapa? Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pelajaran pada ketika itu... *[Tepuk]* Menjadikan program khas dalam usaha membasmi kemiskinan rakyat. Program khas inilah - Amanah Ikhtiar Malaysia. Kejayaan Kak Zah membuktikan kejayaan program yang dihidupkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Ahli Parlimen Pekan pada hari Jumaat yang lalu, 27 Oktober 2017. Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang kita bahaskan hari ini mencadangkan sejumlah peruntukan RM282.25 bilion yang merangkumi Perbelanjaan Mengurus RM172.929 bilion dan Perbelanjaan Pembangunan RM48 bilion serta Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah

RM61.321 bilion. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Dewan yang mulia ini, apakah harapan rakyat Malaysia terhadap pembentangan Bajet 2018 ini, apa harapan kita semua?

Jawapannya mudah. Rakyat mengharapkan bajet ini mampu merawat derita yang mereka tanggung sejak tahun 2009. Saya merujuk kepada tahun 2009 kerana Yang Amat Berhormat Pekan hanya menyebut sejarah belanjawan negara seolah-olah bermula hanya pada tahun 2009. Yang Amat Berhormat Pekan dan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, saya hendak ingatkan bahawa ramai rakyat Malaysia sedang menderita sekarang, ramai...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Petani di Jerlun, nelayan di Bagan Datuk, peneroka di Sembrong, buruh dan pekerja industri di Titiwangsa,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** ...Penjawat awam di Putrajaya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya baru hendak mula. Minta maaf, ya. Saya *start* dulu. Saya baru nak *warm-up*.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Penjawat awam di Putrajaya termasuklah mereka yang menderita sejak Yang Amat Berhormat Pekan mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bahkan pekebun kecil di Pekan, Pahang pun menderita. Harga barang melonjak naik. Harga barang, harga minyak diapungkan tanpa subsidi. Subsidi lain untuk rakyat pun dihapuskan. Kesihatan makin mahal. Kalau kita sakit, memang mahal hendak dapatkan rawatan. Pendidikan didagangkan. Rakyat tidak mampu menyediakan makanan berkualiti untuk keluarga terutamanya untuk anak-anak yang sedang membesar.

Tuan Yang di-Pertua, harga ikan kembung, utara dipanggil ikan temenung dan ikan tongkol mencecah belasan ringgit sekilo. Harga minyak masak naik 80 peratus. Kalau dulu Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, RM100 mampu membeli barangan pasar untuk bekalan seminggu tetapi hari ini, pergilah pasar. Kalau kita bawa RM100 itu, apa sangat yang boleh kita beli. Yang Berhormat Menteri tidak dengar, ya? Hendak tinggalkan Dewan. Ya, mungkin Yang Amat Berhormat Pekan tidak pernah beli ikan dan sayur di pasar, tidak seperti saya dan orang biasa yang pergi ke pasar membeli-belah.

**■1150**

Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan, sesungguhnya ramai rakyat di bawah sedang menderita, sedang menangis. Tangisan mereka mungkin tidak terlihat oleh kita tetapi hakikatnya ramai merasakan perit melalui kehidupan hari ini. Bajet 2018, yang dibahaskan pada hari ini merupakan peruntukan terbesar, terbesar Tuan Yang di-Pertua dalam sejarah Belanjawan Negara. Namun demikian, mencatatkan nisbah peruntukan pembangunan yang paling rendah dalam sejarah negara kita. Hanya 17 peratus sahaja daripada peruntukan pembekalan ini dicadangkan untuk pembangunan. Dalam pengamatan saya, peruntukan dengan pembangunan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sejak Bajet 2010 hingga ke hari ini mengalami nisbah peruntukan pembangunan yang menguncup Tuan Yang di-Pertua. *Shrink*, dengan izin. Untuk rekod, Bajet 2010 yang dibentangkan beliau mencatatkan nisbah peruntukan pembangunan sebanyak 27.78 peratus.

Bagi Bajet 2011, nisbah pembangunan berkurangan kepada 23.9 peratus. Selama tiga tahun berturut-turut berikutnya, nisbah pembangunan terus menerus menguncup lagi *shrink further*, dengan izin. Bajet 2012 kadar 22 peratus, Bajet 2013 pada kadar 19.8 peratus dan Bajet 2014 menguncup pada 17.6 peratus. Walaupun bagi Bajet 2015 dan Bajet 2016 nisbah pembangunan meningkat sedikit namun ia masih rendah di bawah 20 peratus.

Bajet 2016, mencatatkan nisbah pembangunan 19.646 peratus dan ia menguncup kepada 18.3 peratus pada Bajet 2017. Kini menguncup lagi pada nisbah yang paling rendah dalam sejarah negara 17 peratus selepas 60 tahun negara kita merdeka. Apa kesan dan akibat langsung daripada pembangunan negara dan manfaat rakyat daripada penguncupan ini? Apa yang rakyat dapat manfaat? Jawapannya mudah, kita jangkakan pembangunan infrastruktur luar bandar untuk kemudahan rakyat akan berkurangan. Pembangunan modal insan juga akan berkurangan. Kontraktor kecil yang rata-ratanya bumiputera yang kebiasaannya akan menikmati manfaat dari projek kecil pembangunan ini akan terus terjejas teruk dan penyumbang ekonomi luar bandar akan turut terkesan.

Peluang pekerjaan untuk anak muda lepasan institusi kemahiran seperti Pusat GiatMara juga akan terkesan negatif. Sudahlah syarikat kontraktor sederhana dan kecil pun tidak ada projek, pekerja terpaksa diberhentikan, kos hidup semakin meningkat, hasil semakin kurang, lalu apa kesudahan hidup golongan ini? Takkan semua nak jadi *Grab driver* Tuan Yang di-Pertua? *Uber*, *Grab*.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 ini mencadangkan perbelanjaan RM282.25 bilion berbanding dengan anggaran hasil. Berapa yang kita dapat kita hendak bajet banyak itu? Anggaran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2018 yang berjumlah RM239.9 bilion. Ini bermakna Bajet 2018 mengalami defisit sebanyak RM42.35 bilion. Tuan Yang di-Pertua, defisit itu maknanya hutang negara bertambah. Bayaran faedah hutang sahaja- hendak bayar faedah hutang ini akan mencecah RM31 bilion tahun depan. Jumlah ini kalau kita

hitung, kalau kita boleh buat apa-apa dalam RM31 bilion kita boleh membina 60 buah hospital dalam setahun. Kalau dianggarkan satu hospital berharga RM500 juta. Sebanyak 60 buah hospital, bayangkan hendak bayar faedah hutang sahaja, itu belum lagi ibu pokok dipotong lagi.

Sejak tahun 2009, bajet yang dibentangkan terus menerus mengalami defisit. Malah untuk rekod, kalau sudah terlupa, sudah lama tidak dengar, ramai yang terlupa. Walau untuk rekod kali terakhir di dalam Dewan yang mulia ini, akaun Kerajaan Persekutuan pernah mencatatkan lebihan. Bajet surplus, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, ia dan bajet surplus itu adalah pada Pembentangan Belanjawan 1998 oleh mantan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 17 Oktober 1997. Ia merupakan satu rekod belanjawan lebihan yang tidak upaya dibentangkan oleh mana-mana Menteri Kewangan yang menyusul kemudiannya sehinggalah hari ini. Bajet 2018 ini mencatatkan defisit fiskal 2.8 peratus berikutan dengan perbelanjaan yang melebihi hasil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pekan telah mencadangkan dan mencanangkan sebuah bajet yang dipenuhi dengan dasar-dasar ekonomi rapuh melalui ciritan janji dan ciritan dana tetapi tidak memberikan jawapan dan penyelesaian yang kukuh kepada permasalahan dan isu-isu kritikal yang melanda rakyat dan negara. Walaupun dilabelkan ibu segala bajet, tetapi hutang. Di saat rakyat terbanyak di kota, di desa, di pedalaman dihimpit dengan bebanan hidup yang menekan akibat kenaikan kos sara hidup, inflasi dan pengangguran. Semasa membentangkan bajet, saya tertanya-tanya kenapa Yang Berhormat Pekan menimbulkan soal lawatan Menteri Besar Selangor dan Ketua Menteri Pulau Pinang ke negeri China? Apakah kaitan dengan isu pembentangan bajet?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Permatang Pauh boleh saya tanya sedikit?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Silakan Yang Berhormat Sungai Petani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Pekan menimbulkan isu lawatan Menteri Besar Selangor dan Ketua Menteri Pulau Pinang ke China. Siapakah sebenarnya yang menjual aset-aset pelaburan strategik negara di tangan asing? Siapa yang menjual syarikat penjana kuasa elektrik Edra? Siapakah yang menjual tanah Sungai Besi pangkalan tentera udara kita dan juga lapangan terbang kita yang pertama? Siapakah yang menjual PROTON? Siapakah yang memberi kontrak RM140 bilion untuk ECRL dan HSR RM140 bilion adalah separuh daripada Bajet 2018. Jadi Yang Berhormat Permatang Pauh siapakah yang telah pun menggunakan kedudukan untuk menjual aset-aset negara? Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** JKK yang jual tu...

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Soalan yang begitu baik sekali. Soalan ini hanya boleh dijawab oleh Yang Amat Berhormat Pekan sendiri kerana beliau adalah yang bertanggungjawab ke atas semua penjualan dan penganugerahan kontrak yang disebutkan tadi.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ya, Yang Berhormat Nibong Tebal, silakan.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Permatang Pauh.

Saya juga hairan kenapa isu tragedi tanah runtuh Pulau Pinang ditimbulkan semasa pembentangan bajet oleh Yang Berhormat Pekan. Hinggakan gambar-gambar tragedi dipaparkan di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Pekan tidak menawarkan langsung apa-apa bentuk pertolongan kepada mangsa. Kalau ditawarkan RM1 juta pun untuk mangsa, kita boleh faham. Saya boleh terima. Ataupun kalau Yang Berhormat Pekan umumkan satu dasar baru dengan peruntukan katakan RM100 juta untuk memantau ataupun mengawal bagi meningkatkan keselamatan tempat kerja, saya juga boleh faham. Akan tetapi, tidak ada apa-apa cadangan atau saranan pun yang boleh memastikan tragedi sebegini tidak berulang.

Justeru, nampak jelas sekali yang Yang Berhormat Pekan hendak gunakan tragedi ini untuk menyindir Yang Berhormat Bagan dan kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Permatang Pauh adakah patut kelakuan sebegini berlaku semasa pembentangan bajet? Terima kasih.

■1200

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih, saya jawab dulu soalan Yang Berhormat Shah Alam. Ya, lah setiap orang ada *style* masing-masing. Sebagai seorang pemimpin Melayu, saya rasa ada cara yang lebih berhemah dan bersopan... [*Tepuk*] Ada orang mungkin lebih suka cara kasar dan menyindir, tidak wajar mempergunakan sebuah tragedi untuk keuntungan mana-mana pihak, mahupun kepentingan politik. Silakan Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya hendak bawa balik perbahasan ini kepada persoalan ibu segala bajet.

Amat mengecewakan, ibu segala bajet hanya besar dari sudut jumlah yang hendak dibelanjakan. Akan tetapi seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, bajet ini langsung tidak berusaha untuk menyelesaikan masalah kos kehidupan yang semakin meningkat dan melepaskan rakyat daripada

kesempitan ekonomi. Bagi pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh, matlamat sebalik bajet ini, sepatutnya apa? Menyelesaikan masalah rakyat dan menunjuk satu hala tuju yang jelas bagi pembangunan ekonomi negara.

Dalam bajet pembukaan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, dia memberikan gambaran bahawa ekonomi negara ini kira okey. Pertumbuhan lebih daripada lima peratus, pelaburan asing yang semakin bertambah. Yang Berhormat Permatang Pauh, adakah Yang Amat Berhormat Pekan ini faham masalah rakyat, ataupun langsung tidak, dalam bajet dia berdasarkan kepada ucapan bajet dia ataupun sekadar hendak menyindir pihak pembangkang demi mendapat poin politik. Apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya akan jawab dalam ucapan lagi yang akan dihuraikan dengan lebih panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, hanya suatu dendangan janji dan taburan menjelang PRU Ke-14. Kendatipun kami masih ingat dan ingatan kami masih segar dengan coretan-coretan janji menjelang PRU Ke-13 yang lalu, khususnya yang pertama. Janji harga minyak tidak akan naik. Kedua, GST, Menteri yang- hari ini tidak ada pula- tidak akan menyebabkan kenaikan harga barang. Jelas kedua-dua janji ini tidak ditepati.

Pada hari rabu 25 Oktober 2017 yang lalu, Pakatan Harapan telah membentangkan belanjawan kami, Belanjawan 2018 kami yang mempertegas kesungguhan Pakatan Harapan bagi mengetengahkan idea-idea fiskal, kewangan dan ekonomi dalam kerangka mengurus dan membangunkan negara yang bebas pada amalan kleptokrasi, rasuah, ketirisan, pembaziran, salah guna kuasa, penyiasatan terpilih, pendakwaan terpilih dan penghakisan Demokrasi Berparlimen.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Pakatan Harapan juga telah menggariskan, habis ini dahulu. Dasar-dasar sosioekonomi, perkembangan ekonomi serta perindustrian dan perdagangan yang menyentuh langsung dalam usaha merawat derita rakyat, lantaran salah urus dan tadbir kewangan negara oleh BN. Silakan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Permatang Pauh. Saya mendengar dengan begitu teliti perbahasan awal ini dan saya ingin menarik balik kepada mukadimah tadi. Saya mendengar Permatang Pauh menyatakan, "*Rakyat menderita sejak 2009, sejak Yang Amat Berhormat Pekan menerajui negara.*" Saya rasa ini kenyataan yang mengelirukan kerana kalau harga barang naik, tentulah ada sebab-sebab yang boleh dijelaskan. Oleh sebab-sebab keadaan di dunia umpamanya... [*Dewan riuh*]

Jadi Yang Berhormat Permatang Pauh, saya ingin memikirkan balik perkara ini kerana kenyataan, "*Rakyat menderita sejak 2009.*" ini kenyataan yang boleh mengelirukan. Saya harap Yang Berhormat Permatang Pauh bersedia untuk membuat *U-turn* kepada kenyataan ini.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Permatang Pauh. Kuala Langat, Kuala Langat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Kuala Langat, ya.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terheret untuk berfikir sejenak apabila Yang Berhormat Bagan Serai bangkit dengan mempertahankan Yang Amat Berhormat Pekan dengan istilah tidak membolehkan perkataan bermula pada 2009, kos sara hidup meningkat dan sebagainya.

Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Permatang Pauh, bersetuju kah dengan saya bahawa kos sara hidup meningkat kerana nya yang pertama cukai GST itu diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Keduanya subsidi ditarik oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Ketiganya ialah mata wang merudum kerana kegagalan pentadbiran kerajaan untuk mentadbir negara ini dengan efisien. Apakah Yang Berhormat Permatang Pauh setuju dengan saya, sebab itu kita berani mengatakan semenjak 2009 ekonomi negara, rakyat sengsara dan menderita. Bersetuju kah dengan saya Yang Berhormat Permatang Pauh?... [*Dewan riuh*] Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memanglah, tetapi Yang Berhormat Bagan Serai *you* baca, *you* dengar tidak? Saya kata sebab Yang Amat Berhormat telah mengatakan dan memberikan rujukan sejak 2009. Dia tidak menyatakan sebelum daripada itu, jadi ini yang menyebabkan saya memberikan satu reaksi begini.

Akan tetapi saya hendak meneruskan ucapan saya.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, boleh saya, Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Sehubungan dengan itu Pakatan Harapan juga mengatakan iltizam dan komitmen kami untuk menangani kenaikan kos sara hidup rakyat serta meningkatkan pendapatan rakyat dan negara. Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju bangun.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Tentang bajet yang dibentangkan oleh

Yang Amat Berhormat Pekan, hari Jumaat minggu lalu, ini angka untuk mengurus sangat tinggi tetapi angka untuk pembangunan rendah. Ini banyak pakar bagi komen ini menunjukkan Yang Amat Berhormat Pekan tidak serius tentang perkataan, dengan izin, “*middle-income trap*.” Bagaimana tentang angka boleh bagi Malaysia sampai satu tahap lebih baik dan lebih progresif? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Memanglah saya sudah sentuh dan saya tahu bahawa ini adalah satu yang menjadi persoalan dan isu yang besar, kalau pengurusan itu membengkak semenjak Perdana Menteri yang lain memegang. Saya hendak- izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maksudkan, apakah antara inti pati pengumuman belanjawan kami daripada Pakatan Harapan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun. Hendak bagi?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Silakan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Permatang Pauh, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, bahawa apabila Yang Amat Berhormat Pekan menyatakan bahawa ini merupakan ibu segala bajet, setuju kah Yang Berhormat Permatang Pauh, bahawa kenyataan itu sebenarnya amat menyedihkan kerana dalam ibu segala bajet ini, kaum ibu sebenarnya telah terabai.

Saya saban tahun selalu akan *check* tentang dua perkara penting yang berkenaan dengan kesihatan wanita, kaum ibu iaitu pemeriksaan *mammogram* dan juga HPV *vaccination*. Namun tahun ini saya nampak kedua-dua perkara ini, item ini telah dikeluarkan sepenuhnya daripada bajet. Sudahlah tahun-tahun lepas, bajet untuk kedua-dua perkara penting terhadap kesihatan ibu dikurangkan, tahun ini sudah dikeluarkan sepenuhnya. Tidak ada dalam bajet, tidak ada dalam ucapan. Jadi saya rasa amat mengecewakan apabila bajet dipanggil ibu segala bajet tetapi kaum ibu, kesihatan mereka terabai sepenuhnya. Minta komen Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Memanglah ya, kita melihat bahawa bajet untuk kesihatan telah dipotongkan, walau ibu kah, bapa kah, kalau sakit itu memang mahal. Dan kalau dipanggil ibu segala bajet itu hanya untuk sebagai satu yang menguar-uarkan bagi satu gambaran tetapi, ‘indah khabar dari rupa’.

■1210

Antara inti pati yang saya hendak sampaikan adalah apabila kita membuatkan pengumuman belanjawan kami:

- (i) hapuskan GST;

- (ii) hapuskan tol;
- (iii) pendidikan percuma untuk semua;
- (iv) pelaksanaan gaji minimum RM1,500 di seluruh negara;
- (v) rumah mampu milik;
- (vi) dasar hapus rasuah;
- (vii) hapus campur tangan politik dalam FELDA;
- (viii) menaikkan royalti minyak 20 peratus kepada negeri Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak;
- (ix) cuti bersalin 120 hari; dan,
- (x) dana RM15 bilion untuk pembangunan Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari kemudian, Yang Amat Berhormat Pekan membentangkan pula Bajet Kerajaan 2018, Kerajaan Barisan Nasional di mana beberapa pengumuman dilakukan yang nampaknya berunsur penjiplakan, meniru idea Belanjawan Pakatan Harapan... [*Tepuk*] Antaranya termasuk berkaitan tol, GST dan cuti bersalin.

Sebagai contoh, Pakatan Harapan kemukakan pelan penghapusan tol di jalan raya di seluruh Malaysia. Penghapusan tol-tol ini kami cadangkan dilaksanakan secara berperingkat. Kita akan mulakan proses ini dengan memastikan semua perjanjian tol didedahkan secara awam dan pakar-pakar forensik kewangan akan dilantik untuk membuat analisa terperinci. Sekiranya terdapat terma-terma yang berat sebelah, kami akan memulakan proses runding semula. Kami juga akan menyemak semua kos untuk mengambil alih semua konsesi tol. Sekurang-kurangnya kita akan bermula dengan pembekuan semua kadar kenaikan tol dan juga memulakan proses mengurangkan kadar yang ada.

Langkah ini akan menjimatkan kos pengangkutan yang ditanggung oleh rakyat untuk sekian lama. Langkah ini juga berbeza dengan pengumuman YAB Pekan yang membataskan pemansuhan tol dicuma empat lokasi terpilih. Saya mohon jangan terburu-buru mengalu-alukan pemansuhan empat tol ini. Kenapa? Kenapa?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Nanti sekejap saya hendak jawab saya punya persoalan ini. Kenapa kita tidak boleh kata, "*Woahhh dah mansuh empat tol ini!*". Apabila ditanya oleh wartawan di luar Dewan, Yang Berhormat Bagan Serai, Menteri Kewangan II memberitahu bahawa kerajaan tidak akan memberi pampasan kepada pemilik tol tetapi, tetapi- *back* tetapi akan memanjangkan tempoh konsesi tol yang lain. Ini adalah seumpama mencuri wang daripada pengguna tol-tol yang lain untuk membayar penghapusan empat tol ini. Satu sen pun tidak akan dikeluarkan oleh kerajaan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Beban pemansuhan empat tol ini akan ditanggung penuh oleh rakyat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, buat pencelahan.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Sila. Sekejap.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih. Saya terpanggil untuk menanya Yang Berhormat Permatang Pauh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tadi terheret, sekarang terpanggil Yang Berhormat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terpanggil. Kalau macam inilah main pindah sahaja kos itu kepada rakyat, kalau kerajaan tidak keluarkan satu sen pun mengikut laporan Menteri Kewangan II itu, bermaksud secara jujur, tidak payah jadi kerajaanlah. Ini tindakan yang tidak jujur dan saya hendak bertanya Yang Berhormat Permatang Pauh, adakah ini bertujuan untuk memancing undi di Selangor, Johor dan Kedah memandangkan Johor dan Kedah sudah pasti *insya-Allah*, akan ditawan oleh Pakatan Harapan. Mohon pencerahan. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Langat. Itu ...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, boleh?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Sekejap, sekejap. Saya jawab sekarang. Di bawah ...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tol, pasal tol.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** YAB Pekan, semuanya berkemungkinan. *Anything can happen*. Jadi kita- sila Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya juga terheret sebab tol ini satu isu yang *very sensitive*. Pertamanya, apabila kerajaan bercadang untuk menghapuskan tol di empat tempat ini, ini menunjukkan kerajaan mendengar masalah keluhan dan denyut nadi rakyat... [*Dewan riuh*] Yang pertamanya. Keduanya, ini akan meringankan beban rakyat terutamanya yang di bandar.

Tentang hendak menghapuskan tol di seluruh negara, seluruh *highway* ini, ini adalah satu cadangan yang tidak munasabah. Ini kerana tol ini perlukan penyelenggaraan, perlukan pembaikan, perlukan naik taraf, perlukan *lane* yang lebih umpamanya yang memerlukan perbelanjaan yang besar, Yang Berhormat Permatang Pauh. Kita bukan buat tol dengan *ayaq lioq*. Kita bukan hendak jaga tol dengan *ayaq lioq*. Dia kena ada duit. Jadi duit inilah yang digunakan untuk menjawab perkara-perkara seperti ini. Terima kasih.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, boleh sekali dengan Yang Berhormat Bagan Serai?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** [*Bangun*]

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Lembah Pantai juga. Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga tertarik selepas saya mendengar hujah Yang Berhormat Bagan Serai. Dia kata apa pihak kerajaan sebab dengar suara rakyat, sebab itu mereka mansuhkan lima tol. Akan tetapi bagi saya, saya rasa pihak kerajaan sebenarnya rasa tertekan, tertekan sebab kuasa rakyat, sebab hari ini rakyat sudah matang. Rakyat telah pun tahu macam mana untuk membuat keputusan. Saya rasa keputusan Kerajaan Barisan Nasional untuk menghapuskan tol, itu memang merupakan satu langkah yang baik tetapi pada hakikatnya sebenarnya pihak sebelah sana telah pun merasa tekanan daripada rakyat, tekanan daripada Pakatan Harapan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Mana pula tekanan. Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan, sentiasa fikir macam mana untuk selesaikan masalah rakyat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dan buat secara praktikal...

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Satu lagi daripada Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang melakukan secara praktikal. Tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, tidak bagi jalan, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Rasah ini sudah silap... *[Dewan riuh]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak timbul soalan tertekan. Ini bukan tertekan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dengan hati yang ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mencilah ...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Permatang Pauh bagi pada Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Ikhlas untuk membantu menyelesaikan masalah rakyat. Memang tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dengarlah sampai habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk, duduk dulu Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Dengarlah. Eh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semua duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Permatang Pauh, teruskan.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Teruskan. Okey. Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai kata dengar prihatin suara rakyat apa semua tetapi GST? Nanti saya masukkan dalam bahagian GST dan tol kata dihapuskan kata tidak boleh penyelenggaraan semua itu...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** [Bangun]

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Akan tetapi kenapa boleh hapuskan empat itu? Diambil pula daripada yang lain dan juga ...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tol Batu Tiga adalah sudah hendak *end term* dah. Konsesi akan habis. Silakan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai. Dia bagi Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat, kalau kita bandingkan isu perjanjian konsesi tol memang bukan unik dibuat di Malaysia dan pelbagai negara. Hanya yang unik di Malaysia ini, dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi. Kita terpaksa menunggu bertahun-tahun lamanya sebelum di-*declassified*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi persoalan saya sekarang ini, sementara kita menunggu jawapan daripada Kementerian Kewangan berapakah pampasan dan bentuk saham atau sebagainya, tidak lagi dijawab. PLUS juga telah mengeluarkan kenyataan bahawa mereka sekarang masih lagi berunding dengan kerajaan. Maksudnya sampai ke saat ini, tidak ada sesiapa yang tahu dalam Dewan Rakyat, rakyat di luar berapakah jumlah pampasan dan sama ada syarikat konsesi meraih keuntungan luar biasa yang sepatutnya dirangkumkan dalam perjanjian yang bukan dirahsiakan pada umum. Mohon jawapan, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Memang betul. Sebab itulah kita katakan kita akan buat kan supaya secara terbuka terma-terma ini. Kalau berat sebelah, kita runding semula.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Apakah salahnya itu? Kita kata itu dalam itu kalau Yang Berhormat Bagan Serai tidak hendak, Yang Berhormat Bagan Serai punya masalah tetapi pada kami, pada rakyat, kita memberikan penyelesaian itu untuk tol-tol dalam negara. Izinkan saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya hendak teruskan kepada GST pula Tuan Yang di-Pertua dan saya tengok ini dia sudah '*tap, tap, tap*' itu... *[Merujuk kepada jam di dalam Dewan]* Nampak gaya saya kena teruskan... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian dan pelepasan GST juga diumumkan oleh YAB Pekan bagi menghapuskan pengenaan GST daripada kadar enam peratus kepada sifar ke atas tujuh item, tujuh item sahaja. Bukan kesemuanya dan tidak termasuk barangan keperluan asas seperti susu bayi, lampin bayi, itu tidak masuk. Apa yang pelik dan tidak masuk akal adalah dengan penghapusan tujuh item ini, jumlah pungutan GST sepatutnya menurun tetapi tidak berlaku. Pada tahun 2017, pungutan GST dianggarkan mencapai RM41.5 bilion. Bagi 2018 pula, buku anggaran hasil Kerajaan Persekutuan menganggarkan pungutan GST meningkat lagi kepada RM43.8 bilion. Kenaikan tambahan pungutan GST sebanyak RM2.3 bilion.

■1220

Maka, apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sama sekali tidak serupa dengan apa yang tertera di dalam Buku Anggaran Hasil Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Apabila Pakatan Harapan mencadangkan GST dihapuskan sama sekali dengan memberi formula terperinci bagaimana ianya boleh dilakukan, cadangan ini dimomok-momokkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sebagai secara tidak realistik.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya apa yang diucapkan daripada mulut Yang Amat Berhormat Pekan tidak selaras dengan dokumen dia sendiri, ini bukan soal realistik ataupun tidak realistik tetapi soal sama ada beliau telah mengelirukan rakyat dan Dewan yang mulia ini.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, sikit. GST, GST.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ah, sudahlah kita bagi dah banyak kali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Pengumuman daripada Yang Amat Berhormat Pekan berkaitan penghapusan empat tol dan tujuh item GST ini...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** ...Tentu sahaja tidak langsung- ini saya jawab ini betul ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh bagi laluan?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Nanti kejap saya hendak- Yang Amat Berhormat Pekan yang berkaitan dengan penghapusan empat tol dan tujuh item GST itu secara tidak langsung membuktikan beliau sedar bukan tidak sedar, dia sedar bahawa kedua-dua perkara ini memang menjadi beban sara hidup rakyat.

Walaupun beliau menyedari perkara ini, apa yang dibentangkan ini hanyalah sekadar melepaskan batuk di tangga, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tidak ada langsung usaha yang serius bagi meringankan beban rakyat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kapar, Kapar.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Kapar, silakan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh.

Semua rakyat Malaysia mengetahui bahawa Yang Amat Berhormat Pekan adalah seorang bangsawan. Dalam bahasa Inggeris, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *born with the silver spoon*. Hidup yang mewah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, perbahasan di Dewan, jangan sentuh tentang sifat seseorang.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua tapi ada mesej yang hendak disampaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ia ada halangan peraturan mesyuarat. Karakter jangan disentuh terhadap seseorang Ahli dalam Dewan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya sambung, okey. Kita kenal dengan kehidupan yang mewah dengan- kita ada isu-isu di mana Yang Amat Berhormat Pekan naik kapal terbang *private jet* dikelilingi dengan orang-orang kaya dan andaian saya

adalah bahawa Yang Amat Berhormat Pekan tidak dapat merasai penderitaan, kesengsaraan dan keperluan rakyat biasa..

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dalam erti kata lain, Yang Amat Berhormat Pekan tidak faham dan tidak akan memahami mengenai kesan negatif GST, tol terhadap bebanan kos kehidupan rakyat biasa.

Saya ingin tujukan soalan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh juga seorang bangsawan? Mohon pencerahan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Berkaitan, Yang Berhormat Permatang Pauh, GST.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** *[Ketawa]* Terima kasih, Yang Berhormat Kapar. Nama saya Wan tapi saya bukanlah bangsawan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, izinkan Kota Tinggi mencelah sedikit.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Permatang, berkaitan. Pasal GST.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, saya hendak tanya sedikit...

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya hanya anak seorang penjawat awam. Ibu saya seorang suri rumah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya pun rakyat marhaen hendak minta pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, boleh? GST.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat Permatang Pauh?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya dibesarkan dalam keluarga penjawat awam dan saya saksikan sendiri untuk semua penjawat-penjawat awam bagaimana komitednya anda semua dan gigihnya penjawat awam membangunkan negara kita sejak merdeka. Terima kasih.

Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya bimbang sebab kenyataan pembangkang ini sudahlah mereka keliru dan terus mengelirukan rakyat.

Pertama, GST tidak pernah menyusahkan orang... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tak apa, tak apa. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagilah...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** GST, gambaran yang diberikan salah. Yang Berhormat Permatang Pauh, *I just want so say something.*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Kalau itulah apa yang dicakap, saya tidak bagi peluang.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Bila masa GST tidak menyusahkan orang, Yang Berhormat Bagan Serai, bila masa?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tujuh item turun barang, katakan GST tidak turun, itu... [*Dewan riuh*]

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Bagan Serai faham. Turun kepada rakyat biasa tanya. Bagi Yang Berhormat Kota Tinggi senang.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Akan tetapi GST naik sebab GST adalah cukai penggunaan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya sudah minta tapi Yang Berhormat Permatang Pauh tidak bagi.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Bagan Serai, apa hal?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, GST adalah cukai kepenggunaan. Tujuh item diturunkan tidak bermakna kutipan GST akan turun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ini bukan *personal experience.*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini bergantung kepada kepenggunaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Orang-orang kaya, orang-orang yang mampu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar duduk.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Faham maksud GST?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Yang menggunakan yang lebih, maka pendapatan GST akan naik.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, duduk. Yang lain duduk.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Minta maaf. Saya tidak bagi Yang Berhormat Bagan Serai. Bagi ini...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hai, tidak *kenai* kah?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tidak bagi laluan, takutkah?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Berkaitan dengan soal GST, baru-baru ini Dewan Perniagaan Melayu Malaysia telah pun menyebut bahawa sebahagian besar peniaga-peniaga Melayu gulung tikar akibat GST. Juga, sebulan yang lalu, Pertubuhan Peladang Negeri Kedah mengadakan mesyuarat agung tahunan mereka dan meluluskan satu usul untuk meminta kerajaan mengecualikan GST ini yang berkaitan dengan barangan-barangan dan perkhidmatan yang menyentuh soal petani. Ini kerana kesan daripada GST ini, kos operasi pertanian padi ini meningkat 30 *percent*. Beban yang amat sangat. RM200 yang diumumkan oleh Perdana Menteri ini hilang *lengoh* untuk tiga bulan ini waktu mereka buat padi.

Baru-baru ini pun di-*viral*-kan bahawa lima ke enam pasar raya *Giant* akan ditutup. Antaranya ialah berpunca daripada perniagaan runcit mereka menurun akibat daripada kesan kos sara hidup yang tinggi. Pengguna terpaksa ikat perut, lalu dia tidak banyak berbelanja. Jadi, peniaga kecil pun tutup gulung tikar, peniaga besar pun gulung tikar. Kalau peniaga besar begini pun gulung tikar, bagaimana gambaran menunjukkan kehidupan masyarakat terbanyak kita ini begitu parah.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa GST inilah yang merupakan punca masalah terbesar? Bukan kita menafikan perkara-perkara subsidi yang lain ini tapi ia paling terbesar yang menyebabkan kos sara hidup yang tinggi menyebabkan penderitaan yang dialami oleh rakyat dalam negara kita.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pokok Sena. Memang saya setuju. Saya tidak setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Bagan Serai katakan GST tidak membebankan. Mungkin kepada Yang Berhormat Bagan Serai tetapi kepada kebanyakan rakyat memang membebankan. Siapa yang merasa keperitan hati rakyat kalau Yang Berhormat Bagan Serai katakan, "*Oh, tidak membebankan, memang GST itu bagus*"?... [*Dewan ketawa*]

Jadi, jelaslah kritikan terhadap cadangan penghapusan tol dan GST tidak lain dan tidak bukan...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Keliru dan mengelirukan rakyat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** ...Hanya permainan politik bagi menutup sebenar pelaksanaan GST.

Pelaksanaan GST adalah semata-mata untuk menampung kekurangan dana kerajaan akibat pemborosan, rasuah dan ketirisan. Maka seluruh rakyat dan fakir miskin, penerima BR1M, asnaf, zakat pun terpaksa membayar GST. Maksudnya tidak semua rakyat mendapat BR1M tetapi semua rakyat mesti membayar, terpaksa, dipaksa membayar GST.

Dalam pada Yang Amat Berhormat Pekan mengumumkan pengecualian dan pelepasan GST tersebut, mari kita lihat apa yang dikecualikan. Tuan Yang di-Pertua, antara yang terdapat pengecualian adalah pengimportan *big ticket item* seperti kapal terbang, kapal laut. Itu tidak ada GST. Bayangkan, kapal terbang dan kapal laut dihapuskan GST. Siapa individu- mungkin Yang Berhormat Bagan Serai boleh bayar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, boleh? Terima kasih, Yang Berhormat Permatang Pauh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebelah sini boleh semua.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bila terdengar kapal terbang dan juga tentang isu kapal laut ini, saya teringat satu orang sahaja iaitu Jho Low, okey... [*Ketawa*] Kita semua faham kapal terbang Jho Low, *private jet* dia disita di Singapura.

Baiklah, sekarang kita sudah bagi *exemption* GST kepada kapal terbang dan kapal laut mewah. Boleh dia pulang ke Malaysia, boleh pulang beli kereta, kapal terbang baru dan juga beli...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Cakap dasarnya, Yang Berhormat Kelana Jaya. Ini apalah melalut ini. Dasar!

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Soalan saya ialah- soalanlah. Kita hendak minta Jho Low balik. Menteri sudah kata dia tidak buat apa-apa salah pun, tidak ada jenayah isu dia. Saya hendak tanya Yang Berhormat Permatang Pauh, patut kah kita hantar satu kad jemputan pulang ke Malaysia? Minta pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya kata dekat Jho Low, balikkah. Tidak perlu kad jemputan..

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh bagi peluanglah saya cakap.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tidak rindukah kepada kampung halaman di Pulau Pinang? Baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Bagilah peluang cakap.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tidak payahlah... *[Ketawa]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tidak apa, terima kasih. Takut kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Mengapakah golongan maha kaya ini boleh diberikan keistimewaan padahal mereka adalah golongan yang mempunyai keupayaan membayar cukai? Mereka boleh diberikan keistimewaan-mungkin Yang Berhormat Kota Tinggi pun istimewa, tidak apa, tidak payah bayar cukai...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya marhaen. Saya bukan Kak Wan, saya marhaen sahaja.

#### ■1230

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Dasar apa ini? Dasar apa ini? Yang elit maha kaya diberikan pelepasan. Yang miskin rakyat kebanyakan terus menerus dihipit dengan cukai yang membebankan. Dasar yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana.

Tuan Yang di-Pertua, BR1M disebutkan sebagai satu bentuk subsidi yang menasarkankan golongan miskin dan berpendapatan isi rumah kurang daripada RM4,000 sebulan. Rata-rata mereka berusia 21 tahun ke atas. Yang Amat Berhormat Pekan dengan bangganya mengumumkan seramai tujuh juta penerima akan kekal menerima BR1M. Ini bererti daripada seramai 18.35 juta warganegara Malaysia yang berusia 21 ke atas, 38 peratus daripada mereka masih kekal berada di dalam kategori berpendapatan rendah dan kekal dalam kepompong kemiskinan.

Ini membuktikan juga akan kegagalan dasar ekonomi Yang Amat Berhormat Pekan dalam kerangka membasmi kemiskinan dan menganjukkan tujuh juta rakyat Malaysia ini, penerima BR1M, agar bebas daripada hidup bersubsidi dan himpitan kehidupan berpendapatan rendah. BR1M hanya akan dilihat berjaya jika jumlah penerima BR1M berkurangan tahun demi tahun sejak ia diperkenalkan pada tahun 2012. Bermula dengan seramai 4.1 juta penerima BR1M pada 2012, setelah lima tahun pelaksanaannya Kerajaan BN bukan sahaja gagal mengurangkan, bahkan bertambah lagi kerana bertambahnya BR1M daripada 2.9 juta, menjadikan jumlah sekarang penerima BR1M tujuh juta.

Ini menunjukkan peningkatan lebih pada 70 peratus golongan miskin penerima BR1M pada hari ini berbanding lima tahun yang lalu. Adakah ini bererti kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan melahirkan dan menambah golongan miskin penerima BR1M? Jikalau dikira secara terperinci kesan dan akibat kenaikan kos sara hidup dan kadar inflasi negara, saya rasa jumlah rakyat miskin akan meningkat. Boleh juga dikatakan Yang Amat Berhormat Pekan dan seluruh anggota Kabinetnya telah gagal, termasuklah penyokong-penyokong seperti Yang Berhormat Bagan Serai. Gagal memimpin dan mengurus tadbir negara dengan baik dan berkesan. Ini kerana dia kata GST tidak membebankan, tidak terasa keperitan rakyat.

Sebuah kerajaan yang bertanggungjawab akan memikirkan satu dasar yang mampu membimbing kelompok ini keluar daripada kepompong kemiskinan. Bukan hanya memberi ikan tetapi memberikan juga kain. Atas kegagalan ini, rakyat perlu membuat keputusan yang bijak dalam PRU Ke-14 yang akan datang. Saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, apakah Bajet 2018 ini bertujuan untuk memancing undi dalam PRU yang akan datang? Ini kerana saya dapati dana awam digunakan semahunya untuk memberi pelbagai bayaran khas yang diumumkan. Akan tetapi ada yang tidak kena.

Untuk perhatian Dewan yang mulia ini, pasukan saya telah meneliti seluruh keseluruhan dokumen yang dibekalkan dan kami dapati semua bayaran-bayaran ini yang dikatakan semua ini, saya akan katakan, tidak tercatat. Tidak tercatat dalam dokumen Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018 ini. *Where is it*, mana dia? Dengan izin. Saya bimbang jika peruntukan ini tidak tercatat dalam buku Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 2018, ia akan menjadi seperti apa yang dinukilkan oleh Sasterawan Negara, A Samad Said. "*Bajet manis-manisan ke pilihan raya. Selepas itu, hamis dan lara dan seksa*". Antara bayaran-bayaran khas yang dimaksudkan adalah seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, tengah *exercise* leher ya?... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Tengah *exercise* tengkuk.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Okey. Sambil *exercise* bolehlah dengar pada apa yang dikatakan, yang tidak dalam buku anggaran. Ini semua tidak dicatat dalam buku anggaran.

Satu. Bayaran *one-off* kepada Ketua Kampung, Tok Batin seramai 9,800 orang penerima dengan kadar RM1,500 seorang. Menurut kiraan ini, akan melibatkan bayaran jumlah RM14.7 juta. Bayaran khas *one-off* untuk imam, bilal, guru KAFA, guru takmir dan tok siak. Ini melibatkan 65,000 orang penerima dengan kadar RM1,500 juga seorang. Pembayaran berjumlah kosnya RM97.5 juta. Bayaran khas untuk semua penjawat awam, seramai 1.6 juta penjawat awam, bayaran dengan kadar RM1,500 seorang. Ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM2.4 bilion. Bayaran khas untuk pesara kerajaan, melibatkan 775,000 orang pesara dengan kadar RM750 seorang. Ini melibatkan pembayaran berjumlah RM581,250,000. Keseluruhan bayaran-bayaran khas yang

diumumkan membawa implikasi kewangan, penambahan perbelanjaan berjumlah melebihi RM3 bilion. Kalau tepatnya RM3,093,450,000. Hendak tunjuk kita ini kira Tuan Yang di-Pertua. Bukannya kita main ambil atas angin, Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak di manakah wang sebanyak RM3 bilion yang diperuntukkan untuk bayaran khas ini. Apakah janji ini boleh ditepati? Kaedah pembayarannya akan dilakukan melalui dua peringkat, iaitu pada Januari 2018 dan menjelang Hari Raya Aidilfitri. Oleh sebab Majlis Parlimen yang Ketiga Belas ini akan berakhir mandatnya pada 24 Jun 2018, saya yakin bayaran khas ini dan jadual pembayarannya mempunyai kaitan langsung dengan PRU Ke-14 yang akan datang.

Pandangan saya diperkukuhkan lagi dengan pengakuan Yang Amat Berhormat Bagan Datuk, yang menyatakan bahawa Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan adalah bajet pilihan raya. Ini didapati dalam laporan dalam *Berita Awani*. Suka saya mengingatkan bahawa peruntukan dana ini adalah hasil negara dan wang milik rakyat. Bukannya milik UMNO ya, Yang Berhormat Bagan Serai, atau BN. Milik rakyat. Dana awam, hasil negara. Jika hasil negara tidak mencukupi untuk menampung bajet ini, defisitnya akan ditampung melalui penjualan bon. Bayaran balik bon juga akan ditanggung oleh negara dan rakyat Malaysia. Bukannya oleh pemimpin Barisan Nasional sahaja.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, pencilahan.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya tidak faham kalau ini bayaran bonus, kenapa tidak dibayar pada masa hari raya ataupun masa pertengahan tahun atau akhir tahun? Saya tidak pernah dengar majikan bayar bonus pada permulaan tahun. Ini kerana bila bonus itu diberi atas keuntungan hasil daripada syarikat. Adakah ini juga berbentuk gula-gula, kurang lebih macam rasuah kah apa? Saya pun tidak tahulah. Setuju atau tidak Yang Berhormat Permatang Pauh? Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Permatang Pauh. Sedikit. Sebentar.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Permatang Pauh. Tadi dibangkitkan soal bahawa bayaran ini, yang sebanyak lebih kurang RM3 bilion ini tidak dinyatakan secara spesifik di dalam buku anggaran perbelanjaan. Kita, Dewan semua tahu

bahawa Yang Amat Berhormat Permatang Pauh juga berada di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor. Saya tengok Selangor umum secara terus terang dan berani bahawa kakitangan kerajaan dapat dua bulan bonus. Saya percaya pasti ada dalam perbelanjaan negeri, tidak seperti mana Kerajaan Persekutuan.

■1240

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Permatang Pauh, adakah ini menunjukkan bahawa seolah-olah Kerajaan Persekutuan ini sudah seperti kekeringan dana? Cuba menyorok atau bermain *hide and seek* kerana ini adalah merupakan isu besar. Malah, kalau kita tengok *WhatsApp* satu dua hari ini pun Yang Berhormat Permatang Pauh, ada kakitangan kerajaan yang kemukakan cerita bahawa kami ini setaraf dengan Tok Batin. Tok batin dapat RM1,500, kami kakitangan awam pun dapat RM1,500. Apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya ingatkan kalau tanya Pakatan Harapan, Tok Batin dengan penjawat awam ini adalah kelainannya. Ada perbezaan, tidak boleh disamakan. Saya ini ya tahu sebab saya juga di ADUN Selangor dan Pulau Pinang pun, Pakatan Harapan juga membayar bonus macam mana yang diperkatakan. Kita membayar bonus berdasarkan prestasi dan penjimatan daripada penjawat awam. Oleh itu kita bayar masa hari raya dan tidak pernah bayar permulaan tahun. Di Selangor juga kita bayar bukan sahaja RM1,800, tetapi dua bulan gaji. Tuan Yang di-Pertua, dua bulan gaji.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Silakan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Kita kini memahami gelombang rakyat yang mendahagakan perubahan. Sekiranya rakyat memilih dan mengundi kita, Pakatan Harapan pada PRU Ke-14. Dan kita menjadi Kerajaan Persekutuan yang baru, adakah kita juga akan membayar RM1,500 bonus yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Pekan? Apakah pandangan dan pencerahan Yang Berhormat Permatang Pauh?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Kapar. Memang soalan yang baik. *Insyah-Allah* jika kita menang secara prinsipnya, apa-apa yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Pekan kepada rakyat semasa mewakili Kerajaan Malaysia, kita perlu kotakan janji tersebut. Jadi saya hendak pesan kepada semua ya, terimalah rezeki yang telah diberi ini. Akan tetapi kenapa kena terima ialah kerana ini adalah hak saudara saudari yang telah diambil daripada wang rakyat. Akan tetapi jangan gadaikan undi saudara saudari dan jangan termakan umpan apabila diberikan sogokan, ambil apa yang perlu. Ambil apa yang hak, tetapi undi adalah hak tuan-tuan dan puan-puan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Umpan ambil, tetapi mata kail jangan telan.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Memang betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Yang Berhormat Bagan Serai bangun lagi Yang Berhormat, hendak bagi?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tidak payahlah kot.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sudah tidak berani sudah? Fasal cakap semua tidak betul.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tidak. Bila apa, bila Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bila kita bagi, bila kerajaan bagi, dia kata umpan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bila kerajaan tidak bagi, dia kata kerajaan tidak prihatin. Ni apa punya cakap ni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *You* bukan Menteri nak jawab. Nanti tunggu jadi Menteri boleh jawablah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, duduk sudah.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dikatakan GST tidak membebankan, saya tidak perlu lagi dengar yang lain. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Nak bagi penerangan sebab tidak faham.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ini apa Yang Berhormat Bagan Serai ni?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu pun salah juga Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya bangun sebab Yang Berhormat Bagan Serai ini bangun. Bagi dia arahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Salah juga. Salah.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 ini jelas terdapat ketempangan terutama daripada sudut peruntukan pembangunan yang hanya merangkumi 17 peratus daripada keseluruhan bajet. Jika kita bandingkan dengan peruntukan pembangunan yang dicadangkan menerusi Belanjawan

Pakatan Harapan 2018, kami menyasarkan 23 peratus diperuntukkan untuk belanja pembangunan. Apa yang lebih menyedihkan seperti tahun-tahun sebelum ini, bajet pembangunan Kerajaan UMNO BN kepada Sabah Sarawak akan hanya ditambah menjelang pilihan raya. Saya sudah dengar berjanji pembinaan Lebuhraya Pan Borneo ini sejak saya di sekolah Tuan Yang di-Pertua. Bayangkanlah sejak saya sekolah. Saya baca masa dulu, *Straits Times* tidak ubah lagi, tidak jadi lagi *New Straits Times*. Pan Borneo saya kata bagus. Pan Borneo, hari ini saya di sini, *Pan Borneo Highway*, *Pan Borneo Highway*, bila nak siap?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya sendiri pergi melawat usaha Keadilan Sabah dalam gotong-royong menyiapkan membina jambatan gantung di Kampung Lobong-Lobong, di DUN Kedamaian, di bawah Parlimen Kota Belut. Parlimen di bawah Menteri. Menteri ya.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Siapa? Darpada mana ini?

**Seorang Ahli:** Menteri.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Menteri gulunglah, tidak payah tanya sayalah. Ini *floor* saya. Jawablah ya. *Thank you. Thank you. Thank you.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tidak payah. Menteri menjawab ya. Tunggu sehingga habis. Saya pergi ke Kampung Lobong-Lobong.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Timbalan Perdana Menteri pada 1995 dulu melawat Kapit. Saya hendak tanya...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, *I thought the business of the Minister is to reply, not to ask.*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Menteri tunggulah. Beri peluang kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Menteri gulung sajalah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Relakslah.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Dia hendak tanyalah. Tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Hendak tanya tidak boleh. Timbalan Menteri mana boleh tanya, gulung bolehlah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut] :** Ini Timbalan Menteri nak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain tidak payah bantu.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Timbalan Menteri nak tanya, dia *part of executive*. Dia jawablah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sebab hendak tanya berkaitan dengan perkara 1995 dulu, Permatang Pauh masa itu Timbalan Perdana Menteri. Itu saya hendak bertanya. Saya wakil kawasan Kapit.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Izinkan saya cerita.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Melawat Kapit pada masa itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Kapit, tidak bagi jalan Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Bolehlah saya tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan. Duduk ya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri dia boleh tanya soalan, dia letak jawatan dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain itu...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya, saya setuju. Letak jawatan, tanya soalan. Tiada masalah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya ada hak untuk Kapit sebab saya dipilih oleh pengundi di Kapit.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya betul. *You* letak jawatan, *you* tanya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kapar duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kapit dia tidak ikut peraturan. Akan tetapi di belakang itu pun sama juga, tidak ikut peraturan juga. Jadi teruskan.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Julau bangun. Hendak bagi Yang Berhormat Julau?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Julau.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Julau. Okey.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini bekas Timbalan Menteri. Ini boleh.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Memang betul apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi iaitu bahawa *Pan Borneo Highway* ini lama

sudah dijanjikan dan kita hanya hendak bertanya, siapakah Perdana Menteri yang menjanjikan ini dulu dan siapakah Timbalan Perdana Menteri dan siapakah Menteri Kewangan yang begitu lama sudah berjanji tetapi tidak menunaikan janji tersebut. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Perdana Menteri dan kerajaan daripada Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu *out of order*. Yang Berhormat Permatang Pauh jawab.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, dulu semua dulu Timbalan Menteri itu. Dia pun sama dalam eksekutif. *You were in the government before. You have to answer. You are accountability for all* dan kerajaan negeri ada. *Sabah Sarawak, you have to do it.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Biar saya masuk lagi kepada...

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sebab bawah Perdana Menteri jalan dilaksanakan, mengapa tidak dahulu...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, ini gara-gara BN sudah nak jadi pembangkang dalam PRU yang akan datang. Sudah tunjuk satu teladan. Bagus, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya hendak masukkan dalam ini ialah bagaimana jambatan tergantung- *suspension bridge* yang dibuat di Kampung Lobong-Lobong yang telah dibiayai oleh Parti Keadilan Sabah. Ini kerana jambatan lama telah runtuh akibat gempa bumi masa melanda Gunung Kinabalu dan selepas itu jambatan telah roboh. Kerajaan BN, ini bukan dulu-dulu kala. Ini sekarang. Kerajaan BN janji RM50,000, tidak datang-datang.

Jadi sekarang ini apa yang buat adalah kerajaan, bukan kerajaan tetapi *insya-Allah* ini Pakatan Keadilan Sabah telah kutip-kutip duit berikan pada- berikan segala kebaikan kepada lima buah kampung yang tidak dapat menyeberangi sungai sebab saya ada di situ. Sungai itu memang Sabah Tuan Yang di-Pertua, cantik betul. Memang cantik betul. *Masya-Allah*. Akan tetapi ada *suspension bridge* memang hanya untuk seorang sahaja sebab kita tidak mempunyai dana dan RM50,000 yang dijanjikan oleh BN tidak ditepati.

## ■1250

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh bertanya? Tolonglah. Permatang Pauh boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat...

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Kasihan lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi, tidak bagi jalan ya.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tidak boleh?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Kesiannya Eksekutif, kami pembangkang, kami kesian la buat *suspension bridge*.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya nak bertanya Yang Berhormat Permatang Pauh dulu, Timbalan Perdana Menteri berapa kali dalam masa dia jadi...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapit...

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** ... Melawat Sarawak?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Aturan peraturan mesyuarat *I think this Minister is making fool of himself.*

*[Dewan ketawa]*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat, saya nak tanya kepada Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peraturan yang mana Yang Berhormat?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Saya tidak ingat, tetapi peraturan mesyuarat lah. Maknanya saya nak tanya adakah Yang Berhormat Kapit diarahkan untuk mewakili Menteri untuk mencelah? Asyik-asyik dia sahaja tidak ada muka lain? So saya ingat kalau betul...

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya sebagai...

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat, duduk.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Dewan ini yang dipilih oleh rakyat Kapit.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Tidak mengapa nanti jawablah sebagai Menteri semasa menggulung.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tidak perlu saya tidak diarahkan oleh siapa-siapa pun.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Ha, okey kalau tidak ada tidak mengapa, sebab balik-balik muka ini, boringlah. Muka lain tidak ada kah? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Okey Yang di-Pertua, apa yang *timer* itu tengah macam itu ya saya hendak kena teruskan.

Okey. Jadi sebenarnya lepas *suspension bridge* itu ya, meskipun RM6.8 bilion adalah jumlah keseluruhan peruntukan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak untuk pelbagai projek pembangunan, namun, lihat sahaja, lihat sahaja dia bagi RM6.8 bilion, berapa banyak sekolah masih daif. Rumah panjang yang belum dapat kemudahan asas seperti air bersih dan elektrik. Anak-anak Sabah dan Sarawak yang tercicir pendidikan, tetapi seperti biasa tahun pilihan raya Yang Amat Berhormat Pekan akan tabur segala janji untuk memancing undi daripada Sabah dan Sarawak.

Lihat saja peruntukan duit Sabah dan Sarawak yang merangkumi jalan-jalan di luar bandar. Jalan-jalan luar bandar Sabah, *have you been?* Saya pergi ke Sabah, naik itu macam naik Osim. Empat *wheel drive*, empat-empat naik macam naik Osim. Ya, dan apa anggarannya adalah RM500 juta. Bekalan air bersih hanya berjumlah RM620 juta. Berbanding, bandingkan dengan peruntukan pembangunan untuk Jabatan Perdana Menteri mencecah RM12.2 bilion. Bandingkan. Cakap banyak tidak sah, *you* dibandingkan dengan angka dia. Perbezaan yang sungguh ketara untuk pembangunan di antara membina jalan raya dan bekalan air bersih di Sabah dan Sarawak dengan peruntukan khas untuk perjawatan Perdana Menteri.

Ini adalah *discretionary* bajet untuk Perdana Menteri. Berapa lama tahun lagi ya? Kita melihat Yang Amat Berhormat Pekan mengingkari Perjanjian Malaysia 63. Berapa lama lagi? Berapa lama lagi kita mahu melihat anak-anak Sabah dan Sarawak terus ketinggalan daripada arus pembangunan yang mereka sewajarnya terima. Tidak mengapalah Yang Berhormat-Yang Berhormat ini...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** ...Yang Berhormat Timbalan Menteri ni okey, *Alhamdulillah*. Tapi yang lain itu? Yang lain tu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Penampang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya bercakap juga bagi pihak mereka. Jadi kalau pihak Eksekutif, Timbalan Menteri dengar lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Penampang bangun.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** *You are part of executive now. You nak mintak kan yang lama-lama itu dia dalam penjara sekarang.*  
[Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Permatang Pauh hendak bagi Yang Berhormat Penampang?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Silakan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya tertarik dengan pembahasan berkenaan dengan Malaysia Agreement 1963. Setujukah, Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa banyak jawapan daripada Yang Amat Berhormat Pekan dan juga Kabinet Malaysia di mana mereka kerap kali menyebut pasal *technical committee* yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan terma-terma yang tidak dijalankan ataupun tidak dilaksanakan berkenaan dengan Perjanjian Malaysia Tahun 1963 ini. Akan tetapi sepatutnya *technical committee*, badan-badan yang ditubuhkan oleh kerajaan ini tidak di-*setup*-kan dengan izin, kerana Perjanjian Malaysia adalah satu perjanjian yang sudah ada. Tidak payah *expert* untuk membaca. Tidak juga payah *lawyer* untuk membaca. *The kerajaan must take responsibility to perform each and every term of the Malaysian Agreement 1963.*

Yang Berhormat Permatang Pauh saya juga ingin tanya dalam buku Anggaran Perbelanjaan dimasuk, lagikah mungkin 20 atau 30 kali dalam bajet. Di mana Bahagian 10 Perlembagaan Malaysia masih dikira. Bahagian 10 ini adalah pemberian khas kepada Sabah iaitu 2/5 ataupun 40 peratus daripada cukai yang dikutip dari Sabah mesti dikembalikan, hanya dalam jumlah RM26.7 juta setiap tahun sejak tahun 1996.

Yang Berhormat Permatang Pauh setujukah bahawa Sabah, dihutang - *I mean* banyak hutang Kerajaan Persekutuan kepada Sabah dan jumlah RM26.7 juta ini sepatutnya tidak dimasuk dan *the real figure that is owed to Sabah must be return back to Sabah.* Thank you. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Tadi saya, hari ni maka saya, sekejap ya Yang Berhormat Bintulu. Saya seru Ahli-ahli Parlimen Sabah dan Sarawak termasuk Yang Berhormat Bintulu melihatlah Yang Amat Berhormat Pekan hanya menabur janji yang sering kali dimungkir. Lebih sedih lagi apabila Sabah dan Sarawak yang hanya dilihat sebagai *fix deposit*. Yang Berhormat Bintulu, *you only a fix deposit, you know.* Ya, Barisan Nasional. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya cuma minta sedikit penjelasan. Kita negara ini tahun 90-an. Siapa jadi Perdana Menteri? Siapa jadi Menteri Kewangan? Dalam masa itu, berapa peruntukan bersedia untuk Sabah dan Sarawak. Terutama sekali jalan dan juga kita sekolah daif punya macam mana. Begitu juga dalam masa itu saya faham ada sebahagian peruntukan berapa ratus juta, projek itu bagi siapa? Berapa sekolah sudah

naik taraf? Dalam masa itu, saya minta Yang Berhormat Permatang Pauh faham itu masa, masa zaman itu. Memang tadi saya dengar cakap ini Barisan jawab. Dalam itu zaman / ingat itu pemimpin-pemimpin sekarang, konon-kononnya Pakatan Harapan, masa itu pun dalam Barisan punya Kabinet. Kenapa dalam masa itu peruntukan sudah *kongkalikung*, tidak bagi. Minta penjelasan sedikit. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Kongkalikung* lah, pihak kerajaan sama sahaja, mana ada tukar kerajaan, BN itu lah. Sebab tu kita nak keluarkan kenyataan ni. BN lah kerajaan, BN yang tidak memberi janji-janji tu. *Kongkalikung* lah.

*[Dewan ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya cuma tanya Pakatan Harapan punya Pengerusi dulu dia dari mana? Itu masa Kementerian Kewangan, Menteri dari mana? Siapa dia? Berapa sudah bantu Sabah Sarawak?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Dari BN lah. Dia memang daripada BN pada masa itu.. Dia berusaha dalam BN pada hari itu, jadi BN punya kerajaan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya cuma bertanya. Itu masa Dr. Mahathir dari mana? Datuk Seri Anwar dari mana? So, kita mesti mahu lihat, kita mesti mahu lihat. Jangan orang punya salah sekarang semua kira atas kepala kita. Semua kata Pakatan Harapan semua betul. Janganlah, cerita ini, betul-betul cerita ini kongkalikung punya cerita. Janganlah, kasi keliru dalam Dewan dan juga keliru dalam golongan rakyat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ya, terima kasih, terima kasih sudah. Ya, Yang Berhormat Bintulu *you* selalu dapat *floor*, saya jarang dapat *floor*. Ini *floor* saya. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tidak ada masa, minta maaf. Jadi dengan persepsi ini, UMNO terus hanya menggula-gulkan rakyat Sabah dan Sarawak menjelang PRU, bukan untuk dibangunkan dengan sewajarnya, apatah lagi sebagai rakan kongsi yang setara. Subsidi Barisan Nasional tidak boleh dipakai lagi terutama di Sabah. Apa yang kita lihat sekarang adalah kebangkitan suara rakyat Sabah dan Sarawak menuntut hak mereka di bawah Perjanjian 1993.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira mendengar peruntukan Kementerian Kesihatan ditambah. Namun, di dalam perkara untuk farmasi dan ubat-ubatan, saya perhatikan potongan RM19 juta akan berlaku pada tahun depan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat banyak rungutan. Saya pergi ke hospital, "*Azizah, Azizah, why I am a pensioner, I have to pay*", dengan izin. Ini

menunjukkan kekurangan bekalan-bekalan daripada hospital kerajaan. Dengan potongan tersebut keadaan bekalan ubat dan peralatan akan lebih parah. Pemotongan ini tidak wajar di kala kesihatan di antara perkara pokok dalam menjamin kesihatan rakyat yang kebanyakannya mengharapkan bantuan melalui hospital dan klinik kerajaan. Kesihatan rakyat tidak boleh di kompromi. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab sepatutnya meletakkan kemudahan...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh sambung petang. Yang Berhormat sambung petang Yang Berhormat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya? Okey

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sambung petang nanti.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya difahamkan ada baki lagi masa 18 minit. Sila.

**2.37 ptg.**

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba sedaya upaya menghabiskan apa yang saya mulakan pagi tadi dan sambung pada sekarang ini. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, sepatutnya bukan sahaja meletakkan kemudahan kesihatan sebagai keutamaan tetapi juga pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, pengurangan peruntukan kepada beberapa universiti awam menunjukkan betapa Yang Amat Berhormat Pekan tidak meletakkan pendidikan sebagai keutamaan. Pemotongan-pemotongan tersebut di antaranya adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), peruntukan RM407.224 juta pada tahun 2017 kepada RM400 juta sahaja. Pengurangan sebanyak RM7.224 juta. Universiti Malaysia Pahang, peruntukan RM213.459 juta pada tahun 2017 kepada RM210 juta sahaja. Pengurangan RM3.45 juta. Universiti Teknologi Mara (UiTM), peruntukan RM1.671 bilion kepada RM1.670 bilion. Pengurangan RM1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah RM1 juta itu nampaknya tak banyak tetapi prinsipnya sama, peruntukan pendidikan dipotong. Jadi, saya merasakan ini adalah satu yang tidak wajar yang berlaku pada institusi pendidikan kita.

Saya teringat apabila dulunya mantan Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim keluar daripada universiti, Tuan Yang di-Pertua, menubuhkan satu sekolah malam, sekolah khas untuk pelajar-pelajar yang tercicir—Yayasan *Under Academic*. Ramai juga anak-anak buah dia, anak-anak murid masa itu Yayasan *Under Academic*, kelulusan Yayasan *Under Academic* diberikan peluang kedua untuk mendapatkan pendidikan untuk berjaya di dalam hidupnya pada akhirnya. Dan dikatakan pendidikan ini oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, adalah untuk melahirkan insan yang kamil, yang tinggi akal budinya. Inilah penting.

Oleh sebab itulah, kita hendak keprihatinan terhadap pendidikan itu mestilah dikekalkan dan ditingkatkan. Pemotongan dan pengurangan dana universiti ini amat membimbangkan. Lebih-lebih lagi turut melibatkan Universiti Malaysia Pahang yang berpusat di kawasan Pekan itu sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Universiti adalah tempat melahirkan modal insan yang terbaik. Ia juga merupakan tempat melahirkan manusia yang berpendidikan tinggi serta budi pekerti yang mulia, warganegara yang berilmu dan beramal soleh.

Maka, apa kewajaran mengurangkan lagi peruntukan kepada universiti tersebut setelah tahun lepas mengalami pemotongan yang serius? Persoalannya, manakah hala tuju pendidikan tinggi negara, Tuan Yang di-Pertua? Apa kualiti pendidikan yang ingin kita capai dengan pengurangan peruntukan ini di dalam keadaan semua kos meningkat?

Sekali lagi saya ingin tegaskan, jangan memperjudikan pendidikan negara. Kesan dan akibat daripada kualiti pendidikan yang semakin merosot, golongan remaja dan belia menghadapi masalah akhlak dan sikap. Adakah ini menjadi salah satu punca terjadinya beberapa kejadian buli yang sekarang ini berleluasa di dalam negara kita yang memeranjatkan semua pihak termasuk yang berlaku di kalangan penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi?

Pemotongan dana universiti awam menyebabkan berlakunya dengan izin, *brain drain* Tuan Yang di-Pertua, yang sudah tentunya merugikan negara.

#### ■1440

Tambah lagi menyedihkan bila tenaga pengajar, ahli akademik dan para profesor terpaksa mencari dana luar untuk membuat kajian mereka. Sebahagiannya terpaksa menjadi konsultan untuk menambah pendapatan. Akhirnya, siapa yang diabaikan? Penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar yang diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu yang lain, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah ke atas kejayaan para atlet negara di temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini. Temasya yang berlangsung dengan gilang-gemilang, para atlet melakarkan pelbagai kejayaan,

*alhamdulillah*. Upacara pembukaan dan penutupnya yang berlangsung dengan meriah sekali dengan persembahan kesenian dan kebudayaan.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, di sebalik kejayaan-kejayaan ini, saya mendengar rungutan bahawa terdapat sukarelawan-sukarelawan yang ada di kalangan kita juga dan juga para artis yang belum lagi dibayar untuk persembahan yang dibuat secara penutup dan juga sesiapa sukarelawan yang telah menyumbang ke atas kejayaan Sukan SEA ini. Jika benar saya berharap bayaran kepada semua mereka dibuat secepat mungkin memandangkan temasya Sukan SEA ini telah berakhir tiga bulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pekan telah mengumumkan tahun 2018 sebagai tahun memperkasa wanita. Saya mengalu-alukan pengumuman ini tetapi saya rasa ada yang tidak berapa kena. Saya menyokong usaha meningkatkan tempoh cuti bersalin kepada 90 hari..

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Permatang Pauh, mohon mencelah.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Silakan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Amat Berhormat Pekan ya, nampak seolah-olah membaca Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan, Yang Berhormat Permatang Pauh kerana Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan mencadangkan 120 hari cuti bersalin gaji penuh dan 60 hari cuti tambahan dengan bayaran separuh gaji.

Sedangkan Yang Amat Berhormat Pekan hanya mencadangkan 90 hari sahaja. Ia nya satu penambahan dan saya yakin wanita amat menghargainya akan tetapi rasional Pakatan Harapan meletakkan 120 hari Yang Berhormat Permatang Pauh kerana kajian menunjukkan bahawa *bonding time* antara ibu dan anak selama enam bulan itu amat bermakna sekali.

Ramai ibu-ibu yang rasa begitu kuarir meninggalkan anak mereka selepas pantang kalau hanya selepas berumur 40 hari ataupun enam minggu ataupun 60 hari pun mereka sudah rasa susah hati nak meninggalkan anak dan ramai yang berhenti kerja. Ada kajian yang menunjukkan demikian dan juga penyusuan sepenuhnya sebaik-baiknya dilakukan sepanjang enam bulan.

Apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh, adakah ini merupakan satu pelaburan, *investment for the future of this country* dan ia nya merupakan satu *investment* yang benar-benar patut kita berikan. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuantan, memang saya setuju sangat kerana kita membuat *research* ya, kaji selidik tentang perkara ini.

Mengenai cadangan Yang Amat Berhormat Pekan, 30 peratus wanita dalam keahlian lembaga-lembaga syarikat GLC dan GLIC juga. Saya dengar syor ini sudah lama dan kita menunggu-nunggulah kekosongan itu mesti diisikan.

Akhir kalam Tuan Yang di-Pertua, yang paling utama yang menurut prioriti atau *aulawiyat* nya *ya Allah*, yang selayaknya ditekankan di dalam setiap ucapan bajet adalah usaha untuk membanteras rasuah dan memerangi ketirisan. Tidak ada siapa sebelah sana ya hendak dengar. Ini adalah penting ini untuk kerajaan dengar.

Saya harap ini akan disampaikan kepada mereka yang tidak ada. Langkah ini dapat menyelamatkan berbilion-bilion dana negara dan wang rakyat. Kita mesti menitikberatkan laporan *Auditor General* yang tidak jemu-jemu membentangkan laporan supaya menjadi peringatan dan tindakan semua kita untuk menyelamatkan negara kita.

Marilah kita menginsafi firman Allah SWT dalam surah Al-Isra' ayat 27, mafhumnya, "*Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan*". [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Saudara-saudara, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya. Wang rakyat yang diselamatkan ini dapat dimanfaatkan untuk membiayai dasar-dasar demi membangunkan negara.

Kita mahu sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, telus, mengamalkan urus tadbir yang baik, peduli dan peka akan permasalahan rakyat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Permatang Pauh. Sikit saja.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Silakan Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ingin mendapat pembayangan Yang Berhormat Permatang Pauh yang lebih khusus sekali ialah kes-kes yang telah diambil oleh Mahkamah Antarabangsa yang seperti syarikat 1MDB dan juga Scorpene di mana Perancis telah *indict* Razak Baginda mengikut undang-undang kita, SPRM patut juga siasat jika ada kes-kes begitu. Ini membazirkan, melibatkan wang ringgit yang berbilion-bilion. Apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh ke atas kes-kes yang tidak ditangani.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Tuan Yang di-Pertua, memang betul. Saya mendapat surat jawapan daripada Bank Negara Malaysia bahawa pihak orang 1MDB telah dikenakan denda kompaun RM115.8 juta. Bukan 115 *ringgit lapan kupang*, RM115.8 juta.

Jadi kalaulah kita hendak kan sekarang, walaupun saya melihat tadi bahawa Menteri telah menyatakan kes ini *Attorney General* akan buka sekali lagi tetapi mestilah dengan terus terang dan ketelusan dan niat untuk memperbaiki keadaan bukan untuk melindungi sesiapa pun dalam negara kita ini. Walaupun jawatan yang paling tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Pekan begitu megah mengangkat Gagasan TN50 sedangkan kita ini masih ramai rakyat yang sengsara dengan kos sara hidup yang meningkat, gaji yang tidak setimpal dan kadar pengangguran yang semakin parah. Transformasi Nasional, transformasi hanyalah angan-angan jika perkara asas dalam pembinaan negara tidak diutamakan.

Tamadun, Tuan Yang di-Pertua yang kuat dan berjaya, tamadun kita yang kuat akan berjaya jika pemimpin dan rakyat mempunyai jati diri yang tinggi. Oleh itu, saya menyeru rakyat Malaysia untuk bersama-sama melakukan perubahan. Ayuh kita bina semula negara yang dicintai ini dengan Pakatan Harapan. Sekian dan saya ingat itu saya menolak Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2018. [*Dewan tepuk*].

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**2.48 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, *Bismillahir Rahmanir Rahim*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin pembahas pertama daripada BN?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jasin pembahas pertama daripada BN? Ya? Saya tanya Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin pembahas pertama daripada BN kan, daripada *Backbenchers*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ok, sila 90 minit. Itu sebab saya ingin pastikan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang keemasan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet Tahun 2018.

Sesungguhnya saya menyanjung tinggi penghormatan yang diberikan kepada saya ini. Seterusnya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada yang dikasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang telah berjaya membentangkan Bajet 2018, di atas kecekapan beliau merangka, merumus serta membentangkan bajet tersebut. Bajet yang cukup berhemah, bajet yang pragmatik, satu bajet yang realistik dan juga menyeluruh, mapan dan penuh dengan rasa tanggungjawab, memberikan pembelaan kepada semua lapisan rakyat untuk mendapat faedah.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, agar berimbang dan juga adil pada hemat saya, bajet yang bernilai sebanyak RM280 bilion ini yang berpaksikan kepada 8 petunjang haruslah kita lihat, haruslah kita teliti dan halusi daripada beberapa segi. Pertamanya, tentang perbelanjaan kerajaan ataupun tentang hasil kerajaan yang disumbangkan rakyat berbanding kepada perbelanjaan kerajaan untuk tujuan kepada rakyat. Keduanya, tentang sosioekonomi global iaitu permintaan dari luar dan juga sosioekonomi ataupun keadaan suasana ekonomi dalam negeri iaitu permintaan daripada domestik.

Ketiganya, kita hendak tengok berapakah pertumbuhan yang kita dapat dan bagaimana untuk kita hendak agihkan. Keempat, barulah kita lihat keseimbangan di atas kepentingan individu ataupun kumpulan dan kepentingan untuk negara dan akhirnya, kita mahu lihat tentang pertumbuhan mapan yang turut mengambil kira tuntutan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Ini lah sebenarnya tujuan bajet yang ditanya oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi kerana kita hendak lihat kalau kita diberikan peluang untuk sama-sama berbahas, seharusnya lah saya mengingati diri saya dan kawan-kawan saya supaya apa juga teguran, apa juga kritikan supaya satu perkara yang boleh membina dengan mengambil kira tuntutan kadang-kadang ianya berkonflik ini.

Marilah kita bersama-sama kalau boleh jauhkan diri kita daripada sifat '*tikus membaiki labu*'. Bajet yang sedang kita bahaskan ini adalah umpama '*jauh panggang daripada api*' berbanding dengan bajet yang diuar-uarkan oleh pihak pembangkang. Bajet mereka sebenarnya begitu sarat dengan janji-janji yang cukup manis dan saya lihat tidak bertanggungjawab dengan niat untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat. Pada ketika ini rakyat tahu menilai. Rakyat mempunyai pelajaran dan tahu baik dan buruknya. Berbeza dengan parti mereka, Barisan Nasional sebenarnya sebuah parti yang cukup bertanggungjawab dan berkemampuan.

Kita telah buktikan bahawa Barisan Nasional mampu untuk menggalas tugas mentadbir dan mengurus pembangunan serta kewangan negara dengan begitu cekap sekali dan berkesan sekalipun kita berdepan dengan berbagai-bagai cabaran dan bergelut dengan berbagai-bagai masalah. Antara masalah dan ancaman yang telah kita hadapi dan dapat kita selesaikan dengan cara bijaksana sekali. Yang pertamanya serangan komunis semasa kita menghadapi keadaan *emergency* dulu dan juga konfrontasi tahun 60-an. Selepas itu peristiwa berdarah 13 Mei. Habis tersebut, kita menghadapi krisis minyak tahun 1970-an. Krisis ekonomi pada tahun 80-an dan 2015, 2016. Selepas itu, krisis kewangan 1997-1998, 2008 dan 2009 dan juga ancaman ekstremis serta serangan pengganas Sulu.

Di sini kita dapat lihat bahawa rekod pentadbiran dan pengurusan negara yang cukup cemerlang selama lebih kurang 60 tahun itu telah diiktiraf oleh dunia dan juga Bank Dunia dan juga IMF. Rakyat pula berpuas hati dengan memberikan kemenangan sebanyak 13 kali berturut-turut dalam pilihan raya umum yang lalu. Ini sebenarnya merupakan satu referendum rakyat yang tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa. Sebenarnya kami tidak sombong di atas rekod kemenangan tersebut.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Malah kita bersyukur kepada Allah SWT kerana terus merestui kami menerajui pentadbiran negara ini. Kami tidak bongkak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jasin, ada Yang Berhormat berdiri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Nanti, saya belum sudah mukadimah saja. Nanti saya akan bagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, teruskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kami tidak bongkak malah dengan rendah diri berterima kasih kepada rakyat kerana terus memberikan keyakinan dan sokongan dan kepercayaan kepada kami. Seperti yang telah terbukti, kami sekali lagi berjanji bahawa kami tidak akan mensia-siakan mandat yang telah diberikan oleh rakyat itu. Pada perkiraan saya rekod 60 tahun menerajui kerajaan secara berterusan adalah merupakan satu rekod dunia kerana di kalangan negara-negara moden yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen, parti-parti politik yang seangkatan dengan kami telah banyak yang kalah.

Tetapi *alhamdulillah*, berkat kerana kesungguhan, keikhlasan untuk kita memberikan pembelaan kepada rakyat, Barisan Nasional masih lagi mendapat sokongan yang begitu kuat daripada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, silakan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dua perkara yang saya hendak ingatkan Yang Berhormat Jasin. Nombor satu, hakikatnya pada pilihan raya yang lepas Barisan Nasional telah kalah dari sudut undi popular. Nombor dua, saya setuju dengan Yang Berhormat Jasin bahawa dalam negara-negara demokrasi moden, tidak ada kerajaan lain yang dapat bertahan kerana mereka mengamalkan demokrasi moden. Bukan macam sekarang, demokrasi yang berat sebelah ya. Demokrasi yang berat sebelah yang diamalkan oleh Barisan Nasional termasuklah Tuan Yang di-Pertua soal persempadanan baharu, soal pengundi-pengundi yang tiba-tiba hendak mengundi. Dulu dia mengundi di satu tempat tiba-tiba, eh! Kali ini nama dia tidak ada ya.

Ini semua menunjukkan bahawa demokrasi yang diamalkan oleh Barisan Nasional dan ianya adalah bukti, ianya bukan demokrasi yang sebenar, bukan moden dan digubalkan dengan tujuan untuk mempertahankan Kerajaan Barisan Nasional. Atas kejayaan itu, cara bagaimana demokrasi telah dinodai di negara Malaysia ini, saya ucapkan tahniah. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Shah Alam. Saya minta lepas ini jangan kacau lagi sayalah. Kalau tidak hilang saya punya...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Apa pun itu pendapat mereka.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Akan tetapi apa yang saya hendak sebut di sini, kita sebut daripada sokongan yang telah kita dapati sejak 13 tahun kita mengadakan pilihan raya umum dan sokongan inilah sebenarnya satu mandat yang patut kita jaga baik-baik dan kita berikan pembelaan kepada rakyat. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jasin, boleh mencelah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya terpanggil sebab sahabat saya dari Shah Alam tadi sebut fasal demokrasi. Sebenarnya inilah lagu lapuk yang dimain-mainkan dari dulu dan sebenarnya demokrasi kita berkembang maju 60 tahun dan sebenarnya menodai demokrasi ini pihak sebelah sanalah. Kata 40 ribu Bangladesh lah, kata *black out* lah. Sebenarnya kalau kita lihat Yang Berhormat Jasin, perkara-perkara ini banyak yang disebut ini berlaku akhir ini disebabkan mereka ada menang lebih sedikitlah. Menang banyak sikit kerusi daripada dulu. Sebelum ini tidak ada tetapi hari ini sebab pendekatan mereka yang begitu agresif, yang merosakkan demokrasi akhirnya mereka pun berpecah sama-sama mereka. Apa pandangan, Yang Berhormat Jasin? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Jasin. Tadi Yang Berhormat Shah Alam kata kemenangan mereka dalam pilihan raya lepas mereka dapat kejayaan dari segi popular *vote*. Maknanya mereka berbangga mereka berjaya tapi pada masa yang sama Yang Berhormat Shah Alam juga kata sistem yang kita amalkan ini adalah sistem yang tempang. Jadi ada *contradiction*. Adakah Yang Berhormat Jasin bersetuju dengan saya bahawasanya Yang Berhormat Shah Alam tengah pening? Dia sendiri mengaku dia menang dalam sistem yang kononnya tidak betul. Satu.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat Jasin boleh bersetuju dengan saya kalau saya katakan apakah dalam sistem yang ada sekarang, ada wakil rakyat yang menang, dapat mandat kepada rakyat, daripada parti lain tapi akhirnya ambil elaun daripada parti lain?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Yang Berhormat Ketereh orang yang cukup berpengalaman. Saya sebenarnya sengaja menyebutkan tentang jangka masa 60 tahun yang cukup panjang dan 13 PRU tersebut kerana berkat kerana kesungguhan, keikhlasan untuk kita mentadbir negara kita, *alhamdulillah*, kita dapat berjaya bukan sahaja

menyelesaikan masalah bahkan dengan cara yang bijaksana 60 tahun adalah satu masa yang cukup panjang.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan perbahasan saya. Berdasarkan daripada reaksi rakyat yang boleh dibaca dan boleh kita tonton melalui pelbagai sumber media, diperhatikan ramai rakyat kita yang cukup gembira sekali dan mengakui bahawa Bajet 2018 yang telah dibentangkan ini adalah yang terbaik sekali sejak 60 tahun yang lalu. [*Tepuk*] Ianya telah dirangka dan digubal secara berhemah, secara pragmatik dan cukup realistik sekali.

Bukan sekadar berjanji sahaja tetapi kita tunaikan janji kita, kita ada kemampuan untuk melaksanakannya dan satu bajet yang cukup inklusif, mapan dan juga penuh dengan rasa tanggungjawab. Semua lapisan rakyat daripada dalam kandungan hinggalah ke peringkat warga emas, yang sakit dan juga yang sihat, daripada petani di Belaga, Sarawak hinggalah penghuni *flat* di bandar raya akan mendapat faedah daripada bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Di samping itu, beberapa pembaharuan telah diperkenalkan seperti bantuan pesawah sebanyak RM200 untuk tiga bulan sementara menunggu padi masak. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya orang kampung dapat merasakan denyut nadi petani-petani di kampung, RM200 mungkin tidak ada benda kepada kita tetapi kepada mereka, mereka cukup berterima kasih kepada kerajaan. Oleh kerana keperluan rakyat adalah banyak dan tiada hadnya, maka saya turut merasakan bahawa walaupun bajet inilah yang terbaik, ianya masih lagi belum cukup baik.

Sekalipun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menambah sebanyak RM14.3 bilion ataupun hampir tujuh peratus berbanding dengan bajet pada tahun lalu. Saya perhatikan hampir 100 peratus kenaikan pergi kepada perbelanjaan mengurus berjumlah sebanyak RM234.3 bilion. Yang demikian, peruntukan untuk pembangunan pada tahun ini hampir sama dengan tahun lepas iaitu sebanyak hanya RM46 bilion sahaja.

Saya sedar bahawa item-item tertentu di bawah belanja mengurus mengalami peningkatan terutamanya tentang gaji, tentang pencen dan bayaran balik hutang. Justeru ianya tidak boleh dielakkan, mestilah kita bayar. Apa pun, kita kena lihat kerana saya faham bahawa masalah yang dihadapi oleh kerajaan tetapi kita hendak faham, kita hendak tengok adakah bajet untuk *development expenditure* pada ketika ini adalah dipacu oleh *private sector driven* kerana ekonomi kita bergerak kalau tahun lepas sebanyak 4.2 peratus kepada 5.8 peratus pada tahun ini. Tahun depan kita jangka hanya sebanyak 5 ke 5.5 peratus. Jadi peranan yang lebih besar akan diambil oleh *private sector*.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Jasin. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa peruntukan pembangunan ini di tahap yang

begini rendah iaitu 16 peratus sahaja ataupun tidak setuju kerana tadi Yang Berhormat Jasin kata ini bajet yang paling baik di dunia tetapi nampaknya di sini ada sedikit Yang Berhormat Jasin tidak setuju.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Itu sebab saya kata *we are not perfect. There are areas that we can...*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Kita kena lihat kalau ada penambahbaikan. Ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya tertarik dengan hujahan daripada Yang Berhormat Jasin tentang *development budget* ataupun bajet pembangunan yang sejumlah RM46 bilion, hampir sama macam tahun lepas. Tadi Yang Berhormat Permatang Pauh ada sebut seolah-olah peratusan perbelanjaan ini bertambah kurang tetapi Yang Berhormat Kluang pun sebut dari segi sama ada kurang, ya atau tidak. Saya lihat bajet dari segi pengurusan bertambah, sudah tentulah kalau keseluruhannya bertambah RM282.5 bilion tadi, peratus RM46 bilion akan peratusannya bertambah kecil sedikit.

Akan tetapi yang saya tertarik Yang Berhormat Jasin cakap, kita hendak melibatkan pembangunan ini, kerajaan lebih bertanggungjawab. Kita memacu transformasi ekonomi kita antara lain ialah memastikan kerangka kerja kita dibantu oleh pelaburan yang lebih besar daripada sektor swasta. Kita mengurangkan pergantungan kepada sektor awam kepada sektor swasta dan sekiranya walaupun ada pembangunan yang besar bajet dalam sektor awam, ianya mesti ditumpukan ke arah yang memberi antara lainnya *multiplying factor* atau kesan berganda yang besar yang menjadi *enabler* ataupun *game changer*. Jadi saya lihat sebenarnya tidak kecil, cuma keseluruhannya bertambah besar.

Jadi saya ingat kefahaman pihak belah sana ini Yang Berhormat Jasin, agak dangkal sedikit tentang melihat keperluan pembangunan dalam bentuk mengurangkan bertanggungjawab kepada kerajaan. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin, adakah bajet ini sebenarnya lebih bertanggungjawab dalam erti kata yang sebenarnya. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Jasin, boleh beri peluang saya jawab sikit tak? Saya bantu jawab Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tidak apa, biar saya jawab. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sebab saya sebut daripada awal tadi, saya minta kalau boleh kawan-kawan termasuk diri saya sekali, apa pun cadangan, kritikan yang kita buat biar membina. Inilah sebenarnya platform yang kita diberi untuk mencadangkan kepada kerajaan kerana sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, apa juga cadangan

yang terbaik yang boleh membina, saya rasa kerajaan akan mengambil kira dan menimbangkannya.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Jasin, saya tambah sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bajet pertama Yang Berhormat Pekan pada tahun 2010 memperuntukkan 27 peratus untuk peruntukan pembangunan, sekarang ini hanya 16 peratus sahaja. Saya rasa Yang Berhormat Kota Tinggi salah sikit, peruntukan pembangunan ini tidak boleh dipacu oleh *private sector*. Kenapa? Jalan Batu Pahat yang Yang Berhormat Kota Tinggi faham, memerlukan *divider* dan ini disebut sejak Rancangan Malaysia Kesembilan, Kesepuluh, Kesebelas tetapi belum buat lagi. Itu tidak boleh dibuat oleh *private sector*, *it has to be driven by the government*. Saya rasa, saya mintalah, ini Parlimen, kalau Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Kota Tinggi semua setuju, kita boleh buat usul bersama supaya bajet boleh diubah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu sebab saya sebut tadi, ianya mengikut masa kerana pada tahun lepas ataupun tahun-tahun yang lalu semasa ekonomi kita merosot, tidak begitu baik. Sekarang ekonomi kita tumbuh pada 5.7 peratus. Maknanya sekarang pertumbuhan ini bukan sahaja daripada kerajaan bahkan *it can be from private sector driven*. Itu sebab saya sebut tadi kalau boleh kerajaan memikirkan semula kerana kita ada banyak lagi ...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Pembangunan yang patut, sedikit sahaja ya, tak habis saya bercakap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, ini istilah-istilah untuk mengelirukan orang, minta maaf lah ya. Bila kita cakap bahawa pembangunan itu *private sector driven*, maknanya hospital katakan hendak bina hospital, biar hospital swasta yang dibina. Swasta ini Yang Berhormat Jasin, dia buat fasal dia hendak untung. Maknanya akhirnya rakyat yang kena bayar. Dia buat *highway, private sector driven*, maknanya apa? Dia buat, dia hendak keuntungan.

*Government spending* adalah perbelanjaan pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan *which is not profit driven*. Ianya dilakukan hasil daripada kutipan cukai dan pendapatan, maka dia buat jalan raya *free*, ambil *road tax* sahajalah. Dia buat hospital, dia boleh caj *at cost*, murahlah. Akan tetapi bila kita kata swasta, *private sector driven*, maksudnya apa? Maksudnya rakyat kena bayar. Adakah itu cadangan yang hendak dibawa oleh Yang Berhormat Jasin?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Itu sebab saya kata kita kena fikir semula. Jangan kita sebut tentang masalah kita sahaja, kerajaan juga mempunyai masalah, ada kekangan mereka. Saya minta kalau boleh Menteri jawab nantilah. Selepas ini kalau peluang Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat bawa. Sekarang ini peluang saya pula, namun ...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Saya memikirkan bahawa peruntukan untuk pembangunan yang sebanyak 16.4 peratus itu adalah kecil.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jasin, sedikit lagi boleh tak?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ini bermakna...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jasin. Saya terpanggil sebab Yang Berhormat Kluang sebut fasal jalan, saya pun orang Kluang saya tahu keperluan jalan contohnya. Akan tetapi bila cakap *high impact*, kita buat jalan contohnya *industry driven*, industri memerlukan, rakyat memerlukan di kawasan-kawasan Kota Bharu, Pan Borneo contohnya.

#### ■1510

Ini sebenarnya ada kesan berganda yang besar. Jadi, kita bercakap pasal dasar. Kalau ada pelaksanaan yang kecil di Batu Pahat, itu kita setujuh tetapi pembangunan ini tidak mengecil pun, Yang Berhormat Shah Alam. RM46 bilion tidak mengecil. Cuma dari segi peratusan kerana *base* nya lagi besar. Ini 16 peratus sekarang, saya rasa lebih besar daripada 27 peratus pada tahun 2010.

Kedua, Yang Berhormat Jasin, pada pandangan saya, bila cakap pembangunan, pembangunan ini tidak bermakna *profit driven* semata-mata rakyat kena bayar. Ini menggalakkan pembangunan industri yang memberi peluang pekerjaan, *empowerment* dan sebagainya dan ini memberikan kesan yang lebih holistik. Jadi, tidak semestinya pembangunan itu akan mengunjur kepada semuanya rakyat bayar, Yang Berhormat Shah Alam. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya teruskan perbahasan saya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh, selepas ini saya hadkan sahajalah. Cukuplah setakat itu.

Ini bermakna perbelanjaan modal kerajaan untuk membina aset ekonomi mapan adalah terhad. Kita kena faham. Setiap pembangunan yang kita buat, kita kena hutang kerana hasil yang kita dapati adalah untuk belanja mengurus. Kita mahu melihat supaya defisit kita sentiasa dikawal dan kita hendak tengok kalau boleh ia mengikut unjuran seperti yang telah kita gariskan dalam bajet kita. Apa yang disebut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the lion share of the allocation*. Sebanyak 83.6 peratus *is meant for consumption expenditure*.

Lantaran itu, saya mohon agar peruntukan ini dapat ditambah lagi kerana saya lihat banyak lagi projek yang masih belum dapat dilaksanakan kerana kita kekurangan peruntukan. Antaranya, Tuan Yang di-Pertua— saya tidak akan jemu untuk membangkitkan perkara yang saya hadapi di kawasan saya. Sejak tahun 2010, kita telah

memperkenalkan pakej rangsangan di mana satu pembinaan empat fasa jalan empat lorong daripada Tangkak sampai ke Jasin, Jasin sampai ke Ayer Keroh. Pada ketika tersebut, kerajaan hanya membina atau melaksanakan pakej satu dan pakej empat sahaja. Sedangkan, pakej dua dan pakej tiga yang kita perjuangkan selama ini, tiap-tiap tahun saya bangkitkan perkara ini, belum dapat dilaksanakan.

Jadi, saya mohon kalau boleh dapat pertimbangan daripada pihak kerajaan supaya memberikan keutamaan kepada perkara ini supaya ia dapat sekurang-kurangnya saya menjawab kepada rakyat. Kalau inilah kali terakhir untuk saya dapat berbahas dalam Dewan yang mulia ini, saya memohon dan merayu kepada kerajaan supaya sekurang-kurangnya tugas dan tanggungjawab saya telah dapat dilaksanakan untuk mensejahterakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita tidak dapat tambah, maka saya mengharapkan semua pegawai-pegawai pengawal dan para pelaksana di semua kementerian dan jabatan kerajaan untuk melaksanakan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan. Kita mahu kalau boleh mereka meningkatkan lagi produktiviti, mengurangkan pembaziran dan juga ketirisan, menghayati, dengan izin, *value for money* dan *less for more* serta memberi perhatian kepada konsep marginal utiliti dan *low investment, high return*, dengan izin. Amalan ini menjadi lebih kritikal lagi dalam keadaan kita mengalami kekurangan hasil dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi yang belum begitu rancak lagi.

Sehubungan itu, saya mohon agar dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini sejauh manakah teguran Ketua Audit Negara tentang pengurusan kewangan yang kurang memuaskan seperti *over pricing*, seperti pembaziran, seperti ketirisan dan salah guna dana dan sebagainya yang telah diselesaikan oleh setiap kementerian dan jabatan-jabatan yang menerima teguran tersebut.

Apa pun, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan, kepada semua penjawat awam. Kita meraikan kejayaan kita kerana di dalam Laporan *World Economic Forum 2017/2018* menempatkan Malaysia di tangga ke-15 daripada 137 buah negara dari segi kecekapan kerajaan berbelanja. Selain daripada itu, WEF juga telah meletakkan Malaysia di tangga ketiga di dunia dari segi kekuatan melindungi pelabur-pelabur kita dan kedudukan kelima dari segi bebanan peraturan kerajaan.

Dalam konteks membahaskan bajet ini, sebenarnya topik hutang adalah antara topik yang paling hangat dibicarakan. Tiba-tiba kita dapati banyak pakar-pakar dalam bidang ini. Saya bukan pakar. Itu sebab saya ingin memohon penjelasan daripada pihak kerajaan agar kita boleh dapat membuat gambaran yang sebenar dan juga lengkap.

Terlebih dahulu, izinkanlah saya hendak tegaskan bahawa dalam keadaan kita mengalami kekurangan hasil dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi pula belum lagi begitu rancak, maka berhutang untuk tujuan yang produktif, untuk merencanakan semula

pertumbuhan ekonomi serta mampu pula membayar balik hutang tersebut adalah selari dengan apa yang disebut oleh jaguh ekonomi dunia, Lord Keynes.

Namun, kalaulah kita semata-mata melihat peningkatan hutang antara tahun 2008 dan 2017, ia sebenarnya boleh memercikkan peluh jantan kita. Ini kerana pada tahun 2008 misalnya, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada ketika tersebut adalah sebanyak RM285.1 bilion. Pada tahun 2017, ia telah melonjak 140 peratus pada RM685.1 bilion. Dalam tempoh yang sama, nilai ekonomi (GNI) kita telah meningkat sebanyak seratus peratus daripada RM700.8 bilion kepada sebanyak RM1.4 trilion pada harga semasa. Sementara hasil Kerajaan Persekutuan pula telah menokok sebanyak 39 peratus dari RM161.6 bilion pada waktu tersebut kepada sekarang sebanyak RM225.3 bilion dalam tempoh berkenaan.

Mengenai hutang dan hasil kerajaan ini, saya perhatikan pada tahun 2008, jumlah hutang kita hanya sebanyak 1.8 kali ganda lebih besar berbanding dengan hasil kerajaan. Pada tahun 2017 pula, jurang itu telah melebar sebanyak dekat dengan tiga kali ganda. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan, adakah kerajaan tidak bimbang akan kedudukan ini?

Lantaran itu, mohon kalau boleh dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini jumlah hutang dan juga hasil Kerajaan Persekutuan yang sebenar sehingga akhir bulan September yang lalu. Dalam konteks hutang, GNR, GNI dan hasil kerajaan yang saya sebutkan tadi, apakah sebenarnya kedudukan hutang kerajaan dari segi saiz relatif kepada GDP kita?

Kedua, defisit fiskal dan ketiganya, bagaimanakah kemampuan kerajaan untuk membayar semula dan daripada segi nisbah khidmat bayar balik hutang, *debt to service ratio*? Adakah kita mampu untuk mencapai bajet berimbang seperti yang kita harapkan pada tahun 2020 nanti? Jika mengambil kira hutang sahaja, hutang *of budget, contingency liability* pula, bagaimana kedudukannya?

Apa yang dibimbangkan oleh pakar yang tumbuh macam cendawan di musim hujan ini ialah kononnya sesetengah daripada mereka membuat andaian dan membuat fitnah bahawa projek-projek mega yang hutangnya dijamin oleh kerajaan itu tidak *self-financing*, dengan izin. Jika benar, maka kerajaanlah yang akan terbeban untuk membayarnya. Contoh yang diberikan oleh mereka adalah MRT

#### ■1520

Difahamkan *ridership* ataupun pelanggan adalah jauh lebih meleset daripada apa yang kita unjurkan. Begitu juga dengan ECRL, mengikut congakkan mereka, kerajaan perlu membayar sebanyak RM15.6 juta sehari ataupun sebanyak RM468 juta sebulan dalam tempoh 13 tahun. Bagaimanakah kedudukan kemampuan kerajaan untuk membayar balik? Menurut mereka, unjuran penumpang dan juga kargo sebenarnya *over estimated*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kembali kepada rekod kejayaan Kerajaan Barisan Nasional yang telah saya sentuh di awal ucapan saya tadi. Banyak sebenarnya *parameters* yang boleh diguna pakai untuk menunjukkan bahawa tahap kejayaan yang cemerlang yang telah kita capai itu. Saya ketengahkan 2K iaitu kemakmuran dan juga keamanan untuk merangkumkan keseluruhan kejayaan-kejayaan tersebut kerana inilah dia paksi kemajuan sesebuah negara. Diakui bahawa Kerajaan Barisan Nasional bukanlah sempurna atau *perfect*, tetapi berdasarkan *a basket of indicators* ini adalah amat jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya menyempurnakan 2K ini dan rakyat telah pun menikmati hasil usaha tersebut.

Izinkan saya untuk memberikan beberapa contoh yang telah kita capai selama ini. Pertamanya, tentang pertumbuhan GDP. Kita semua tahu bahawa prasyarat utama untuk kita menggerakkan negara ialah pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi itu pula mestilah bersendikan keamanan. Inilah sebenarnya resipinya. Kita bersyukur ekoran daripada pelbagai dasar yang telah digubal dan bermacam-macam program yang telah dirangka, Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang cukup meyakinkan sebanyak 5.7 peratus pada separuh penggal pertama 2017. Di Asia, kita adalah antara yang tertinggi selepas negara China yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.9 peratus. Pencapaian di kebanyakan negara lain adalah lebih rendah dan menguncup pertumbuhannya. Seperti USA, hanya sebanyak 2.3 peratus, Jepun sebanyak 1.2 peratus, *Germany* 1.6 peratus dan Singapura 2.2 peratus. Inilah kejayaan yang kita capai bahawa berkat kerana kesungguhan dan keazaman pemimpin-pemimpin kita untuk meneruskan usaha, bukannya tentang cabaran-cabaran yang kita dapati pada mereka yang tahu mengkritik sahaja.

*Alhamdulillah*, petunjuk ekonomi pelopor ataupun *leading economic indicators* kita telah turut menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia akan terus berkembang hingga awal tahun depan. Berkat usaha gigih kita dan disokong pula oleh landskap ekonomi global yang memberangsangkan, maka seperti mana yang diunjurkan oleh Bank Dunia (IMF) serta seperti mana yang telah diumumkan oleh yang dikasihi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jumaat lalu, ekonomi negara kita diunjurkan akan berkembang sebanyak 5.2 peratus ke 5.7 peratus pada harga malar tahun ini. Jauh lebih tinggi daripada apa yang telah diunjurkan pada tahun lalu iaitu sebanyak empat peratus ke lima peratus sahaja. *Insyah-Allah* pada tahun depan sekiranya kita semua sepakat, kita semua sebahu dan sederap menumpukan segenap perhatian bagi mencurahkan segala tenaga kita yang ada dan memajukan negara yang tercinta ini, maka kita boleh mencapai pertumbuhan kita yang memberangsangkan seperti mana yang diunjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu sekitar lima peratus ke 5.5 peratus pada harga malar.

Pada tahun 2009, nilai KDNK kita pada harga semasa adalah sebanyak RM712.9 bilion. Pada tahun 2016, ia melonjak sebanyak 14 peratus kepada RM1.23 trilion berbanding tahun 2015, ia naik sebanyak 6.3 peratus daripada RM1.16 trilion. Apa yang

wajar kita raikan ialah kenaikan GDP itu lebih banyak dipacu oleh peningkatan produktif buruh dan bukannya oleh guna tenaga ataupun dengan izin, *employment*. Menurut kajian daripada MPC, terbukti kadar pertumbuhan produktif buruh telah melompat hampir tiga kali ganda daripada 1.6 peratus pada tahun 2012 kepada 3.5 peratus pada tahun 2016. Apa yang tidak kurang pentingnya untuk saya tegaskan di sini adalah *the real* ekonomi kita kukuh dan dengan izin, *economic fundamental* kita masih mantap seperti mana yang telah digambarkan oleh kadar pertumbuhan produktiviti yang terus berkembang. Tahap daya saing kita yang terus mengukuh seperti mana yang telah dilaporkan oleh *World Economic Forum* iaitu meningkat daripada tangga 25 pada tahun 2016 ke tangga 23 pada tahun 2017.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Oh ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya dengar dengan teliti perbincangan Yang Berhormat Jasin berkenaan dengan ekonomi ini iaitu kajian yang dibuat oleh *World Bank* tentang unjuran yang akan meningkat dan pertumbuhan ekonomi negara dengan apa yang telah dilakukan oleh pimpinan negara ini. Jadi kalau saya tanya Yang Berhormat Jasin, kalau *World Bank* memberikan unjuran yang baik dan kita juga tahu badan-badan penarafan antarabangsa juga memberikan penarafan yang baik iaitu A-, mereka ini bukanlah calang-calang orang, mereka ini adalah pakar-pakar ekonomi yang bertauliah, yang mendapat pengiktirafan dunia. Jadi kalau ada orang-orang yang cakap negara kita hendak bankrap, negara kita tidak diurus, pertumbuhan ekonomi yang teruk dan sebagainya, adakah orang-orang ini tidak faham ekonomi, tidak tahu ataupun sengaja hendak mengelirukan rakyat di negara ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bagan Serai. Adatlah, dalam hidup ini ada yang baik, ada yang tidak baik. Ada yang cukup baik, ada yang cukup tidak baik. Ini kerana walaupun pelbagai kritikan terhadap kerajaan, dengan sabotaj ekonominya, *alhamdulillah* berkat kerana keikhlasan kita, ekonomi kita terus tumbuh. Sebenarnya perangkaan yang diberikan oleh badan-badan bebas daripada *rating agencies* ini, mereka tidak ada kepentingan kepada negara kita, dia orang luar. Penarafan ini adalah satu badan bebas yang membuat satu unjuran dan perkiraan setakat manakah pencapaian hutang kita, pendapatan kita dan komitmen kita. Jadi janganlah hendaknya mana-mana pihak suka melemparkan fitnah-fitnah yang tidak bertanggungjawab, itu berdosa dalam Islam. Jangan buat kerja ini. Kita buat fitnah di sana sini mengatakan kerajaan ini hancur, kerajaan bankrap tetapi sebenarnya apa yang telah ditunjukkan oleh *rating agencies* daripada luar negara, daripada dunia dan Bank Dunia membuat pengiktirafan. Macam-macam dia bantai kita, tetapi *alhamdulillah* kerana

kesungguhan kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuktikan kehebatan beliau dalam mengemudikan negara dan juga mengurus kewangan kita.

Jadi keyakinan para pelabur yang jitu seperti mana dapat kita saksikan melalui peningkatan 65 peratus kemasukan FDI di antara tahun 2012 sehingga tahun 2016 dengan izin, *Industrial Production Index* yang terus meningkat, lebih kembar dari segi perdagangan antarabangsa dan akaun semasa dan guna tenaga penuh kadar inflasi yang sederhana dan rizab antarabangsa kita terus bertambah.

#### ■1530

Kini hampir RM430 bilion seperti mana pada 13 Oktober tahun 2017, itu rizab kita. Justeru tidak hairanlah kalau semua *leading indicators* yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan mengunjurkan bahawa ekonomi kita akan terus berkembang hingga awal tahun depan dan keyakinan perniagaan dalam tempoh suku ketiga 2017 yang masih kukuh seperti mana yang dilaporkan oleh MIA dengan izin *sentiments ease but still steady*. Maknanya landskap ekonomi dan kewangan yang kukuh ini disahkan pula oleh ketiga-tiga *rating agencies* seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pertamanya, Standard & Poor's memberi kita rating A- *stable* sementara Moody's pula bagi kita A3 *stable* dan juga Fitch Ratings bagi kita A- *stable*.

Justeru itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin utama kita yang telah bekerja keras walaupun teruk dihentam, difitnah, dicemuh, tetapi berkat kerana iltizam semangat mahu bekerja beliau ketepikan semua tersebut bahkan cukup fokus bagi melaksanakan tanggungjawab mereka dengan begitu amanah sekali. Akan tetapi apabila saya menyentuh tentang perdagangan, GSR, Laporan Daya Saing Global daripada 137 buah negara. Walaupun penambahbaikan ini kita alu-alukan tetapi tidak akan membuat negara kita kehilangan fokus untuk terus berhadapan dengan cabaran yang mendatang ini.

Tuan Yang di-Pertua, khusus mengenai perdagangan antarabangsa. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita telah berjaya merekodkan lebih dagang selama 238 bulan berturut-turut daripada bulan November 1997 hingga bulan Ogos tahun 2017. Saya juga yakin bahawa kita akan mencatat lebih dagang sekali lagi pada bulan September yang lepas. Sudah tentu ini adalah satu rekod dunia yang gemilang. Adakah Tok Pa bercadang untuk mengusahakan proses menukikan rekod gemilang kita ini dalam *The Guinness World Records*? Kerana apa yang saya sebut pada pagi tadi apabila soalan yang ditimbulkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang apakah hasil lawatan beliau ke Amerika? Lawatan beliau adalah atas jemputan, seharusnya semua rakyat Malaysia meraikan bahawa pemimpin besar, kuasa besar dunia menjemput Perdana Menteri kita dan memberikan layanan yang cukup hebat sekali. Dalam pertemuan tersebut banyak perkara telah dapat diselesaikan.

Saya telah sebutkan yang pertamanya tentang *surplus export* kita yang cukup ketara dan denda yang akan dikenakan kepada negara kita tentang levi dan juga perkara-

perkara lain. Akan tetapi berkat kerana kesungguhan beliau dalam membuat lawatan di sana kita dapati dasar yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan dasar *confrontational* tetapi dasar diplomasi, berbaik-baik dengan negara-negara lain. Hasil tersebut apabila beliau pergi melawat ke negeri China beliau telah berjaya menarik pelaburan sebanyak RM31 bilion. Pergi ke India pula, berjaya menarik pelaburan sebanyak RM158 bilion.

Kita yakin lawatan beliau ke Amerika bukan sahaja tentang pelaburan strategik tetapi kita jangka dapat mendorong syarikat-syarikat gergasi Amerika akan terus melabur dan memperkembangkan pelaburan mereka supaya kita dapat meningkatkan lagi peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak bangsa.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada sasaran nilai GDP kita di bawah RMKe-11 iaitu sebanyak RM1.76 bilion pada harga semasa menjelang tahun 2020. Untuk mencapai nilai tersebut, pada tahun berkenaan dianggarkan ekonomi kita memerlukan pertumbuhan CAGR ataupun *the Compound Annual Growth Rate* dengan izin, pada harga semasa sebanyak 9.2 peratus setahun. Memandangkan pertumbuhan GDP kita pada tahun 2016 adalah lebih rendah dan sebanyak 4.2 peratus dari tahun ini iaitu 6.3 peratus pada harga semasa. Pertumbuhan pada tahun depan pula diunjurkan hanya sebanyak lebih kurang lima ke 5.5 peratus sahaja rendah pula berbanding tahun ini. Maka saya ingin bertanya pada pihak kerajaan mampukah kita untuk mencapai GDP tersebut pada tahun 2020 nanti.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa GNI per kapita kita pada tahun ini dianggarkan sebanyak RM40,713 pada harga semasa ia meningkat sebanyak RM2,922 pada tahun hadapan. GNI per kapita ini diunjurkan menokok sebanyak RM2,064 lagi iaitu menjadikan ia sebanyak RM42,772. Sasaran GNI per kapita yang kita hendak capai menjelang tahun 2020 ialah sebanyak USD15 ribu atau pun RM63,000 berdasar kepada tukaran masa kini iaitu pada masa kini iaitu USD1 sebanyak RM4.20.

Ini adalah penanda aras ataupun *benchmark* bagi negara berpendapatan tinggi seperti mana yang telah ditetapkan oleh World Bank atau IMF. Ini bermakna kita memerlukan lagi tambahan sebanyak RM22,287 seorang dalam masa tiga tahun akan datang untuk menjadikan kita berpendapatan sebanyak RM63,000 ataupun tambahan purata sebanyak RM7,429 setahun untuk mencapai sasaran GNI per kapita pada tahun 2020.

Jika pelan A kita gagal mencapainya, apakah pula pelan B kita yang kita sediakan untuk mencapai sasaran tersebut. RMKe-11 saya istilahkan sebagai pelan B atau adakah kita akan meneruskan usaha ini pada tahun berikutnya sehingga kita dapat mencapai tahap seperti yang kita unjurkan. Untuk memastikan bahawa kemakmuran ini dapat dinikmati secara inklusif oleh semua kaum selaras dengan petunjang keempat, maka yang lebih penting lagi ialah berapakah GNI per kapita kaum mengikut kaum pada masa kini

dan pada tahun 2020 nanti? Dalam pada itu, kerajaan amatlah sedar bahawa untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi kita tidak boleh lagi bergantung semata-mata kepada *the old economy*. Kita perlulah bersiap siaga dan berhijrah kepada *the new economy*.

Jika kita tidak bersedia, kita akan dipukul ombak badai ekonomi baru yang kita panggil dengan izin, *Industrial Revolution 4.0* yang dipacu oleh *digital economy*. Sebenarnya, ia telah pun sampai di pantai kita mendakap ataupun *embracing economic* ini telah pun disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Pembentangan Bajet 2017 pada tahun lalu dan kini dipahatkan dalam petunjang keenam dalam bajet tahun ini. Saranan tersebut telah pun disusuli dengan pelbagai tindakan termasuklah inisiatif kerajaan menubuhkan Digital Free Trade Zone (DFTZ) yang pertama di dunia di luar China.

#### ■1540

DFTZ ini telah digerakkan oleh MATRADE, MDEC dan SME Corp dengan kerjasama dan sokongan syarikat ternama daripada *e-commerce* Alibaba. Walau bagaimanapun, naratif digital ekonomi Malaysia bukanlah semalam baru bermula. Pada tahun 2010, sumbangan digital ekonomi ini kepada GDP negara dengan mengguna pakai Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sebagai *proxy* kayu pengukurinya sudah pun di tahap 16.5 peratus. Pada tahun 2016, sumbangan tersebut telah menokok kepada 18.2% atau bersamaan sebanyak RM224 bilion. Jumlah pekerja yang terlibat pula dalam sektor ini adalah seramai 1.7 juta orang.

Dalam usaha kita hendak mendakap atau *embracing IRR 4.0* ini, saya mohon izin untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai tiga isu asas yang wajar kita tangani terlebih dahulu agar transformasi ekonomi kita tidak mengalami apa juga masalah ataupun dengan izin *hiccups*. Pertama, adakah kita bersedia untuk *leap frog* daripada ekonomi berasaskan daripada pembuatan atau tahap sekunder yang belum kukuh ekonominya berasaskan kepada perkhidmatan atau tahap *tertiary* yang belum meluas dan mantap terus ke tahap IRR 4.0 atau tahap *quaternary* yang banyak bergantung kepada *Internet of Things* (IoT).

Adalah benar bahawa struktur ekonomi kita telah banyak berubah daripada berasaskan pertanian dan perlombongan kepada pembuatan dan kini pula kita lebih pula kepada perkhidmatan yakni kita berkeupayaan untuk berganjak ke arah ciri-ciri ekonomi negara maju. Sebagai contoh pada tahun 1970, sumbangan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan kepada GDP adalah masing-masing sebanyak 24.2 peratus, 19 peratus dan 43.1 peratus. Pada tahun 1983 pula, sumbangan tiga sektor tersebut tidak banyak berubah. Masing-masing sebanyak 18.1 peratus pertanian, 18.4 peratus daripada pembuatan dan 38.6 peratus daripada perkhidmatan. Sementara sumbangan tiga sektor tersebut telah bertukar masing-masing kepada 8.4 peratus, 29.7 peratus dan

perkhidmatan sebanyak 43.2 peratus. Kita dapat menyaksikan bahawa negara kita Malaysia bertukar menjadi sebuah negara perindustrian pada waktu tersebut.

Di era Pak Lah pula yang mengutamakan sektor pertanian. Pada tahun 2010, kita dapat melihat sumbangan sektor tersebut kepada GDP meningkat semula iaitu sebanyak 94 peratus, manakala sumbangan sektor pembuatan menurun kepada 24.1 peratus. Walau bagaimanapun, sumbangan sektor perkhidmatan terus mengukuh kepada 49.5 peratus.

Di era Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib pada tahun 2016, sumbangan daripada sektor pertanian hanyalah tinggal 8.1 peratus sahaja, pembuatan menurun kepada 23.0 peratus, manakala sumbangan sektor perkhidmatan pula melompat kepada 54.3 peratus. Namun pemacu utama ekonomi kita masih lagi dengan izin *low wage level intensive industries* di ketiga-tiga sektor berkenaan.

Justeru apakah yang patut kita lakukan untuk memastikan supaya struktur ekonomi kita kukuh dan kita bersedia menyokong dan mendakap IRR 4.0 ini yang demikian IRR 4.0 ini tidak mengalami apa-apa masalah ataupun *hiccup*. Apabila saya menyebut tentang –sebelum saya meneruskan tajuk ini –apabila menyebutkan tentang sektor pertanian, saya teringat dengan satu perkara pokok yang menjadi minat kepada semua Ahli Yang Berhormat tentang masalah yang dihadapi oleh sektor minyak sawit negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, minyak sawit negara berkeupayaan menyumbang sebanyak enam peratus kepada GDP negara iaitu pada tahun lepas sumbangannya ialah sebanyak RM67.7 bilion. Ianya memberikan satu pulangan yang cukup terbaik sekali dan memberikan pembelaan kepada pekebun-pekebun kecil seramai 650,000 orang. Di sini sebenarnya dalam sektor ini sahaja seramai empat juta tenaga kerja, anak-anak kita, pemuda-pemuda kita yang sebenarnya bergantung harap dan hidup kepada sektor minyak sawit. Apa yang terjadi pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi satu isu yang cukup mencabar dan cukup membimbangkan sekali. Apa yang paling mengecewakan kita Parlimen Eropah telah membuat satu resolusi yang cukup menggerunkan kita sekali.

Pada 4 April 2017, Parlimen Eropah telah mengumumkan satu resolusi mengenai minyak sawit dan penyahutan atau *disforestation* hutan tropika, *European Parliament* dengan izin *non legislative resolution* pada 4 April 2017 *on palm oil disforestation of rain forest*. Lanjutan daripada resolusi ini, suruhanjaya Eropah telah menganjurkan satu kajian yang bertajuk dengan izin, '*Study on the environmental third impact of palm oil consumption and on existing sustainability standard*'.

Kalau tahun 80 dahulu, Amerika yang telah mengamalkan kempen anti minyak sawit tropika, sekarang Eropah pula membuat perkara ini. Inilah satu perkara yang cukup memalukan sementara pada 23 Oktober 2017 yang lalu, Jawatankuasa Tenaga Parlimen Kesatuan Eropah telah menyuarakan supaya undang-undang boleh diperbaharui, *renewable* yang akan mengetepikan bio bahan api berasaskan tanaman daripada

sokongan Kesatuan Eropah boleh diperbaharui menjelang tahun 2030 disemak semula di bawah arahan Tenaga Boleh Diperbaharui (RED) Ahli Parlimen Eropah telah mengundi untuk mengharamkan penggunaan *biodiesel* berasaskan kepada semua minyak sayuran dan pada tahun 2030, dia mengharamkan, *biodiesel* daripada minyak sawit seawal tahun 2021. Apakah akan terjadi masa depan minyak sawit kita kalau usaha ini akan diteruskan? Adakah patut sebuah negara yang menjadi rakan kongsi kita yang sentiasa membantu kita membuat perkara yang cukup memalukan ini. Sila Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jasin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita menyentuh soal minyak hasil daripada kelapa sawit ini iaitu *palm oil*, kita telah pun membuat satu lawatan kerja di Eropah yang berpangkalan di Belgium baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua. Kami telah pun ber-*engagement* dengan beberapa *stakeholder* termasuklah Ahli-ahli Parlimen negara-negara Eropah dan juga pengusaha-pengusaha yang berasaskan daripada minyak kelapa sawit.

Jadi dalam penemuan kami, kita telah pun melihat berbagai-bagai cara ataupun jalan untuk mempersendakan produk kelapa sawit ini mahupun daripada buatan roti, aiskrim, coklat yang telah dipaparkan satu benda di tiap-tiap produk itu *non-oil palm product*.

#### ■1550

Jadi seolah-olah ini mereka melihat *consumers* pengguna di Eropah ini seolah-olah melihat semua pembuatan berasaskan kelapa sawit ataupun *palm oil* ini adalah racun kepada kesihatan kepada seorang manusia. Jadi ini seolah-olah menjatuhkan ..... kita kepada negara-negara yang tertentu.

Jadi apa pendapat sahabat saya Yang Berhormat Jasin, sebenarnya apa sebenarnya yang diutarakan oleh Persatuan-persatuan Ahli Parlimen Eropah ini? Ini kerana apa yang kita lihat di sana dia sudah tukar kepada isu *deforestation* dan isu kepada seolah-olah kita ini yang menyumbang utama kepada *greenhouse gas* kepada *atmosphere* ada CO2.

Jadi seolah-olah kita ini sebagai negara paling teruk. Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa ini adalah perbuatan daripada ahli-ahli korporat yang dulu lebih kepada *soya bean*, *rapeseed oil* untuk membuat semua bahan-bahan pemakanan di Eropah. Tiba-tiba kami melihat bahawa mungkin harga pembuatan ataupun pengeluaran minyak-minyak tersebut tidak boleh bertanding dengan harga pemasaran kita sebab kita hanya 30 tahun sekali dan mana kita melihat kita tidak pernah membuat *encroachment* kepada tempat-tempat yang sudah di gazet sebagai - yang diwartakan sebagai kawasan hutan.

Jadi yang kononnya yang saya baca di sini yang *even peat soil fires* juga kita yang telah di - seolah-olah kita mereka menuding jari kepada Malaysia yang kita ini adalah pesalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, ini minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Dan juga kepada sosial kononnya *indigenous people* ini kena *marginalised*. Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita membuat satu tindakan untuk libat tindakan-tindakan daripada Ahli-ahli Kesatuan Ahli Parlimen di Eropah. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan kita buat tindakan secara diplomatik?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Kebetulan ini isu yang kita banyak bahaskan dalam rombongan kelapa sawit hari itu. Saya ingin menambahkan beberapa poin dan pandangan minta pandangan Yang Berhormat Jasin.

Dulu isu kesihatan dengan isu *deforestation* tentang penyahhutan,. Kemudian isu orang-orang asal semua isu ini dibangkitkan kerana minyak sawit masuk ke *territory* ataupun kawasan minyak-minyak lain tradisi yang dikuasai oleh Eropah, *rapeseed oil*, *kanola*, minyak bunga matahari, minyak jagung dan mereka tidak bersaing itu isunya. Jadi soalan saya ialah benda ini tidak akan selesai bila dia perlu, dia merasa terasa terancam dia akan bangkitkan beberapa isu. Akan tetapi apakah persediaan kita untuk mengatasi semua masalah ini untuk menjawab balik dan membuat promosi yang berkesan terhadap sawit. Dan ini memerlukan dana yang banyak apakah dalam bajet ini kita cukup dana – ada dana untuk itu? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Putatan dan juga Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya minta ucapan beliau dimasukkan teks ucapan saya. Akan tetapi apa pun yang pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah dapat membuat satu lawatan yang cukup berkesan sekali lah baru-baru ini. Walaupun agensi kita tidak mempunyai kewangan yang mencukupi tetapi dengan rasa penuh tanggungjawab, semua Ahli-ahli Parlimen yang mengikuti misi ini mereka tanggung sendiri melalui organisasi mereka.

Ini kerana mereka *stakeholders* daripada FELDA, daripada FELCRA daripada RISDA, daripada koko, daripada getah dan juga daripada syarikat air. Ini kerana mereka merasakan ini adalah hal tanggungjawab terhadap negara bagi memastikan supaya ekonomi kita dapat akan dapat terus dipertahankan dan nasib masa depan pekebun-pekebun kecil dapat sentiasa kita jaga.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setelah kita buat *engagement* kepada mereka, kita dapat menerangkan tentang masalah sebenar. Baru lah mereka faham tetapi kerana Parlimen mereka lebih besar jumlahnya yang saya dapat bawa sebanyak tujuh orang sahaja pada bulan Februari yang lalu. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ini lah kali pertama sebahagian daripada mereka tengok pokok kelapa sawit tetapi apa yang mereka uar-uar kan di sana membuat fitnah yang tidak bertanggungjawab. Itu sebab jangan kita memfitnah orang kerana cukup buruk akibatnya.

Mereka telah membuat fitnah daripada dulu tetapi kerana ia nya telah disokong oleh kumpulan-kumpulan *lobby group* yang cukup kaya yang mempunyai kewangan yang mencukupi ianya telah merebak. Bukan sahaja dalam satu negeri bahkan banyak negara dalam kumpulan *eurozone* ini. Apa yang saya hendak sebut di sini...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jasin.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin. Saya juga mahu tolong.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh Yang Berhormat Menteri? Sahabat saya Yang Berhormat Jasin. Orang yang bertanggungjawab ini sebenarnya orang yang berduit, orang yang kaya. Untuk *sponsor* NGO-NGO yang membuat laporan palsu di negara kita dan juga kepada jurnalis-jurnalis yang sengaja di-*sponsor* oleh orang yang ada kepentingan.

Jadi, bersetuju kah sahabat saya Yang Berhormat Jasin supaya kita juga membuat satu usaha untuk mengumpul *stakeholders* kita daripada peladang-peladang kita, daripada yang ada kena mengena dengan kelapa sawit, yang mengeksport kelapa sawit supaya dapat menyumbang usaha kita ini untuk rebat untuk memperjelaskan yang perkara yang sebenar di negara. Setuju atau tidak Yang Berhormat Jasin termasuk lah pihak-pihak kementerian merupakan eksekutif di negara kita ini membantu kita untuk mengutamakan isu ini supaya ini tidak akan berpanjangan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jasin. Kot Tinggi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Jasin, tak perasan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya tertarik sebab saya pun sebahagian daripada lawatan pada tahun sebelumnya bersama dengan Yang Berhormat Kuala Kedah. Kita dapati masalah isu ini ada kaitan yang dikerjakan dalam kerangka lebih besar iaitu SDG 2030 - *Sustainable Development Goal 2030* yang mana meletakkan secara *explicit* tentang *deforestation* dan mereka menggunakan *deforestation* sebagai dia punya *front* untuk menggagalkan usaha-usaha kita.

Jadi saya setuju juga Yang Berhormat Kuala Kedah tadi di mana kita kena melihat pendekatan yang bukan sahaja kita dilihat sebagai *upstream producer* ataupun pengeluar kelapa sawit tetapi juga kita mesti bergerak secara aktif kita sebahagian daripada pengguna dan pengguna yang produk kesihatan dan juga dia akan digunakan di *localized* punya pengguna iaitu di Eropah kerana Eropah merupakan pembeli utama yang kita sebut tentang kekangan yang cuba diusahakan untuk mensabotaj ekonomi *palm oil* kita.

Jadi pandangan saya, kita mesti beradu sekerangka yang kuat bukan sahaja dari segi pengeluaran iaitu *upstream* kita juga mesti mempunyai *engagement* yang kuat di

peringkat *downstream* di mana kepenggunaan itu yang besar kita masih bertanggung tinggi kepada gerak kerja oleh syarikat-syarikat pengguna contohnya *Ferrero Rocher* dan sebagainya.

Jadi saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Jasin, supaya kerajaan melihat kerangka kerja bukan sahaja sebagai pengeluar tetapi juga kerangka kerja yang kuat seperti pengguna dan di-*localize* kan di Eropah. Apa pandangan Yang Berhormat Jasin? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya mendengar dengan teliti juga tadi nampaknya semua tuduhan-tuduhan ini adalah fitnah ataupun semua tuduhan-tuduhan ini ialah tidak benar tentang kita menghapuskan hutan, tentang keburukan minyak kelapa sawit. Ini adalah tidak betul dan telah dibuktikan oleh R&D. Kita di negara kita saya pasti sudah ada *research*, sudah ada penyelidikan yang dibuat dan rombongan kita yang pergi untuk membuat penerangan sudah tentu datang dengan bukti-bukti yang kukuh.

Kalau perkara ini berterusan, atas nama *business* untuk menghancurkan *business* ataupun kerana mereka terasa terganggu *they feel threatened* dengan izin. Maka adakah kerajaan ataupun minta pendapat Yang Berhormat Jasin adakah kerajaan kita akan bersedia untuk mengambil tindakan undang-undang atas mereka? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat-sahabat yang begitu banyak memahami serta membantu.

#### ■1600

Sebenarnya apa yang kita sebut pada ketika ini adalah satu perbuatan yang cukup tidak beretika sekali. Justeru itu saya mencadangkan kalau boleh, kita membuat satu bantahan kepada Parlimen *Europe* yang telah membuat resolusi yang tidak bertanggungjawab ini. Seterusnya untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibangkitkan ini telah pun berterusan sejak beberapa tahun yang lalu tetapi kita telah berjaya mematahkan usaha mereka terutamanya dari segi kesihatan. Yang Berhormat Kuala Kedah merupakan orang yang cukup *passionate* sekali tentang apa itu minyak sawit. Dia tahu sebenarnya, ia bukan sahaja bermanfaat kepada kesihatan kita bahkan minyak sawit kita adalah setanding dengan minyak zaitun.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibangkitkan oleh mereka terutamanya dengan *deforestation*, tentang kesihatan, kita telah dapat jawab. Sekarang dibangkitkan tentang persijilan supaya kita lebih *sustainable*. Fasal persijilan pun dikehendaki mesti mengikuti persijilan mereka yang sebenarnya tidak sepadan dengan apa yang kita buat di sini.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Jasin, sedikit sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Akan tetapi apa yang saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai dana yang mencukupi seperti apa yang telah dibuat oleh *lobby group* daripada *Europe*. Sila.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan kelapa sawit, kita semua tahu bahawa berlaku percanggahan antara kita dengan blok Eropah adalah kerana *conflict of interest*, kepentingan. Mereka menjaga kepentingan minyak-minyak keluaran mereka seperti yang kita fahami. Namun demikian, di sana mereka mempergunakan Parlimen mereka untuk menyatakan ataupun untuk mempertahankan kepentingan mereka. Jadi apakah kita boleh menggunakan model yang sama, Parlimen kita juga sedangkan kita semua sudah tahu bahawa minyak kelapa sawit mempunyai banyak kepentingan, banyak kebaikan yang semua telah *diestablished* melalui kajian-kajian saintifik. Saya minta pandangan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Apa yang saya hendak sebut di sini, hajat saya supaya kita mempunyai cukup dana untuk membuat promosi, bukan sahaja mematahkan apa yang telah mereka timbulkan, dakwaan-dakwaan mereka tetapi kita hendak memperkenalkan serta kita mahu memberikan pendidikan kepada seluruh pengguna, anak-anak di Eropah bahawa minyak sawit adalah minyak yang cukup bertenaga, minyak yang cukup bermanfaat dan juga berkhasiat. Akan tetapi kerana kewangan yang cukup mencabar pada ketika ini, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya memberikan satu dana yang mencukupi untuk kita menjalankan promosi bukan sahaja di Eropah.

Pada ketika ini, kita hanya ada satu pejabat sahaja, Yang Berhormat Putatan iaitu di Brussels. Kita mahu kalau boleh kita adakan banyak lagi pejabat di tempat-tempat lain. Kita adakan promosi. Kita adakan didikan seterusnya kita mahu kalau boleh kita hendak panggil editor-editor surat khabar mereka datang untuk melihat apakah sebenarnya minyak sawit kita. Kita hendak panggil kalau boleh Ahli-ahli Parlimen mereka tetapi kosnya cukup tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mempunyai kewangan, kita hanya berharap kepada kerajaan untuk memahami keadaan ini dan membantu kami memberikan satu dana yang mencukupi supaya usaha berterusan dapat dijalankan oleh orang-orang kita yang berada di sana menjalankan promosi-promosi dan juga usaha didikan.

Kita mahu kalau boleh, kita juga dapat membuat *engagement* kepada televisyen mereka, kepada Ahli-ahli Parlimen mereka. Kita bawa mereka datang, tengok, apakah sebenarnya minyak sawit yang kita hasilkan. Kita sebenarnya pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai satu sistem persijilan yang cukup mapan sekali yang dipanggil MSPO, yang kita akan mestikan kepada semua, bukan sahaja kepada perladangan bahkan semua pekebun-pekebun kecil menjelang Disember 2009, semua minyak sawit yang kita hasilkan dari Malaysia adalah telah disijilkan dengan dipanggil Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO). Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan sekali lagi supaya memberikan satu peruntukan dana yang mencukupi kepada agensi kami, MPOB, MPOC yang menjalankan tugas promosi untuk....

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya— Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat menyokong sekali jika pihak kerajaan, pihak Eksekutif dan bukan sahaja pihak kerajaan tetapi pihak pengusaha-pengusaha sawit patut memberi sumbangan untuk kita memperjuangkan isu ini. Ini amat penting sekali terutama sekali dengan melalui media sosial, media elektronik dan media cetak kita ini. Jadi baru-baru ini, saya juga telah pun mengadakan satu perjumpaan dengan media-media di Kota Kinabalu malam semalam. Jadi ini disambut baik oleh para media kita. Jadi bukan sahaja para media kita Yang Berhormat Jasin tetapi juga kita jemput media-media daripada peringkat antarabangsa termasuk di peringkat Kesatuan Eropah. Jadi bersetujukah Yang Berhormat Jasin jika kita memerlukan respond dan ber-*engagement* dengan *stakeholders* kita di negara kita supaya dapat bersama-sama memperjuangkan isu yang paling kritikal ini?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Jasin, boleh saya? Sedikit saya tambah. Ya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebagai kata akhir daripada saya, eksport kita tahun lepas sawit bernilai RM65 bilion. Itu bukan satu perkara kecil dan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin, empat juta orang terlibat langsung atau tidak langsung dalam industri sawit. Jadi isu sawit ini menyangkut terus kepada *national security* ataupun keselamatan nasional kita. Jadi ini bukan isu kecil. Maka saya mengesyorkan supaya Yang Berhormat Jasin meminta terus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan supaya diberikan dana yang khusus dan kita atasi masalah yang kita lihat baru ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Kuala Kedah. Terima kasih Yang Berhormat Putatan yang betul benar dapat memahami dan kita berharap dan merayu kepada pihak kerajaan supaya dapat memberikan satu pertimbangan yang sewajarnya. Saya tahu bahawa bajet yang diuar-uarkan oleh pembangkang pun ada sebut perkara ini tetapi angkanya tidak berapa tepat. Dia hendak kalau boleh, satu peratus daripada jumlah yang telah dihasilkan oleh sawit sebanyak RM67.7 bilion kepada GDP. Dia kata kalau boleh, kerajaan mesti membuat peruntukan sebanyak satu peratus. Maknanya, RM670 juta tetapi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, angka tersebut sebenarnya adalah *export earning* kita.

Hasil yang didapati oleh kerajaan tidaklah begitu besar kerana kita dapat daripada cukai eksport sahaja. Cukai eksport pula terbahagi kepada dua. Kalau *crude palm oil*, ataupun minyak mentah sawit, yang itu sahaja yang kita cukai. Kalau *refined*, kita tidak ada cukai. Maknanya, tidaklah besar sangat yang kerajaan dapat. Akan tetapi bukan fasal apa yang kerajaan dapat, tetapi tanggungjawab kita bagi memastikan supaya industri kita ini, yang telah banyak menyumbang kepada ekonomi negara dan menjaga kepentingan dan kebajikan 650,000 orang pekebun kecil dan empat juta orang yang bergantung hidup kepada industri sawit. Jadi saya sekali lagi memohon, merayu kepada pihak kerajaan kalau memikirkan satu dana yang bertepatan untuk memastikan supaya *lobby group* kita ada,

dan kita terus buat usaha bagi mempromosikan, mendidik anak-anak mereka daripada sekolah, daripada universiti, apa yang dibuat sekarang Tuan Yang di-Pertua, *lobby group* mereka cukup teratur dengan satu dana yang cukup kuat. Mereka telah masuk ke sekolah-sekolah, ke universiti-universiti.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, sebanyak, pada ketika ini kita dapat lihat, setelah buat *census* sebanyak 1,750 produk yang telah diberi label ini, tiada minyak sawit. Ini adalah satu cara untuk mematikan industri sawit kita. Di Belgium, Perancis, Itali, perkara ini telah berlaku dengan berleluasa. Ia akan merebak sekiranya ia dijadikan satu undang-undang, yang kita bimbang sekarang, *Europe* adalah pembeli terbesar kedua kita selepas India. Jadi kalau kita hilang pasaran di sana, ini boleh menjejaskan industri sawit negara. Justeru itu, kita berharap supaya pihak kerajaan dapat memahami masalah sebenar yang dihadapi oleh industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak teruskan sedikit sahaja lagi. Saya belum habis masa lagilah, ada lagi sembilan minit. Saya sebut tadi tentang IR 4.0.

#### ■1610

Perkara kedua untuk menyertai IR 4.0 ini seterusnya berjaya, adakah kita sentiasa mengikuti nasihat-nasihat seperti Peter Drucker, *the management group* ataupun *the management guru* kerana nasihat tersebut adalah mengadunkan di antara *efficiency*, dengan izin dan *effectiveness* iaitu dengan izin, *by doing the right things right*, bukan semata-mata *doing the right things* atau *doing the things right*.

Justeru, untuk kita berjaya dan agar tidak silap, apakah kita sudah mempunyai pelan induk dan garis panduan untuk kita jadikan sebagai pedoman di peringkat Pusat, di peringkat negeri, di peringkat PBT serta pelan rujukan oleh pihak swasta dan masyarakat madani agar kita benar-benar dapat mendepani ataupun *embrace* IR 4.0 ini secara sehalu dan senada dan seirama. Jika sudah ada, saya minta kalau boleh pihak kerajaan kongsikan kepada kami supaya kami faham dan seterusnya dapat membantu kerajaan dalam usaha kita untuk *buy in* kepada rakyat. Kemuncak kejayaan usaha ini ialah penyertaan rakyat dan merekalah sebenarnya yang patut turut mendapat faedahnya dan bukan semata-mata sebagai *consumers* tetapi juga kita mahu rakyat juga akan menjadi *producers*.

Ketiga, sudahkan kita bersedia untuk mendepani potensi *outcome* daripada impak IR 4.0 ini yang amat drastik di atas kehidupan kita? Apa yang telah disebut oleh bijak pandai, oleh *founder* dan *Executive Chairman World Economic Forum*, dia ada sebut, dengan izin, "*The fourth industrial revolution will affect the very essence of our human experience*". Saya bayangkan antara lain struktur ekonomi dan pasaran buruh kita akan berubah dengan ketara. Misalnya industri pendidikan akan kurang memerlukan guru ataupun pensyarah kerana pelajar boleh belajar secara *online* ataupun *self tutorial*. Penggunaan *artificial intelligence* akan menyebabkan ramai pula golongan profesional seperti doktor, ahli *pharmacist*, peguam dan akauntan akan kehilangan mata pencarian

mereka. Industri automobil pula akan mengeluarkan *driverless car*, pemandu teksi tidak diperlukan dan pemilikan kereta sendiri akan berkurangan.

Justeru itu, adakah semua rakyat Malaysia, khasnya penjawat awam dan warga pendidik benar-benar sudah bersedia terutama daripada segi sikap mereka, kemahiran dan juga pengetahuan serta daya kreativiti dan inovasi. Menyambut cabaran landskap baru itu dengan merancang struktur ekonomi yang baru serta pembangunan modal insan dan pembelajaran yang teratur, sistematik dan juga holistik, selaras dengan pelan induk dan garis panduan berkenaan agar kita dapat memenuhi tuntutan *digital economy* ini. Kita tidak boleh gagal merancang dan sama sekali janganlah hendaknya kita merancang untuk gagal. Justeru, tanggungjawab penggubal dasar dan pelaksana dasar adalah amat berat dan besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, masa tinggal sedikit sahaja. Saya berharap kalau dapat saya teruskan ini tanpa ada apa-apa pencelahan. Kali ini, saya ingin menyentuh pula parameter kedua yang berkaitan dengan aspek ekonomi rakyat ataupun kadar pengangguran. Saya sedar bahawa sebahagian rakyat kita merintih pada ketika ini kerana kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Kita akui bahawa kadar pengangguran kita telah meningkat daripada tiga peratus pada tahun 2012 kepada 3.4 peratus pada tahun lepas. Walau bagaimanapun pada tahun ini, kerajaan telah berjaya menstabilkan keadaan di sekitar 3.4 peratus dan 3.5 peratus, manakala banyak negara yang sedang bergelut dengan masalah pengangguran yang tinggi. Saya tidak payah sebutkan negara-negara tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut ILO walaupun sebenarnya kita dikira *full employment*, guna tenaga penuh selama 21 tahun tetapi ini bukan satu perkara yang patut kita raikan. Bahkan kita mahu melihat supaya angka ini dapat sama-sama kita tetapi sebelum pihak sebelah sana [*Merujuk kepada blok pembangkang*] menimbulkan isu ini. Biarlah saya akui terlebih dahulu bahawa bilangan penganggur memanglah telah meningkat. Naik daripada 401,200 orang pada tahun 2012 kepada 519,000 orang pada bulan Julai 2017. Disedari juga bahawa pengangguran di kalangan belia yang berumur 20 tahun ke 24 tahun dan berpendidikan *tertiary* adalah lebih tinggi berbanding dengan purata nasional iaitu masing-masing kadar 9.1 peratus dan 4.2 peratus mengikut penyiasatan daripada Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya kita dapat merubah pendirian kita memikirkan tentang masa depan anak-anak kita. Bukan sahaja kita dapat tengok pembangunan-pembangunan, kita mahu kalau boleh wujudkan peluang-peluang perniagaan kepada anak-anak kita. Kita tidak mahu dengan masalah-masalah yang selalu menghantui di mana-mana kita pergi, walaupun mereka berkelulusan ijazah, masih lagi tidak mendapat pekerjaan. Jadi kita yakin dengan segala usaha yang telah dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi merencanakan lagi pertumbuhan, merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi supaya dalam masa yang sama kita dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak kita.

Dalam pada itu, pihak industri terus menjerit keperluan terhadap tenaga buruh asing. Justeru, apakah usaha kerajaan untuk menunaikan komitmen Rancangan Malaysia Ke-11 untuk menurunkan kadar pergantungan pada buruh asing. Kita menghadapi dua pertembungan dalam usaha kita untuk mengurangkan penggunaan buruh asing. Akan tetapi dalam masa yang sama, banyak industri yang memerlukan tenaga buruh pada ketika ini. Ini sebenarnya ekonomi kita. Tanpa mereka, banyak ekonomi yang akan lumpuh. Bukan sahaja ekonomi daripada segi perladangan, pembuatan, daripada pembinaan, kita akan lihat kren tidak boleh jalan, buah tidak boleh dipetik kerana kekurangan pekerja. Kita tahu sekarang kerajaan telah membenarkan kemasukan mereka dengan permohonan secara *online* tetapi persetujuan ataupun kelulusannya terlalu sedikit. Jadi kita berharap supaya kerajaan dapat memikirkan cara yang paling terbaik supaya kita dapat menjaga pertumbuhan.

Dilihat Tuan Yang di-Pertua, di sektor perladangan sahaja, kalau dulu kita boleh tuai kelapa sawit sebanyak dua kali dalam sebulan, sekarang hendak dapat sekali pun susah kerana kekurangan pekerja. Kekurangan ini cukup *acute*, lebih kurang 40,000 orang tenaga kerja yang kita perlukan. Kita faham bahawa kerajaan telah meluluskan beberapa kali kelulusan tetapi kita berharap kalau boleh, memudahkan cara ini supaya kita mahu kalau boleh ekonomi dan industri yang saya sebut tadi akan dapat menjalankan usaha-usaha mereka dalam memastikan supaya tidak ada yang dapat ketinggalan.

Saya lihat Tuan Yang di-Pertua telah mengangkat tangan kepada saya. Maksudnya saya pun sudah sampai kepada tahap... [*Disampuk*] Belum lagi. Ada lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ada satu perkara terakhir saya hendak sebut di sini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Saya hendak menyentuh pula isu keamanan. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua bagi saya satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Boleh? boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kalau tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih, terima kasih kepada sahabat-sahabat yang telah banyak membantu. Akhir kata, berdasarkan kepada penjelasan dan fakta yang telah saya kongsi itu dan bersama Bajet 2018 yang terbaik yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah terbukti bahawa rakyat telah dapat bernaung dengan aman dan makmur di bawah payung Kerajaan Barisan Nasional selama 60 tahun yang lalu.

■1620

*Insya-Allah* saya yakin rakyat akan terus memberikan mandat kepada Barisan Nasional untuk menjadikan tempat mereka [*Tepuk*] bernaung dan berteduh seperti mana yang terukir dalam pantun pusaka ini;

*Anak duri, anak tenggiri,  
Dalam belanga bertemu jodoh,  
Barisan Nasional umpama payung negeri,  
Tempat rakyat, tumpang berteduh. [Tepuk]*

Sekali lagi saya ingin merakam kan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang membahaskan. Dengan ini saya menyokong Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya sila, 30 minit Yang Berhormat.

#### **4.20 ptg.**

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya suka hati kerana Tuan Yang di-Pertua duduk di sini dan saya hendak bincangkan, buka dengan isu Parlimen. Pada hari Jumaat yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan bajet di Parlimen, Dewan Parlimen ini. Biasanya dalam *convention Westminster*, setiap Ahli di dalam Dewan ini adalah sama rata, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah ketua Dewan. So, saya hendak minta kalau boleh Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*, adakah *teleprompter* sebenarnya satu benda yang sesuai untuk Dewan? Oleh kerana ini tidak- ucapan *Westminster* haruslah dituju kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Ahli-ahli yang lain dan bukan kepada televisyen. Televisyen itu sampingan.

Kedua ialah, saya rasa adalah penting Tuan Yang di-Pertua juga, memberi *ruling* tentang logo yang dipamer di dalam TV dan saya rasa *ruling* itu penting untuk kita semua. Ketiga, sesiapa di sini harus diberikan hak untuk guna *powerpoint*? Oleh kerana salah seorang Ahli telah guna *powerpoint* dalam Dewan ini.

Saya hendak masuk kepada perkara kedua iaitu bajet. Yang Amat Berhormat Perdana dan Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Pekan, telah mengelar Bajet 2018 sebagai ibu segala bajet. Sebenarnya tujuan paling penting Bajet 2018 adalah untuk memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Pekan untuk mengukuhkan kedudukan beliau. Bajet 2018 adalah ibu segala bajet dari segi perbelanjaan kerana ia mencecah RM280 bilion, berbanding dengan RM260 bilion pada tahun 2016 dan 2017, iaitu kenaikan RM20 bilion. Berbanding dengan perbelanjaan pada tahun 2010, bajet pertama selepas Yang Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri. Bajet itu hanya RM190 bilion, kalau kita buat bandingan ialah kenaikan 67 peratus dalam lapan tahun. Walaupun jumlah Bajet 2018 bertambah RM20 bilion tetapi jumlah peruntukan pembangunan- Yang Berhormat Kota Tinggi boleh beri perhatian tentang ini. Akan tetapi jumlah peruntukan pembangunan tidak bertambah berbanding tahun 2017, kekal pada RM46 bilion.

Dari segi peratusan, hanya 16 peratus dan paling rendah dalam sejarah kita. Peruntukan pembangunan pada tahun 2010 adalah 27 peratus. Untuk makluman Yang

Berhormat Kota Tinggi, pada tahun 2010 jumlah peruntukan pembangunan ialah RM52 bilion, berbanding RM46 bilion sekarang. Saya rasa ini adalah fakta yang penting, yang kita semua mesti ambil maklum. Saya minta kawan-kawan di sebelah sana, kalau seperti apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi, memang ada *common ground*. *Common ground* di antara kami dengan pihak sana ialah kita semua rasa peruntukan pembangunan tidak boleh begitu kurang, mesti meningkat. Saya harap tekanan daripada *Backbenchers* terhadap Menteri Kewangan, paksakan dia naikkan, naikkan peruntukan pembangunan. Oleh kerana peruntukan pembangunan ini baik untuk kita semua, kita perlukan jalan di kawasan kita, kita perlukan hospital, kita perlukan sekolah, universiti. Ini tidak boleh dipacui ataupun dijalankan oleh swasta. Hal ini mengakibatkan projek-projek menaik taraf jalan raya, seperti jalan Batu Pahat yang saya telah minta banyak kali, hospital dan sebagainya mungkin berhadapan dengan kesukaran.

Akan tetapi dalam konteks ini, ada fakta lain yang penting juga. Walaupun yang sedemikian, JPM mengambil sejumlah 26 peratus daripada keseluruhan peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan, berbanding 8.1 peratus pada 2008. 26 peratus dari RM46 bilion ini di peruntukkan untuk JPM. Apa ini di peruntukkan? JPM akan menerima sejumlah RM17 bilion peruntukan daripada Bajet 2018, di mana perbelanjaan pengurusan dan pembangunan masing-masing ialah RM5.2 bilion dan RM12 bilion untuk pembangunan. Jumlah ini adalah terlampau besar, lebih-lebih lagi apabila peruntukan untuk kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebajikan dan Kementerian Kesihatan tidak diberikan peruntukan yang diperlukan.

Kebanyakan peruntukan pembangunan untuk JPM adalah '*dana gelap*', ini perkataan saya lah. *Slush fund* ini untuk memperkukuhkan kedudukan Yang Amat Berhormat Pekan dan *slush fund* ini, dana gelap ini adalah *discretionary* iaitu apabila diluluskan oleh Parlimen, Yang Amat Berhormat Pekan boleh lulus sesuka hati.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** [*Bangun*]

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya habiskan bahagian ini, saya akan beri kepada Yang Berhormat Kota Tinggi. Dana semacam ini tidak wujud sebelum ini, selain di era pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan sebagai Perdana Menteri. Dalam era Pak Lah, dalam era Tun Dato' Seri Dr. Mahathir, tidak ada *slush fund* ini. Dana gelap ini, saya sebut di sini, penyusunan semula masyarakat - RM300 juta. Akan tetapi tidak ada maksudnya, tidak tahu apa penyusunan semula masyarakat di bawah JPM. Tidak ada pendetilan.

Program pembangunan - RM363 juta, penyelarasan Program Pembasmian Kemiskinan - RM114 juta, Projek Khas, khas untuk siapa? Tidak tahu. RM572 juta. Projek Mesra Rakyat, mesra rakyat, memang mesra rakyat. Akan tetapi untuk siapa, tidak tahu? RM800 juta. Dana fasilitasi. Dana fasilitasi ini adalah subjek yang paling penting, kenapa? Tahun 2017, dana fasilitasi - RM1.5 bilion, pada tahun 2018 - RM3.2 bilion di bawah JPM. Dana fasilitasi, walaupun namanya baik tetapi tidak ada pendetilan. Ini adalah *discretionary*

*fund* di mana Perdana Menteri ataupun Menteri Kewangan, dalam kes ini Perdana Menteri, boleh guna sesuka hati. Yang Berhormat Gua Musang pernah beri tahu, bila dia jadi Menteri Kewangan, [*Dewan riu*] tidak ada *discretionary fund* untuk siapa sahaja, kalau siapa hendak tambah, mesti jumpa dengan Menteri Kewangan. Okey, Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang, terima kasih. Saya setuju, saya pun ada data di sini. Statistik tentang perbelanjaan pembangunan tahun 2010, tahun 2011, tahun 2012, tahun 2013, tahun 2014 dan tahun 2015. Kita boleh lihat, sebenarnya pembangunan ini ia tidak semestinya bertambah, ia mungkin berkurang dan mungkin bertambah pada masa depan. Akan tetapi yang pentingnya bila di belanja dengan penuh tanggungjawab, kita lihat pembangunan, kita punya GDP bertambah. Contohnya, tahun 2014 - RM86 bilion, bertambah RM876 bilion pada tahun 2015, bertambah RM1.14 trilion pada tahun 2016 dan seterusnya.

■1630

Sebab, kita berbelanja ini berdasarkan keperluan untuk pembangunan. Pembangunan itu mungkin ambil masa dua tahun, tiga tahun, empat tahun, lima tahun. Ada masa ada *spike*. Jadi saya lihat, kerangka ini bukan kerangka satu, dua tahun. Kerangka berpuluh tahun. Transformasi dibuat tahun 2009, 2010, 2011, 2012, satu kerangka yang *solid* yang dibina berdasarkan keperluan. Jadi kalau Yang Berhormat Kluang hendak bercakap dari segi konteks mekanik ekonomi dan kemudian cakap fasal data sahaja tanpa melihat kepada hasil, tentulah Yang Berhormat Kluang boleh bercakap begitu. Saya melihat *study* ini, dua tiga hari saya tengok, tentang keperluan pembangunan.

Kalau bercakap fasal jalan sahaja di Batu Pahat— kita lihat contoh JPM, perkataan *slush fund* ini satu perkataan yang tidak baik, berniat buruk. Sebenarnya kita lihat salah satu— dia tidak cakap fasal Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di mana bajet dalam JPM ini diguna untuk memudahkan pembangunan contohnya di Iskandar. Contohnya pembangunan-pembangunan yang besar, contohnya MRT kita hendak beli tanah, hendak bayar itu semua. Jadi tentu pihak pembangkang tidak akan cakap ini semua. Jadi saya tidak mahu pergi teknikal, kritikal sangat. Yang Berhormat Kluang cuba menunjukkan bahawa kita tahu tentang ekonomi. Saya *interfere* sebab dia punya *misleading* dalam Dewan. Itu sebab.

Jadi saya hendak sebutkan dengan Yang Berhormat Kluang, contohnya *development* antara RM52 bilion dengan RM46 bilion, ini peratusan dia akan kurang. Akan tetapi, keseluruhan bajet itu bertambah daripada RM234 bilion jadi RM262 bilion jadi RM284 bilion, sudah tentu peratusannya akan berkurangan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi saya hendak cakap dengan Yang Berhormat Kluang, kita beri satu *articulation* dalam Dewan ini, jangan *misleading*. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tidak apa. Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Kita berdasarkan fakta. Apa yang penting itu proses. Apa yang penting untuk saya, kita tidak harus ada *discretionary fund* di tangan Perdana Menteri. Kalau dia hendak apa, dia minta dalam bajet, dalam proses bajet dan bukan dengan *discretionary fund* di mana tidak ada pendetilan dan selepas itu dia boleh guna sesuka hati dan jumlahnya besar iaitu RM3.2 bilion dana fasilitasi— besar. Jumlah yang saya *detailkan* tadi, RM5.4 bilion dan ini *development fund*, peruntukan pembangunan. Apa ini?

Yang Berhormat Shah Alam, ringkas ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Kluang. Kalau kita *convert* kepada USD, hendak tengok dia punya nilai sebenar, saya rasa kita akan melihat bahawa peruntukan untuk pembangunan itu sudah lagi teruk daripada apa yang bila kita banding pada ringgit. Hal ini kerana kalau ditukar kepada USD, jumlahnya akan menjadi *even smaller*, dengan izin.

Kedua, dia boleh ada bajet, dia boleh beritahu kata dia mahu fasilitasilah, apalah dan sebagainya. Maknanya bila dia hendakkan sesuatu itu, dia mesti ada idea— dia mahu untuk apa, bukan? Lalu saya sokong, saya setuju sangatlah apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Kluang bahawa perkara-perkara ini perlu di*detailkan* seperti mana dalam kementerian-kementerian yang lain. Kenapa dalam kementerian-kementerian yang lain dia boleh sebut mahu untuk hospital, hospital di mana, mahu jalan, jalan dekat mana, mahu ini, ini di mana, tetapi untuk JPM, *blank cheque*? Apa pandangan Yang Berhormat Kluang?

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya setuju sangat, minta dimasukkan ke dalam ucapan saya. Yang Amat Berhormat Pekan memang menganggap bajet ini sebagai satu rumusan legasi ekonomi beliau. Saya juga rasa sudah sampai masanya kita meneliti dan menilai legasi 'Najibnomics'. Perkataan 'Najibnomics' adalah percubaan para penyokong Yang Amat Berhormat Pekan untuk menunjukkan kononnya ia adalah satu set idea ekonomi yang akan memacu negara ke hadapan. Persoalannya, adakah idea itu benar-benar wujud? Saya rasa sebenarnya 'Najibnomics' bererti Najib tiada dasar ekonomi atau 'Nothingnomics'. Yang Amat Berhormat Pekan mengambil alih tampuk pemerintah negara pada 2009 dan sebagai Menteri Kewangan pada 17 September 2008. So, sudah sampai masanya. Sudah sembilan tahun sebagai Menteri Kewangan dan lapan tahun sebagai Perdana Menteri.

Satu-satu waktu apabila Yang Amat Berhormat Pekan dilihat mampu menyediakan rangka ekonomi adalah ketika pelancaran Model Ekonomi Baru pada 31 Mac 2010 setelah menjawat jawatan Perdana Menteri selama setahun. Hari ini tidak ada orang sebut tentang *New Economic Model*. Dalam wacana terbaru dengan *Malaysiakini*, Professor Jomo KS yang mengulas dasar Model Ekonomi Baru ini, dia kata kita perlu jelas

tentang hal ini. Model Ekonomi Baru atau *New Economic Model* merupakan perubahan dasar ekonomi yang dicadang oleh dari sudut *neoliberal*. Saya sependapat dengan Professor Jomo KS bahawa MEB ini tidak lebih keinginan untuk mewujudkan suatu dasar ekonomi yang lahir daripada perspektif *neoliberal*.

Namun demikian, sekurang-kurangnya pernah wujud satu rancangan tetapi— dan dalam Model Ekonomi Baru ada inti pati yang penting. Pertama, Malaysia tidak lagi boleh bergantung kepada pelaburan modal semata-mata sama ada dari luar atau dalam negeri mahupun menambah kemasukan tenaga asing yang tidak berkemahiran. Apa yang diperlukan adalah produktiviti melalui inovasi. Kedua, keterangkuman sosial merupakan salah satu teras utama dalam MEB. Dua yang lain adalah pendapatan tinggi dan kelestarian. Keterangkuman (*inclusiveness*), merupakan bahasa Bank Dunia untuk ketidakseimbangan atau *inequality*. Sejak tahun 2010 lagi telah dikenal pasti bahawa ketidakseimbangan merupakan keimbangan utama yang perlu dihadapi ekonomi Malaysia. Ketiga, menurut Model Ekonomi Baru, kuasa membuat keputusan perlu diserahkan kepada kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dan bukan semuanya dipusatkan di Kerajaan Pusat. Namun hakikatnya, keputusan ekonomi makin dikuasai oleh Yang Amat Berhormat Pekan sendiri...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Sampai melangkaui Kabinet. Ringkas ya. Ringkas.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Pendek sahaja. Sebenarnya ini bukan *Abenomics*, ini 'Najibnomics'. Ini sebenarnya Dasar Transformasi Negara yang menunjukkan perubahan dan di *validated* oleh World Bank dan IMF dan sebagainya. *Abenomics* ini ketakutan pihak sebelah sana sebenarnya— 'Najibnomics'. Untuk pengetahuan, *Abenomics* pun tidak ada orang sebut. Akan tetapi *Abenomics* berjaya. Baru-baru ini, LDP menang balik dua per tiga. Jadi ini satu benda yang menjadi ketakutan kepada Yang Berhormat Kluang sebenarnya. Janganlah baca teks dalam orang punya buku. Ini semua Dewan. Kita bagi pandangan, bukannya baca teks. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tadi Yang Berhormat Jasin baca teks dia tidak ada masalah. Perdana Menteri pun baca tekslah. Akan tetapi, tidak apa. Untuk manfaat Yang Berhormat Kota Tinggi, saya akan ringkaskan dan sampai ke satu apa ini— okey.

Saya pergi ke tajuk yang Yang Berhormat Kota Tinggi perlukan. Dalam tempoh sembilan tahun sebagai Menteri Kewangan dan lapan tahun sebagai Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan telah mensia-siakan peluang untuk memulihkan ekonomi rakyat Malaysia. Dalam konteks ini, saya rasa Yang Amat Berhormat Pekan tidak faham keluhan rakyat. Kita ada satu keadaan di mana pemimpin kerajaan rasa— nanti ya. Kejap. Pemimpin kerajaan...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kluang, saya hendak bantu boleh?

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Okey, tidak apa. Saya tidak perlu...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tidak kacau. Saya minta kebenaran. Boleh bantu tak? Kita tidak cakap teori. Kita cakap *facts* apa yang telah berlaku.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *Facts* yang telah berlaku ialah sekarang...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ya, 46 *percent* Petronas *dependent*, kita turunkan 14 *percent*. Kita rasionalisasi program. Orang lain— *Singapore 1.8 percent, gross* kita 1.5 *percent after* harga minyak kita turun daripada USD100 tinggal USD30. Kita buat *rationalization plan* dalam masa tiga bulan. *These are the strong facts* mengatakan kita ada kekuatan ekonomi yang berkembang walaupun dalam keadaan ekonomi yang susah. Macam mana *you* boleh kata negara kita *failed*?

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Kita ada...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Dan dia *disupport* oleh *all rating agencies*.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Okey. Terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi jangan cakap benda teorilah. Cakap *facts* yang *validated by the international* punya *bodies*. Saya ingat lebih sesuai, Yang Berhormat Kluang. Kalau tidak, kita akan teknikal dan akademik.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Okey, terima kasih. Kita di dalam satu keadaan di mana kita ada *two-speed economy*. *Two-speed economy* iaitu di atas walaupun eksport kita okey dan dari segi eksport kita ada pertumbuhan tetapi orang bawahan, rakyat jelata, dia rasa dia ada keluhan

#### ■1640

Akan tetapi, orang bawahan, rakyat jelata dia rasa dia ada keluhan tetapi dalam konteks sekarang, kerajaan Yang Amat Berhormat Pekan, Kerajaan Barisan Nasional tidak lagi melayan apa sahaja keluhan rakyat. Kerajaan Barisan Nasional bila ada pandangan tentang GST, bila ada pandangan dengan apa sahaja, jawapannya ekonomi kita tiada masalah, ekonomi kita paling baik di dunia.

Ini adalah masalah kita, masalah kita tidak bersedia untuk mengakui ada satu krisis sembunyi dan krisis apa? Kenapa rakyat Malaysia tidak puas hati?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Rakyat tidak puas hati kerana, satu kesan pelaksanaan GST, pemotongan perbelanjaan kerajaan yang menjejaskan kebajikan, kesihatan dan pendidikan. Sementara Yang Amat Berhormat Pekan dilihat hidup mewah dan sering melancong...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** ...Serta kejatuhan nilai ringgit yang merupakan masalah kritikal. Namun, tidak ada sesiapa dalam kerajaan mahu mengakui wujudnya krisis yang senyap ini. *There is a silent crisis.*

Kedua, kita berhadapan dengan masalah dwi-kelajuan, *two-speed economy*. Sektor tertentu berkembang pesat manakala sektor-sektor lain lembap. Ekonomi di sektor eksport berlangsung agak baik berikutan pemulihan global. Namun ekonomi di sektor domestik semakin merudum akibat krisis senyap pengurangan pendapatan ataupun *disposable income* (pendapatan boleh guna) yang sekali gus menjejaskan penggunaan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Sektor eksport mengurangkan pengambilan pekerja tempatan dan sebaliknya mengambil pekerja luar yang tidak berkemahiran.

Maka keuntungan yang dijana tidak memberi banyak manfaat tempatan. Kebanyakan eksport Malaysia bergantung kepada pengimportan dalam jumlah yang besar yang menandakan nilai tambahan rendah dalam ekonomi negara.

Ketiga, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib atau Yang Amat Berhormat Pekan mahu bermegah-megah dengan kepandaian ekonominya namun beliau tidak mempunyai penyelesaian kepada masalah selain daripada membuat sasaran semasa ucapan belanjawan beliau terutama tahun lepas bahawa mereka boleh menjual nasi lemak dan mereka boleh kerja sebagai pemandu Uber.

Apa yang berlaku sekarang semakin ramai rakyat Malaysia bekerja di dalam sektor bergaji rendah di luar negeri terutamanya Singapura. Kedua, semakin ramai rakyat juga bekerja secara haram di United Kingdom, Australia, New Zealand.

Semakin ramai mereka yang bekerja di Malaysia turut menderita akibat gaji rendah dan bekerja di bidang berasaskan kemahiran rendah. Kurang daripada 30 peratus pekerja mempunyai kemahiran. Ramai golongan muda menganggur serta jumlah yang tinggi 35 peratus ketua keluarga yang bekerja dalam sektor informal.

Ini adalah keadaan yang kita hadapi. Akan tetapi, kalau bagi pihak sana, pihak sana tidak ingin mengakui ada masalah, *there is a silent crisis.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Dalam ucapan Perdana Menteri, Perdana Menteri kata sasaran 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020 sudah pun mencapai angka 69 peratus dengan 2.26 juta pekerjaan diwujudkan.

Saya hendak tanya pekerjaan untuk siapa? Pekerjaan untuk warga asing, pekerjaan untuk pekerjaan-pekerjaan *low-end*, tanpa kemahiran ataupun apa? Sekarang ini kita tidak ada penyelesaian untuk apa yang kita menghadapi.

Penyelesaian Yang Amat Berhormat Pekan kalau kita ikut *economic report*, ikut *forward* Yang Amat Berhormat Pekan. Dia cadang apa, dia cadang satu. DFTZ, Zon

Perdagangan Bebas Digital. *Digital economy*. Kedua, PKS – ini SME dan ketiga dia cadang pengangkutan awam berasaskan kereta api.

Akan tetapi, saya tunjuk satu contoh cukup. *Digital economy*. Bolehkah kita semak apakah keadaan kelajuan internet kita. Kelajuan internet kita di Kluang memang lambat walaupun KL kira okey tetapi mahal. Kalau kita buat bandingan, di Singapura 300Mbps, harga dia RM93 tetapi di sini 30Mbps harga UniFi RM199.

So, di kawasan bandar walaupun kelajuan internet dianggap cepat sikit tetapi mahal, mahal kerana TM menguasai semua monopoli. Ini adalah masalah. Kalau kita hendak sebut *digital economy*, *digital economy* mesti merangkumi semua tempat termasuk kawasan-kawasan separa bandar. Akan tetapi, keadaan sekarang ini walaupun kelajuan di Kuala Lumpur di bandar cepat tetapi mahal. Pakej mahal dan di tempat lain di kawasan-kawasan separa bandar memang kurang.

Kalau sebut tentang pengangkutan awam. Pengangkutan awam tidak boleh hanya bergantung kepada *rail base*, tidak boleh bergantung kepada kereta api. Pembinaan kereta api ini mahal dan pembangunan kereta api kalau hanya ditumpu di kawasan bandar raya tidak akan memanfaatkan penduduk-penduduk di Kluang, Kota Tinggi ataupun tempat lain.

Kalau kita hendak bina satu sistem pengangkutan awam yang baik yang memanfaatkan semua rakyat, terbanyak rakyat termasuk di Kluang dan Kota Tinggi kita mesti mula dengan bas. Bas itu lebih murah dan boleh membawa pengangkutan awam kepada semua orang. Usaha ini tidak dijalankan, tidak dijalankan *last mile* kita tidak buat. Kita buat projek-projek mega tanpa asasnya. Asasnya *last mile* tidak ada usaha untuk itu ataupun usaha terlalu kurang.

Saya rasa ini adalah masalah ekonomi kita. Walaupun ramai sebut Industrial Revolution 4.0 tetapi sebenarnya pekerja-pekerja rakyat Malaysia mereka hilang pekerjaan bukan kerana *industrial* 4.0. Mereka hilang kerja kerana pekerja warga asing dan lebih ramai warga asing datang sekarang berbanding dengan tahun 2009 apabila Yang Amat Berhormat Pekan menjawat jawatan Perdana Menteri.

Saya rasa ini adalah masalah yang kita menghadapi hari ini. Apa yang paling penting ialah *there is a silent crisis*. Krisis sembunyi ini, tidak ada dari pihak kerajaan ingin mengakui. Ini adalah krisis yang kita mengalami.

Saya hendak bincang tentang isu yang lain ialah isu kem— kem dan pengundian. Saya minta Kementerian Pertahanan memberi penjelasan sama ada pembinaan Kem Tentera Segamat di negeri Johor dibuat atas pertimbangan strategi pertahanan negara atau semata-mata untuk mempertahankan kerusi Segamat dalam pilihan raya. Mempertahankan kepentingan politik dan pilihan raya bagi parti kerajaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kem Segamat masih dalam proses pembinaan dan papan notis di luar tapak pembinaan menunjukkan bahawa tarikh jangka siap bina kem tersebut ialah 16 April 2018.

Walaupun bagaimanapun, ruang daftar pemilik tambahan suku ketiga tahun 2017 yang sedang dipamerkan telah menunjukkan pendaftaran seramai 1,079 anggota tentera atau pasangan mereka di dua lokaliti baru di kawasan Parlimen P.140 Segamat dan N.02 Jementah. Antaranya 1,051 pemilik di Kem Semangat dan 28 pemilik di Rejimen 501 Askar Wataniah Kem Segamat.

Isu yang timbul ialah bagaimana seseorang anggota tentera dipindah untuk bertugas di sebuah kem tentera yang masih dalam proses pembinaan dan sudah tentu belum dapat Sijil Pengakuan Siap dan Pematuhan ataupun CCC dengan izin.

#### ■1650

Ini bukan sahaja merupakan satu manipulasi sistem pemilihan malah juga telah membawa banyak kesulitan kepada anggota tentera yang sebenarnya bertugas di suatu tempat yang lain dan mungkin terletak jauh dari Segamat. Saya rasa ini salah satu skandal. Skandal ini perlu dijawab, perlu ditangani oleh kerajaan. Saya minta MINDEF dan juga JPM untuk jawab soalan ini. Ini melibatkan Suruhanjaya Pilihan Raya dan juga MINDEF.

Akhirnya, saya hendak bawa isu tentang IRB. Tahun ini, walaupun pertumbuhan ekonomi dijangka 5.7 peratus tetapi IRB dijangka akan kutip dari cukai peribadi. Cukai pendapatan peribadi sebanyak 9.2 peratus. Tambahan sebanyak 9.2 peratus. Tambahan ini dari mana? Tambahan ini dari satu kempen IRB yang sangat agresif dan kempen ini yang sangat agresif telah memaksa ramai untuk bayar. Walaupun atas asas bahawa mereka hutang cukai ataupun mungkin mereka tidak bayar cukai yang berpatutan. Akan tetapi, dalam banyak kes yang kami terima memang kes ini tidak begitu *clear cut*. Saya rasa agresif taktik-taktik agresif IRB ini tidak boleh diterima. Kalau hendak jalankan tugas, jalankan tugas secara profesional tetapi jangan guna taktik yang terlalu agresif sampai rakyat rasa ini satu *tax terrorism*. Ini saya rasa tidak patut.

Akhirnya, Khazanah. Kita —saya pun hairan bila saya baca *revenue estimate*. Khazanah hanya menyumbang RM1 bilion untuk kerajaan setiap tahun. Tahun lepas RM500 juta. Tahun ini RM1 bilion dan dijangka tahun depan RM1 bilion. Akan tetapi, sebenarnya Khazanah untung lebih banyak. Khazanah perlu menyumbang lebih banyak kepada kerajaan dan bukan hanya di tahap RM1 bilion dan syarikat-syarikat di bawah Khazanah perlu lebih *transparent*, perlu lebih telus supaya semua dalam Parlimen faham apa aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Khazanah dan anak-anak syarikat Khazanah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Setiawangsa.

**4.53ptg.**

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana kesudian memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada semua atlet yang terlibat dalam Sukan SEA yang mana akhirnya menyebabkan negara kita berjaya merangkul 145 pingat emas, 92 Perak, 86 Gangsa dan kepada saudara KJ, tahniah kerana mengetuai Sukan SEA kali ini. Terima kasih juga kepada pihak keselamatan kerana telah dapat menjaga keselamatan sepanjang Sukan SEA supaya insiden-insiden yang tidak elok tidak daripada berlaku.

Dalam tempoh dua minggu sepanjang berlaku Sukan SEA, kita melihatkan 32 juta rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, kaum, agama dan ideologi politik sama-sama bersatu menyokong dan meraikan kejayaan yang dicipta oleh atlet Malaysia setiap hari sebagai rakyat Malaysia. *Alhamdulillah.* Kalau mendengar daripada sahabat saya daripada Yang Berhormat Kluang, Tuan Liew Chin Tong, Malaysia ini memanglah dalam keadaan *failed state*. Walau bagaimana izinkan saya bagi *the state of the union* dalam erti kata memberitahu keadaan sebenar negara ini.

Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah begitu komprehensif, lengkap, holistik, *inclusive, sustainable*, mampan dan *self-explanatory*, sarat dengan perincian yang mengambil kira segenap lapisan dan kepentingan masyarakat. Bermula dari ibu yang mengandung, anak yang baru lahir, penjagaan harian bayi, kanak-kanak, pelajar sekolah, biasiswa pelajar universiti, golongan muda, pinjaman peniaga, orang dewasa, warga emas, kakitangan awam kerajaan, polis, Cina, India, nelayan, petani, segala-galanya barangan dan banyak lagi sampai kepada urusan masa hadapan negara.

Bajet kali ini, walaupun apa orang hendak cakap memang *mother of all budget and that is what it is. We make no apology for that.* Saya hendak beritahu, Tan Sri Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa (Ketua Setiausaha Negara), mengikut beliau dia *describe* Bajet 2018 "*the best throughout his 10 years in civil service since 1981*". Itu boleh tanya Tan Sri KSN. Mengikut *Nielsen Global Survey of Consumer Confidence and Spending Intentions* Suku Kedua 2017 *on Malaysian Consumer Top 10 Concerns*. Apakah yang betul *consumer* atau rakyat Malaysia ini *concern* tentang negara ini. Sebanyak 47 peratus mengatakan ekonomi. *Job security* 22 peratus, kenaikan harga makanan 18 peratus, *work life balance* 15 peratus, kestabilan politik 13 peratus, *crime* —jenayah lapan peratus, *parent's welfare and happiness* lapan peratus, kesihatan lapan peratus. Ini telah ditangani secara menyeluruhnya dalam bajet ini. Bukan itu sahaja, tetapi lebih daripada itu.

Pada hemat saya, bajet yang kita bentangkan setiap tahun ini Tuan Yang di-Pertua bukan sekadar memenuhi *wish list*. Mana kementerian dapat apa, apakah NGO ini dapat. Adakah kita —bagaimanakah Kementerian Kesihatan dapat. Akan tetapi, ianya harus

dilihat sebagai pengurusan kewangan sebuah negara dan bagaimana kita susun dan tadbir urus kewangan dari perspektif *sound economy management to ensure the economic growth of the country remain sustainable*. Memelihara kestabilan politik, memastikan rekod pencapaian negara daripada segala sudut sentiasa cemerlang, mematikan dasar luar negara realistik dalam masa yang sama tetap memenuhi permintaan segenap lapisan masyarakat dengan hadnya agar semua merasa dan tiada siapa yang rasa ditinggalkan atau terlepas pandang.

Disebabkan kerajaan melalui bajet tiap-tiap tahun. Satu lagi perkara orang mengatakan bajet ini adalah *election budget*. Bagi kerajaan, tiap-tiap tahun apabila kita mengadakan bajet ia adalah *election budget* dalam erti kata kita akan mengadakan setiap bajet itu yang terbaik untuk rakyat tetapi tahun ini ia adalah yang terbaik sepanjang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Disebabkan kerajaan melalui bajet yang secara berhemah...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** ...*Meticulous* dan bertanggungjawab mengurus kewangan negara. Saya lebih cenderung untuk menyenaraikan kejayaan dan pengiktirafan dunia yang banyak terhadap Malaysia baik dari segi ekonomi, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan lain-lain.

Ini yang saya namakan *state of the union*. Keadaan sebenar negara ini seperti mana yang telah diiktiraf oleh negara luar bukan seperti mana yang telah diberi daripada kaca mata pembangkang yang hanya mahu dengan izin, *make a mountain out of molehill*. Membesarkan perkara yang kecil dan menganggap bahawa itulah masalah yang berada dan besar yang harus di selesaikan oleh kerajaan ini. Sila Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Saya mendengar dengan teliti mukadimah perbahasan Yang Berhormat. Saya dapati perkataan bajet ini adalah ibu segala bajet yang sangat terangkum dan *inclusive* yang mana semua lapisan dapat merasai. Bukankah ini yang dikatakan bajet yang betul-betul mendengar suara keluhan rakyat dan juga merasai denyut nadi rakyat untuk membantu segala lapisan masyarakat di masa orang menceritakan tentang kos sara hidup, perumahan, pekerjaan dan peluang-peluang meningkatkan pendapatan.

#### ■1700

Kerajaan ini telah melakukan secara terperinci secara mendalam dengan tidak mengorbankan usaha-usaha pengukuhan fiskal defisit. Bukankah ini yang kerajaan patut diambil oleh rakyat. Tidak seperti mereka-mereka yang nak buat sesuatu nak buat semua. Nak tutup tol semua. Nak buang apa yang kita dah bagi. Contohnya GST ke arah negara

maju. Nak undur balik SST yang tidak tahu lagi siapa untung. Bukankah ini kerajaan yang kita hendak. Kerajaan yang betul-betul mendengar masalah rakyat. Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Bagan Serai, ini adalah masalah yang apabila kita *page* contohnya dalam buku bajet ini ada beratus-ratus muka surat. Akan tetapi mereka mengambil dua tiga muka surat dan menganggap itulah bajet dia. Apabila melihat mereka ini saya anggapkan begini. Mereka naik tingkat satu melihat kereta dia. Bahawa itulah kereta yang paling besar. Akan tetapi sebagai pemimpin kita duduk tingkat 88. Kita tengok kereta itu kecil. Ini adalah salah satu daripada beribu-ribu masalah yang kita lihat. So, bukanlah yang paling besar daripada kaca mata.

Tuan Yang di-Pertua, benarkah dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan Malaysia ini adalah sebuah negara gagal ataupun *failed state* ataupun tidak diurus dengan sempurna oleh mereka-mereka ini. Akan tetapi saya nak bagi tahu ini. Kalau seperti tuduhan Malaysia negara gagal atau bankrap, Malaysia ini sudah tiap-tiap tahun gagal dan bankrap mengikut tuduhan pembangkang. Kalau *debt to GDP ratio*, sebagai *indicator* kita bankrap pada tahun 1990 apabila *debt to ratio* 80 peratus kita sudah lama bankrap. Akan tetapi kalau *debt to equity ratio* ini diambil sebagai perkara yang menunjukkan bahawa negara ini negara bankrap, bermakna 67 negara di atas Malaysia ini semua bankrap.

Cuba tengok *debt to equity ratio* negara Japan. Paling tinggi 250. Italy 132, Singapore 112, United States 116, Spain 99, France 96, Canada 92, United Kingdom 89, Euro 89. Semua 87 negara ini di atas Malaysia bankrap daripada 137. Akan tetapi Malaysia tidak bankrap. Masih lagi berada dalam keadaan yang hebat dengan World Bank membuat ramalan bahawa kadar pertumbuhan negara kita bagi maksud tahun 2017 ini 5.2 peratus.

Pada tahun 1998, Malaysia mengalami krisis ekonomi paling hebat. Paling teruk. Ekonomi Malaysia menguncup pada tahap negatif 7.4. Banyak perniagaan gulung tikar. Bursa saham jatuh 50 peratus. Ringgit jatuh secara mendadak. Rakyat hilang kerja. Negara tidak bankrap pun masa itu. Malahan Yang Berhormat Gelang Patah pada tahun 1987 telah menulis sebuah buku Bom Jangka Di Malaysia. Nama tajuk buku tu. Dengan memberi amaran kononnya Malaysia akan bankrap dan menjadi negara gagal tidak lama lagi. Tahun depan buku itu telah 40 tahun umurnya. Akan tetapi Malaysia masih belum bankrap malah berdiri tegak dan maju bersama-sama negara maju yang lain.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Setiawangsa, boleh sikit lagi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Saya terpanggil sekali lagi apabila cerita negara ini akan bankrap ataupun sudah pernah bankrap. Yang Berhormat Setiawangsa, apa pendapat Yang Berhormat Setiawangsa apabila World Bank sendiri membuat semak semula dan membuat unjuran hingga 57 peratus dan apabila *world rating agency*, *Standard & Poor's*, *Moody's*, *Fitch* memberikan rating A minus dengan *stable outlook* yang mengatakan keadaan baik dan *stable*.

Apa pendapat Yang Berhormat Setiawangsa jika ada orang-orang yang walaupun dengan pendapat pakar-pakar dunia dengan pendapat orang-orang di luar sana yang tidak ada kepentingan dalam negara ini membuatkan rating yang begini. Apabila ada orang yang mengatakan negara kita bankrap. Adakah mereka ini buta? Adakah mereka ini buta hati atau buta mata sebenarnya?

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Bagan Serai. Sebenarnya yang bankrap ialah idea mereka. Yang *fail is not the country but* dia punya *failing state of mind*. Itu sahaja. Mengenai Bank Dunia ini Yang Berhormat Bagan Serai, *unprecedented* mereka telah *revise* dua kali daripada bulan Januari 4.3 pada bulan Jun 4.9 pada bulan Oktober 5.2 *unprecedented*. Ini kerana mereka tidak menjangkakan pertumbuhan negara begitu hebat. Begitulah negara ini yang telah ditadbirkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan dengan begitu berhemah dan bertanggungjawab.

Saya nak bagi tahulah disebabkan rating yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai. *Credit firm SMP, a firm* pada 23 Jun 2017 *outlook stable*. Rating 'A' minus. *Moody's affirmed* 16 Ogos 2017 *outlook stable* A3. *Fitch affirmed* pada 17 Mei 2017 *outlook stable rating A*. *What Fitch has to say, quote* dengan izin. *It does not see any near term signs that could make it alter its current 'A' minus rating stable outlook on Malaysia. Malaysia growth story has been pretty impressive. What Moody's has to say.* Dalam *report* mereka *titled "Government of Malaysia: Credit profile Malaysia is relatively resilient despite external vulnerabilities"*.

*Moody's deems unlikely sharp growth slow down or meaningful weakening in public finance.* Ini bukan kita cakap Tuan Yang di-Pertua. Ini semua adalah rating agensi luar. Nanti kalau kita ambil dalam dia orang cakap kita bayar dan sebagainya. Ini kita tidak boleh bayar. Ini mereka melihat keadaan sebenar. *The state of the union* keadaan sebenar negara ini. Itu pertama.

Kedua, laporan Bank Dunia Malaysia adalah salah satu daripada 13 negara yang dikenal pasti dalam laporan pertumbuhan dan suruhanjaya pertumbuhan dan pembangunan mencatatkan pertumbuhan purata lebih tujuh peratus setahun dalam tempoh 25 tahun. Pengiktirafan tersebut meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara dalam pertumbuhan kerjasama dan pembangunan ekonomi. Negara gagal kah ini Tuan Yang di-Pertua? Tidak.

RM366 billion wang pelaburan asing ke Malaysia dalam tempoh tujuh bulan bermula November 2016 hingga 2017. Daripada mana datangnya pelaburan ini? Daripada China RM175 bilion, daripada RM175 bilion tahun ini sahaja RM144 bilion melibatkan 14 MoU. Daripada Saudi Arabia RM31 bilion. Daripada India RM158.4 bilion, 31 MoU ditandatangani.

*World Bank data* mengenai *the world biggest economy*. Ekonomi yang pertama paling besar. USD 18 trilion, US negara Amerika USD18 trilion ekonominya. Dia merangkumi 24.3 peratus *of global economy*. China USD11 trilion, 14.8 peratus. India

nombor tujuh, 2.8 peratus. *Population* negeri China 1.39 daripada 7.6 billion 18.2 peratus daripada penduduk China hanya berada di negara China. India, rakyat India 1.32 bilion. 17 peratus ini mewakili 17 peratus. Kita berdagang dengan India dengan China 35 peratus daripada penduduk dunia datang daripada sini.

Apa PricewaterhouseCoopers says mengenai China? *In 2050*, mereka akan jadi *first economy*. Tengok apa mereka cakap mengenai *second world biggest economy in 2050, India*. Nombor tiga baru United States. Nombor empat Indonesia. Bermakna keputusan kerajaan untuk berbaik-baik dengan negara ini bukanlah satu perkara yang bukan munasabah. Kerajaan Barisan Nasional melihat 30 tahun akan datang, 40 tahun akan datang, bukan esok. Itu penting.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Setiawangsa, sikit boleh? Sebab tadi saya ada dengar Yang Berhormat Setiawangsa menyebut pelbagai pelaburan daripada negara asing telah pun masuk di negara kita termasuk Amerika Syarikat, China dan juga sebagainya. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Setiawangsa. Apakah pandangan Yang Berhormat, kalau dulu kita rasa bangga kerana kita ada kereta Proton di mana juga kita memiliki Lotus. Akan tetapi hari ini kita tadi apa Yang Berhormat sebut pelaburan China masuk dan sehingga hari ini kita terpaksa menjual saham sebanyak 49.9 peratus kepada syarikat China. Apakah pandangan Yang Berhormat Setiawangsa?

■1710

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Rasah, penstrukturan, *merger, acquisition* dalam erti kata kereta ini bukan satu perkara yang unik. Di Britain, di United Kingdom, dulu mereka mempunyai Range Rover, berbagai-bagai kereta *all being sold*. Semasa kita mempunyai Proton, untuk makluman, ianya adalah teknologi dari Jepun, sekarang adalah teknologi dari China. *So, what are the big deals?* Yang penting ialah kita dapat mempertahankan pekerja-pekerja yang masih duduk dalam itu.

Apa bezanya dengan contohnya negara Thailand tidak mempunyai kereta negara sendiri tetapi mereka adalah negara yang mempunyai pembuatan kereta yang paling besar di *Southeast Asia*? Yang penting ialah mereka ini memberi pekerjaan. Saya tidak nampak lagi mengapa kita begitu mahu sesuatu itu kepunyaan kita sekiranya ianya gagal. Kita boleh berkongsi dengan orang lain. Mudah-mudahan kita akan mendapat teknologi mereka dan dengan itu rakyat Malaysia juga yang akan untung secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tempat melabur yang terbaik. Malaysia telah diiktiraf sebagai negara nombor satu terbaik sebagai lokasi melabur *by BAV Consulting and the Wharton School of the University of Pennsylvania in consultation with U.S. News & World Report*. Melebihi atau mengatasi *Singapore* di tempat kedua, India di tempat keenam. Bermaknanya, tempat kita ini masih lagi menjadi tempat untuk mereka-mereka melabur. Malaysia juga diiktiraf sebagai negara ketiga terbaik untuk memulakan perniagaan seperti dilaporkan oleh Bank Dunia. Menurut laporan Bank Dunia, untuk

memulakan perniagaan di Malaysia hanya memerlukan masa 18 hari dengan kos sebanyak 6.2 peratus purata pendapatan per kapita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi apabila saya memberitahu mengenai China dan India, China mempunyai GST sebanyak 17 peratus. Manakala India lagi kompleks, GST mereka ialah 0.5 peratus, 12 peratus, 18 peratus, 0.25 peratus *on rough precious, semi-precious* dan sebagainya. Kita agak *simple, straight* enam peratus. Akan tetapi mengenai GST ini, saya hendak maklumlah saya ingin menyentuh sedikit GST yang hendak dimansuhkan oleh Pakatan Rakyat ini dengan membawa isu negara Kanada.

Negara Kanada pada tahun 1 Januari 1991, GST telah diperkenalkan di Kanada pada kadar tujuh peratus oleh Parti Konservatif pimpinan Brian Mulroney. Pada tahun 1993, dalam pilihan raya 1993, Parti Konservatif yang dipimpin oleh Brian Mulroney yang memperkenalkan GST pada 1 Januari 1991 kalah dengan teruknya pada Parti Liberal yang diketuai oleh Jean Chretien dengan slogan, "*Axe The Tax*" atau "*Mansuhkan GST*" dalam dokumen *Creating Opportunity* atau Buku Merah. Kenapa Buku Merah? Kerana kulit dokumen itu warna merah. Parti Liberal menggariskan apa yang mereka mahu lakukan sebagai pemerintah, salah satunya memansuhkan GST.

Apabila sudah menang dan menubuhkan kerajaan, Menteri Kewangan mereka semasa itu Paul Martin, orang yang bertanggungjawab menyediakan Buku Merah tersebut, diingatkan semula tentang GST yang mereka hendak mansuhkan dengan mengatakan ini dalam *private conversation*, "*Don't tell me about the Red Book. I wrote the damn thing and I know that it's a lot of crap*". Bermaknanya sengaja atas sifat hendak memenangi pilihan raya, bersikap populis, mereka telah mengatakan mansuhkan GST.

Sebaik sahaja menjadi kerajaan mereka mengatakan ini GST sudah menjadi *dependable source of revenue*, begitu penting dan amat kritikal untuk *eliminate* defisit negara Kanada pada awal tahun 1990. *Prime Minister* Kanada semasa itu daripada Parti Liberal yang menolak GST itu akhirnya tidak menolak, membuat keputusan untuk, "*Scrap any notion of axing...*"— itu membuang— "*Even issued an apology for misleading Canadian*".

Apa maknanya? Maknanya hanya kerana hendak menang tanpa tahu bahawa kepentingan GST ini kepada rakyat telah menipu rakyat *Canadian* dan terpaksa memohon maaf atas itu kerana pada tahun 1994 mereka dilanda defisit yang paling teruk. *Wall Street Journal* semasa itu mengatakan taraf mereka sudah sama macam negara ketiga kerana ketidakbolehan mereka menangani defisit. GST inilah yang menyelamatkan mereka.

Tahun 2010, 20 tahun setelah GST di-*established*, dibuat di Kanada, 20 tahun kemudian *Prime Minister*nya yang pada tahun 1991 bercakap dengan izin, "*Quite frankly it is interesting to me to sit back many years later having had to endure the abuse...*"— semasa dia buat dahulu GST— "*Recrimination and the pounding and to see that it turned out well for Canada. That is all I wanted. Why in your right mind would you do what we*

*did unless you believe that it's absolutely vital for the economic well-being of Canada?" That is what we exactly, kita membuat, well-being untuk negara kita ini, Malaysia.*

Akan tetapi saya hendak bawa satu lagi isu GST dekat Australia ini. Bagaimana pembangkang menggunakan isu GST ini untuk menang tetapi sebaik sahaja menang, mereka menipu dan menidakkan GST yang mereka janji itu kepada rakyat. Tengok kes Australia. Pada 1 Julai 2000, GST diperkenalkan di Australia. Pada tahun 1993, *Liberal Coalition* dengan slogannya, "*Fight back!*" meletakkan GST sebagai asas untuk bertanding. Parti ini pula asal bertanding GST berlawanan dengan parti semasa itu parti pemerintah Labor.

Akhirnya Parti Liberal ini yang tidak sepatutnya kalah dalam pilihan raya itu kalah kerana asas GST mereka berlawanan dengan parti pemerintah. Akan tetapi itu belum habis lagi, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1994, parti yang dahulu sokong GST 99 *point*, dia cakup sokong GST ini kalah, dia punya platform bertukar. Parti Liberal yang dahulunya sokong mengatakan, "*Oh! Kali ini kita tukar.*" Tahun 1995, mereka lantik John Howard sebagai Parti Liberal dengan janji, "*Never ever to introduce GST*". Ini adalah parti yang sama dahulu yang sokong GST. Pada tahun 1996, pilihan raya parti yang diketuai oleh John Howard memang menang besar— pilihan raya *Federal*— dengan *no GST* mereka.

Akan tetapi, tengok pilihan raya tahun 1998. Sebelum pilihan raya tahun 1998, Parti Liberal Nasional yang tolak GST dahulu yang sama dipimpin oleh John Howard telah mencadangkan GST untuk *replace all existing sales tax as well as applying to all goods and services*. Semasa pilihan raya tersebut, parti John Howard mengalami sedikit *outswing vote*, maknanya mereka mendapat 49.02 peratus *vote*, Labor mendapat 50.98 *vote*. Walau bagaimanapun, Parti *Liberal Coalition* berjaya mempertahankan kerusi dekat *Lower House prompting John Howard to describe the election win as mended for GST*.

Untuk menguatkan lagi John Howard ini untuk meluluskan GST yang dia tolak dahulu kerana kekurangan majoriti di Dewan Senat, Parti Liberal telah berpakat dengan Parti *Australia Democrat* untuk meluluskan GST di Dewan Senat. Akhirnya, *legislation* yang dinamakan *A New Tax System Goods and Services Act 1999* diluluskan pada 28 Jun 1999. *Legislation* ini mendapat perkenan pada 8 Julai 1991 dan akhirnya pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak cakapkan ialah mereka mengatakan kita memberi gula-gula, memberi insentif kepada pegawai kerajaan, kepada kakitangan kerajaan RM1,500, Tok Batin dan sebagainya dianggap gula-gula tetapi ini gula-gula yang lebih besar yang diletakkan dalam manifesto mereka kepada rakyat untuk ditelan yang akhirnya mereka sendiri tahu mereka tidak berkebolehan melakukan itu.

#### ■1720

Tuan Yang di-Pertua, saya nak menyentuh sikit satu perkara mengenai tol ini. Ha, mengenai tol ini. Saya nak ucapkan tahniahlah kepada kerajaan yang begitu prihatin menghapuskan tol di Batu Tiga dan Sungai Rasau di Selangor, Bukit Kayu Hitam di Kedah dan Lebuh raya Skim Penyuraian Trafik Johor Bahru Timur mulai 1 Januari 2018. Untuk

pengetahuan, kita mempunyai lebih kurang 33 tol yang beroperasi di satu Malaysia. Pada tahun 2010, PEMANDU telah membuat satu *lap*. 2010, telah membuat satu *lap*. Sekiranya kita hendak menasionalisasikan semua tol yang terdapat ini, berapakah kos kerajaan yang harus ditanggung?

Semasa itu, kosnya ialah RM383.3 bilion. Itu pun belum termasuk semasa itu Lebuhraya Pantai Timur (LPT II), belum termasuk Jambatan Kedua Pulau Pinang. Kalau dah dimasukkan kedua-dua itu Tuan Yang di-Pertua, kos pengambilalihan ialah RM400 bilion. Ini bermakna satu *mismatch* antara mereka yang menggunakan tol dan tak menggunakan tol. Mereka yang tak menggunakan tol terpaksa juga membayar kepada tol itu sekiranya kita tak mahu mengambil alih kerana kerajaan terpaksa mengambil alih. Saya rasa itu tak adil dan menjadi bebanan kepada kerajaan dan ianya lebih berkesan sekiranya wang itu dapat digunakan kepada sektor pendidikan atau kesihatan yang mempunyai *multiplier effect*.

Akan tetapi, apa yang saya hendak tekankan di sini ialah saya hendak merujuk kepada DAP-Pakatan Harapan Alternatif Bajet 2018 ini. Pada perenggan 3.4.1.1, mengurangkan kos sara hidup. Perenggan ketiga, *“cadangan oleh Maju Holding untuk mengambil alih PLUS Expressway dengan kos RM36 bilion serta janji mereka bahawa kadar tol tidak akan ditingkatkan selama 20 tahun membuktikan bahawa pemegang-pemegang konsesi tol masih dapat memperoleh keuntungan yang tinggi”*. Saya nak beritahu Dewan, Tuan Yang di-Pertua, macam mana MK II, Menteri Kewangan yang masih belum dapat *practical's end in depth study proposal* daripada syarikat ini, belum tahu lagi *source of funding* syarikat ini dan penyelenggaraan yang dikatakan tidak akan naik ataupun ini akan murah dan tidak menaikkan tol ini masih belum selesai. Pakatan Harapan dengan penuh tidak bertanggungjawab meletakkan ianya dalam dokumen belanjawan sebagai ianya benar. Mana mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, ini seolah-olah ada orang datang kepada mereka mengatakan mari kita pergi ke matahari. Wah! Dia cakap bagus tetapi jangan pergi matahari pada waktu siang kerana panas, kita pergi waktu malam. Dia cakap lagi terbaik sedangkan kedua-dua itu tidak masuk akal. Belum lagi disahihkan tetapi telah diletakkan dalam bajet. Saya rasa ini satu perkara yang tidak bertanggungjawab.

Akhir sekali, disebabkan tempat saya mempunyai penempatan tentera yang tinggi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah pun membuat pembelian dan penyelenggaraan aset pertahanan, membina ibu pejabat balai polis serta pembelian senjata api, menaik taraf ICT dan 1PDRM net, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia PDRM 10,000 unit, meningkatkan keupayaan aset persenjataan bagi menangani kegiatan antikeganasan, Blueprint Perumahan Keluarga Angkatan Tentera 6,000, menaikkan taraf hospital, poliklinik dan Hospital Veteran Angkatan Tentera.

Akhir sekali, kepada Perdana Menteri Malaysia, terutamanya Yang Amat Berhormat Pekan, saya nak katakan inilah, kata-kata orang tua, *“Tatkala kita menanam*

*padi, kadang-kadang rumput turut tumbuh tapi tatkala kita menanam rumput, tak pula padi tumbuh*". Dalam erti kata lain, dalam keinginan kita membuat kebaikan ini, kadang-kadang bagai macam-macam orang cakap, tohmahan dan sebagainya tetapi kalau kita mempunyai sedikit kelemahan, tak pula dia puji kita sebaliknya dia henyak kita tetapi sebagai pemimpin, kita harus melakukan kebaikan walaupun ia tidak sempurna sekalipun kerana saya cukup yakin, pemimpin akan jadi lebih hebat dan sempurna sementara beliau mempunyai sedikit kelemahan dan juga kekuatan. Dengan itu saya menyokong bukan setakat Bajet ini tetapi menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

**5.35 ptg.**

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin ucapkan tahniah kepada semua pembahas daripada kedua belah pihak kerana saya kira dalam setiap Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini berbahas, tidak ada di sini yang mahu melihat negara ini hancur. Tidak ada mana-mana Ahli Parlimen dalam Dewan ini yang mahu melihat ekonomi kita rosak. Apa yang ingin kita lihat ialah negara ini terus dimakmurkan. Cuma apakan daya, kadangkala kita ada pandangan yang berbeza dan seharusnya pandangan yang berbeza itu dilihat daripada aspek yang positif kerana kerangka ekonomi yang diamalkan oleh Barisan Nasional sudah tentu berbeza dengan gaya berfikir dan kerangka ekonomi yang diamalkan oleh kami.

Di atas perbezaan inilah kita berbahas dan tadi ada salah seorang pembahas menyebut kalau ada pandangan-pandangan yang baik, maka kami terbuka untuk menerima. Jadi bagaimana kita nak boleh terima satu pandangan kalau kita menganggap hanya kita sahaja yang betul tetapi yang lain itu tak pandai dan sebagainya. Di atas dasar ini saya cuba berbahas Tuan Yang di-Pertua, supaya setiap kita bertanggungjawab atas apa yang kita bahas dan khusus untuk kita merujuk kepada RM280 bilion kantung negara yang akan dibelanjakan pada tahun 2018. Izinkan saya untuk memetik firman Allah dalam surah Hud, ayat 61 *Bismillahir Rahmanir Rahim*, sebahagiannya [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] iaitu "*Dialah, yakni Allah yang telah menciptakan kamu dari bumi yakni tanah dan memerintahkan kamu untuk memakmurkannya*". Tanggungjawab dalam RM280 bilion ini adalah tanggungjawab untuk kita memakmurkan negara Malaysia yang tercinta. Lantas Tuan Yang di-Pertua, di atas asas apakah kita akan meletakkan sasaran kita untuk menjadi sebuah negara bangsa yang kita idam-idamkan.

Saya melihat untuk saya tidak lari daripada perbahasan yang berobjektif, saya memilih tiga asas kritikan saya terhadap Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan di mana saya menganggap bahawa Bajet 2018 ini adalah satu bajet yang amat kritikal. Bukan sahaja kerana ia akan mengakhiri sesi kita dan saya kira tidak

ada lagi bajet tahun depan, jikalau kita mengandaikan mandatori pembubaran Parlimen ialah pada bulan Ogos 2018. Kenapa Tuan Yang di-Pertua senyum?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Senyum itu sedekah.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** [Ketawa] Terima kasih. Petang-petang ini elok bagi sedekah, Tuan Yang di-Pertua. Ramai yang mengantuk ini. Jadi saya kira kritikal daripada sudut saya tidak tahulah kalau masih ada lagi Bajet 2019, maka saya menganggap bahawa yang ada mungkin bukan Barisan Nasionallah. Ha itu kita kira lainlah. Ini saya maksud yang Bajet Barisan Nasional ini. Apa yang saya maksudkan di sini ialah itu satu, bubar Parlimen dan ini akan membuka kepada Pilihan Raya Umum yang ke-14.

■1730

Saya rasa tidak payah hendak nafilah, kata ini bukan gula-gula, *it is*, memang ya. Satu fakta yang tidak dapat hendak dinafikan tetapi sebab tidak hendak mengaku, katalah bukan dan sebagainya. Ok lah, tidak apalah, saya terima itu. Kedua, kritikalnya bajet ini saya tengok setakat yang giliran saya berbahas ini, tidak ada siapa lagi pun yang sentuh iaitu kita ada lagi dua tahun Yang Berhormat Bera, untuk kita capai tahun 2020. Ini wawasan negara ini bukan wawasan parti-parti politik mana-mana, tidak. Sudah tentulah ia telah diilhamkan oleh Tun Mahathir yang sekarang berada dalam Pakatan Harapan hari ini.

So, Wawasan 2020 ini hanya tinggal dua tahun. Jika kita andaikan 2018 kita laksanakan bajet ini, maka di sana ada beberapa perkara yang kritikal, Tuan Yang di-Pertua. Kritikal dari sudut sejauh manakah pencapaian kita kepada sembilan cabaran yang telah digariskan dalam Wawasan 2020. Ingat, kita hanya ada dua tahun dan wawasan ini telah digagaskan sejak tahun 1991 dan Barisan Nasional memerintah sejak daripada 1957 hinggalah kepada dulu perkataan.

Jadi, apa yang kita cakap ini tidak boleh lari bahawa tanggungjawab sebagai sebuah kuasa terletak kepada Kerajaan Barisan Nasional. Di atas dasar ini saya akan kritik. Saya hanya ada masa Tuan Yang di-Pertua, untuk ambil tiga sahaja cabaran daripada sembilan. Oleh sebab kalau sembilan, saya tidak bahas yang lain ya. Saya ambil tiga sahaja. Paling atas sekali disebut Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai apa yang dinamakan sebagai bangsa Malaysia. Kita tahu proses untuk kita sampai kepada sasaran bangsa Malaysia ini bukan perkara yang mudah. Akan tetapi ia dilalui dengan berbagai cabaran dan sebagainya. Lalu diletak sebagai satu sasaran besar yang merupakan satu *challenges* ataupun satu cabaran iaitu melahirkan bangsa Malaysia. Cuma saya di sebalik bersemangat dengan Wawasan 2020 itu, saya masih lagi berasa agak kurang yakin dalam masa dua tahun ini kita akan tercapai apa yang dinamakan sebagai bangsa Malaysia.

Pertama, alasan saya, Barisan Nasional gagal. Oleh kerana ia kerajaan, bukan sebab saya nak kata dekat Barisan Nasional. Kalau Pakatan Harapan, orang

pembangkang akan katalah Pakatan Harapan. Saya kata Barisan Nasional, di atas sifat ia yang diberi amanah untuk berkuasa, tidak lebih daripada itu. Barisan Nasional gagal meletakkan pencapaian bangsa Malaysia kerana Barisan Nasional juga gagal membendung apa yang saya namakan sebagai kebangkitan kebencian kaum. Ini amat bahaya, saya ada statistik, kalau saya boleh kongsi statistik, mungkin masa tidak mengizinkan. Betapa kebimbangan bangkitnya apa yang dinamakan sebagai kebencian kaum ini benar-benar telah membimbangkan negara ini. Tidak perlulah saya menyebut insiden-insiden, kalau kita ambil dari tahun 1999 kepada tahun 2006 dan yang terakhir 2008. Seterus-seterusnya bagaimana *the rise of racial hatred*, dengan izin, bangkitnya kebencian kaum ini seolah-olah dibiarkan begitu sahaja tanpa ada satu usaha yang serius.

Baik dari segi perundangannya mahupun dari segi *political will*nya. Maka, saya tertanya Tuan Yang di-Pertua, dengan jujur, di manakah pembentukan bangsa Malaysia dalam kita hendak mengejar Wawasan 2020? Kalau inilah trend yang kita hadapi setiap hari, kebencian kaum yang begitu meruncing menyebabkan negara ini sukar untuk kita capai bangsa Malaysia. Saya bagi contoh, di atas kepentingan politik, ada parti-parti tertentu yang menjadikan sebuah parti tertentu juga sebagai *punching bag*. *Punching bag* untuk menyuburkan lagi kebencian-kebencian kaum. Di Dewan yang mulia ini saya ingin memberi amaran, agar janganlah keterlaluan kita dalam politik menyebabkan hubungan kaum di dalam negara ini terjejas. Serangan politik yang asalnya hanyalah merupakan serangan politik biasa-biasa.

Saya tidak anggap apa-apa yang disebut di sebelah sana kepada sebelah sini, sini kepada sebelah sana, itu adalah mungkin sebahagian besarnya adalah insinuasinsinuasian politik biasa. Akan tetapi janganlah, saya beri amaran semua kita Tuan Yang di-Pertua, jangan di atas serangan-serangan politik ini, ia boleh berubah menjadi satu teori konspirasi tentang agenda *racist*, teori konspirasi tentang fasisme, teori konspirasi tentang dominasi satu kaum ke atas satu kaum. Kononnya negara ini hendak jadi negara Kristian kalau satu kelompok menang. Ini dalam bahasa orang putih, '*rubbish*', ini semua *rubbish*. Oleh sebab kita ada perlembagaan, kita ada demokrasi. Janganlah sampai nafsu kita itu hendak marah takut orang lain menang, dengan kita heret seluruh negara, dengan serangan-serangan yang tidak bertanggungjawab. Ini tidak membantu bangsa Malaysia, langsung tidak membantu. Bahkan, ia memburukkan suasana kita, ia merosakkan lagi iaitu sama dengan sebagai politik toksik yang jijik.

Akhirnya, siapa yang rugi? Bukan kita, kita akan terus berpolitik tetapi kita mengambil kira rakyat di bawah sana. Mereka terhalang Tuan Yang di-Pertua, daripada mendapat polisi yang terbaik. Mereka terhalang daripada mendapat tawaran yang lebih baik hanya kerana negara ini diheret dengan prejudis kaum, yang asalnya bukan pun isunya. Akan tetapi lebih kepada kepentingan politik. Oleh sebab itu bangsa Malaysia, Bajet 2018 dua tahun lagi, mohon maaf saya menyebut kepada Yang Amat Berhormat

Pekan, saya tidak yakin dengan trend yang ada dan kegagalan kerajaan hari ini untuk mengawal dan membendung.

Kedua, kita juga mencapai satu masyarakat yang kita namakan sebagai masyarakat liberal dan toleran. Salah satu daripada sembilan cabaran ialah kita perlu secara strategik mencapai satu masyarakat yang liberal dan toleran. Tuan Yang di-Pertua, mungkin bila dengar perkataan liberal, maka dalam kepala kita didefinisikan dengan satu definisi yang sempit.

Apa yang dikatakan liberal? Katakan semua agama sama. Apa yang dikatakan liberal? Sokong LGBT. Apa yang dikatakan liberal? Liberal ini sokong buat kerja maksiat, tidak apa sebab liberal. Malangnya definisi ini silap, definisi ini tidak membantu apa yang hendak dicapai dalam cabaran Wawasan 2020 iaitu melahirkan masyarakat liberal dan masyarakat yang toleran. Toleran ini daripada bahasa Inggeris '*tolerance*', '*tasamo*' iaitu ia boleh menerima walaupun tidak setuju tetapi boleh menerima. Akan tetapi saya tidak suka perkataan toleran, saya lebih suka mengguna perkataan '*respect*', hormat-menghormati. Saya ingin mengambil kesempatan, mengambil perhatian Ahli Parlimen dalam Dewan ini, bersempena dengan bajet ini. RM280 bilion yang kita belanja, di manakah ia dalam konteks nak tercapai masyarakat yang liberal dan toleran?

Kalau saya hendak petik di sini, seorang Penolong Pengarah Kanan Agama Penjara Malaysia yang menerima gaji daripada kita punya emolumen, yang kita luluskan di sini. Dia menerima gaji daripada bajet-bajet yang kita luluskan di sini. Dia pergi meratarata, memporak-perandakan masyarakat Islam dengan pandangan agama yang memecahbelahkan antara mazhab dan sesama Islam sendiri. Ironinya, orang ini dibawa oleh PDRM, di bawah Ketua Penolong Pengarah Cawangan Khas di atas satu tajuk, 'Membanteras Keganasan', sedangkan dia itu sendiri huru-hara.

#### ■1740

Saya tidak mahu sebut nama, tidak elok kita sebut nama. Saya hanya sebut dia punya perjawatan sahaja dan saya tidak berminat menyebut nama dalam mana-mana ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau orang begini bagi atas *payroll* kita, yang kita bayar gaji dekat dia, tetapi pusing merata di masjid. Bukan hendak mendamaikan, bukan hendak meletakkan Islam itu sebagai rahmatan tetapi membawa Islam itu kepada radikalisasi sehingga benci-membenci antara umat Islam. Ini Ahli Sunnah Waljamaah, yang ini ahli apa ini, ini Salafi, ini Wahabi. Ada yang panggil bukan Wahabi, Wahabiol. Apa ini?

Apakah ini liberal dan toleran yang kita maksudkan? Ini tidak cerita lagi seorang mufti di negeri Pantai Timur sana, salah satu negeri Pantai Timur sana dengan berwenang menggunakan perkataan kafir harbi kepada pihak tertentu. Ini satu yang bahaya. Di mana tolerannya? Mana Yang Berhormat Bera, hendak pergi sudah? Okey, selamat. Saya ingat dia hendak tunggu sampai habis. Jadi, di mana masyarakat liberal dan tolerannya Tuan Yang di-Pertua? Kafir harbi ini betul ada dalam fiqah, tetapi hendak menamakan orang

tertentu dengan kafir harbi, itu berat. Ini dibawa ke masjid, dibawa ke ceramah-ceramah. Di mana kita? Ada yang suruh tanam jirat Cinalah kalau tidak sokong sesuatu.

Bagi saya, ini kah masyarakat toleran yang kita hendak bawa? Ini kah masyarakat yang liberal itu didefinisikan hanya kononnya sokong LGBT, liberal itu kononnya hendak cairkan semua agama. Ini adalah satu fahaman yang seolah-olah bila sebut liberal saja, habis rosak negara. Sedangkan Wawasan 2020 sebut, melahirkan sebuah masyarakat yang liberal dan toleran. Maka, seolah-olah kena *hijack* perkataan liberal itu jadi jahat. Sedangkan liberal itu adalah sikap keterbukaan yang berpandukan kepada perundangan negara dan nilai-nilai yang dipegang oleh agama.

Jadi kalau kita menyempitkan fahaman Wawasan 2020 dan saya hendak juga merakamkan di sini macam mana seorang penceramah dari luar, Mustafa Akyol hendak balik, di KLIA kena tahan. Lepas itu dia dibawa untuk ditahan beberapa jam, berapa hari, satu malam sehingga menimbulkan kebimbangan isterinya. Hasilnya kerana apa? Mengajar tanpa tauliah. *Masya-Allah*. Ini diskusi Tuan Yang di-Pertua, ini diskusi ilmiah. Ini bukan buka kitab baca dekat masjid, tidak apalah hendak dakwa orang itu tidak ada tauliah. Akan tetapi ini diskusi ilmiah yang bukan *black and white*, bukan hitam putih. Ada pandangan ini, ada pandangan ini dan mereka berbahas, mereka berbincang. Akan tetapi tiba-tiba gunakan masalah mengajar tanpa tauliah, lalu disekat dan dia ini orang luar. Orang yang menganjurkan itu pula juga dikenakan tuduhan kerana membawa orang yang mengajar tanpa tauliah.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan masyarakat toleran dan liberal yang kita hendak.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan bangun.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Silakan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Boleh Yang Berhormat Parit Buntar? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Parit Buntar, saya ingin mendapatkan pandangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Parit Buntar. Saya difahamkan bahawa pensyarah-pensyarah yang mengajar di akademi Islam di universiti-universiti Malaysia ini, tauliah mereka ataupun *accreditation* mereka tidak membenarkan mereka memberi ucapan agama di masjid. Saya difahamkan ia khas tertakluk untuk universiti sahaja. Akan tetapi pada pandangan saya, sekiranya pensyarah-pensyarah universiti dalam bab agama Islam bertauliah untuk memberi, mengikut *syllabus*, yang ada memberi pengajaran kepada pelajar-pelajar universiti, mahasiswa universiti, universiti tempat di mana minda kita membuka tetapi tidak dibenarkan memberi ucapan atau diberi peluang untuk *to give religious talk in mosque. Is this true?* Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Setahu saya Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Batu Kawan, tauliah agama

ini dikeluarkan oleh pihak jabatan agama. Kalau di Pulau Pinang, kita akan mengeluarkan tauliah dan dengan tauliah itu dia boleh mengajar. Akan tetapi itu bukanlah orang kata *free for all* yang dia boleh mengajar apa sahaja. Dari sudut itu, dia kena dipandu dengan ilmu dia, syarat kelayakan dia. Akan tetapi poin saya itu Yang Berhormat Batu Kawan, itulah lebih kurang. Poin saya di sini ialah kalau orang akademik, kalau orang yang ada pandangan disekat atas alasan tiada tauliah mengajar, saya rasa ini berat. Negara kita kena tengok balik. Kita kena bezakan kuliah agama dengan *discourse intellectual*.

Apakah kita hendak bawa negara ini dengan Wawasan 2020 yang tinggal 2 tahun dengan bajet RM280 bilion ini? Kita hendak biarkan negara ini kita terus berada dalam keadaan yang begitu sempit fahamannya terhadap *intellectual discourse*? So, ini saya merasakan Tuan Yang di-Pertua, *is not* dengan izin, *going in the right direction*. Saya khuatir RM280 bilion dalam masa 2 tahun, masyarakat yang terbina yang kita hendak daripada masyarakat yang kita namakan sebagai liberal dan toleran yang akhirnya kita akan lahirkan masyarakat yang literal, yang hanya melihat sesuatu secara literal dan menimbulkan kebencian antara kaum dan agama.

Yang mana dengan sebab itulah juga Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan rang undang-undang persendirian kepada Dewan ini iaitu Jenayah Kebencian Kaum dan Agama yang hingga hari ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada jawapan daripada pihak Tuan Yang di-Pertua sama ada *Private Members Bill* saya ini apa masalahnya hingga hari ini tidak keluar lagi dalam, tidak timbul lagi dalam *orders of the day* itu. Saya minta Tuan Yang di-Pertua, mungkin boleh rujuk kepada pejabat kenapa benda ini tidak berlaku sedangkan itu satu langkah awal untuk kita memastikan kebencian kaum dan kebangkitan radikalisme agama dan kaum ini dapat dikawal melalui perundangan yang saya telah cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat demokratik juga adalah merupakan satu daripada cabaran sembilan wawasan yang saya sebutkan sebentar tadi. Memandangkan kepada sebuah masyarakat demokratik, saya juga agak pesimis. Mohon maaf kepada Yang Amat Berhormat Pekan di atas sama ada kita secara strategik telah mengatasi dan secara strategik telah benar-benar melahirkan sebuah masyarakat yang demokratik. Saya tidak mahu menyerang membuta tuli. Saya rujuk kepada 11 indikator yang mana ia akan menunjukkan sama ada sesebuah masyarakat itu adalah sebuah masyarakat yang demokratik atau tidak. Pertama ialah *civil rights*. Kedua ialah *economic and social rights*, dengan izin. Ketiga, *civil and political participation*. Keempat, *political parties*. Kelima, *free and fair election*. Tadi baru Yang Berhormat Kluang sebut belum ada lagi kem di Segamat, sudah ada pengundi di situ. Di mana *free and fair election* di sini? So, kita masih jauh lagi Tuan Yang di-Pertua. *Rule of law, military and police control, government accountability*, kebertanggungjawaban kerajaan. Isu yang kita timbulkan di Parlimen ini juga tidak dilayan sebagai dia bertanggungjawab kepada duit dan dana awam. So, di mana *accountability*

yang akan kita hendak lahirkan masyarakat demokratik ini? *Corruption*, korupsi yang begitu berleluasa. Apa yang sudah berlaku dan yang sudah berlaku tidak ada jawapan.

Semua ini indikator yang bagi saya lagi 2 tahun kita hendak capai 2020, macam mana sebuah masyarakat demokratik boleh lahir? Saya tidak salahkan orang lain, tetapi saya menyalahkan dalam konteks kuasa yang memerintah selama ini ialah Barisan Nasional. Bukan daripada mana-mana kerajaan yang lain sebab Malaysia tidak pernah kenal mana-mana kerajaan melainkan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya kemukakan sebentar tadi itu adalah *software* ataupun dia punya perisian secara *software*nya. RM280 bilion angka, ini bagi RM6.5 bilion, ini bagi berapa ratus juta, yang ini bagi, tetapi akhirnya soalan yang mesti dijawab oleh semua Ahli Parlimen, kita hendak lahir masyarakat apa?

■1750

Kalau orang kata apa masyarakat kita hendak lahir? Ya, sebagai sebuah negara kita terima Wawasan 2020 dan kita hanya tinggal dua tahun. Di mana dua tahun ini kita hendak kejar kalau sepanjang sepuluh tahun ini yang berlaku ialah bukan pengurangan tetapi makin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, poin kedua yang saya jadikan asas untuk saya berbahas ialah RMKe-11. Bajet ini masuk dalam RMKe-11 punya jangka panjang lima tahun yang bermula 2016 dan akan berakhir pada 2020. Saya hendak tanya beberapa perkara yang melibatkan *affordable homes* contohnya yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan, di mana dalam *affordable homes* ini disebut tentang *target* untuk mencapai 500,000 rumah, 2013–2018. PR1MA *target* untuk 500,000 rumah, sekarang yang sudah *complete* pada Ogos 2017 ialah 8,475. *Under construction*– 139,393 dan yang diluluskan tapi belum lagi buat 267,902 unit.

Saya ingin bertanya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah digariskan dan kita hanya ada dua tahun lagi, apakah 500,000 ini kepada 2018 tercapai dalam melihat kerangka besar RMKe-11. Itu yang lebih utama.

Kedua juga saya ingin bertanya *high income nation* yang diunjurkan dalam Wawasan 2020 menyatakan bahawa pendapatan per kapita dalam keluaran dalam negara kasar dianggarkan atau diletakkan bahawa kita perlu mencapai *high income nation* ini kepada pendapatan per kapita ialah USD15,000. Sekarang kita berada pada USD9,000 itu tidak mengambil kira duit kita dengan duit dolar US jatuh dan sebagainya. So saya kira dalam masa dua tahun pecutan terakhir untuk kita capai 15,000 ini adalah agak sukar kerana dia terpaksa meningkatkan pada setiap tahun lebih kurang 65 peratus untuk mencapai 15,000. Jadi Rancangan Malaysia Kesebelas yang cantik dibentangkan pada 2016 oleh Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Pekan di mana ia dalam konteks 2020 yang ingin kita capai.

Terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh, masa tinggal dua minit lagi, PRU ke-14. Ini kritikal macam mana saya kata ini adalah *the last budget*. Cuma

saya ingin mencadangkan kalau benar betul Ahli Parlimen sebelah sana jujur kalau apa yang dikatakan ada pandangan sila berikan oleh kerana ini soal bajet, saya hendak bagi pandangan saya. Kenapa tidak ada satu bajet untuk kita selesaikan masalah besar yang hari ini menghantui negara iaitu korupsi dan orang yang paling terlibat dalam korupsi ini ialah ahli-ahli politik dan dia bermula dengan penglibatannya sebagai parti politik.

Jadi sebab itu saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh diambil kira Yang Amat Berhormat Pekan ada menyebut transformasi politik kita tangguh dulu sebab kita hendak tumpukan kepada transformasi ekonomi, semua orang dengar pada hari itu. Akan tetapi bagi saya tidak boleh. Kalau kita hendak buat transformasi ekonomi sedangkan transformasi politik tidak berlaku, maka masalah utama yang kita bincang tidak selesai-selesai, ketirisan, rasuah dan sebagainya tetap berlaku. Punca kepada rasuah ini bermula daripada pemimpin-pemimpin politik, parti-parti politik yang terdedah kepada menjadi mangsa pemodal-pemodal yang ada kepentingan.

Oleh itu saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua, kita mencadangkan parti-parti politik yang ingin berada di persada politik dibuat *reform* melalui perundangan yang saya namakan atau semua pernah dicadangkan oleh NGO iaitu perundangan pembiayaan parti-parti politik, *political funding* di mana rakyat dan para pengundi mahu parti politik dikawal dari mana sumber kewangannya. Ini untuk menghindari parti-parti politik menjadi sasaran pihak berkepentingan atau parti politik dan kepimpinannya menjadi bahan komoditi dipasarkan untuk mendapat habuan-habuan tertentu.

Kita mendengar ketua-ketua bahagian yang ada duit berapa puluh million, RM40 million kah berapa dalam koceknya. Ini semua berlaku sebab tidak ada undang-undang yang mengawal parti-parti politik dan ahli-ahli politik. Jadi sebab itu saya mencadangkan *political funding* ini ataupun pembiayaan politik ini perlu disegerakan kerana apa, orang ramai muak dengan orang-orang politik dan saya tidak suka itu. Saya tidak mahu berjalan dengan orang melihat saya dengan wajah yang prejudis. Saya mahu mereka melihat saya bahawa saya orang politik, parti saya juga tertakluk kepada peruntukan kerajaan dana awam di mana mereka ada suara untuk menentukan parti politik ini dapat berapa, parti politik ini dapat berapa. Kalau kita ambil contoh daripada Bundestag, Parlimen Jerman, dia memberi peruntukan kepada sebuah parti politik itu mengikut undi yang diterima. Berapa ratus ribu undi yang diterima, itulah habuan yang dia akan dapat, itu menandakan sokongannya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini perlu kita awalkan, kita dahulukan dalam transformasi politik supaya orang-orang politik tidak terdedah kepada pihak-pihak yang ada kepentingan dan akhirnya bila pegang kuasa, mereka ini akan dibiayai dan di situah berlaku korupsi-korupsi yang telah memporak-perandakan negaranya.

Akhir sekali sebelum saya *landing*, saya juga ucap terima kasih kerana Yang Amat Berhormat Pekan ada sebut tentang maqasid syariah, *Alhamdulillah*. Kita selalu sebut maqasid ini penting. Akan tetapi kalau saya melihat dia sebut itu hanya *maqasid ammah*

atau maqasid umum sahaja tetapi maqasid khasah atau maqasid yang lebih khusus melibatkan soal-soal duit ringgit dan harta dikendalikan.

Saya ingin ingatkan Yang Amat Berhormat Pekan dan semua yang ada di sini dengan firman Allah SWT; [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. “*Janganlah kamu makan, ambil harta di antara kamu dengan jalan yang salah, tipu, rasuah dan sebagainya. Dan jangan pula kamu menghulurkan harta itu kepada para hakim untuk mendapat keputusan secara sah lalu kamu makan sebahagian daripada harta manusia dengan berbuat dosa sedangkan kamu mengetahui ianya satu kesalahan*”.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 bukan soal ianya bagus tetapi perkara pokok rasuah, ketirisan dan tidak bertanggungjawab itulah punca kepada kegagalan mencapai maksud sebenar daripada bajet. Sekian, Parit Buntar menolak Bajet 2018.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

#### **5.57 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang dan kesempatan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 ini.

Pertamanya saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membentangkan satu bajet yang saya kira bersifat inklusif, futuristik dan juga bajet masa depan. Kerana apa saya panggil ianya bajet masa depan, kerana ianya mengambil kira kepentingan semua pihak yang bermula daripada bayi yang baru lahir yang dilahirkan pada tahun 2018 dengan pengenalan ADAM50 hingga ke *survival* negara dan juga rakyat menjelang tahun 2050.

Dalam perbahasan kali ini ada beberapa perkara yang akan saya sentuh dan saya akan mulakan dengan topik utama iaitu di dalam Forum Ekonomi Dunia baru-baru ini iaitu topik berkaitan dengan Revolusi Industri Keempat yang juga telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam kita mendepani arus pemodenan dunia masa kini, kita perlu menyedari satu hakikat bahawa pada asasnya kita pada hari ini sedang berada pada fasa awal satu revolusi yang dikenali dengan IR4.0 ataupun Revolusi Industri Keempat yang secara tidak sedar atau sedarnya telah mengubah cara kehidupan seharian kita, cara kita bekerja dan cara kita dan juga bagaimana kita berhubung di antara satu sama lain. Pengasas dan juga pengerusi Executive World Economic Forum (WEF), dia ada menjelaskan bahawa IR4.0 ini memberi satu dimensi yang berbeza kalau dibandingkan dengan revolusi industri sebelum ini yang menekankan konsep pengeluaran secara besar-besaran dan juga membawa kepada keupayaan secara maya kepada berbilion manusia di muka bumi ini.

**■1800**

Menerusi IR 4.0 ini juga, ianya menggabungkan dunia fizikal, dunia digital dan juga dunia biologi yang mempunyai pelbagai elemen teknologi baru yang secara tidak langsung akan memberikan kesan kepada banyak disiplin, ekonomi, industri serta pada masa yang sama akan menyumbang kepada cabaran terbesar kepada pembangunan insaniah dalam menghasilkan idea dan juga ilham dalam membentuk satu pembentukan generasi masa hadapan.

Justeru itu, saya melihat inisiatif pihak kerajaan yang dibangkitkan dengan menekankan aspek ekonomi digital ini bagi mempersiapkan negara menghadapi IR 4.0 ini sebagai satu keputusan yang bijak, yang bersifat komprehensif, holistik dan futuristik seiring dengan negara lain yang melaksanakannya terutamanya dalam membantu perusahaan kecil dan sederhana seperti Thailand. Thailand dia ada satu program yang dinamakan Program 4.0 setaraf. China dia ada *Program Internet Plus* dan juga *Made in China 2025* dan di Itali dia ada *Italia 4.0 Plan* dan *Denmark* pula ada satu program yang dinamakan *Innovation Fund*. Tidak dinafikan kita memang teruja dengan canggihnya teknologi yang bakal kita hadapi ini.

Akan tetapi dalam kita membicarakan isu IR 4.0 ini, kita juga membayangkan bahawa di masa yang akan datang di Malaysia ini nanti bagaimana kita akan mempunyai kenderaan yang tidak ada pemandu. Misalnya kereta tanpa pemandu, trak, kapal terbang dan juga peralatan yang boleh dikendalikan daripada jauh seperti *drone*.

Begitu juga dengan cetakan bersifat 3D seperti *3D printing* yang boleh mencetak segala hasil seperti yang asal ataupun yang original. Penggunaan robot di dalam bidang industri sehingga bidang-bidang seperti biologi, seperti satu soalan yang saya tanyakan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri NRE sendiri mengenai *living modified organism* (LMO). Jadi perkara-perkara yang saya sebutkan ini, kerana itulah saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai satu pelan sama ada kerajaan mempunyai satu pelan komprehensif yang dirangka untuk memastikan natijah daripada IR 4.0 ini nanti akan dapat menyediakan negara agar ianya dapat berhadapan dengan cabaran-cabaran isu-isu negatif IR 4.0 ini misalnya dari segi keselamatan dan juga sekuriti.

Topik atau tajuk seterusnya yang saya hendak bangkitkan adalah mengenai *digital free trade zone*. Saya mendengar tadi ada rakan kita juga menyebut mengenai perkara ini. Akan tetapi saya menyambut baik apa juga pengumuman mengenai penyediaan infrastruktur fasa satu ataupun digital *free trade zone* ini yang akan diletakkan di Aeropolis KLIA yang pertamanya di Malaysia dan yang pertama juga seumpama ini di luar daripada China. Ianya adalah satu inisiatif yang memberi manfaat kepada perkembangan serta pertumbuhan ekonomi Internet dan aktiviti *e-commerce* yang merentasi sempadan. DFTZ adalah persiapan untuk memudahkan perdagangan rentas sempadan yang lancar dan membolehkan para peniaga tempatan dapat membantu mereka mengeksport barangan mereka terutamanya di dalam dan juga di luar negara. Jadinya, umum memang

mengetahui bahawa Alibaba ini adalah rakan strategik pertama yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia bagi DFTZ ini.

Walau bagaimanapun, di sini saya hendak mengambil peluang untuk mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya *e-market place* yang lain. Apa yang popular kita ada *Amazon*, kita ada *eBay*, kita ada *TradeIndia*, kita ada *MatahariMall* dan termasuk juga *e-Marketplace* milikan tempatan. Tempatan juga tidak kurang hebatnya. Kita ada *DagangHalal*, kita ada *Aladdin Street*, kita ada *BuyMalaysia*, kita ada *Zilzar* dan banyak lagi yang mungkin kerajaan boleh turut memberikan peluang untuk sama-sama menjayakan pembangunan DFTZ ini bagi merencanakan ekonomi Malaysia khususnya dalam bidang E-Dagang.

Seterusnya menerusi E-Logistic yang merupakan komponen E-Dagang dalam DFTZ ini, saya juga ingin mencadangkan supaya *player* dengan izin ataupun pemain dan juga penyedia perkhidmatan tempatan seperti Pos Malaysia, GDEX, kita ada *TheLorry*, kita ada *PKT Logistic*, *EasyParcel* dan lain-lain juga dapat diberikan hak dan juga peluang untuk menjadi sebahagian daripada ekosistem ini.

Cadangan mengenai *e-Marketplace* antarabangsa seperti Alibaba, Amazon dan eBay perlu diberi peluang ataupun memberi peluang kepada syarikat Malaysia untuk menjadi penyedia gerbang bayaran ataupun dengan izin *payment gateway* bagi membolehkan syarikat tempatan meneroka pasaran global dan juga bersaing untuk menjadi penyedia perkhidmatan antarabangsa. Oleh sebab apa saya tekankan? Saya harapkan elemen ini tidak ditinggalkan oleh pihak kerajaan. Dalam kita hendak bersaing di peringkat antarabangsa, perlu juga untuk kita memberi manfaat kepada *the local player*, dengan izin agar ia boleh bersaing juga di peringkat antarabangsa. Menjadi tanggungjawab agensi kerajaan juga memainkan peranan untuk membina dan juga membangunkan *local player* ini dengan izin agar ia dapat menarik lebih banyak penyertaan syarikat Malaysia dalam ekosistem seperti yang saya nyatakan tadi.

Menyentuh mengenai aspek ekonomi dalam konteks persediaan menghadapi gelombang IR 4.0 ini, pengenalan kategori kawasan baru seperti Hab Digital Malaysia selain pengenalan inisiatif *E-Dagang* seperti ekosistem *E-Dagang* dan gerakan pencipta digital ataupun digital *maker movement* ini merupakan satu konduktor terbaik dalam revolusi aktiviti ekonomi negara yang telah saya kira menyumbang hampir 16 peratus kepada KDNK negara. Jadi langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menekankan ekonomi digital melalui Bajet 2018 ini pastinya mampu untuk meneruskan momentum yang baik dan positif kepada ekosistem ekonomi Malaysia.

*Economy digital* dekat Malaysia ini, kita telah melihat beberapa ataupun ramai usahawan dan saya hendak memberi contoh seperti *Fashion Valet*. *Fashion Valet* ini diusahakan oleh saudari Vivy Yusof. Dia merupakan seorang usahawan yang menggunakan satu platform *E-Commerce* yang telah membina empayarnya sendiri dan sampai bukan sahaja di peringkat dalam negara tetapi juga ke peringkat global. Jadinya,

bagaimana kementerian boleh melahirkan lebih ramai lagi Vivy Yusof yang mampu menggunakan platform *E-Commerce* ini untuk menambahkan pendapatan dan inilah yang kita namakan sebagai *digital economy*.

Kemudian, kita ada contoh lain seperti *thelorry.com*. Satu usahawan yang juga mengimplementasikan *economy digital* dan telah berjaya. Syarikat ini menawarkan khidmat menempah lori secara *online* dan kita melihat cara dia membuat satu *marketing afford* dengan izin dengan menggunakan *Guerrilla Marketing*, dengan izin. Inilah yang boleh dijadikan contoh kepada usahawan-usahawan talian yang lain. Jadi saya harap pihak kementerian dapat melihat *angle* bagaimana hendak membantu usahawan-usahawan terutamanya dalam *economy digital* ini.

Seterusnya, mengenai pembangunan luar bandar. Saya pernah membangkitkan satu perkataan yang kita panggil *urbanization*. Saya faham pihak Menteri telah menjawab isu yang telah saya bangkitkan. Akan tetapi untuk makluman pihak kementerian, ia bukan hanya sekadar hendak menambah bilangan lampu jalan kampung ataupun hendak membesarkan jalan itu sendiri. Akan tetapi konsep ini yang kita tengok ini adalah lebih luas daripada konsep tersebut. Ianya adalah satu konsep di mana bandar-bandar besar seperti kita lihat sekarang ini, bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur ini, ia satu tempat yang menjadi tumpuan. Tumpuan di mana rakyat luar bandar semua hendak pergi ke bandar besar untuk mencari rezeki. Ini kerana segala kemudahan fasiliti semua tertumpu ke bandar-bandar besar ini.

Jadinya melalui konsep *urbanization* ini, kita harapkan ada *reverse migration*, dengan izin di mana anak-anak muda yang telah menerima pengalaman di bandar-bandar besar ini pulang ke kampung halaman masing-masing dan menyumbangkan tenaga serta keringat mereka di sana. Sebagai contoh, hari ini kita lihat ramai pendidik Semenanjung ini dia sudah pergi ke Sabah dan Sarawak. Tidak apa, itu tidak ada masalah kerana kita ini sama satu Malaysia tetapi mungkin selepas ini kementerian juga boleh melihat bagaimana anak jati Sabah dan Sarawak dekat sana dan yang Semenanjung berada di Semenanjung.

#### ■1810

Jadi dia boleh menerapkan satu nilai agar anak-anak muda terutamanya boleh berbakti di tanah kelahiran masing-masing. Kita tidak mahu pula pekan-pekan kecil di daerah ini yang belum membangun ini kehilangan lebih ramai lagi anak muda. Jadi pentingnya *urbanization* ini sebab kita apabila saya bercakap mengenai *reverse migration*, ia lebih kepada *lifestyle*, ia ada 3L. Ia ada *lifestyle*, *livelihood* dan juga *location*. Ia memberi maksud bahawa pekan-pekan kecil ini perlu menerima satu pembangunan asas yang cukup dengan kualitinya, dengan – bukan sekadar apa yang saya sebutkan di awal, permulaan masa saya mulakan tajuk ini tadi.

Ini kerana itulah di Johor sebagai contoh, kita ada satu *resort* pertanian UK Farm Agro Resort. Ia beri peluang pada ramai orang untuk ada pengalaman tinggal di ladang

dan belajar mengenai kaedah pemodenan dan juga perladangan moden. Melalui ini juga, mungkin semua tempat itu dapat dimajukan dan apabila dimajukan lebih ramai lagi orang dia tidak akan pindah ke bandar. Kemudian dia akan hanya tinggal di tempat dia dan seperti yang saya katakan, dia akan menyumbang bakti kepada tempat dia.

Mengenai industri halal pula Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Parit Sulong, sikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil bangun.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada 15 minit sahaja ini Yang Berhormat Bukit Katil. Satu saat sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Konsep *urbanization* ini satu pandangan yang baik kerana ia kalau kita ikut Tuan Yang di-Pertua, pandangan Mahatma Gandhi untuk menjadikan kampung itu *self-sufficient*, dengan izin. Maksudnya ia punya ekosistem itu lengkap, boleh dibangunkan industri yang bersifat SME. Dalam masa yang sama, boleh mengangkat *poverty* ataupun kemiskinan. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa antara pakar-pakar yang ada di sini antaranya yang dekat negara jiran kita Profesor Tay Kheng Soon, mungkin boleh diambil pandangan pakar-pakar ini agar konsep dan cadangan ini dapat kita laksanakan dengan efektif. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapkan atas pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Katil. Jadinya saya akan serahkan kepada pihak kementerian untuk Yang Berhormat Menteri menjawab mengenai isu ini. Akan tetapi kalau sekiranya ia baik untuk masyarakat dan sampai ke sasarannya, *insya-Allah* kerajaan akan memikirkan mengenai perkara tersebut.

Seterusnya mengenai industri halal pula. Industri halal ini memang setiap kali saya bahas saya akan bangkitkan mengenai industri halal. Oleh sebab ia satu industri yang sangat pesat berkembang dan semakin menarik perhatian dunia. Ia ada satu laporan. Laporan ini Thomson Reuters, dia bercakap mengenai *State of the Global Islamic Economy Report 2015/2016*. Nilai pasaran global halal ini dijangka USD5.6 trilion menjelang tahun 2019.

Jadi Malaysia ini merupakan satu pelopor dan peneraju industri halal dunia. Macam-macam lah kita keluarkan dan termasuklah pembiayaan Islamik, logistik, pelancongan, takaful dan lain-lain perkhidmatan patuh syariah. Ia mendapat permintaan daripada seluruh dunia mengenai kualiti sebab kesedaran mengenai peningkatan kepada kualiti produk halal dan konsep halal merangkumi keseluruhan rantaian bekalan ataupun

*supply chain*. Jadi buktinya eksport halal Malaysia ini pada tahun lepas mencecah RM42 bilion, meningkat sebanyak 7.1 peratus berbanding nilai sebelumnya.

Dalam kita memenuhi permintaan pasaran luar ini, kita ada cabaran kita sendiri. Terutamanya syarikat PKS di mana permintaan kadang-kadang melebihi daripada keupayaan mereka. Jadinya syarikat pengeksport pula ia perlu hendak patuhi standard dan juga piawai antarabangsa yang ditetapkan oleh sesetengah negara. Walaupun pensijilan halalnya merupakan satu akreditasi halal yang penting tetapi ia juga ada standard lain yang perlu diikuti oleh syarikat-syarikat ini seperti HACCP, kita ada USFDA dan sebagainya. Saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana menyalurkan RM80 juta ke dalam pelbagai agensi untuk membangunkan industri dan produk halal. Memang ini sangat penting untuk membantu syarikat PKS meningkatkan keupayaan mereka untuk berdaya saing dalam industri ini.

Akan tetapi saya tengok membangunkan itu satu hal, lagi satu adalah untuk dari segi pemasaran juga. Dari segi pemasaran, saya selaku Pengerusi MATRADE juga saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berada di sini dan juga pihak kerajaan yang banyak membantu kami. Jadi saya hendak mohon juga dalam isu ini, hendak memohon supaya pihak kerajaan kalau boleh pihak kementerian menyatakan dengan lebih terperinci mengenai jumlah dana yang diperuntukkan mengenai perkara ini. Ini adalah satu pembangunan industri halal. Akan tetapi adakah aspek pemasaran dan juga promosi produk halal ini agar ia satu perkhidmatan patuh syariah masuk dalam bajet yang dialokasikan ini kerana aktiviti pembangunan ini perlu seiring. Kalau kita bangunkan satu produk tetapi kita tidak boleh pasarkan, ia akan jadi masalah juga. Jadi saya berpendapat bahawa semua aktiviti pembangunan industri halal ini sepatutnya berpaksikan kepada pasaran ataupun *market driven*.

Baru-baru ini saya pergi ke Anuga, Anuga ini ia berlangsung dekat Jerman awal bulan yang lepas. Anuga sendiri yang terdapat di negara Jerman ini, ia memperkenalkan Anuga Halal Market. Satu segmen khas yang ketengahkan produk-produk halal terutamanya di Europe. Pada masa yang sama, ia kembangkan lagi dan dua tahun daripada sekarang ia akan ada satu *hall* yang lebih besar lagi daripada apa yang kita buat tetapi fokuskan kepada halal.

Jadinya Malaysia memang kita merupakan *world leader* dalam pameran dagangan halal ini. Oleh sebab MIHAS yang dianjurkan oleh MATRADE itu sendiri Tuan Yang di-Pertua, ia sudah bertapak 14 tahun dan memang yang terbesar di dunia. Akan tetapi kita risau kalau sekiranya terjadi di mana orang lain yang menganjur dan juga menjadi pesaing kepada MIHAS, kalau kita hanya *develop*, bangunkan tetapi kita tidak membantu mereka dengan memberikan peruntukan yang cukup untuk dari segi pemasaran. Kita kluatir kita yang menjadi pelopor industri halal ini akhirnya akan menjadi Nokia yang hanya pernah menerajui industri telefon bimbit suatu masa dahulu tetapi kemudian sekarang ini sudah tidak ada apa dengan Nokia, hanya tinggal nama sahaja.

Jadinya saya meminta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai perkara yang saya nyatakan ini.

Seterusnya mengenai pemerkasaan wanita dan juga keluarga. Saya hendak mengucapkan terima kasih banyak pada pihak kementerian, mewakili 48.6 peratus penduduk Malaysia memang kita menghargai apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengisytiharkan tahun 2018 ini sebagai tahun memperkasakan wanita. Cuma ada satu perkara yang saya hendak bangkitkan iaitu mengenai waktu anjal bekerja bagi wanita yang baru melahirkan anak yang sekurang-kurangnya mempunyai bayi berusia dua tahun. Ini juga saya hendak tahu bagaimana kerana hal ini sangat penting. Jadinya bagaimanakah usaha yang dibuat untuk menggalakkan mereka ini kembali? Ada satu kajian yang dijalankan oleh TalentCorp tahun 2015 yang dikatakan bahawa 10 peratus syarikat tersenarai di dalam Bursa Malaysia, ia hanya 10 peratus sahaja yang buat ataupun yang laksanakan program bekerja secara fleksibel ini. Jadinya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong tidak hendak terlibat dengan balik awal satu jam?

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Balik awal satu jam?

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, tidak apa. Fasal bersalin pula, yang bersalin itu 90 hari memang dialu-alukan walaupun mungkin tidak relevan lagi dengan saya tetapi saya alu-alukan terutamanya kepada keluarga yang baru mempunyai anak dan segala-galanya. Cuma saya risau Tuan Yang di-Pertua, apabila terjadinya perkara macam ini takut nanti majikan terutamanya swasta ini, takut dia diskriminasikan pula wanita-wanita *instead of* ambil pekerja wanita nanti dia ambil lelaki. Oleh sebab dia cakup lelaki tidak perlu ada 90 hari bekerja. Jadi ini bagaimana kerajaan hendak memantau agar perkara ini tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini maksud saya balik awal satu jam ini.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tidak, tidak itu tidak apalah. Itu kemudian boleh cerita. PM tepi sahaja nanti Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab Yang Berhormat Tenggara sudah maklumkan kepada saya.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sebab kita PM tepi sahaja, PM tepi. Jadinya sekarang ini yang saya risau mengenai perkara itu, saya kluatir nanti disebabkan perkara-perkara ini – jadinya kerajaan perlu ada cara pemantauan. Oleh sebab kita kluatir nanti orang salah ambil pekerja dan mungkin timbulnya nanti ada diskriminasi terhadap pekerja wanita. Jadinya kena kenalkan satu pendekatan *carrot and stick* agar

syarikat swasta yang mempunyai pekerja yang seimbang antara lelaki dan wanita ini mungkin boleh diberikan insentif pengecualian cukai sebab langsungnya nanti syarikat swasta ini tidak akan ketepikan wanita sebagai pekerja mereka.

■1820

Saya hendak tanya pihak Kementerian Sumber Manusia, ada tidak satu kajian menyeluruh mengenai polisi yang menjamin kebajikan pekerja wanita sama ada swasta dan juga kerajaan atau pun *enterprise* agar tidak akan ada ataupun agar tidak dikesampingkan lagi ini peluang pekerjaan terutamanya kepada wanita-wanita ini juga. Saya hendak ucapkan terima kasih di atas segala insentif yang diberikan kepada pertumbuhan ekonomi melalui peruntukkan yang diberikan kepada usahawan-usahawan IKS dan juga *micro* seperti kita ada untuk Pick Entrepreneur Program di bawah MyWIN Academy, kita ada TEKUN dan segala dan saya percaya bahawa inilah usaha untuk meningkatkan produktiviti PKNS eh PKNS pula. PKS terlajak pula. *Sorry, sorry* minta maaf. PKS untuk KDNK kepada 41 peratus menjelang tahun 2020. Ini Speaker asyik kacau 'ja' itu yang terlajak cakap tu.

Jadinya usahawan IKS ini adalah rata-ratanya wanita. Dalam hendak menceburi dalam bidang IKS memang perlukan modal dan waktu sekarang ini pula ramai wanita yang terlibat dalam perniagaan atas talian. Memandangkan terdapat peningkatan penggunaan ICT ini jadinya latihan itu kita perlu kena ada dan maklumat atas talian perlu ditapis agar usahawan wanita mendapat maklumat dan juga keputusan yang lebih tepat. Jadinya ia juga akan dapat merakyatkan ekonomi digital kepada golongan wanita.

Seterusnya, sebab itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan bila bercakap mengenai digital ekonomi, merakyatkan ekonomi mungkin kerajaan perlu untuk melihat satu inisiatif di mana ia mewujudkan satu platform perniagaan atas talian hanya untuk wanita. Dulu 2012, ada satu platform yang dinamakan 1nita.my. Mula-mula ditubuhkan di bawah MOSTI. Cuma kalau ia boleh mungkin kementerian tengok semula ia menjadikan satu platform untuk bila orang cakap mengenai platform wanita atas talian wanita, *when it comes to* Malaysia dengan izin, orang akan tahu itu 1nita. Jadinya ia boleh membantu usahawan-usahawan wanita ini dan boleh memperkasakan mereka lagi dan ia akan menjadi rujukan kepada apa juga perniagaan atas talian kalau dibangkitkan.

Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dekat sini. Jadinya kita seronok sebab dulu lagi saya bangkitkan dan banyak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tapi ianya terbiar. Jadi apa jadi dengan 1nita.my ini? Adakah ia boleh dinaikkan semula dan kemudian dijadikan sebagai satu platform utama negara kepada wanita? Saya faham MARA dia ada dia punya MARA Digital tetapi yang saya katakan ini satu platform khusus untuk wanita. Jadinya untuk wanita sahaja. Jadinya ia menjadi satu yang begitu memberi motivasi kepada wanita untuk terus menambahkan ekonomi di kalangan wanita juga.

Di kesempatan ini juga, saya hendak pohon kepada KPDNKK juga untuk melakukan pemantauan. Sebab apa juga Bajet yang kita buat ini Tuan Yang di-Pertua, apa juga pelaksanaannya tapi kalau tidak ada pemantauannya terutamanya dari segi harga barang di pasaran tempatan ini. Kita kena buat dengan serius. Sebabnya kadang-kadang masalahnya peniaga ini dinaikkan harga barangnya sesuka hati. Bila ini terjadi, dia akan menjadi kesan negatif kepada pihak kerajaan. Jadinya dulu Yang Berhormat Menteri ada menyatakan mengenai hendak menggunakan khidmat sukarelawan RELA. Jadinya saya kira kalau ada kerjasama ini ia perlu dipertingkatkan lagi sebab pemantauan itu akhirnya pemantauan itu lah yang paling penting dalam usaha untuk kita menyekat kenaikan harga yang keterlaluan.

Kita hendak pastikan juga masyarakat di negara kita ini tidak terus dibebani dengan peningkatan kos sara hidup sebab inilah yang banyak ditekankan oleh kerajaan supaya semua mendapat manfaat daripada pembentangan Bajet baru-baru ini. Jadinya inilah akhirnya Bajet ini memang satu Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ia membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini dia tidak pernah meminggirkan kebajikan mana-mana kumpulan rakyat di negara ini. Segala agenda yang diumumkan adalah bersifat *inclusive* Semuanya *insya-Allah* dapat merasa tidak kira ia berada di bandar dan di luar bandar.

Saya kira tadbir urus kerajaan ataupun negara ini yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional ini telah menunjukkan satu prestasi yang baik dan cemerlang. Inilah manifesto mengapa kita perlu mengekalkan kerajaan yang sedia ada ini di masa yang akan datang. Semuanya dapat. Tidak kira dia tak ada, sebelum bagi bantuan dia tidak akan tanya sama ada kamu menyokong siapa ataupun tidak. Contoh macam BR1M, walaupun banyak dikritik oleh pihak kerajaan tetapi yang penting ia juga apa yang dirancang adalah bukan untuk hari ini sahaja tapi ianya satu perancangan semua pihak termasuk generasi akan datang juga dapat.

Kita percaya dalam kita melaksanakan semua perkara ini *inclusivity*, komprehensif dan rakyat itu adalah diutamakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dengan itu, Parit Sulong mohon menyokong untuk pembentangan Bajet 2018 yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

**6.27 ptg.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan ayat Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 29, *[Membaca sepotong ayat al-Quran] 'Dia yang menjadikan kamu apa yang ada di bumi ini keseluruhannya.'*

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dibentangkan di dalam Bajet hari Jumaat lalu oleh Yang Amat Berhormat Pekan, maka sudah tentulah ini merupakan yang disebutkan sebagai *alamatul qubra*, tanda alamat besar pilihan raya sudah hendak dekat. Jadi sebab itu tidak perlu dinafikanlah sebagaimana yang kita sebut, '*sudah terang lagi bersuluh*'. '*Kura-kura dalam perahu, pura-pura tidak tahu*.' Bajet 2018 ini yang telah pun dibelanjakan, dibentangkan untuk cadangan sebanyak RM280.25 bilion iaitu untuk pengurusan sebanyak RM234.25 bilion yakni 83 peratus dan pembangunannya ialah RM46 bilion sedangkan kutipan hasilnya ialah sebanyak RM239.86 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dalam bajet baharu ini kita anggap semua sektor dapat sebab itu saya sebut tadi di antara tanda-tanda besar pilihan raya ini mungkin bajet yang terakhir untuk menghadapi pilihan raya. Semua sektor dapat. Tok Ketua dapat, Tok Imam dapat, Tok Siak dapat, Tok Batin dapat, cuma saya hendak cadangkan kepada Yang Amat Berhormat Pekan tambah satu lagi, Tok Mudim. Tok Mudim itu ketinggalan sedikit patut Tok Mudim kena bagi juga RM1,500.00 supaya- jadi Yang Berhormat Parit Sulong boleh sokong lah untuk beri kepada Tok Mudim ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Juru nikah? Wali hakim?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Jadi satu lagi ialah Tok Kadi ya. Akan tetapi di sesetengah tempat, macam di Kedah, dia Tok Imam itu dia tolong akad nikah. Macam di Perak diasingkan naib kadi dengan imam itu lain. Jadi kalau macam ini keadaan, kalau boleh setiap tahun bila pilihan raya ini diadakan tiap tahun lebih baik kerana rakyat akan dapat menikmati yang banyak.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan pada kali ini semua disebut sebagai belanjawan ibu segala belanjawan dan belanjawan yang mahal dan terbaik. Persoalan saya, selepas ini adakah lagi bajet yang hendak dibentangkan lagi ataupun hendak dipohonkan lagi kepada Dewan untuk sebagai bajet tambahan? Ini sudah banyak, sudah besar.

Keduanya ialah apakah langkah-langkah yang hendak diambil ataupun pelan 'B' oleh kerajaan hendak ambil ataupun hendak merangka satu pilihan seandainya harga minyak jauh lebih tinggi daripada harga pasaran pada kali ini? Adakah kerajaan untuk membuat satu pelan 'B' untuk merangka bajet yang sesuai dengan situasi? Ini kerana sebagaimana kita maklum, kita lebih banyak bergantung kepada sumber daripada PETRONAS.

Walaupun digambarkan tahun 2017 ini pertumbuhan ekonomi kita sebanyak 5.7 peratus tetapi realiti masyarakat di lapangan ataupun semua wakil rakyat ataupun Ahli Parlimen sedar bagaimana kos sara hidup tetap tinggi, harga barang keperluan tetap mahal. Jadi, kita sebut tentang 5.7 peratus ini. Malahan juga, rungutan dari kalangan peniaga-peniaga- saya tidak jumpa lagilah kata peniaga-peniaga yang mengatakan suasana ekonomi ataupun perniagaan mereka itu baik.

Saya selalulah pergi dekat pasar dekat dengan kawasan saya dekat Pasar Simpang, saya tengok, saya tanya tauke-tauke yang meniaga di situ, dia kata, "*Memang teruklah, YB*". Memang saya tengok suasana meniaga itu tidak sepatutnya bukan pasar kampung, pasar pekan dekat dengan Pekan Simpang Empat.

Jadi kalau kita tengok di sini pertumbuhan ekonomi kita memang baik, 5.7 peratus, tetapi realiti yang berada di lapangan sana kita tengok harga barang mahal, kos sara hidup mahal sehinggakan ikan kembung ataupun di sebelah utara panggil ikan termenung, harganya sampai RM18 sekilo. Harga ikan sardin ataupun di sebelah utara dipanggil ikan curut, harga sebanyak RM12. Kerang-kerang ini kawasan Parlimen saya di antara tempat yang orang menternak kerang juga- sekarang sudah meningkat sampai RM10 hingga RM12.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dahulu ini sewaktu saya pergi berhari raya, kalau kita makan kerang di rumah orang waktu hari perayaan raya itu, orang ini kita anggap miskinlah. Kerang waktu itu harganya sekilo, 40 sen, 30 sen. Daging waktu itu dalam RM10 ataupun RM12. Sekarang kerang harga RM10 hingga RM12. Makna, kalau orang makan kerang ini orang kaya. Kalau kita pula makan daging hari ini- ini realiti, bukan kita hendak fitnah cakap. Persoalannya, kenapa jadi seperti begitu? Ini yang menjadi tanda tanya kepada kita apabila kita bercakap tentang perkembangan ekonomi kita baik dan sebagainya.

Begitu juga kalau kita tengok kalau ekonomi kita baik, kalau kukuh ekonomi kita, kenapa sampai kepada elaun sarjana pelajar-pelajar yang mengaji Sarjana Muda Perguruan yang elaun mereka sebanyak RM430 dan elaun perjalanan RM500 di IPG dipotong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Bukit Gantang membangkitkan tentang soal harga ikan kembung, ikan sardin dan sebagainya.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Gantang. Parlimen Yang Berhormat Bukit Gantang juga terdiri daripada nelayan. Nelayan memaklumkan tangkapan mereka stabil tetapi apabila harga sampai kepada pengguna, ia boleh meningkat ada kalanya dua hingga tiga kali ganda. Jadi pada pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang, setuju kah Yang Berhormat Bukit Gantang bahawa ini adalah permainan oleh setengah-setengah golongan seperti orang tengah yang cuba memanipulasikan bekalan sehingga menaikkan harga barangan tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kuala Selangor. Sesuai dengan dia merupakan bapa kepada nelayan-nelayan yang ada di Malaysia ini, yang menjadi Pengerusi kepada LKIM.

Jadi inilah sebenarnya kadang-kadang kita tengok- sebab itu benda ini kita bincang lama sudah. Masalah nasib nelayan ini kita bincang lama sudah. Masalahnya ialah masalah orang tengah. Ini sebagai Pengerusi LKIM kena membuat satu revolusi, *connect* istilah dengan revolusi macam SPRM buat revolusi, basmi rasuah. Jadi LKIM juga boleh buat untuk itu dengan *Blue Ocean Strategy* dengan lain-lain pihak untuk memastikan supaya pembelaan terhadap nelayan ini terbela.

Kita tengok memang kehidupan nelayan ini antara benda kita tengok, mereka satu- waktu musim tengkujuh ini. Dia pergi pinjam duit dengan orang tengah ataupun dengan tauke. Nanti apabila balik nanti, dia balik daripada laut, dia tidak tengok apa sudah, semua dikaut-kaut sebagainya. Sedangkan kalau kita tengok, dia pergi laut, ikan bilis itu, kalau orang yang betul-betul mahir sebagainya, dia boleh mendapatkan pendapatan dia sehari kalau pergi, mungkin dapat anggaran sampai dekat RM1,000 dengan RM800. Tetapi realiti berlaku ialah masalah orang tengah. Itu satu hal.

Akan tetapi persoalannya hari ini ialah berkenaan dengan harga barang itu meningkat. Apabila kita tanya peniaga, peniaga kata kes barang meningkat ini kes minyak. Hendak tanya lagi pasal apa barang naik, dia kata pasal tol. Tanya pula lagi, dia kata pasal GST.

Sama juga nasib pekebun-pekebun durian di kawasan saya, mengalami nasib yang sama. Sekarang ini kita tengok mereka jual kepada peraih lebih kurang RM7 atau RM8 sekilo tetapi dijual di Kuala Lumpur sampai RM25 ataupun RM22 satu kilo. Jadi sebab itu selalu saya sebut- ini benda saya akan bincang di dalam Peringkat Jawatankuasa nanti berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan nasib peniaga-peniaga ataupun di kalangan pekebun-pekebun durian.

Tuan Yang di-Pertua, ini ialah merupakan satu perkara yang kita membabitkan- begitu saya kaitkan lagi ialah oleh kerana kalau pertumbuhan ekonomi kita baik dimaklumkan di Dewan Rakyat pada 26 Julai 2017, kadar pengangguran di kalangan rakyat Malaysia seramai 54,100 orang menganggur, ertinya hampir dekat dengan setengah juta. Jadi saya bimbang dengan kadar pengangguran yang tinggi ini, ia akan memberikan kesan sosial kerana manusia ini apabila dia *tak dak* makan, *tak dak* minum, *hok* yang *tak dak* pegangan agama dan moral, mereka boleh buat apa sahaja, asalkan mereka hendak kepada makan. Ini yang kita tengok betullah macam Teori Maslow sebut, dia kata manusia ini yang dia hendaknya ialah soal berkenaan dengan apa yang penting ialah berkenaan dengan dia hendak iaitu makan dahulu, kepentingan perut dia dahulu.

Jadi kita bimbang kalau dengan kadar pengangguran yang ada seperti begini, yang kita bimbang datangnya masalah-masalah sosial dan juga dengan tidak nafikan saya

banyak kes-kes yang saya duduk *consult*, dengan izin, iaitu kes-kes berlakunya penceriaan apabila dengan sebab pengangguran, kena buang kerja, kadang-kadang hilang pedoman dan sebagainya. Macam-macam boleh terjadi. Maka, akhirnya akan menimbulkan kesan sosial akibat daripada pengangguran yang tinggi ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kesihatan ataupun kemudahan kesihatan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan sedikit Yang Berhormat.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan beban kos hidup rakyat. Kalau kita lihat di kawasan sempadan, di antara isu utama masalah rakyat apabila nilai ringgit yang semakin turun menyebabkan harga kos hidup semakin mahal dan ditambah pula dengan GST yang sentiasa menekan rakyat.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat apabila ada pihak yang mengatakan bahawa GST tidak membebankan rakyat sedangkan setiap hari kita lihat peniaga-peniaga terbeban, perniagaan mereka tidak laku, ada yang tutup kedai dan sebagainya? Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat dalam isu ini?

#### ■1840

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya tidak faham lah kalau orang kata GST tidak membebankan rakyat. Kalau dulu kita beli dengan harga RM10, tiba-tiba dengan kita bayar RM10.60, tidak tahu lah sifir atau matematik, RM10 itu lebih mahal daripada RM10.60.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bincang berkenaan dengan soal yang berkaitan dengan kemudahan kesihatan. Kita hendak supaya rakyat kita sihat. Oleh sebab itu selalu saya sebut, kalau wartawan tanya saya perkara yang tidak boleh di kompromi. Antaranya ialah soal bajet peruntukan untuk Kementerian Kesihatan, untuk Kementerian Pertahanan, untuk Kementerian Pendidikan. Ini perkara-perkara yang tidak boleh untuk kita kompromi.

Oleh kerana ini merupakan asas kepada pembinaan sebuah negara dan rakyat yang sejahtera. Antaranya adalah kita hendak supaya rakyat sihat, ini yang penting. Apabila rakyat sihat ini, kita tengok produktiviti negara kita juga akan meningkat. Jadi, apabila rakyat kita tidak sihat, maka ia akan menjejaskan kepada kualiti hidup rakyat kita pada hari ini. Maka, dengan bajet yang di peruntukkan sebanyak 26 bilion ini, kita harapkan supaya ia nya dapat memberikan kebaikan untuk kepada rakyat.

Oleh kerana kita lihat hari ini, sepatutnya kalau mengikut WHO, dari segi bajet kita ini sekurang-kurangnya lapan peratus daripada KDNK kita, lapan peratusnya dikhususkan

kepada untuk bajet kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita tengok bagaimana doktor pelatih yang diumumkan dalam Bajet 2017, bagaimana doktor pelatih seramai 2,600 orang yang akan ditempatkan pada tahun 2017. Itu pun hanya bertaraf sebagai kontrak semata-mata.

Tidak pernah berlaku dalam sejarah bagaimana anak-anak kita belajar di fakulti perubatan, balik untuk buat *housemanship* di hospital kerajaan selama dua tahun, tiba-tiba status mereka hanyalah sebagai doktor kontrak semata-mata. Lepas dua tahun nanti kalau ada peluang kerja, macam orang lain juga, ada peluang, maka adalah tempat untuk mereka untuk berada di hospital kerajaan. Kalau tidak ada, mungkin kalau hospital swasta, dia pun hendak ambil doktor-doktor yang ada pengalaman sikit. Akan tetapi apa akan jadi kepada mereka ini? Sedangkan kita menyebut tentang pertumbuhan ekonomi kita baik. Kenapa terjadi sampai 2,600 pelajar, anak-anak kita yang belajar fakulti perubatan, yang kita tahu mereka belajar selama enam tahun.

Saya tahu, kita berkawan dengan anak-anak kawan, *member-member* semasa berada di universiti dahulu. Kita yang belajar fakulti Islam ataupun fakulti sastera, fakulti lain, walaupun kita belajar hanyalah dalam masa empat tahun, kita telah *grad*, keluar kerja. Mereka pula enam tahun belajar fakulti perubatan, bukan macam orang lain. Mereka belajar, kita tengok orang lain tidur, mereka belajar, orang lain bercuti, mereka belajar. Tiba-tiba, kita bayangkan apabila keluar 2,600 orang untuk yang diumumkan bajet tahun lepas, mereka hanyalah bertaraf sebagai doktor kontrak. Ini amat malang kepada kita. Apakah asas yang menyebabkan doktor kita tidak ditempatkan di hospital kerajaan? Adakah kita tidak ada duit? Adakah hospital sekarang ini tidak ada tempat dan sebagainya? Ini yang perlu kita lihat. Sudah lah begitu, hampir juga setahun lebih keluar daripada universiti, tidak dipanggil untuk mengadakan ataupun latihan praktikal di hospital. Hampir dekat setahun lebih kita lihat mereka ini tidak dipanggil untuk membuat *housemanship*, dengan izin, di hospital kerajaan.

Saya bimbang, takut mereka lupa pula ilmu mereka yang pelajari nanti. Setelah setahun, orang sakit kepala, dia bagi ubat sakit perut pula. Jadi, ini kita runsing. Jadi, sebab itu sedangkan kita harapkan ini benar-benar tidak berlaku. Saya juga pernah minta, mohon dulu, saya harap supaya gred doktor ini daripada UD41, mula terus dengan UD48. Ia tidak boleh samakan dengan sastera, pengajian-pengajian ekonomi, pengajian lain, sepatutnya mereka itu daftar sahaja sudah mendapat UD48.

Saya sudah minta dulu dalam bajet tetapi jawapannya ialah kita tidak ada bajet atau kewangan dan sebagainya. Ini satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Oleh kerana pada kita, kita kena jaga, ini merupakan sebagai sumber manusia kita yang penting, anak-anak kita, anak-anak negara kita yang belajar di sini, yang bersusah payah, tiba-tiba mereka itu macam seolah-olah tidak dihargai. Sedangkan mereka belajar enam tahun, keluar 41. Kawan mereka belajar empat tahun, keluar juga Gred 41.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap tentang soal tentang pendidikan sekolah agama rakyat. Walaupun diumumkan dengan SABK sebanyak RM50 juta tetapi pendidikan sekolah agama rakyat ini lain. Sekolah agama rakyat ini ialah sekolah yang masih mereka itu hanya *register* dengan pejabat agama, Jabatan Agama Islam negeri. Akan tetapi tidak diberikan peruntukan di dalam bajet ini. Sepatutnya kepada mereka ini diberikan sekurang-kurang Tuan Yang di-Pertua, ini sebagai satu bentuk konsep pendemokrasian di dalam pendidikan. Kita biarkan orang hendak buat sekolah-sekolah sebagai dengan secara sukarela. Sekurang-kurangnya ia menampung bajet daripada kerajaan, sekurang-kurangnya mereka meringankan bajet kerajaan untuk mereka mengusahakan sendiri sekolah mereka.

Kita kembali balikkah dengan per kapita yang pernah diberikan, bukan banyak mana pun. Berikan setiap pelajar hanyalah RM60 hingga RM90 tetapi ditarik balik pada zaman Perdana Menteri yang lalu. Kita tengok ditarik balik. Kita lihat ini satu perkara yang tidak sepatutnya. Sepatutnya peruntukan untuk sekolah agama rakyat ini diberikan walaupun sekolah maahad tahfiz tidak diberikan juga kali ini. Cuma diberikan peruntukan pendawaian kepada IKM.

Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan hal yang berkaitan soal sektor pelancongan. Oleh kerana negara kita ini *Allah SWT* jadikan dengan kejadian alam semula jadi yang baik, flora dan fauna yang cukup baik. Di kawasan saya sendiri pun ada terdapatnya pantai yang dipenuhi dengan hutan bakau dan kelip-kelip. Saya sempadan dengan Bagan Serai lah, kelip-kelip dia jaga separuh, saya jaga separuh, dia wilayah dia, satu wilayah saya.

Jadi, sebab itu perlu diberikan perhatian kerana ini adalah merupakan sumber kita yang perlu kita pertahankan. Perlu kerana ia adalah merupakan salah satu daripada sumber kewangan negara kalau kita menjaga dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap tentang kebajikan tentera. Walaupun keluarga saya tidak ada seorang pun tentera dan tidak ada sesiapa pun ada kaitan dengan saya tetapi ini rintihan. Semalam saya pun berjumpa ketika minum kopi, semalam di kawasan saya. Kita tengok ada di kalangan mereka menuntut antaranya adalah soal berkenaan dengan tentera ini perlu diberikan. Semalam dan hari ini pun dalam *paper* tunjuk bagaimana Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Dato Sri Anuar sebut, dia kata, rayu agar skim sara hidup untuk diberikan kepada tentera-tentera kita yang tidak berpencen.

Lebih kurang dekat 200 ribu yang tidak berpencen. Dia minta supaya RM500, kalau tidak boleh bagi RM500 pun, sekurang-kurangnya kita cadangkan RM300 sebulan pun sudah memadai lah sebagai menghargai mereka. Kalau RM500 sebulan, saya *dok calculate*, tengok, darab dengan 200 ribu, sebulan lebih kurang 100 juta dan satu tahun 1.2 bilion. Ini sebagai menghargai lah tentang sumbangan. Pada saya ialah sumbangan tentera. Begitu juga saya minta pihak kerajaan juga membuat kaji semula, terutama angkatan tentera kita, pencen tentera kita, yang pencen tahun 70an dahulu.

**■1850**

Ada di kalangan mereka yang pencen hanya ada RM200 pun ada, RM300 ada. Saya rasa perlu dikaji baliklah kerana sedangkan zaman mereka ini, zaman pertempuran yang cukup dahsyat, yang bertempur dengan *bombing trap*, yang bertempur dengan komunis, yang bertempur dengan pengganas-pengganas, zaman itu. Sudah tentulah sepatutnya perkara ini perlu dikaji supaya kita memberikan keutamaan kepada golongan ini supaya sebagai satu penghargaan kita kepada mereka.

Begitu juga saya hendak menyentuh apabila tol dihapuskan sebanyak empat tol. Jadi persoalan saya, hendak tanya juga, walaupun bajet untuk 2018 ini kita telah memperuntukkan sebanyak RM448 juta untuk pampasan tol. Untuk pampasan tol ini kita berikan untuk tahun 2018. Ini saya hendak tahu, untuk pampasan mana sebanyak RM448 juta, hampir dekat dengan setengah bilion kita berikan untuk pampasan tol, kalau ikut dari segi anggaran bajet di sana. Saya juga hendak bertanya berkenaan bilakah Tol Gombak-Bentong akan dihapuskan?

Tuan Yang di-Pertua, ada kadang-kadang apabila kita bercakap soal tol, marah kenaikan-kenaikan harga tol, jadi dijawab oleh pihak kerajaan, dia kata, "*Kalau tidak mahu lalu jalan tol, lalu jalan alternatif*". Tidak mengapalah. Masalahnya, jalan alternatif ini jalan yang tidak dibaiki. Jalan patutnya kalau hendak kenakan tol, biarlah ada jalan alternatif yang cukup baik, jalan yang agak luas membolehkan pengguna ini memilih jalan alternatif daripada tol. Sekarang ini, kita mahu atau tidak mahu, terpaksa kita melalui jalan tol. Macam baru ini, macam kita lihat, tol dekat dengan Batu Tiga. Orang hendak pergi Kuala Lumpur, mahu atau tidak mahu, memang kena lalu ikut tol itu. Mahu atau tidak mahu sebab itu tidak ada jalan alternatif yang terbaik. Oleh sebab itulah kita harapkan supaya kualiti jalan alternatif atau jalan persekutuan ini diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih bercakap tentang kos sara hidup tadi walaupun tadi pun apabila ada Yang Berhormat Menteri menjawab soal kerajaan akan menubuhkan KR1M 2.0. Saya pernah bangkitkan benda ini, berkenaan dengan KR1M ini. KR1M ini, masalah KR1M ini Tuan Yang di-Pertua, saya pernah cadangkan apabila Kedai Rakyat 1Malaysia ini hanya sepatutnya dikhaskan kepada orang-orang yang memang miskin sahaja boleh beli.

Patutnya begitu tetapi dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dulu, dia kata sesiapa pun boleh beli. Tidak patut fasal KR1M itu ialah merupakan salah satu daripada cara kerajaan untuk hendak mengambil duit kerajaan itu diberikan kepada bantuan untuk membuat Kedai Rakyat 1Malaysia. Sepatutnya KR1M ini adalah dikhaskan kepada orang-orang miskin sahaja. Macam kita, tidak layak beli. Dia kena buat sistemlah. Ini kalau buka semua, akhirnya kita tengok, KR1M pertama, kita tengok gagal. Tidak ada seorang pun yang berani hendak buat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keselamatan. Hari ini saya ucap tahniahlah dan kita harapkan cakapan itu akan bertindak. Yang Berbahagia Tan Sri Dato'

Sri Mohamad Fuzi Harun dalam berita yang diberitakan, bagaimana polis akan bertindak kepada sembilan *dragon*, sembilan naga. Naga kepala tujuhkah, naga kepala limakah, tidak tahu. Apa yang disebut diketuai oleh Datuk, Dato Sri, Tan Sri. Kita tidak hendak negara kita ini ditadbir oleh mafia. Kita tidak mahu, sebab itu kita harapkan pihak keselamatan ambil tindakan. Tidak kira jerungkah, pauskah, biliskah, wajib diambil tindakan. Macam mana mungkin *dragon* boleh dapat RM5 bilion daripada mafia-mafia yang terdapat dalam negara ini? Oleh sebab itu perkara ini, perkara yang kita tidak boleh untuk kompromi dalam hal-hal yang membabitkan soal keselamatan negara ini.

Saya juga hendak bangkitkan berkenaan dengan kebajikan OKU kerana OKU ini merupakan sebahagian daripada rakyat Malaysia dan antaranya ialah berkenaan dengan al-Quran *braille*, mashaf Malaysia yang saya pernah bangkit dalam Bajet 2017 dulu. Kita harapkan supaya penglibatan dalam untuk menguruskan al-Quran *braille* mashaf Malaysia ini dengan kerjasama Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan pihak KDN hendaklah memantau terhadap pengeluaran al-Quran *braille* ini.

Kedua ialah saya mencadangkan juga supaya elaun dan bantuan sendiri EPC yang sekarang ini untuk hendakkan dapatkan RM400 sebulan itu syaratnya mesti pendapatan OKU ini ialah mesti RM1,200 ke bawah. Patutnya tidak perlu ada syarat macam itu. Dia OKU sahaja, dia layak dapat. Kalau RM1,200 pun, apa sangat. Kalau mereka RM1,200 ini, kadang-kadang mereka terpaksa ulang menggunakan kenderaan ke tempat kerja mereka, RM30 sehari mereka terpaksa membayar. Jadi tidak ada makna juga dengan RM1,200 gaji mereka. Oleh sebab itu, tidaklah perlu disyaratkan dengan RM1,200 ke bawah. Jadi, berikan kepada mereka yang untuk menguruskan diri mereka tadi.

Ketiga ialah bantuan kepada ibu bapa atau penjaga kepada OKU. Sekarang memang kita lihat kerajaan telah memberikan pengecualian cukai kepada ibu bapa yang bekerja. Macam mana pula mak, ayah yang tidak bekerja sedangkan mereka itu menjaga anak mereka. Kadang-kadang terpaksa berhenti, tidak bekerja sebab untuk menjaga anak-anak mereka yang tidak bekerja, yang terlantar di sana. Oleh itu, kita harapkan supaya diberikan sekurang-kurangnya RM500, RM550 kepada OKU yang terlantar ini, kepada penjaga dan juga ibu.

Keempatnya ialah berkenaan dengan Majlis Kebangsaan OKU yang memang diwujudkan di bawah Akta OKU 2008. Majlis ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri, anggotanya terdiri daripada wakil-wakil OKU dan berbagai-bagai pihak. Jadi sebab itu, saya mencadangkan supaya Majlis Kebangsaan OKU ini dikendalikan dengan bentuk sepenuh masa supaya pembelaan terhadap OKU dapat dibela dengan baik. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua... *[Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Kuala Selangor.

**6.57 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian bagi membahaskan Bajet 2018 yang bertemakan, 'Memakmurkan Ekonomi yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50'.

*Alhamdulillah*, pertama sekali marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, syukur di atas Ilahi atas sifat Al-Rahman dan Al-Rahim, tidak berputus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan sehingga membolehkan kita semua menghirup udara yang segar pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk memuji pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan kerana ia merupakan satu pelan tindakan perancangan ekonomi yang menyeluruh dengan meletakkan petunjuk prestasi yang utama dan hasilnya boleh diukur supaya dapat menguji kemajuan dan demi memastikan perancangan ekonomi negara terus berada di landasan yang tepat sehinggalah lahirnya Bajet 2018 yang begitu inklusif dan komprehensif demi untuk memakmurkan agenda ekonomi rakyat.

Sejak ia dilaksanakan pada tahun 2010, pendapatan negara kasar meningkat hampir 50 peratus, sekali gus mengurangkan jurang sasaran pendapatan tinggi daripada 33 peratus kepada 19 peratus. Namun demikian, acap kali kejayaan ini cuba digagalkan oleh sesetengah pihak di mata rakyat. Mereka ini sering kali mengelirukan rakyat dengan fakta dan statistik yang salah sehingga cuba mensabotaj ekonomi negara dan mengatakan bahawa Malaysia sebuah negara yang sedang bankrap. Namun bagaimanapun hendak dibuat, rakyat Malaysia kebanyakan pada hemat saya, ada kalanya mungkin bermalasal-malas membaca tetapi ada kalanya juga kurang membuat kajian, sebaliknya gemar membaca tajuk-tajuk utama tanpa mengupas isinya.

**■1900**

Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapa, hari ini kita ingin meminjam telinga mereka yang hadir untuk memberitahu bahawa hakikatnya keadaan ekonomi Malaysia masih kukuh dan mapan seperti mana yang dilaporkan oleh Bank Dunia menerusi laporan Prospek Ekonomi Global 2017 yang menyatakan ekonomi Malaysia berkembang dan berunjuran dengan baik sekali berbanding dengan negara-negara yang lain. Tidak cukup dengan itu, Yang Amat Berhormat Pekan juga dituduh kononnya hendak menjual negara ketika melakukan lawatan kerja ke China demi untuk memastikan ekonomi Malaysia terus berkembang pesat.

Sedangkan menurut laporan *The Economics 2017*, menunjukkan bahawa rantau benua Asia dan juga China merupakan kawasan yang paling membangun di dunia ketika ini dan China merupakan di antara negara yang ekonominya paling pesat berkembang di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, dalam laporan, dengan izin, *Ease of Doing Business* juga menyenaraikan Malaysia di tangga 23 sebagai sebuah negara yang mudah menjalankan urusan perniagaan. Malahan juga, majalah *International Living* menyenaraikan Malaysia sebagai negara nombor satu pilihan pesara di seluruh dunia, dan Malaysia merupakan juga negara yang ketujuh paling banyak dilawati oleh pelancong di dunia. Buktinya, suku pertama tahun 2017, bilangan penumpang penerbangan antarabangsa di KLIA meningkat sebanyak 12.6 peratus daripada jumlah 8.958 juta kepada 10.085 juta penumpang. Bilangan penumpang bagi penerbangan domestik berlaku peningkatan sebanyak 13.1 peratus iaitu daripada jumlah 3.553 juta kepada 4.019 juta penumpang.

Penumpang bagi penerbangan antarabangsa juga di lapangan terbang domestik selain KLIA meningkat daripada 1.483 juta kepada 1.60 juta penumpang bagi tempoh masa yang sama iaitu kadar peningkatan sebanyak 8.4 peratus. Sementara itu, trafik lalu lintas udara juga meningkat sebanyak 6.9 peratus peningkatan kepada 7.674 juta penumpang. Dengan statistik-statistik ini, adakah ini menunjukkan Malaysia masih lagi sebuah negara yang bankrap?

Justeru itu, berdasarkan bukti-bukti yang sudah dikemukakan sebentar tadi, ternyata tuduhan tersebut hanyalah bersifat untuk menimbulkan perasaan marah dan curiga rakyat terhadap kerajaan. Ini juga hasil kemakmuran, limpahan daripada tindakan ekonomi berkesan menerusi sentuhan 'Najibnomics'. Namun apakan daya, adat orang berjuang, berjuang tidak pernah senang, ombak derita tiada henti, tenang resah silih berganti, inilah sunah orang berjuang.

Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, bahkan ada juga di kalangan sesetengah pihak menimbulkan perasaan panik dan cemas dalam kalangan rakyat bahawa negara ini tidak lagi aman. Lihat sahaja bagaimana pihak keselamatan terutamanya PDRM menangani isu Daish di negara kita. Tanpa kita sedar, terdapat banyak tangkapan yang telah dibuat ke atas militan yang terdapat di dalam negara kita. Bukan itu sahaja, malahan kedudukan Malaysia menerusi Indeks Keamanan Global, GPI 2017, meletakkan Malaysia di tangga dua puluh sembilan negara teraman di dunia daripada 163 buah negara. Kedudukan ini jauh lebih baik berbanding negara kuasa besar dunia seperti *United Kingdom* yang berada di kedudukan empat puluh satu, Amerika Syarikat di kedudukan seratus empat belas, China di kedudukan seratus enam belas dan Rusia di kedudukan seratus lima puluh satu.

Malahan, kedudukan Malaysia juga lebih baik daripada anggota ASEAN yang lain termasuk Laos yang berada di tangga 48, Indonesia di tangga 52, Vietnam di tangga 59,

Kemboja di tangga 89, Myanmar di tangga 104, Thailand di tangga 120, dan Filipina di tangga 138. Nampaknya bahawa ada kalanya golongan-golongan ini akan sentiasa gemar menabur fitnah sedangkan di dalam Surah Al-Hujurat, ayat 12, Allah SWT telah berfirman yang maksudnya, *“Wahai orang-orang yang berfirman, jauhilah daripada kebanyakan sangkaan kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang yang lain, dan janganlah kamu mengumpat sesetengah yang lain. Adakah seseorang kamu itu suka makan daging saudaranya yang sudah mati? Sudah tentu kamu jijik kepadanya. Bertakwalah kamu kepada Allah sesungguhnya Allah Maha penerima taubat dan Maha Penyayang”*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya ialah mengenai kos sara hidup rakyat. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada pembahagian kek Bajet 2018, pada hemat saya ia sememangnya berteraskan kepada satu konsep untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan juga merupakan satu penanda bahawa pengurusan pendapatan negara dilaksanakan secara berhemah tidak bersifat populis dan lebih realistik jika hendak dibandingkan dengan Bajet Pakatan Harapan. Ini terbukti bahawa komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh kerajaan bagi memenuhi keperluan rakyat khususnya bagi menangani kos sara hidup rakyat dalam golongan memperjuangkan pendapatan rendah B40 dan pendapatan sederhana M40.

Ini merupakan inisiatif positif untuk menyediakan lebih pendapatan untuk dibelanjakan oleh rakyat sekali gus dapat menangani kos hidup yang lebih baik. Selain daripada itu, usaha kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup menerusi jualan ikan sejuk beku *Q’Fish* oleh pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia demi menawarkan ikan segar beku lagi berkualiti dilihat sebagai satu lagi mekanisme yang sangat berkesan bagi meringankan bebanan hidup rakyat. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana begitu prihatin terhadap nasib 98,279 orang nelayan di seluruh negara apabila mengekalkan pemberian elaun sara hidup kepada mereka di samping mengumumkan sejumlah RM2.3 bilion bantuan insentif kepada para nelayan, pesawah dan juga pekebun kecil getah.

Berita gembira ini mengukir senyuman di muka para nelayan di seluruh negara. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Pekan. Saya juga terpanggil di kesempatan ini untuk mencadangkan khususnya kepada Kerajaan Pakatan Harapan di Selangor supaya dapat menghapuskan bayaran premium tanah untuk semua jualan rumah bagi rakyat golongan bawahan dan pertengahan yang tidak berkemampuan. Ini penting khususnya dalam memastikan rumah-rumah dapat dijual dengan harga yang jauh lebih murah khususnya di negeri Selangor.

Namun demikian, saya juga ragu dengan keikhlasan kerajaan ini terhadap usaha untuk meringankan kos hidup rakyat. Lihat sahaja isu berkaitan tanah bagi projek perumahan di Ladang Ampar Tenang, Dengkil, Kerajaan Pakatan Harapan Selangor telah

memaksa Kerajaan Pusat membayar premium RM12 juta terhadap pembelian tanah terbabit sedangkan Kerajaan Negeri Selangor membelinya pada harga RM12 juta. Ini adalah saya lihat cubaan untuk menggagalkan agenda memakmurkan dan mensejahterakan rakyat. Oleh itu, di manakah sumbangan mereka terhadap kebajikan dan menangani kos sara hidup rakyat negeri Selangor?

Tindakan menanggung di air keruh ini menunjukkan bahawa mereka tidak pernah ikhlas dalam isu perjuangan rakyat sebagaimana yang diperjuangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

#### ■1910

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, bila merujuk kepada soal kesejahteraan rakyat, sudah tentu ianya juga harus sentiasa diutamakan agar tidak terkesan juga dengan kos sara hidup, khususnya apabila kerajaan dilihat dalam Bajet 2018 banyak memberikan peluang kepada rakyat terutamanya golongan graduan untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai suatu kerjaya yang mendatangkan pulangan lumayan kepada mereka.

Pada hemat saya, apabila mendengar ucapan bajet tersebut, ianya merupakan satu lagi mekanisme bagi memperluaskan lagi peluang kerjaya kepada golongan belia terutamanya graduan dengan menyaksikan peruntukan yang besar yang diberikan kepada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) iaitu RM500 juta dalam usaha membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, khususnya golongan bumiputera. Tambahan dana Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sebanyak RM200 juta pula menjadikan jumlah pembiayaan keseluruhan mencecah RM2.7 bilion yang boleh dimanfaatkan oleh 400,000 orang peminjam.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jumlah peruntukan yang begitu tinggi yang telah diberikan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), saya ingin mencadangkan agar kursus-kursus perniagaan mikro oleh pihak AIM dapat diperluaskan dan mencakupi khususnya bagi Parlimen Kuala Selangor. Saya juga ingin mencadangkan agar pihak peminjam dana AIM agar dapat diklasifikasikan dan dikeluarkan sebagai senarai penerima e-Kasih dengan secara tidak langsung membolehkan lebih banyak lagi dana pembiayaan diberikan kepada mereka.

Di samping itu, pada hemat saya, pelbagai inisiatif lain juga telah dimasukkan khususnya dalam Bajet 2018 supaya ianya dapat membantu rakyat menjana pendapatan termasuk menyediakan pinjaman mudah sebanyak RM120 juta kepada 1,000 usahawan *Food Truck* 1Malaysia dan *Mobile Food Kiosk* 1Malaysia. Maka perkara ini perlu disambut oleh setiap individu terutamanya graduan di seluruh negara bagi meningkatkan pendapatan mereka di samping mewujudkan kerjaya sendiri.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mewujudkan satu ekosistem supaya akhirnya nanti segala bentuk dana-dana ini dapat benar-benar dirasai dan difahami oleh masyarakat akar umbi dan sistem komunikasi

yang baik harus menjadi penekanan supaya ianya tidak hanya tinggal omong-omong kosong semata-mata. Saya juga mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa, menerusi inisiatif bajet ini, ianya berupaya untuk memacu cita-cita negara bagi mencapai jumlah eksport sebanyak 21 peratus dan juga sumbangan kepada ekonomi sebanyak 41 peratus pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, jelasnya kerajaan hari ini amat menitik beratkan keperluan pendidikan di kalangan rakyat keseluruhannya. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila setiap tahun, peruntukan pendidikan diberikan secara serius oleh pihak kerajaan demi untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan negara kita dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM250 juta di samping peruntukan biasiswa sebanyak RM2.2 bilion bagi memartabatkan pendidikan tinggi.

Namun demikian, acap kali didengari bahawa setengah-setengah pihak mendesak agar pihak kerajaan menyediakan pendidikan secara percuma, sedangkan ianya telah dilaksanakan di peringkat sekolah. Apakah mereka lupa bahawa bagi membuktikan cakap-cakap pembangkang bukannya cakap omong-omong kosong, saya ingin mencabar mereka untuk menyediakan pendidikan percuma secara keseluruhannya di Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) bermula 1 Januari 2018 ini. Jangan cakap ibarat tin kosong yang kuat berbunyi apabila diketuk tetapi dalamnya tiada isi. Usah takut dengan bayang-bayang sendiri.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Pakatan Harapan di Selangor untuk menukar taraf Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor kepada Biasiswa Negeri Selangor 100 peratus. Saya asyik mendengar dan menyatakan bahawa perihal orang lain tetapi perihal kita bagaimana? 'Akar terjantai, tempat siamang berpegang. Dahan menganjur, tempat tupai menegun.' Jika benar apa yang mereka katakan, saya amat berharap Kerajaan Selangor kotakan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, ada sesuatu juga bermain di minda saya berkaitan dengan agenda yang ingin dibawa oleh kepimpinan Pakatan Harapan. Adakah agenda yang dibawa oleh mereka adalah agenda rakyat ataupun agenda peribadi? Saya melihat perjuangan yang sedang dilaungkan oleh pihak pembangkang adalah lebih bersifat kepada peribadi. Mereka ini sering kali bersifat 'kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tidak nampak'.

Mengapa saya katakan demikian? Lihat sahaja bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, ternyata bersifat *inclusive* dan komprehensif yang amat mementingkan agenda ekonomi rakyat. Daripada anak sekecil tapak tangan, sehinggalah orang dewasa yang menginjak usia emas, semua mendapat nikmat yang adil dan juga saksama. Sungguhpun Amanah Dana Anak Malaysia 2050 atau ADAM50 hanya memperuntukkan dana tabungan permulaan sebanyak RM200, namun ianya bersifat benar dan bukan hanya khayalan.

Saya juga dimaklumkan bahawa negeri Selangor juga memberikan tabungan yang memfokuskan kepada anak Selangor, Tuan Yang di-Pertua. Namun, apa yang menghairankan ialah mengapa tabungan yang diwujudkan negeri Selangor tidak diberikan terus kepada bayi terbabit, sebaliknya mereka perlu menunggu sehingga usia mencecah 18 tahun. Adakah mereka memerlukan masa terlalu lama untuk menunaikan sesuatu janji? Ini tidak lagi menyentuh berkenaan dengan skandal TAWAS yang sehingga hari ini dibisukan oleh kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor. Sebaliknya saya lihat ada usaha seakan-akan 'baling batu, sembunyi tangan' dengan menuduh pihak lain. Dana untuk anak Selangor ini telah disalurkan kepada sembilan orang ahli pembangkang di Kuala Lumpur yang membabitkan nilai RM10 juta yang masih lagi dalam penyiasatan. Oleh sebab itu, saya amat berharap ini sangat penting kerana bila merujuk kepada perkara-perkara ini, di manakah perkara yang sebenarnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini, saya juga ada membaca mengenai tuduhan-tuduhan oleh setengah-setengah pemimpin Pakatan Harapan kononnya diibaratkan umpama 'kayu lempung belum ditolak, condong sendiri' apabila mempertikaikan usaha kerajaan untuk menghapuskan empat tol iaitu Tol Batu Tiga, Tol Shah Alam dan Tol Sungai Rasau di Selangor serta tol di Bukit Kayu Hitam, Kedah dan tol di Tol *Eastern Dispersal Link* Johor. Setiap usaha Kerajaan Persekutuan seakan-akan dipersendakan mempersoalkan usaha murni untuk menghapuskan tol sedangkan dalam bajet Pakatan Harapan sendiri, ada digariskan mengenai peruntukan untuk menghapuskan tol oleh Pakatan Harapan.

Inilah yang dikatakan, pada hemat saya, sebagai 'bodoh sombong' yang boleh diibaratkan seperti 'segan berkayuh, perahu yang hanyut', 'meludah ke langit, akhirnya jatuh ke muka sendiri'. Mengapa saya katakan demikian? Apabila saya membaca buku bajet Pakatan Harapan sendiri, saya lihat telah ada dinyatakan- dan ini juga satu perkara yang ingin saya lihat sebagai satu perkara yang harus kita halusi bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada dalam elemen penambahbaikan Bajet 2018. Bagi menambah baik bajet ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan di peringkat Persekutuan, khususnya di peringkat Parlimen demi memastikan limpahan kemakmuran ini dapat dinikmati bersama.

#### ■1920

Cadangan di peringkat Persekutuan ialah saya ingin mencadangkan agar pihak khususnya di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah agar Pusat Latihan KEMAS (PLK) dapat dinaiktarafkan menjadi Institut Latihan KEMAS demi untuk memperkasakan lagi peranan dan tanggungjawab KEMAS sebagai nadi pembangunan dan perubahan masyarakat di luar bandar. Ini juga telah saya nyatakan sewaktu saya mengutarakan dalam bajet pada tahun yang lepas iaitu supaya Pusat Latihan KEMAS di Kuala Selangor dapat dinaiktarafkan sebagai Institut Latihan KEMAS.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, di peringkat Parlimen saya juga, saya ingin mencadangkan supaya pembinaan MRT menghubungkan laluan sedia ada dapat diwujudkan ke Parlimen Kuala Selangor. Perkara ini perlu memandangkan terdapat ramai penduduk di Kuala Selangor yang bekerja di Kuala Lumpur terpaksa memulakan perjalanan seawal pagi bagi mengelakkan kesesakan ke pusat bandar. Pada hemat saya, sekiranya MRT ini dapat dibina di Kuala Selangor, ia dapat memudahkan penduduk di Kuala Selangor untuk ke pusat bandar untuk bagi mencari rezeki di samping merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi di Parlimen Kuala Selangor.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan juga agar Pusat Mini RTC Perikanan dapat dijenamakan di Kompleks LKIM Kuala Selangor. Ini kerana pada hemat saya, ia bukan sahaja menjadi *one-stop-center* kepada semua agensi yang berkaitan dengan perikanan, malahan ia juga boleh menempatkan semua agensi berkaitan maritim di bawah satu bumbung seperti LKIM, Jabatan Laut, polis marin dan APMM di samping boleh dijadikan sebagai pusat pendaratan ikan oleh para nelayan di Kompleks LKIM Kuala Selangor. Saya melihat dengan penjenamaan ini, ia merupakan satu transformasi yang boleh memudahkan para nelayan dan juga pengguna marin untuk mendapatkan lesen, khidmat nasihat dan juga perundangan daripada agensi-agensi berkaitan maritim di samping berupaya untuk meringankan bebanan kos yang terpaksa ditanggung oleh mereka.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengharapkan dan mencadangkan agar Projek Perumahan Awam 1Malaysia dapat diperluaskan pembinaannya ke kawasan Parlimen Kuala Selangor. Saya percaya bahawa dengan pembinaan PPA1M yang pernah menjadi salah satu yang pernah diungkapkan dalam Akujanji haruslah menjadi keutamaan bagi Parlimen Kuala Selangor khususnya bagi rakyat kakitangan awam untuk memiliki rumah dengan harga yang berpatutan. Saya juga ingin mencadangkan agar tanah UiTM Puncak Alam dapat dijadikan lokasi tapak PPA1M.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bagi menghargai sumbangan dan jasa anggota polis, khususnya di Parlimen saya, saya melihat agar Balai Polis Bestari Jaya dapatlah dinaiktarafkan kerana saya lihat kuarters kediaman anggota polis khususnya di Bestari Jaya begitu dalam keadaan yang amat daif dan saya juga amat sedih apabila mendengar rintihan anggota polis ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendengar keluhan rakyat Selangor terutamanya di Parlimen saya yang telah mereka nyatakan kepada saya iaitu mengalami kesukaran untuk membeli rumah disebabkan oleh kegagalan untuk mendapatkan pembiayaan. Saya ingin bertanya, apakah punca yang sebenarnya? Adakah pihak bank ataupun regulasi daripada Bank Negara? Ini kerana ada juga yang mengatakan pada saya, ditambah dengan sikap kerajaan negeri yang mengubah status pemilikan bumiputera kepada bukan bumiputera dan sudahlah dihapuskan diskaun 10 peratus kepada bumiputera untuk memiliki rumah.

Justeru itu saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apakah usaha dan mekanisme yang terbaik bagi membantu khususnya rakyat di Kuala Selangor untuk menangani isu ini? Apakah perancangan dan kaedah pihak KPKT bagi membanyakkan perumahan PPR di khususnya di negeri Selangor mahupun di Kuala Selangor? Ini sangat penting kerana saya lihat rintihan rakyat melihatkan bahawa harga rumah yang semakin hari semakin meningkat terutama sekali di Parlimen saya.

Tuan Yang di-Pertua, seingat saya, tidak ada satu pun bajet yang pernah dibentangkan oleh pihak kerajaan yang tidak dianggap sebagai gula-gula kepada rakyat oleh pihak pembangkang. Baik daripada zaman kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu sehinggalah pada hari ini. Semuanya dianggap sebagai gula-gula kepada rakyat oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian sebagai rumusan akhir berdasarkan pembentangan Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan selaku Menteri Kewangan, pada hemat saya ternyata, bajet kali ini mendukung cita-cita dan juga aspirasi rakyat di setiap peringkat dan bersifat holistik serta seimbang dengan menggunakan dan mengutamakan agenda ekonomi rakyat dalam setiap aspek yang ingin dibentangkan. Sehubungan dengan itu pada hemat saya, sudah tentunya ia memerlukan satu perancangan khususnya bagaimana terjemahan bajet ini dapat diterjemahkan daripada segi pelaksanaan supaya akhirnya nanti pihak rakyat di peringkat akar umbi dapat merasai hasil khususnya pembentangan bajet yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, sebagai rumusannya, adalah sangat penting supaya setiap dana yang akan diluluskan dalam Parlimen yang mulia ini haruslah dijadikan sebagai satu landasan dan perlu ada pihak-pihak yang ketiga untuk memastikan bahawa setiap dana itu benar-benar dibelanjakan dan dengan ini saya juga memuji tindakan Ketua Setiausaha Negara yang ingin memastikan agar setiap projek-projek yang telah dicadangkan dan juga akan diluluskan nanti akan dilaksanakan sebaik mungkin demi kesejahteraan rakyat di peringkat akar umbi.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, Kuala Selangor menyokong Bajet 2018. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

**7.27 mlm.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam reformasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk mengulas dan membahaskan bajet gula-gula ataupun bajet *diabetic* tahun 2018 ini. Ini

tentunya akan diperhalusi dengan begitu teliti kerana Tuan Yang di-Pertua kalau banyak gula ini takut kena potong kaki.

Saya mendengar perbahasan Yang Berhormat Kuala Selangor dan beberapa Ahli Parlimen daripada sebelah sana [*Merujuk kepada blok kerajaan*] sebentar tadi. Saya setuju bahawa bajet kali ini mendapat satu liputan ataupun ikutan daripada pelbagai pihak. Antaranya Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said yang mengungkapkan satu pantun yang begitu baik yang ingin saya rekodkan di dalam Dewan ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua,

*Masuk ke hutan, muncul di rimba,  
Selam di tasik timbul di laut,  
Bajet umpama simbahan gula,  
Yang heboh beri, yang senyap kaut.*

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh melihat bagaimana layanan kerajaan daripada belanjawan ini ataupun bajet ini. Ada beza kalau kerajaan melihat rakyat sebagai modal insan ataupun kerajaan melihat rakyat sebagai modal perniagaan ataupun rakyat ataupun kerajaan melihat rakyat ini ibarat penerima token ataupun cenderahati daripada kerajaan. Kalau kita menganggap rakyat ini sebagai modal insan, maka sudah pastilah melalui belanjawan ini rakyat akan di perkasa, akan dijadikan sebagai satu aset yang penting untuk negara.

Kalau rakyat ini dianggap sebagai modal perniagaan, maka kerajaan akan memerah rakyat dan sudah pastilah kita mendengar perbahasan daripada awal pagi tadi, hampir kesemua Blok Pembangkang berucap atau menyatakan tentang isu yang menjadi perkara yang cukup menderitakan rakyat seperti cukai GST dan sebagainya. Kalau kerajaan menganggap rakyat ini sebagai token, maka sebab itulah kita lihat beberapa pengumuman kerajaan, beri tok batin RM1,500, kakitangan awam pun RM1,500.

Sekarang ini semua sektor yang strategik Tuan Yang di-Pertua, semua diberi RM1,500. Sebab itu pagi tadi ketika saya buat pencilahan kepada Ketua Pembangkang, tular dalam *WhatsApp* ini terutamanya yang datang daripada pegawai-pegawai kerajaan. Mereka anggap bahawa kerajaan ini tidak pandang serius sumbangan mereka di mana dianggap mereka ini hanyalah sebagai token, sama macam *reward* yang diberikan, dengan izin, kepada tok batin dan orang-orang yang lain, bilal dan sebagainya.

#### ■1930

Jadi yang ini pada saya perkara yang cukup serius kerana pada saya kita mesti menganggap bahawa belanjawan ini mesti menjadi suatu alat yang akan mengangkat rakyat itu sebagai aset negara dan sudah pastilah ia akan bersabit atau mencakupi keseluruhan strata sosial daripada yang bawah sehinggalah yang ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Dewan membahaskan tentang TN50. Saya ingin ingatkan kerajaan dan saya ingin tanya kepada kementerian. Ada beberapa pakar

ekonomi yang telah pun membuat beberapa kenyataan yang mana menyatakan bahawa menjelang tahun 2050 ini negara akan menjadi miskin, tua, sakit, tidak ada anak dan tidak ada rumah.

Ini tentulah mengejutkan kita kerana dalam kehebohan kerajaan mengumumkan bahawa TN50 ini adalah satu program transformasi untuk orang-orang muda tapi ada di kalangan pakar-pakar ekonomi beranggapan bahawa ini bukan yang sepatutnya akan terjadi pada tahun 2050 nanti dan sudah pastilah ini tentunya perlu dijawab oleh pihak kerajaan, kementerian yang berkaitan bagaimana pendirian mereka kerana yang disebut di dalam hujahan ataupun pandangan pakar ekonomi ini dia menyatakan bahawa kalau kita lihat sekarang ini ambil sahaja generasi muda Tuan Yang di-Pertua, generasi muda sekarang ini mereka menyaksikan bagaimana negara menyaksikan bagaimana kadar kenaikan ataupun kadar orang-orang muda yang tidak mempunyai pekerjaan itu cukup tinggi sekarang ini.

Begitu juga mereka yang bekerja dan mendapat gaji tetapi tidak ada kenaikan gaji. Jadi bagaimana mereka hendak mendepani masa depan dengan baik sekiranya perkara-perkara yang asas seperti ini tidak dinyatakan ataupun yang tidak diulas dengan betul. Diletakkan satu landasan ekonomi yang sebenar bagi menyediakan generasi muda ini untuk berhadapan dengan masa depan yang cukup mencabar.

Saya hendak nyatakan ini Tuan Yang di-Pertua kerana pada saya, saya berpendapat kita mesti memberikan tumpuan yang lebih kepada generasi muda ini. Tadi saya dengar perbahasan daripada Yang Berhormat Jasin yang menyebut tentang kadar pengangguran. Kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat ketika kita berbahas rang undang-undang atau sekarang ini sudah menjadi satu Akta Insurans Pekerja yang kita bahas sampai 12.30 tengah malam. Waktu itu di blok pembangkang kita membangkitkan kebimbangan kita tentang kadar pengangguran.

Hari ini Yang Berhormat Jasin daripada blok kerajaan telah pun menyatakan bahawa memberikan satu statistik yang cukup menggerunkan kita di mana beliau menyebut bahawa dari tahun 2012 kadar pengangguran lebih kurang dalam 100,000 sekarang ini sudah pun mencecah 519,000 penganggur yang mana terutamanya *youth unemployment*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya orang-orang muda ini ramai yang menganggur.

Jadi ini satu perkara yang cukup serius dan saya tidak nampak bagaimana dalam belanjawan ini masalah *youth unemployment*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak dibahaskan dengan begitu spesifik. Oleh sebab itulah saya beranggapan bahawa bajet ini walaupun mereka anggap sebagai inklusif, anggap sebagai ibu segala bajet pada saya ia tidak memandang dengan tepat dan meletakkan dasar ekonomi pada kerangka yang lebih jelas terutamanya dalam memberikan penekanan kepada aspek memperkasakan generasi-generasi muda yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ingatkan kerajaan, saya juga ingin tanya kepada kerajaan memang dari awal tadi diungkapkan tentang laporan Bank Dunia. Diungkapkan bagaimana pertumbuhan ekonomi sekarang ini mencecah 5 peratus. Ini satu perkara yang baik, *very good*. Akan tetapi, yang perlu saya ingatkan Dewan ini bahawa di sana ada satu pandangan daripada *Nobel Laureate Economy*, pemenang anugerah *Nobel Laureate Economy* yang pernah datang ke Malaysia iaitu Profesor Stiglitz.

Beliau menulis satu buku bertajuk "*The Great Divide*". Dalam buku ini beliau mengungkapkan bahawa GDP ataupun pertumbuhan ekonomi ini bergantung kepada kesibukan ekonomi. Ekonomi sibuk, rencam, pelbagai maka naiklah GDP, naiklah pertumbuhan. Cuma beliau mengingatkan bahawa adakah kita sibuk buat aktiviti ekonomi yang betul. Ini kerana kalau tidak ia tentunya akan menyebabkan berlakunya yang disebut sebagai *inequality* atau kesenjangan ekonomi di antara yang kaya dan juga yang miskin. Itulah yang berlaku sekarang ini di dalam suasana hari ini.

Saya hendak minta Wakil Rakyat di dalam Dewan ini termasuk kerajaan jangan kita beranggapan atau jangan kita mempunyai satu sifat dipanggil *denial syndrome*. *Let's look into the matter*. Turunlah ke pasar, berjumpalah dengan rakyat, tanyalah mereka kenapa harga barang ini naik? Kenapa mereka tidak mampu? Ini bukan soal hendak kempen waktu politik atau pilihan raya. *This is about the people*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita tanya, apa salah kita tanya kepada rakyat dan itulah rakyat yang akan sebut banyak kali masalah yang berlaku di bawah ini.

Saya hendak nyatakan bahawa kalau itu berlakunya keadaan ini dan sokongan dan pandangan saya juga didukung baru-baru ini oleh Profesor Jomo Kwame Sundaram yang menulis satu artikel yang begitu baik yang menyatakan bahawa kalau tidak dikawal keadaan ini dalam masa yang sama kita kenakan cukai *regressive tax*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, cukai GST maknanya tidak kira yang miskin atau yang kaya bila dia pakai, bila dia *consume* dia kena bayar cukai tapi dalam masa yang sama kita tarik subsidi. RM43 bilion dari tahun 2012 sekarang ini tinggal lebih kurang dalam RM20 bilion. Ini tentunya akan menyebabkan berlakunya kesenjangan ekonomi. Gaji tidak naik, cukai kena bayar setiap hari dan barang itu semakin naik.

Saya sempat menghadiri persidangan ataupun mesyuarat *Annual General Meeting World Bank* dan IMF di Washington baru-baru ini. Ada satu wacana yang begitu menarik sekarang ini di peringkat IMF dan Bank Dunia iaitu yang berkaitan dengan polisi percukaian. Semua orang sedia maklum dan tadi saya tengok ramai yang *quote* daripada *World Bank* dan IMF kebetulan saya berada di sana.

Ada satu *preliminary* ataupun satu diskusi yang begitu menarik kerana buat pertama kalinya IMF memanggil seorang pengkritik utama dasar percukaian IMF iaitu *Managing Director* ataupun *Executive Director Oxfam* yang berpangkalan di *United Kingdom*. Seorang perempuan, doktor dari Benua Afrika, beliau datang dan menceritakan dengan begitu terperinci yang disebut sebagai *The Great Expectation*. Saya bawa *paper*

ini dalam Dewan kerana mungkin, orang kata mungkin kita tidak baca atau baca *headlines* sahaja seperti mana yang disebut oleh beberapa wakil rakyat tadi.

Saya tidak baca *headlines* Tuan Yang di-Pertua, saya baca *the policy paper* yang telah pun dibentangkan di IMF yang baru-baru ini yang menyatakan, "*is the IMF turning words into action on inequality?*" Di mana antara *policy recommendation*- cadangan dasar yang telah dikemukakan oleh Oxfam ini yang telah dijemput oleh IMF, seorang pengkritik hebat IMF, IMF dengar pandangannya buat pertama kali. Beliau menyatakan secara spesifik bahawa, "*Sudah sampai masanya kita merubah sistem percukaian dengan meletakkan suatu pemberat atau weightage, memastikan cukai hanya diambil daripada orang kaya dan juga mereka mempunyai harta dan mendapat keuntungan daripada harta tersebut*". *Meaning which focus more explicitly on direct and progressive taxes and which depends more often on taxing wealth, property and capital gains of the richest than the consumption of the poorest*, dengan izin.

*For the first time*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dasar ini dibawa ke meja kepada para-para pemikir dan mereka yang terlibat dalam pembuat dasar dan dibentangkan bahawa *broad consumption tax*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu yang berkaitan dengan GST di negara lain dipanggil VAT. Semua orang yang kena bayar cukai ini sepatutnya sekarang ini mesti dihentikan dan cukai hanya kepada orang kaya. Kita tengok dalam Malaysia kalau orang jual beli saham tidak ada cukai, dia untung saham tidak cukai. Akan tetapi, rakyat kena cukai.

Ini menyebabkan akan berlakunya *inequality* di dalam masyarakat. Ketidakadilan di dalam masyarakat. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua bila kita sebut soal GST dan ramai kawan-kawan saya berbahas mengenai GST dan sebagainya kita bukan sekadar bercakap kosong tetapi inilah wacana yang bersifat semasa. Ini sudah pastilah menjurus saya, membawa saya kepada isu seterusnya di mana saya ingin minta kepada kementerian untuk memperincikan kepada kerajaan untuk memperincikan apakah sebenarnya perbelanjaan yang telah dilakukan, yang telah dibuat dengan duit yang dikutip yang dicukaikan melalui GST ini? Rakyat ingin tahu.

Ini kerana kita semua sedia maklum baru-baru ini di Dewan Rakyat, Menteri memberitahu RM42 *billion*, dengan izin, dikutip daripada GST ini.

#### ■1940

Jadi, kita hendak tahu berapa banyak sebenarnya belanja, apa perincian dia, apa perkara yang telah dibuat dengan duit itu. Ini perkara-perkara yang mesti dijawab oleh kerajaan kerana kita tahu sebahagiannya 7, 8 bilion itu diberi dalam bentuk BR1M, bantuan kepada mereka yang mendapat gaji RM4,000 ataupun RM3,000 ke bawah tetapi yang lain itu bagaimana? Inilah perkara yang begitu serius kerana pada saya Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada perbahasan, sebelum daripada belanjawan ataupun bajet ini dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Kita dengar banyak wacana termasuk daripada RTM.

Saya hendak alu-alukan RTM yang memberikan satu liputan yang agak baik, memanggil beberapa tokoh yang berbeza pendapat, antaranya Dr. Mohd Khalid. Saya pernah sebut dalam Dewan ini. Beliau menyatakan dengan begitu berani. Ada tiga faktor utama yang menyebabkan bagaimana akan berlakunya ketidakadilan di dalam negara kita.

Pertama, kenaikan harga barang. Kedua, pelaksanaan GST. Ketiga, penurunan masalah kita dengan wang Amerika Syarikat. Kita sekarang ini kalah dengan negara-negara di ASEAN pun. Negara Thailand pun duit kita jatuh, dengan Filipina pun duit kita jatuh, dengan Bangladesh pun duit kita jatuh.

Ini satu perkara yang cukup serius Tuan Yang di-Pertua dan kita minta kerajaan menangani perkara ini. Jangan kita *denial syndrome*. Saya sebut tadi jangan kita seolah-olah *everything is okay*. Kita perlu akui seperti mana yang Yang Berhormat Jasin sebut tadi satu contoh yang paling balik. Memperakui bahawa kita ada masalah dan kita perlu perbetulkan masalah. Saya sebenarnya bila datang ke Dewan ini untuk berbahas, ramai yang orang-orang di kawasan saya beritahu mereka menjangkakan mungkin akan turunkan GST ini kalau tidak dihapuskan. Saya kata jangan mimpilah. Tunggu kita *take over* esok, baru boleh kita hapuskan.

Akan tetapi, itulah yang berlaku di bawah ini yang mereka sampaikan kepada saya. Jadi, saya sampaikan dalam Dewan ini supaya mereka yang di luar sana dapat melihat perkara ini. IMF juga dalam laporan *Fiscal Monitor October 2017*, dengan izin, menyatakan *tackling equality* untuk mengatasi *income equality* ini perlu menuju ke arah percukaian yang progresif dengan menggunakan cukai terhadap kekayaan golongan-golongan yang kaya. Inilah Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya harap akan mendapat jawapan daripada kerajaan. Ini kerana pada saya ini satu wacana yang cukup baik. Memang daripada awal kalau kita baca berita bila kerajaan mengumumkan pelaksanaan cukai GST ini antara yang berikan sambutan yang positif itu adalah IMF. Akan tetapi, sekarang ini pendekatannya sudah berbeza. Wacananya juga sudah berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada poin yang kedua iaitu menangani masalah perumahan mampu milik. Bajet 2018 ini menyaksikan terdapat pertambahan peruntukan untuk membina rumah mampu milik kepada RM2.5 bilion. Kita akui bahawa masalah mendapat rumah pertama bagi golongan muda ini amatlah meruncing. Malah, kalau kita tengok perbahasan dan wacana yang sebelum ini menyatakan bahawa di manakah letaknya keutamaan orang muda? Beli kereta dulu ke atau beli rumah dahulu? Ini kerana hendak- kerana kita tengok kemampuan dan gaji yang tidak naik dan menyebabkan mereka ini mendatangkan masalah untuk mendapatkan harta yang pertama.

Namun, ada persoalan yang harus dijawab oleh kerajaan. Berkenaan dengan sasaran oleh kerajaan untuk menyiapkan rumah mampu milik sebanyak 1 juta unit menjelang 2018. Ini terkandung dalam manifesto- janji yang ditepati di Barisan Nasional.

Jadi, kita minta Yang Berhormat Menteri KPKT beritahu tentang keadaan ini. *Update* Dewan tentang perkara ini. Ini kerana kita diberitahu hanya 241,575 unit rumah mampu milik sahaja telah disiapkan sehingga akhir April 2017 dan lagi 57 peratus sedang dalam pembinaan. Baki 22 peratus hanya di peringkat perancangan.

Jadi, kalau kita beri satu angka untuk capai 1 juta buah rumah sudah pastilah ini satu perkara cukup mustahil. Jadi, saya ingin ingatkan kepada kerajaan jangan kita dok mengata orang lebih sangat. Saya dengar tadi, Yang Berhormat Kuala Selangor *dok* kutuk macam-macam. Tidak apalah. Kalau hendak bangkit dalam Dewan Undangan Negeri, bertanding di DUN. Bangkit di Dewan Negeri tanya fasal Selangor. Jangan kita jadi seperti kata pepatah, 'kokok derai-derai, ekor bergelumang dengan tahi'. Jadi, selesaikan masalah dalaman Yang Berhormat dahulu, barulah kita bangkitkan perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan dengan menyatakan bahawa selain daripada kebimbangan menyiapkan rumah mampu milik ini, ada yang mengatakan rumah kali ini bukan lagi mampu milik tetapi rumah mampu ditengok sahaja- mampu dilihat. Ini disebabkan harga pasaran rumah yang melambung tinggi dan tidak disebut di dalam belanjawan ini bagaimana kerajaan ingin mengawal harga perumahan ini. Jadi, saya ingin mengajak Dewan untuk memikirkan cara bersama bagaimana kita untuk menyelesaikan masalah ini.

Bajet 2018, dia beri peluang kepada skim *step up financing* yang diperkenalkan oleh PR1MA dan dipanjangkan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Namun, terdapat kebimbangan akan berlakunya masalah jangka panjang. Kebimbangan ini disuarakan oleh Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA) yang menyatakan bahawa skim *step up financing* ini akan menyebabkan harga rumah dinaikkan oleh pemaju kerana pembeli boleh mendapat pembiayaan perumahan dengan lebih tinggi.

Menurut HBA juga, pembinaan rumah mampu milik perlu dilaksanakan, disasarkan kepada pasaran yang sebenar. Harga yang sepadan sesuai dengan kawasan yang sesuai dengan kawasan yang dibina. Dalam erti kata yang lain bermaksud ia mestilah mengambil kira *the strategic part of it*, dengan izin. Di pihak pemaju pula, REHDA baru-baru ini mengeluh jika inginkan pemaju membina rumah mampu milik, kerajaan sewajarnya mengecualikan GST ke atas bahan-bahan binaan dan bukan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Justeru, saya ingin cadangkan saya ingin tanya kepada kerajaan apakah formula yang telah difikirkan untuk mengimbangi tuntutan rakyat memiliki rumah dan permintaan pemaju untuk membina lebih banyak rumah mampu milik. Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bangkitkan satu lagi perkara iaitu berkaitan dengan Data Indeks Tadbir Urus Sumber Negara 2017. Saya waktu perbincangan di Washington baru-baru ini sempat menghadiri suatu taklimat yang diberikan oleh *Natural Resource Governance Institute*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Natural Resource Governance Institute* ini telah

mengeluarkan Indeks Tadbir Urus Sumber Negara Tahun 2017- 2017 *Resource Governance Index*. Ini yang telah dikemukakan dan dibentangkan di Washington baru-baru ini, di mana mereka telah meneliti bagaimana syarikat atau bagaimana PETRONAS khususnya mengendalikan sumber negara yang dimasukkan di dalam laporan ini dan dinyatakan secara spesifik bagaimanakah keadaan kita mengurus sumber hasil masyghul negara.

Saya hendak tunjukkan di sini Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin rekodkan di dalam Dewan ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkaitan untuk memberikan jawapan. Kalau ikut di sini PETRONAS *performance* dia kalau segi *scoring*, dia dapat markah *not bad*-lah Tuan Yang di-Pertua, 65 peratus. Kalau ikut *report* inilah- 65 peratus. *Satisfactory*, boleh ditambah baik dan kita ketinggalan berbanding *Trinidad and Tobago* berbanding Ghana berbanding Ukraine berbanding Indonesia, Morocco. Ini semua mendapat *score more than 75 percent* iaitu berada dalam lingkungan ataupun *bracket good*- baik. Kita hanyalah *satisfactory*- memuaskan.

Saya ingin tanya kementerian apakah, apa respons kerajaan tentang laporan ini. Ini kerana saya tahu dan saya yakin kerajaan tahu tentang kewujudan laporan ini. Yang membimbangkan saya ialah bagaimana dana yang dipanggil *National Trust Fund* ataupun Kumpulan Wang Amanah Negara kalau tidak salah saya dari segi *translation*-nya. Kumpulan Wang Amanah Negara yang sepatutnya dijadikan sebagai satu dana hasil daripada keuntungan minyak ini. Bagaimanakah dana ini diuruskan?

Kalau ikut laporan ini, Tuan Yang di-Pertua. Malaysia pada *score*, 42 peratus- 42 *percent*, iaitu pada *bracket* atau pada ruang lingkup *very poor*. *National Trust Fund* ini ataupun Kumpulan Wang Amanah Negara ini begitu penting dan saya ingin tanya kepada kerajaan, kita minta diberikan pendetailan, diberikan perincian. Apa jadi dengan dana ini? Apa yang telah dibelanjakan, berapakah untuk rakyat dan sebagainya. Ini kerana kalau kita tengok lihat sebagai satu perbandingan di Norway misalnya. Ada dana pencen Norway yang mana kalau ikut data yang sedia ada sekarang ini mungkin sudah di-*update*.

Mereka mempunyai dana hampir RM2 trilion. Norway negara yang mengeluarkan minyak, mereka ada dana ini. Begitu juga, pihak berkuasa pelaburan UAE, Abu Dhabi juga diwujudkan dana ini dan sebanyak RM1.9 trilion ada untuk kepentingan negara mereka. Jadi, kita ingin tahu bagaimana PETRONAS menguruskan ini dan saya ingin tahu apa respons kerajaan tentang perkara ini. Ini kerana ia merupakan antara sumber negara yang mungkin tidak dibentangkan dan sudah pastilah Dewan ini merupakan suatu tempat yang balik baik untuk kita mendapatkan perincian.

#### ■1950

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyatakan kekesalan saya kerana di dalam peruntukan ataupun di dalam belanjawan ini tidak dinyatakan secara khusus peruntukan untuk negeri Melaka. Banyak negeri semua ada. Selangor dapat, Johor dapat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kawasan saya Beluran pun tidak disentuh, Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sabah dapat, Tuan Yang di-Pertua. Beluran saya letak dalam rekod, tanya kenapa tidak ada. Ini menjadikan satu perkara yang pada saya perlu diberikan perhatian. Oleh kerana Melaka ini, Tuan Yang di-Pertua, negeri UMNO paling kuat di dunia sebab dapat dua pertiga sokongan daripada rakyat— ADUN-ADUN lah. Ya, itu dulu. Sekarang sudah ada perubahan. *Insyah-Allah*, tidak lama lagi kita akan ambil alih. Akan tetapi, tidak ada. Walaupun jadi negeri yang paling kuat, tidak ada sebarang inisiatif yang diumumkan oleh kerajaan.

Saya masih ingat tahun lepas, itu pun nak mengkaji, membuat *feasibility study* Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Inilah satu lapangan terbang yang paling unik dalam dunia, Tuan Yang di-Pertua, yang paling baik, paling *friendly* dari segi *climate* dan sebagainya, dari segi alam sekitar, kerana ia hanya ada dua sahaja penerbangan dalam masa satu hari. Jadi, tidak banyak asap, tidak banyak apa. Itu pun nak buat *feasibility study* untuk membangunkan. Apa dah jadi dengan *feasibility study*? Saya ingin tanya kepada kerajaan sekarang ini. Kenapa inisiatif-inisiatif ini tidak boleh diberikan kepada kerajaan negeri? Sedangkan negeri-negeri lain mendapat peruntukan. Apakah Yang Berhormat Pekan telah hilang kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka? Ini satu perkara yang perlu kita bangkitkan.

Oleh sebab kita sudah bahas tentang Melaka ini, saya ingin membawa beberapa isu yang berkaitan dengan kawasan dan juga negeri terutamanya di kawasan saya. Saya ingin tanya kepada kementerian, sekarang ini kita bercakap tentang *climate change*. Di mana-mana perbahasan di peringkat *international* sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang *climate change*. Ia ada kesan.

Hari ini misalnya, kita berbahas, hujan lebat dekat luar, banjir. Begitu juga di kawasan saya di Bukit Katil. Tuan Yang di-Pertua bayangkan, bukit pun boleh banjir. Jadi, dah lah atas bukit itu ada katil. Kita banjir, tidak boleh turun sebab keliling ada air. Ada satu kawasan saya pergi, kawasan Sungai Putat, dia bangun-bangun tidur, dia rasa sejuk. Rupanya dia atas air dah. Talam atas air. Jadi, ini satu perkara yang cukup serius.

Jadi, saya minta supaya kerajaan mengumumkan dan beritahu bagaimanakah strategi, terutama dalam belanjawan ini, kepada kementerian yang berkaitan, NRE, untuk mengatasi masalah banjir ini, terutamanya di kawasan saya? Ini kerana saya kesian, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta kerajaan kaji balik lah. Bila saya tanya— bila pergi turun padang berjumpa orang dan sebagainya— berapa agaknya dapat ganti rugi ini? Tuan Yang di-Pertua, mereka dapat hanya RM200. Banjir, RM200. Rumah habis, sampan— dapat RM200.

Ini peruntukan zaman sebelum merdeka saya ingat, RM200. Takkan lah kita sudah merdeka, kononnya nak *high income nation*, banjir kalau tenggelam, RM200? Kalau

kata kita minta dengan Jabatan Perdana Menteri, mungkin tambah lagi RM300, jadilah RM500. Ini pada saya sudah cukup lah. Saya nak desak kerajaan kaji balik peruntukan ataupun bantuan kepada mereka yang berhadapan dengan masalah banjir ini. Sebab, ini ialah masalah yang cukup serius dan saya minta agar diberikan penelitian.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah berkaitan dengan saya dapat maklumat mengenai pembangunan bersepadu yang dibangunkan oleh FELDA dan Amcorp di Bukit Katil. Saya ingin tanya, apakah manfaat yang akan dinikmati oleh pendudukan di kawasan ini? Ini kerana saya dapat jawapan. Jawapan saya yang diberikan oleh Menteri ialah ada satu perjanjian memorandum persefahaman antara FELDA dan Amcorp yang ditandatangani pada 24 Jun 2015. Kononnya projek ini berjalan. Kita tahu ada pelbagai isu yang timbul kerana biaya yang cukup mahal— RM500 juta.

Saya ingin tanya kepada kerajaan, baru-baru ini diumumkan bahawa MOU ini dibatalkan. Jadi, adakah jawapan yang diberikan oleh kerajaan ini jawapan yang *outdated*? Takkan lah kerajaan tak dapat maklumat kerana MOU itu ditandatangani antara FELDA dan juga Amcorp Berhad. Dibangunkan dengan biaya yang cukup tinggi. Jadi, saya ingin tanya kepada kementerian— sudahlah FELDA sekarang banyak masalah, jangan lah tambah lagi dengan masalah-masalah *governance* atau pun tata kelola seperti ini. Jadi, saya ingin tanya kepada kementerian, apakah jawapan kerajaan tentang perkara ini?

Perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kawasan saya ialah soal hospital. Banyak kali kita sebut dalam Dewan ini. Perlu kepada satu hospital yang baru yang memerlukan tambahan katil dan sebagainya. Banyak kali umum dah. Kalau saya sebagai wakil rakyat Bukit Katil ini nak cerita fasal katil dekat hospital pun tidak boleh, ini masalah. Jadi, kita minta, kita dengar ada penambahbaikan hospital di beberapa tempat. *This is very serious*. Masalah kesihatan ini perkara yang cukup serius kerana ia bersabit dengan masalah kesejahteraan rakyat terutamanya di kawasan saya. Jadi, saya harap kerajaan dapat mengambil perhatian tentang perkara-perkara ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ada juga mereka yang hantar mesej kepada saya melalui *Facebook* dan sebagainya, kerana mereka tahu saya akan bahaskan mengenai belanjawan. Jadi, saya nak tanya kepada kementerian, antara yang dibangkitkan, yang dihantar kepada saya itu adalah masalah jururawat. Jururawat sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, baru saya tahu mereka dapat *post basic* RM100 sahaja. Jadi, saya ingin tanya kementerian kerana cadangan daripada mereka adalah menaikkan *post basic* RM300. Rupanya jururawat ini ada yang dapat buat *Masters*, PhD dan sebagainya. Jadi, mereka ini mesti diberikan dukungan kerana mereka telah belajar, buat *Master*, PhD, mesti dapat taraf yang setaralah dengan rakan-rakan yang lain dalam sektor perkhidmatan awam. Jadi, saya minta Kementerian Kesihatan tolong nyatakan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak sebutkan di awal tadi ialah soal bagaimana yang saya tegaskan, bagaimana kita ingin melihat belanjawan ini dari segi aspek yang bagaimana. Saya nak sebut tentang masalah orang kurang upaya (OKU). Oleh kerana pada saya, OKU ini satu aset buat negara. Jadi, kita nak minta kerajaan betulkan paradigma, apa sahaja baik untuk OKU, semestinya baik untuk orang biasa. Apa sahaja baik untuk orang biasa, tidak semestinya baik untuk OKU. Jadi, saya harap kerajaan dapat memastikan agar hak perubatan dan sebagainya untuk OKU ini diberikan tumpuan. Misalnya di Malta, Tuan Yang di-Pertua, ada satu *commission*, ada satu suruhanjaya *for disable*. Jadi, saya harap kementerian boleh mempertimbangkan cadangan ini agar ada satu *commission* diwujudkan untuk *disable* ini.

Begitu juga mereka yang berhadapan dengan masalah *down syndrome* dan sebagainya. Mereka yang sakit ini, sekarang ini ada banyak teknologi baru, ada yang *inject* dengan *stem cell*, kosnya mahal, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap kementerian boleh bagi *some* peluang untuk mereka ini agar mungkin dapat potongan cukai kah dan sebagainya. Tidak perlu bayar cukai untuk membiayai anak ini.

Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua, ini perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan. Saya berpandangan bahawa banyak *loopholes*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan ini. Terutamanya, perkara-perkara yang berkaitan dengan generasi muda dan yang berkaitan dengan kebajikan rakyat, banyak tidak disentuh. Oleh sebab itulah saya berpendirian untuk menolak belanjawan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan.

**7.57 mlm.**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas atas belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu. Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera juga kepada semua Ahli-ahli yang masih dalam Dewan, salam 1Malaysia, salam negaraku dan salam dari negeri di bawah bayu terutama sekali kepada Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Bajet yang begitu menyeluruh, Yang Berhormat Bukit Katil, inklusif dan komprehensif, merupakan *people centric*. Bukan seperti yang dikatakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Bukit Katil. Ia tidak mengira kaum, tidak mengira kepercayaan dan ia bajet yang sungguh *feel good factor* kepada rakyat.

Antara matlamat penting belanjawan kerajaan adalah seperti berikut, Yang Berhormat Bukit Katil. Pengagihan semula sumber, mengurangkan ketidaksamaan dalam pendapatan dan kekayaan, kestabilan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi, pengurusan

perusahaan awam. Jumlah peruntukan sebanyak RM239.86 bilion dalam tahun ini membuktikan terdapat peningkatan peruntukan berbanding bajet tahun lepas iaitu hanya RM219.72 bilion.

#### ■2000

Pentingnya dalam mempergiatkan industri pelancongan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan telah mengisytiharkan pada tahun 2020 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan sebanyak RM1 bilion, program pembangunan dan mempromosikan pelancongan sebanyak RM500 juta. Peruntukan ini adalah penting bagi menghargai dan memastikan pemulihan budaya serta meraikan kepelbagaian kaum di Malaysia.

Industri pelancongan perlu dititik beratkan kerana ia adalah juga salah satu daripada penjanaan ekonomi bagi negara kita selain daripada perindustrian dan sebagainya. Kita juga perlu menyahut seruan Transformasi Nasional iaitu tahun 2050 di mana pemuliharaan tapak-tapak bersejarah, penjagaan alam sekitar di samping kemajuan dan arus pemodenan berteknologi tinggi ini tidak kita lupakan demi kelangsungan generasi akan datang.

Sebagai contoh seperti kes tanah runtuh di Tanjung Bungah, Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini, ADUN DAP Teh Yee Cheu sendiri memberi saranan terhadap perkara itu tetapi tidak dipedulikan oleh Yang Berhormat Bagan. Oleh sebab kepentingan DAP ini, sampaikan terdapat kehilangan nyawa akibat daripada kecuaiian atau kemungkinan terdapat elemen kelemahan ketamakan di sini. Sekiranya pihak pembangkang peka tentang sensitifnya isu alam sekitar dan membuat *studies* dalam sesuatu pembangunan, perkara ini tidak akan terjadi. Oleh sebab itu pihak kerajaan sentiasa mengambil kira elemen penjagaan alam sekitar dan menjaga tapak-tapak warisan.

Lot 68054 Mukim Tanjung 12, Kuala Langat dalam kawasan Paya Indah Wetlands. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah warisan dunia menerusi Perjanjian Ramsar dalam menyediakan rangka kerjasama antarabangsa dalam pemulihan habitat tanah lembap dan diwartakan sebagai rizab tanah lembap di bawah Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun, pada pemahaman saya, tanah ini telah pun bertukar milik kepada Syarikat Gamuda Berhad dengan harga RM784 juta. Ini saya rasa Yang Berhormat Menteri Besar Selangor boleh menjawab kalau beliau ada di sini.

Di dalam bajet alternatif Pakatan Harapan, ada menyatakan kebimbangan prospek ekonomi yang lemah dan pelabur-pelabur semakin hilang keyakinan dalam potensi Malaysia yang sepenuhnya. Prestasi ekonomi Malaysia meningkat dengan ketara pada tahun lepas berikutan harga komoditi yang lebih kukuh, *demand* permintaan dalam negeri dan eksport dijangka masih kukuh untuk membantu pertumbuhan lima peratus ke 5.5 peratus pada tahun hadapan. Pelaburan besar dari negeri China, kerjasama antara Petronas dan Aramco seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Jasin, Malaysia

berada di tangga ke-23 daripada 130 buah negara di dalam laporan bertaraf antarabangsa iaitu *World Economic Forum Global Competitiveness Report*.

Bank Dunia juga menyatakan ekonomi Malaysia dijangka akan dapat mengekalkan momentum pertumbuhan semasa sehingga tahun hadapan dan kepada tahun 2019. Dakwaan Ahli Yang Berhormat Pandan, Rafizi kalau saya dibenarkan menyebut nama pada 2 Ogos tahun ini, ada kemungkinan Kerajaan Barisan Nasional menjadi aset negara semata-mata untuk tujuan bajet defisit negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mewarisi negara dalam defisit lebih kurang lima peratus, enam peratus apabila mengambil alih kepimpinan pada tahun 2009. Pada tahun 2017, fiskal defisit ada dalam tiga peratus. Yang Berhormat Pandan menyatakan pihak kerajaan mempunyai masalah dari segi mengawal perbelanjaan terutama sekali dalam projek-projek yang membazir atau yang diselewengkan. Projek apa yang dimaksudkan membazir? Adakah keputusan kerajaan dalam membangun serta menaik taraf infrastruktur yang memberi manfaat serta penyelesaian kepada rakyat adalah membazir?

Kita lihat bajet 2018 ini tidak mendiskriminasikan negeri-negeri di bawah kepimpinan pihak pembangkang. Ini betul seperti projek ECRL, projek MRT2, menaiktarafkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Bukankah kesemua tempat ini adalah di bawah jajahan pihak pembangkang? Namun begitu, kerajaan ini tidak mungkin akan menganaktirikan negeri-negeri ini kerana rakyat sentiasa didahulukan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetap bersifat *inclusive* walaupun sudah banyak kali pihak pembangkang melemparkan tohmahan dan fitnah selain daripada memberi persepsi yang jahat dan negatif kepada kerajaan. Apakah yang terjadi kepada yang menerajui negara yang sedang membangun dan kian maju, ini mudah. Perkara yang bagus tidak dipuji, segala perancangan baik oleh kerajaan semua mahu dikritik dan dicantas. Selepas itu pula membuat kenyataan *u-turn*. Betulkah? Kalau sudah tersilap kata, mengaku sahajalah, bukan diputarbelitkan seperti Yang Berhormat Seputeh.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak Sabah, saya sungguh berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia sebab kawasan Putatan *in particular* ada tiga Pan Borneo Yang Berhormat Seputeh. Satu daripada Kota Kinabalu Airport pergi Langkawi sudah siap. Daripada Langkawi pergi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini kawasan Seputeh Yang Berhormat, bukan Siputih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sebab dia putih baju, saya panggil dia si putih. Itu dia saya panggil dia si putih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, jangan salah cakap Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, satu lagi yang baru akan dilaksanakan adalah daripada persimpangan Kampung Ketiau yang melalui kampung saya sendiri sedang dilaksanakan. Ini terus kepada kawasan Penampang, Inanam dan

terus ke Tuaran, persimpangan di Kudat dan kepada Ranau. Ini saya sungguh berterima kasihlah kepada kerajaan kerana Putatan begitu *lucky* dapat tiga Pan Borneo. Satu lagi yang Putatan dapat adalah tambatan banjir yang berjumlah RM847 juta sedang dilaksanakan dan Putatan sendiri RM481 juta sedang dilaksanakan. Jadi, terima kasih. Rakyat Putatan sungguh bernasib baik. Inilah kerajaan yang sungguh prihatin kepada rakyat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Putatan, sedikit boleh? Boleh celah?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil bangun.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bukit Katil banjir di atas bukit tetapi dia masih di atas katil. [*Ketawa*]

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh? Yang Berhormat Putatan, tadi ada dua perkara. Tadi ada disebut tentang kononnya Yang Amat Berhormat Pekan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menganaktirikan pembangkang. Akan tetapi adakah Yang Berhormat Putatan sedar bahawa Selangor sahaja misalnya menyumbang sebanyak 22.7 peratus kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar. Jadi *almost one fourth* sumbangan ini. Jadi, sudah pastilah kena berlaku adillah. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Putatan tidak kasihan dengan Beluran? Tidak ada peruntukan untuk Beluran. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bukan tidak ada Yang Berhormat, tidak disebut. Secara umum sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tidak perlu. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Sebenarnya Beluran banyak juga dapat tetapi dia sudah termasuk di sini, saya katakan hanya Putatan. Akan tetapi memang Beluran pun banyak juga dapat.

#### ■2010

Yang kawasan Bukit Katil itu, kalau dipohon masuk Barisan Nasional mungkin kita boleh bantu. Ini permainan pembangkang. Sana dulu sewaktu di dalam era pemerintahan, tidak terfikir pun untuk memberi infrastruktur seperti apa yang ada di Sabah sekarang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita hormati begitu prihatin kepada kami di Sabah, sememangnya sudah lama memerlukan lebuhraya seperti ini. Di Semenanjung Malaysia, kita lihat semua cantik-cantik, so bagilah peluang kepada Sabah. Selangor ini memang sudah dianggap sebagai *developed state*. Jadi, kalau di Sabah dan Sarawak ini masih lagi memerlukan. Mungkin apa yang berlaku dalam bajet itu satu lagi lakaran daripada Sibul, Song dan Kapit itu sudah pun sedang dalam pelaksanaan.

Lebuhraya Pan Borneo ini juga tidak dikenakan tol. Bagaimanapun dengan negeri-negeri pembangkang, kerajaan negeri mempunyai pegangan di dalam KESAS, SPRINT dan LDP, jadi kerajaan negeri patut juga hapuskan tol-tol di sana dulu. Sebagai anak

Sabah, peruntukan yang memberi insentif daripada segi ekonomi, keselamatan dan pembangunan anak-anak Sabah merupakan perkara yang penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, bagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kongsesi tol ini adalah di bawah Kerajaan Persekutuan. Macam mana kerajaan negeri ada kuasa pula nak batalkan? Kerajaan negeri hanya boleh bila nak tubuhkan sesuatu tol, berbincang.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sudah, tak perlu berucap.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini Yang Berhormat Putatan baca teks, faham teks itu kah tidak?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sebab bajet alternatif pembangkang itu memang ada cadangan menghapuskan tol. *You jawab your own answer, your own question.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jawab *your own question.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu yang kerajaan negeri lawan di negeri Selangor.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *Your own question.* Okey, sila duduk. Tak masuk akal. Salah satu perkara yang tidak diketepikan oleh Yang Amat Berhormat adalah kesejahteraan masyarakat Cina. Keperluan untuk membina muzium warisan masyarakat Cina di Sabah sememangnya akan memberi penghargaan kepada mereka. Dalam *Gerakan Kinabalu Guerillas*, masyarakat Cina bersama dengan rakyat tempatan di Sabah pada masa pendudukan Jepun ketika Perang Dunia Kedua telah berjuang berhabis-habisan sehingga mengalirkan darah mereka demi mempertahankan tanah air. Selain daripada itu, masyarakat Cina ini juga berkhidmat sebagai *rangers*, polis dan tentera sewaktu konfrontasi dan *Brunei Rebellion*. Maka cadangan itu penubuhan muzium warisan ini adalah suatu penghargaan bagi mengingati jasa dan pengorbanan masyarakat Cina seperti di negara Indonesia yang juga telah membina Muzium Warisan Akar di Jakarta.

Satu lagi perkara yang kita mungkin anggap sebagai penting kerana pelaburan kita dengan negara China ini makin menebal dan saya sebagai pengerusi sebuah agensi kerajaan negeri telah memberi arahan kepada kakitangan-kakitangan di lembaga itu supaya semua dipastikan belajar bahasa Mandarin. Oleh kerana itu, saya berpendapat bahawa pembangunan pendidikan juga perlu diberi penekanan dan ini juga dilihat daripada segi pemberian akreditasi kepada *Unified Examination Certificate* atau UEC. Pengiktirafan ini akan memberi impak positif di mana *brain drain* di negara ini dapat diatasi.

Negara-negara maju seperti United Kingdom, *United States of America*, *France*, Australia, Kanada, Taiwan dan lain-lain juga menerima UEC. Sudah tiba masanya kita juga mengikut langkah ini memandangkan ia hanyalah suatu sistem pendidikan bertaraf global.

Kita perlu mempunyai *forward thinking* sejajar dengan TN50 demi memartabatkan pendidikan di Malaysia dan juga menjaga *talent pool* kita agar tidak kerugian di masa hadapan seperti apa yang berlaku di *Harvard University* juga. *Yale University* juga mengiktiraf ini. *University College London*, *London School of Economic and Political Science*, *National University of Singapore* antara universiti elit dan hebat-hebat yang menerima lepasan UEC. Jadi saya menyeru dan mencadangkan kepada kerajaan supaya ini dapat perhatian. Dalam soal penguasaan bahasa Inggeris juga, perlu kita lihat memandangkan ini berada di tahap yang membimbangkan lebih-lebih lagi ini akan menghalang potensi sumber tenaga manusia di negara kita untuk mencapai tahap maksimum.

Tenaga buruh dan graduan mengalami masalah komunikasi terutama sekali apabila keperluan untuk menguasai bahasa Inggeris adalah penting. Sebagai contoh, Filipina mempunyai rakyat yang rata-ratanya mampu berbahasa Inggeris dengan baik dan ini membuat rakyat mereka tidak mengalami masalah untuk menembusi pasaran tenaga kerja di peringkat antarabangsa. Kita dapat juga melihat lambakan tenaga kerja rakyat Filipina yang fasih berbahasa Inggeris di dalam bidang makanan dan minuman, perhotelan dan sebagainya. Pelancongan Malaysia yang berkembang pesat juga mempunyai banyak kaitan dengan tahap permohonan bahasan Inggeris. Dalam laporan yang dibuat mengenai peranan bahasa Inggeris dalam industri pelancongan oleh Profesor Universiti Malaya, ia menyebutkan bahawa arahan bahasa Inggeris sentiasa dianggap sebagai aset untuk kakitangan dalam industri pelancongan sejak kebanyakan pelawat melakukan tidak bercakap bahasa Melayu.

Pada tahun 1903, Sekolah Menengah La Salle, Tanjung Aru, Sabah telah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar sehingga pemansuhan pada tahun lewat 70-an. Maka itu, saya bercadang ini sebagai satu *baby step* seperti menubuhkan sekurang-kurangnya satu sekolah menengah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara di setiap kawasan Parlimen perlu diluluskan. Mungkin dengan menjadi Sekolah Menengah La Salle, Tanjung Aru di kawasan saya sebagai perintis, kita dapat melihat bahawa penguasaan bahasa Inggeris ini dapat dilakukan di peringkat menengah lagi sebelum pelajar mengorak langkah ke alam universiti.

Pembinaan baru Lapangan Terbang Sandakan, ini di kawasan Beluran juga ini, dia pakai Lapangan Terbang Sandakan di Sabah dengan mempunyai fasiliti yang terkini, kemudahan yang selesa, menjana ekonomi kepada rakyat sebelah sana. Mempertingkatkan kawalan keselamatan di kawasan ESSCOM sebanyak RM250 juta. Aspek keselamatan tidak boleh dipandang ringan. Keselamatan rakyat Sabah dan pelancong asing perlu dipertingkatkan agar kejadian penculikan dan aktiviti penganas

dapat dibendung. Kerisauan dan ketakutan di kalangan pelancong untuk ke Sabah akan menjejaskan sektor pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, memang banyak isu di kawasan. Saya sentuh soal bekalan air. Soal bekalan air di Pulau Gaya, kita telah pun dapat peruntukan yang begitu besar tetapi malangnya tidak sampai ke rumah dan saya mengharapkan Kerajaan Pusat dapat membantu untuk menyiapkan bekalan air ke rumah-rumah di Pulau Gaya dan di kawasan Kota Kinabalu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya juga ingin berterima kasih kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Masa tak cukup. Saya ingin berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana tiap tahun memberi peruntukan yang banyak untuk menyukat, mengukur tanah-tanah adat di negeri Sabah dan di Sarawak dan rakyat Sabah dan Sarawak ini amat berterima kasih. Saya mengharapkan sahabat-sahabat saya dari Sarawak juga menyatakan sedemikian kerana inilah isu yang dibawa oleh NGO-NGO antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua. Kononnya perladangan kelapa sawit ini juga menyebabkan *displacement of the indigenous people*, dengan izin.

#### ■2020

Jadi saya mengatakan bahawa sebagai seorang *indigenous* daripada Sarawak kita tidak boleh membenarkan majikan ini, masyarakat kita di luar bandar terutama kali *indigenous people here* orang-orang *native*, orang-orang asal supaya kita juga dapat menempatkan di satu tempat diberikan tanah-tanah lot untuk dibekalkan tanaman kelapa sawit dan sebagainya, getah dan pelbagai jenis tanaman untuk menaik taraf taraf pendapatan isi rumah tangga mereka.

Kita tidak boleh biarkan orang-orang ini lari turun keluar masuk hutan dibawa kanopi *of the tropical rainforest*. Jadi kita tidak mahu masyarakat ini dijadikan sebagai produk pelancongan oleh orang-orang dari luar negara. Kita mahu juga orang-orang ini maju, kita akan sediakan sekolah seperti mana yang kita lakukan di Semenanjung kepada Orang Asli, sekolah, kesihatan klinik, tabika dan juga kelas dewasa, bekalan air yang tertentu, bekalan elektrik melalui solar dan inilah yang kita mahu masyarakat ini juga kita jaga *human right*.

Isu Orang Asli ini, ini juga isu kerana mereka ini kita tidak benarkan isu yang katakan membakar kita dengan *sporadic* yang tidak ketentuan. Jadi ini isu *indigenous* ini dia nomadik, dia menebang kayu di mana-mana dia suka. Dia tidak tahu bahawa kawasan itu diwartakan *forest reserved* ataupun kawasan perhutanan yang tetap ataupun kawasan yang dalam perladangan.

Jadi kita mesti bagi mereka ini pendidikan supaya faham atas undang-undang dan peraturan-peraturan kerajaan supaya mereka tahu, sedar dan boleh diiktiraf kepada masyarakat yang lain *to assimilate with the rest of community*. Kalau kita melihat di kampung-kampung selepas menuai padi, biasanya orang kampung bakar dan kita hentikan mereka bakar itu, dia marah apa undang-undang kamu pakai? Jadi saya mengharapkan kerajaan dapat membantu meneruskan penempatan-penempatan orang *indigenous community* terutama sekali di Sarawak dan Sabah.

Sabah tidak begitu bermasalah. Hanya di Sarawak saya lihat kadang-kadang banyak juga masyarakat kita yang *vulnerable* oleh kerana disebabkan menaikkan air laut yang masin maka terlibatlah kawasan-kawasan jelapang padi mereka kerana air masin. Mungkin cadangan NBOS daripada kementerian-kementerian tertentu dapat membantu masyarakat ini supaya menyediakan mereka tapak-tapak *akuakultur*, membela ikan dalam sangkar misalnya seperti mereka dapat penempatan yang begitu baik, lebih baik daripada menjadi nelayan biasa yang agak berkurangan pendapatan sekarang.

Saya juga mahu membawa perkara seperti permintaan saya daripada dulu balai polis di Putatan itu belum ada lagi. Sekarang hanya ada 25 orang anggota dan hanya meminjam kereta daripada daerah Penampang. Saya mahu kalau boleh bagilah –ya apa lagi. Ini kawasan polis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Serdang, ya inilah mungkin boleh dapat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini permintaan yang ke berapa?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya banyak kali sudah minta ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya mencelah sikit, celah sikit. Saya celah sikit.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi saya berterima kasih kepada Ketua Polis Sabah kerana bersetuju dan telah pun menghantarkan permohonan ini kepada pihak-pihak kementerian yang berkenaan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh ya sikit-sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Putatan telah membangkitkan nama Yang Berhormat Pandan mengatakan bahawa Yang Berhormat Pandan mengatakan ada projek besar-besaran dan kita melakukan pembaziran.

Ini memang kena untuk Putatan, Yang Berhormat Putatan dan Putatan sebab itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pandan. Kita kena kurangkan projek-projek mega besar-besaran dan kena pastikan air sampai ke rumah-rumah di Putatan, kena pastikan balai polis yang sebagai asas keselamatan itu didirikan. Kita hancurkan semua projek mega besar dan kita balik kepada asas yang diperlukan oleh rakyat biasa. Itu yang

dibawa oleh Yang Berhormat Pandan itu yang saya nak sampaikan kepada Yang Berhormat Putatan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ok, terima kasih sahabat saya. Ini saya teruskan. Tidak boleh gunakan dia punya perbincangan itu. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, balai bomba di Putatan.

Balai bomba ini saya sudah pun minta saya mohon kalau dapat diluluskan kerana kekerapan kebakaran di kawasan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Balai polis pun tidak ada, balai bomba pun tidak ada, lagi apa balai yang tidak ada?.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Air tidak ada macam mana bomba mahu buat kerja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kita ada balai bomba tapi jauh di Sebulat, di Beaufort.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Berapa jauh? Berapa jauh Yang Berhormat? Berapa jauh dari Sebulat ke Putatan?.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ada enam batu, enam batu. So, kita mahu diadakan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sudah terbakar habis, bawa kereta tidak sampai. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Putatan ini adalah daerah baru Yang Berhormat, sebab itu belum wujudkan lagi. Akan tetapi mereka sudah pun bersetuju tapak sudah pun ada dan saya mahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, untuk makluman Yang Berhormat Pokok Sena, Putatan itu kawasan *airport* Kota Kinabalu, itu Putatan lah itu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kawasan *airport* kita pinjam. Satu lagi hospital, hospital di daerah Putatan ini belum ada hanya klinik. Jadi walaupun ia berdekatan dengan Kota Kinabalu, tapi kadang-kadang masyarakat di Putatan ini sukar mendapat tempat di...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tolong sebut balai bomba Telupit Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Juga balai bomba Telupit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu 90 kilometer dari bandar Sandakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Masya-Allah*, macam-macam masalah ada. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua pun tolong jelaskan lagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kesian Tuan Yang di-Pertua, kesian Yang Berhormat Putatan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *Airport* setuju. Macam mana kawasan *area* Kota Kinabalu tidak ada kemudahan seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia melihat Putatan, Putatan enam kilometer daripada bandar raya Kota Kinabalu. Kawasan saya Telupit 90 batu daripada bandar.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tiada, tiada dan juga masukkan dalam ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Berbeza masalah, berbeza masalah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, masuk dalam ucapan saya. Kita juga mohon Telupit untuk didirikan balai bomba.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, berbeza masalah tapi punca sama, punca sebelah sana itu. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Masukkan dalam ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Di antara Telupit dan Putatan, Telupit lagi penting Yang Berhormat, lagi perlu ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Oleh sebab kekerapan kebakaran tidak berlaku di Telupit. Jadi Putatan yang berlaku sebab memang penduduk dia ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Julau bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, Yang Berhormat Julau. Masuk dalam ucapan saya.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Boleh saya bertanya adakah masalah-masalah yang dihadapi di kawasan-kawasan pendalaman ini berpunca dari kerajaan masa sekarang ataupun kerana diabaikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu lama menjadi Perdana Menteri di Malaysia.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Itu memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sungguh prihatin dengan keperluan infrastruktur bukan saja di bandar tapi di luar bandar juga. Oleh sebab itu infra-infra ini sedang dilaksanakan mengikut tempat-tempat yang keperluan.

Yang Berhormat Julau, saya masukkan dalam ucapan itu supaya dapat juga diberi perhatian kawasan Julau. *Last* sekali ingin...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Belian merah jambu boleh selesai semua.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Shah Alam masa sudah cukup.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Belian merah jambu boleh selesaikan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Shah Alam di anggap kawasan yang sudah maju tidak patut lagi minta peruntukkan kerana sudah cukup orang-orang kaya. Tiada. Bomba ada, hospital ada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu untung jadi pembangkang.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Dan saya juga mengambil kesempatan ini berterima kasih kepada kerajaan pusat kerana bersetuju membuat kajian kepada jambatan daripada Labuan ke Tanah Besar, Sabah.

Rakyat Sabah begitu senang hati mendengar apabila cadangan untuk mengkaji jambatan daripada Labuan ke Tanah Besar. Sekian, terima kasih saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Puchong.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Tengok sini panggil saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tengok sini panggil sini Yang Berhormat.

#### 8.29 mlm.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, belum ada mula ucapan sudah ada soalan. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang juga untuk membahaskan bajet tahun depan. Tuan Yang di-Pertua, ada lebih kurang 20 saat?.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 20 saat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sebelum selesai Mesyuarat malam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah boleh sentuh Putatan sedikit.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jadi rasa saya simpati dengan Putatan. Bila saya dengar tiada balai polis saya ingat itu sudah teruk. Lepas itu saya dengar tidak ada balai bomba, lepas itu tidak ada air, Kemudian hospital pun dia tanya pula. Saya rasa ini masalah yang cukup besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sambung esok Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini apa yang berlaku apabila sokong Barisan Nasional. *[Ketawa]* Apabila bangkitkan di Dewan yang mulia ini memang langsung tidak ada satu tindakan yang diambil oleh kerajaan pusat.

Jadi saya nak sambung esok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sambung esok 30 minit, esok bermula ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 31 Oktober 2017.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.20 malam]***